

Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam Bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal Di Malaysia

Disediakan Untuk

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

12 Januari 2017

Institut Perakaunan Negara
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

ISBN 978-967-0601-06-9

Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam Bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal Di Malaysia

Penghargaan

Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan izinnya maka projek dan laporan penyelidikan ini telah dapat disiapkan. Ucapan terimakasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Y.Bhg. Dato' Hj. Che Pee bin Samsudin, Akauntan Negara Malaysia dan Y.Brs. Encik Saat bin Esa, Timbalan Akauntan Negara (Korporat) dan pengurusan atasan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) yang telah memberi kepercayaan penuh kepada pihak kami untuk menjalankan projek penyelidikan ini dengan pembiayaan sepenuhnya oleh pihak jabatan. Ucapan terima kasih juga kepada Pengarah Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan JANM, Encik Azal bin Azhar (telah bersara); Pengarah Bahagian Pengurusan Audit Dalam JANM, Dato' Zamimi bin Awang, Pengarah Institut Perakaunan Negara JANM, Encik Rosdi bin Abu dan seluruh sekretariat penyelidikan JANM yang telah memimpin dan mengurus projek penyelidikan ini dengan cemerlang, bermula daripada pembangunan rekabentuk kertas cadangan penyelidikan sehinggalah kepada penyediaan laporan penyelidikan ini.

Tidak ketinggalan juga, ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua responden daripada 26 entiti yang terdiri daripada Majlis Agama Islam Negeri-Negeri dan entiti-entiti yang di bawah Majlis Agama Islam Negeri-Negeri, Bendahari-Bendahari Negeri, Pejabat JANM di Negeri-Negeri dan Cawangan serta pakar-pakar syariah dan perakaunan yang telah memberikan kerjasama penuh ketika kerja lapangan projek penyelidikan ini dilakukan.


Adalah menjadi harapan kami, maklumat yang terkandung dalam laporan ini dapat membantu JANM membuat keputusan berkaitan dengan pembangunan polisi dan piawaian perakaunan patuh syariah untuk memartabatkan institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal di Malaysia.

Pengarah Projek Penyelidikan

Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan, JANM

Pengurus Projek Penyelidikan

Institut Perakaunan Negara, JANM



Kumpulan Penyelidikan



Dr Mohd Fairuz Bin Md Salleh
(Ketua Penyelidik)
Dr Norida Binti Basnan
Dr Azlina Binti Ahmad
Azizah Binti Mohd Harun
Dr Mohd Arzim Bin Naim
Dr Hairunnizam Bin Wahid



Prof Dr Abdullah Bin Hj Abd Ghani
(Ketua Penyelidik)
Dr Zaleha Binti Othman
Dr Rohimi Bin Shafie
Dr Nasri Bin Naiimi
Fathilatul Zakimi Bin Abd Hamid
Mohamad Sharofi Bin Hj Ismail



Prof Dr Maliah Binti Sulaiman
(Ketua Penyelidik)
Dr Hafiz Majdi Bin Ab Rashid
Dr Muslim Har Sani Mohammad
Dr Ahmad Zamri Bin Osman
Dr Siti Alawiyah Binti Siraj
Dr Ibrahim Nuhu Tahir

Hak Cipta Terpelihara

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Institut Perakaunan Negara, Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan universiti-universiti yang terlibat dengan projek penyelidikan ini terlebih dahulu.

Penafian

Penyelidik bertanggungjawab terhadap ketepatan semua pandangan, komen, laporan fakta, data, angka, ilustrasi dan lakaran grafik di dalam laporan ini, dan untuk memeriksa sama ada bahan yang dihantar adalah tertakluk kepada hak cipta atau hak milik. Institut Perakaunan Negara, Jabatan Akauntan Negara Malaysia tidak menerima apa-apa liabiliti bagi ketepatan apa-apa komen, laporan, maklumat teknikal dan fakta serta tuntutan terhadap hak cipta atau hak milik.

Kandungan

Ringkasan Eksekutif	i-vi
Penghargaan	vii
Hak Cipta Terpelihara dan Penafian	viii
BAB SATU	Pendahuluan
1.0 Latar Belakang	1
1.1 Objektif Kajian Fasa 1	2-3
1.2 Persoalan Kajian	3-5
1.3 Struktur Laporan	6-7
BAB DUA	Sorotan Literatur: Amalan Perakaunan dan Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan Bagi Wakaf, Zakat dan Baitulmal
2.0 Pengenalan	8
2.1 Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)	8-9
2.2 Perakaunan Sektor Awam Malaysia	9-11
2.3 Akauntabiliti Sebagai Asas Perakaunan	11-13
2.4 Perakaunan Bagi Wakaf, Zakat dan Baitulmal	13-14
2.4.1 Perakaunan Bagi Wakaf	14-16
2.4.2 Perakaunan Bagi Zakat	16-17
2.4.3 Cabaran-Cabaran	17-18
2.5 Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan Islam Bagi WZB	19-22
2.6 Kerangka Kerja Konseptual Konvensional	22-23
2.7 Kepentingan Kerangka Kerja Konseptual Perakaunan	23-24
2.8 Kelemahan Kerangka Kerja Konseptual Konvensional	24
2.9 Objektif Utama Kerangka Kerja Konseptual	25
2.10 Institusi Pembangunan Kerangka Kerja Konseptual Konvensional	25-26
2.11 Kerangka Kerja Konseptual dan Campurtangan Politik	26-27
2.12 Kritik Kepada Kerangka Kerja Konseptual Konvensional	27
2.13 Apakah Pilihan Kepada Kritis Kerangka Kerja Konseptual Konvensional?	28
2.14 Perakaunan Dalam Islam	28-29
2.15 Kerangka Kerja Konseptual Islam	29-33
2.16 Perbincangan Keistimewaan Kerangka Kerja Konseptual Perakaunan Islam	33-34
2.17 Rumusan	35

BAB TIGA

Metodologi

3.0	Pengenalan	36
3.1	Kaedah Penyediaan	36
3.2	Metodologi Kajian Secara Am	37
3.2.1	Maqasid Syariah	37-40
3.2.2	Usul Fiqh	40-41
3.2.3	Qawaid Fiqh	41-42
3.3	Kaedah Pengumpulan Data – Objektif Kajian Pertama	42-43
3.4	Kaedah Pengumpulan Data – Objektif Kajian Kedua	43-44
3.5	Kaedah Pengumpulan Data – Objektif Kajian Ketiga	44-45
3.6	Kaedah Pengumpulan Data – Objektif Kajian Keempat	45
3.7	Persampelan Tertumpu (<i>Purposive Sampling</i>)	45-46
3.8	Analisis Data	46
3.9	Ringkasan	46-47

BAB EMPAT

Amalan Semasa Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal

4.0	Pengenalan	48-49
4.1	Definisi Jurang Antara Amalan dan Keperluan Pendedahan	49-50
4.2	Dapatan Kajian	50
4.2.1	Dapatan Kajian Bagi Zon A – Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Sabah	51
	<i>Analisis Tahap 1: Mengenalpasti Amalan</i>	51-54
	<i>Analisis Tahap 2: Mengenalpasti Jurang</i>	55
	<i>Analisis Tambahan</i>	56-57
	<i>Kesimpulan Zon A</i>	57
4.2.2	Dapatan Kajian Bagi Zon B – Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Sarawak	58
	<i>Analisis Tahap 1: Mengenalpasti Amalan</i>	58-60
	<i>Analisis Tahap 2: Mengenalpasti Jurang</i>	60-69
	<i>Kesimpulan Zon B</i>	69
4.2.3	Dapatan Kajian Bagi Zon C – Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pahang, Terengganu dan Kelantan	69
	<i>Analisis Tahap 1: Mengenalpasti Amalan</i>	69-76
	<i>Analisis Tahap 2: Mengenalpasti Jurang</i>	76-85
	<i>Kesimpulan Zon C</i>	85

BAB LIMA Cadangan Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan Islam Bagi Wakaf, Zakat dan Baitulmal (WZB)

5.0	Pengenalan	86
5.1	Kerangka Kerja Konseptual Perakaunan	86-88
5.2	Cadangan Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan Islam WZB	88-89
5.2.1	Tahap Pertama: Dasar dan Konsep Asas	89-97
5.2.2	Tahap Kedua: Tahap Matlamat	97-102
5.2.3	Tahap Ketiga: Tahap Pelaksanaan	102-109
5.3	Perbandingan Kerangka Kerja Konseptual Konvensional dan Islam	109

BAB ENAM Cadangan Item Pendedahan Patuh Syariah

6.0	Pengenalan	110
6.1	Proses Mengenalpasti Item Pendedahan Patuh Syariah	110-118
6.2	Dapatan dan Perbincangan	118
6.2.1	Item Pendedahan Patuh Syariah	118-121
6.2.2	Batasan Perundangan Sivil	121-132
6.3	Ringkasan	132-133

BAB TUJUH Cadangan Pembangunan Piawaian Perakaunan Patuh Syariah Bagi Wakaf, Zakat dan Baitulmal (WZB)

7.0	Pengenalan	134
7.1	Bahagian Pertama: Cadangan Pembangunan Piawaian Perakaunan Patuh Syariah Secara Umum	134
7.1.1	Persembahan Penyata Kewangan	134-144
7.1.2	Penyata Aliran Tunai	144-146
7.1.3	Polisi Perakaunan, Perubahan Pada Anggaran dan Kesilapan	146
7.1.4	Penyata Kewangan Disatukan dan Penyata Kewangan Berasingan	146-149
7.1.5	Rumusan	149-150
7.2	Bahagian Kedua: Cadangan Pembangunan Piawaian Perakaunan Patuh Syariah Bagi WZB Secara Terperinci Dengan Mengemukakan Cadangan-Cadangan Pindaan Kepada MPSAS 1, 2, 3 dan 6 Secara Spesifik	150
7.2.1	Bentuk Piawaian Perakaunan	150-152
7.2.2	Cadangan Kandungan Piawaian	152-154
	MPSAS 1 – Pembentangan Penyata Kewangan oleh Entiti Yang Mentadbir WZB (Seksyen 1-9 dan 11)	155-161

	MPSAS 2 – Penyata Aliran Tunai (Seksyen 10)	162-166
	MPSAS 3 – Polisi Perakaunan, Perubahan Anggaran Perakaunan dan Kesilapan (Seksyen 13)	167-169
	MPSAS 6 – Penyata Kewangan Disatukan dan Penyata Kewangan Berasingan (Seksyen 12)	170-171
7.3	Rumusan	172
BAB LAPAN	Rumusan, Limitasi dan Hala Tuju Kajian	
8.0	Pengenalan	173
8.1	Rumusan	173-174
8.2	Limitasi Kajian	175-176
8.3	Hala Tuju Kajian	176-177
Senarai Rujukan		
Senarai Rajah		
Rajah 2.1	Objektif dan Tahap Kerangka Kerja Konseptual	
Rajah 2.2	Membangunkan Piawaian Perakaunan Untuk Umat Islam	
Rajah 2.3	Pilihan Pembangunan Kerangka Kerja Konseptual Islam	
Rajah 3.1	Proses Pengumpulan Data Objektif Kajian Pertama	
Rajah 5.1	Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan Islam	
Rajah 6.1	Proses Pembangunan Senarai item Pendedahan	
Senarai Jadual		
Jadual 2.1	Kriteria Aktiviti Ekonomi Menurut Islam	
Jadual 4.1	Jurang di Antara Amalan Pendedahan MAIN dan MPSAS	
Jadual 4.2	Zon A: Penyata Kewangan Selari Keperluan MPSAS	
Jadual 4.3	Zon A: Penyata/Maklumat Selain Keperluan MPSAS	
Jadual 4.4	Zon A: Penyata Berasingan Bagi Setiap Kumpulan Wang	
Jadual 4.5	Zon A: Nota Penjelasan Harta	
Jadual 4.6	Zon A: Skor Agregat Item Pendedahan Berdasarkan MPSAS	
Jadual 4.7	Zon A: Skor Pendedahan Berdasarkan Penyata Kewangan	
Jadual 4.8	Zon B: Penyata Kewangan Selari Keperluan MPSAS	
Jadual 4.9	Zon B: Penyata Maklumat Keperluan Selain Keperluan MPSAS	
Jadual 4.10	Zon B: Nota Penjelasan Harta	
Jadual 4.11	Zon B: Tahap Pendedahan Item Bagi MPSAS 1	
Jadual 4.12	Zon B: Tahap Pendedahan Item Bagi MPSAS 2	
Jadual 4.13	Zon B: Tahap pendedahan Item Bagi MPSAS 3	
Jadual 4.14	Zon B: Tahap Pendedahan Item Bagi MPSAS 6	
Jadual 4.15	Zon B: Rumusan Keseluruhan Tahap Pendedahan Item Bagi MPSAS 1,2 3 dan 6	

Jadual 4.16	Zon C: Penggunaan Istilah "Disatukan"
Jadual 4.17	Zon C: Tambahan Penyata Kewangan Di Nota Kepada Akaun
Jadual 4.18	Zon C: Ringkasan Skor Perbandingan Amalan Semasa dan MPSAS 1
Jadual 4.19	Zon C: Ringkasan Skor Perbandingan Amalan Semasa dan MPSAS 2
Jadual 4.20	Zon C: Ringkasan Skor Perbandingan Amalan Semasa dan MPSAS 3
Jadual 4.21	Zon C: Ringkasan Skor Perbandingan Amalan Semasa dan MPSAS 6
Jadual 6.1	Aplikasi Maqasid Syariah Dalam Pelaporan
Jadual 7.1	Contoh Jenis-Jenis Pendapatan Bagi Organisasi Badan Amal
Jadual 7.2	Cadangan Kandungan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Bagi Institusi WZB
Jadual 7.3	Cadangan Berdasarkan MPSAS 1: Pembentangan Penyata Kewangan Oleh Entiti Yang Mentadbir WZB (Seksyen 1-9 dan 11)
Jadual 7.4	Cadangan Berdasarkan MPSAS 2: Penyata Alir Tunai (Seksyen 10)
Jadual 7.5	Cadangan Berdasarkan MPSAS 3: Polisi Perakaunan, Perubahan Anggaran Perakaunan dan Kesilapan (Seksyen 13)
Jadual 7.6	Cadangan Berdasarkan MPSAS 6: Penyata Kewangan Disatukan Dan Penyata Kewangan Berasingan (Seksyen 12)

Senarai Lampiran

Lampiran 1	Senarai 26 Entiti
Lampiran 2	Senarai Penyata Kewangan Entiti Tahun 2014
Lampiran 3	Senarai Pakar
Lampiran 4	Alat Diagnosis Yang Digunakan Untuk Analisis Kandungan Bagi Zon A
Lampiran 5	Alat Diagnosis Yang Digunakan Untuk Analisis Kandungan Bagi Zon B
Lampiran 6	Alat Diagnosis Yang Digunakan Untuk Analisis Kandungan Bagi Zon C
Lampiran 7	Sari Lembaran Imbangan MAIWP dan MUIP: Persembahan Kumpulan Wang Sekaligus
Lampiran 8	Sari Lembaran Imbangan MAIWP dan MUIP: Persembahan Kumpulan Wang Secara Individu
Lampiran 9	Perbezaan Persembahan Pada Penyata Pendapatan
Lampiran 10	Persembahan Penyata Pendapatan Mengikut Kumpulan Wang
Lampiran 11	Pelaporan Kolumnar Untuk MAIN Kecuali MUIP

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengantar

Perkembangan perakaunan sektor awam di Malaysia akan menyaksikan peralihan perakaunan asas tunai diubahsuai kepada perakaunan asas akrual. Akibat dari peralihan tersebut Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan organisasi sektor awam di bawah kedua-dua peringkat kerajaan akan menggunakan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (*Malaysian Public Sector Accounting Standards – MPSAS*). Walau bagaimanapun kelainan atau keunikan ciri-ciri institusi sektor awam yang berlandaskan Islam seperti Institusi wakaf, zakat dan baitulmal (selepas ini dinyatakan sebagai Institusi WZB) jelas memerlukan piawaian perakaunan khusus, yang berlandaskan tuntutan syariah. Ketidakhadiran piawaian perakaunan yang seragam yang dapat memenuhi tuntutan syariah untuk digunakan oleh semua Institusi WZB dianggap sebagai punca utama kepada permasalahan ketelusan pelaporan dana yang menjadi kritikan sehingga kini khususnya dari pihak berkepentingan. Kesedaran ini telah membawa kepada keperluan satu kajian penting ke arah pembangunan Piawaian Perakaunan Islam bagi Institusi WZB sebagai salah satu organisasi sektor awam di Malaysia. Kajian ini dilaksanakan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) melalui Institut Perakaunan Negara (IPN) bersama tiga buah universiti awam iaitu Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Kajian dalam Fasa 1 ini memberi tumpuan kepada isu pendedahan yang melibatkan empat MPSAS iaitu MPSAS 1, MPSAS 2, MPSAS 3 dan MPSAS 6.

Objektif Kajian

Hasil perbincangan antara kesemua pihak yang terlibat, empat objektif kajian telah dibentuk. Objektif pertama adalah untuk memahami amalan semasa dan mengenalpasti jurang yang wujud di antara amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan bagi WZB oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) (atau entiti yang diberi kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri) dengan MPSAS. Perbandingan dengan MPSAS (khususnya MPSAS yang terlibat dalam fasa kajian ini iaitu MPSAS 1, MPSAS 2, MPSAS 3 dan MPSAS 6) ini bukan bermaksud untuk menilai tahap pematuhan MAIN (atau entiti yang diberi kuasa oleh MAIN) kepada keperluan MPSAS tetapi untuk menilai sejauh mana MPSAS boleh digunakan sebagai asas untuk pembangunan piawaian perakaunan Islam bagi Institusi WZB yang dicadangkan di akhir kajian ini.

Objektif kedua adalah untuk membangunkan Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan Islam bagi WZB. Kerangka Kerja Konseptual yang dicadangkan oleh kajian ini akan dijadikan panduan atau kerangka dalam pembangunan Piawaian Perakaunan Islam yang dimaksudkan. Objektif ketiga bertujuan untuk mengenalpasti keperluan Syariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah dan Ijma' Ulama) dan batas-batas perundangan Sivil dalam melaksanakan Piawaian Perakaunan Islam bagi WZB. Output penting dari objektif ketiga ialah satu Senarai Item Pendedahan Patuh Syariah bagi pelaporan kewangan Institusi WZB yang juga akan dijadikan panduan dalam pembangunan Piawaian Perakaunan Islam tersebut. Objektif keempat adalah untuk membangunkan Piawaian Perakaunan Islam bagi WZB untuk digunakan oleh MAIN (atau entiti yang diberikan kuasa oleh MAIN) yang memenuhi keperluan Syariah (Al-Quran, Sunnah, Ijma' Ulama dan Qias) dan perundangan Sivil.

Memandangkan pada masa ini terdapat limitasi dari segi Piawaian Perakaunan Islam yang boleh digunakan di dunia amnya dan di Malaysia khususnya, maka amatlah penting keempat-empat objektif kajian ini dicapai. Sebagai kajian perintis, hasil kajian ini dapat mengorak langkah kepada pembangunan Piawaian Perakaunan Islam bagi Institusi WZB.

Metodologi Kajian

Kaedah triangulasi telah digunakan di mana penyelidik mengumpul data menggunakan kombinasi data primer dan data sekunder. Bagi data primer, kajian telah melaksanakan pengumpulan data secara temubual dan perbincangan kumpulan fokus, manakala bagi data sekunder, dokumen asas iaitu penyata kewangan MAIN atau entiti yang diberikan kuasa oleh MAIN, Al- Quran, Hadis, Ijmak, Qias, perundangan syariah Negeri serta perundangan sivil yang berkaitan, buku serta artikel ilmiah telah dijadikan sumber data.

Sampel kajian terdiri daripada kesemua 14 MAIN; iaitu dari negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Melaka, Wilayah Persekutuan, Kelantan, Terengganu, Sarawak dan Sabah di samping entiti-entiti yang diberi kuasa oleh MAIN berkenaan dalam mentadbirkan wakaf, zakat dan baitulmal. Untuk mendapatkan hasil yang konstruktif khususnya dalam pembangunan Kerangka Kerja Konseptual Perakaunan Islam, kajian telah mengguna pakai dua kaedah pengumpulan data; iaitu metodologi yang bersandarkan kepada pandangan Imam As- Syatibi (Maqasid al-Shariah), sementara dari segi teknikal berdasarkan pandangan Imam As- Sayuti (Ashbahwa an-Nazair) dan kaedah pengumpulan data berpanduan

kepada ‘*generic inquiry method*’. Berdasarkan kedua-dua kaedah ini, pengumpulan data secara temuduga menjadi keutamaan bagi mendapatkan kesahihan lakaran Kerangkakerja Konseptual yang dicadangkan, yang melibatkan pakar-pakar muamalat dan falsafah serta kewangan Islam. Kajian juga melibatkan wakil-wakil Institusi WZB serta pakar-pakar kewangan dan perakaunan Islam bagi mendapatkan pandangan mereka dalam mengenalpasti dan mengesahkan item-item pendedahan patuh syariah.

Hasil Kajian

Hasil daripada temubual dengan wakil-wakil institusi terlibat dan analisis data ke atas laporan kewangan setiap institusi, satu dapatan deskriptif tentang amalan semasa pelaporan dan jurang di antara amalan semasa dan MPSAS yang terlibat telah diperolehi.

Bagi Zon A, secara umumnya dapat dirumuskan bahawa tidak ada perbezaan ketara di antara amalan pendedahan dengan keperluan pendedahan MPSAS 1, 2, 3 dan 6 kecuali dari segi pendedahan maklumat dalam Nota kepada akaun. Dari segi pendedahan maklumat selain dari keperluan MPSAS, amalan dan tahap pendedahan adalah pelbagai di kalangan MAIN dan entiti yang berkaitan. Kajian di Zon A juga mendapati baki Kumpulan Wang Zakat dan Kumpulan Wang Wakaf di akaun dan dilaporkan sebagai ekuiti sedangkan jika dilihat dari segi ciri kedua-dua kumpulan wang ini, jelas kedua-duanya merupakan dana amanah pemegang taruh atau pihak berkepentingan yang menjadi tanggungan kepada Institusi WZB dan bukan merupakan ekuiti. Satu lagi penemuan penting yang perlu diberi perhatian ialah keputusan fatwa boleh mempengaruhi pengolahan perakaunan bagi sesuatu urusan niaga/peristiwa. Walau bagaimanapun keputusan fatwa tidak didedahkan oleh mana-mana MAIN dan entiti yang terlibat.


Zon B pula menunjukkan bahawa walaupun terdapat perbezaan dari segi jurang antara amalan pelaporan semasa dengan MPSAS di antara negeri-negeri, secara amnya tahap pematuhan adalah pada tahap yang memuaskan. Walaubagaimanapun terdapat juga amalan-amalan yang tidak setara dengan MPSAS. Pemerhatian yang sama juga didapati daripada MAIN di Zon C.

Secara keseluruhannya, tiada jurang yang ketara dari segi pelaporan seperti yang diperuntukan dalam MPSAS 1, MPSAS 2, MPSAS 3 dan MPSAS 6 jika dibandingkan dengan amalan semasa Institusi WZB yang terlibat. Ini menunjukkan MPSAS yang terlibat boleh dijadikan asas dalam pembangunan Piawaian Perakaunan Islam bagi institusi berkenaan. Namun, bagi memenuhi

keperluan syariah dan mengambilkira ciri dan peranan institusi berkenaan dalam mentadbirkan WZB, dan dengan kesedaran bahawa MPSAS dibangunkan berasaskan piawaian perakaunan konvensional, beberapa pindaan perlu dibuat ke atas MPSAS yang terlibat dalam usaha untuk membangunkan piawaian Perakaunan Islam bagi Institusi WZB.

Bagi tujuan membangunkan piawaian perakaunan Islam tersebut, adalah menjadi satu keperluan untuk terlebih dahulu membangunkan satu Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan Islam supaya objektif pelaporan kewangan institusi yang mentadbir WZB tidak tersasar, selari dengan fungsinya dalam menjaga kemaslahatan masyarakat keseluruhan. Justeru, kajian ini seterusnya telah mengemukakan satu cadangan Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan Islam yang boleh digunapakai oleh Institusi WZB.

Hasil daripada temubual serta analisis dokumen, kajian mencadangkan Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan Islam seperti Rajah berikut.



Kerangka Kerja Konseptual yang dicadangkan ini dibahagikan kepada tiga tahap utama, iaitu tahap pemahaman epistemologi yang berpandukan kepada tahap asas iaitu Ketuhanan (*oneness*), diiringi oleh pemahaman konsep yang berlandaskan kepada konsep akauntabiliti. Tahap kedua

pula lakaran matlamat iaitu matlamat berlandaskan Maqasid Syariah dan terakhir adalah tahap ketiga iaitu lakaran pelaksanaan yang khusus kepada operasi perakaunan. Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan Islam yang dikemukakan ini dijadikan garis panduan bagi tujuan pembangunan Piawaian Perakaunan Islam dan seterusnya boleh dijadikan sumber panduan dalam penyediaan pelaporan kewangan berlandaskan syariah.

Seterusnya, dalam usaha untuk membangunkan Piawaian Perakaunan Islam bagi Institusi WZB, kajian ini telah mengenalpasti item-item pendedahan patuh syariah bagi pelaporan kewangan Institusi WZB yang telah mendapat pengesahan daripada pakar-pakar kewangan dan perakaunan Islam yang terlibat. *Senarai Item Pendedahan Patuh Syariah* yang dikenalpasti terdiri daripada 156 item maklumat yang meliputi maklumat kewangan dan bukan kewangan. *Senarai Item Pendedahan Patuh Syariah* ini dijadikan asas dalam pembangunan Piawaian Perakaunan Islam bagi Institusi WZB.

Dalam mencadangkan piawaian perakaunan Islam bagi Institusi WZB, kajian ini membuat ketetapan seperti berikut:

1. Keperluan MPSAS (MPSAS 1, 2, 3 dan 6) yang tidak bercanggah dengan keperluan syariah akan **dikekalkan** dan dibuat pindaan di mana perlu mengikut ciri-ciri dan aktiviti Institusi WZB.
2. Keperluan syariah yang tidak terdapat dalam MPSAS (MPSAS 1, 2, 3 dan 6) akan **ditambah**.
3. Keperluan MPSAS (MPSAS 1, 2, 3 dan 6) yang bercanggah/tidak selari dengan keperluan syariah akan **dipinda** atau **dikeluarkan**.
4. Keperluan MPSAS (MPSAS 1, 2, 3 dan 6) yang tidak relevan dengan aktiviti Institusi WZB akan **dikeluarkan**.

Berdasarkan ketetapan di atas, peruntukan atau keperluan yang terkandung dalam setiap MPSAS disemak dan pengubahsuaian ke atasnya dicadangkan. Secara umum, cadangan pengubahsuaian MPSAS yang paling signifikan ialah kepada kandungan dalam MPSAS 1 manakala yang paling minimum ialah kepada kandungan MPSAS 6.

Rumusan

Usaha untuk membangunkan Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan Islam dan Piawaian Perakaunan khusus bagi Institusi WZB adalah satu usaha yang sangat penting dalam memastikan kelangsungan institusi ini sebagai pemegang amanah yang telus dan berakauntabiliti tinggi bukan sahaja kepada masyarakat keseluruhan tetapi yang paling utama akauntabiliti kepada Allah S.W.T. Pelaporan yang dapat memenuhi tuntutan akauntabiliti yang holistik seperti yang dijelaskan dalam Kerangka Kerja Konseptual adalah penting untuk disediakan oleh institusi berkenaan agar dapat meningkatkan lagi kepercayaan dan keyakinan pemberi amanah khususnya dan masyarakat keseluruhan amnya terhadap institusi berkenaan.

Dengan cadangan Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan Islam dan Piawaian Perakaunan Islam yang dikemukakan oleh kajian ini diharap dapat mengharmonikan pelaporan kewangan institusi berlandaskan Islam khususnya institusi yang mentadbir WZB di Malaysia. Dengan pelaporan kewangan yang bersandarkan kepada piawaian perakaunan khusus yang menepati tuntutan syariah ini, Institusi WZB diharap akan terus menjadi intitusi penting yang diyakini untuk dapat terus menjaga kemaslahatan masyarakat Islam sejagat sekaligus dapat menegak dan memelihara kesucian Agama Islam. Akhir sekali diharapkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam dapat mengorak langkah ke hadapan sebagai sebuah Negara peneraju dalam perakaunan dan kewangan Islam.

BAB SATU

Pendahuluan

1.0 Latar Belakang

Terdapat banyak kritikan yang dilontarkan kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) berkenaan ketelusan dalam pelaporan dana Wakaf, Zakat dan Baitulmal (WZB). Secara lebih khusus, kurangnya ketelusan dalam pelaporan dana WZB telah menimbulkan kerumitan untuk menilai prestasi institusi-institusi yang dipertanggungjawabkan untuk mentadbir dana berkenaan. Ketidakwujudan piawaian perakaunan yang seragam untuk digunakan oleh semua institusi WZB dianggap sebagai punca utama kepada permasalahan ketelusan pelaporan dana WZB. Ekoran daripada ketidakwujudan piawaian perakaunan yang seragam, sebahagian MAIN telah mengamalkan perakaunan dan pelaporan berdasarkan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian (*Private Entities Reporting Standards-PERS*), manakala sebahagian yang lain turut menjadikan Garis Panduan Amalan Terbaik yang dikeluarkan oleh Jabatan Audit Negara sebagai rujukan utama untuk amalan perakaunan serta pelaporan.

Ketidakteraturan amalan perakaunan dan pelaporan jelas menjadi cabaran utama bagi membuat perbandingan tahap kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan institusi-institusi ini terutamanya dana WZB. Walaupun MAIN bukanlah merupakan entiti yang menjadikan keuntungan sebagai tujuan utamanya, kewujudan institusi-institusi seumpama ini tetap bergantung kepada kekuatan pengurusannya termasuklah pengurusan dana WZB. Oleh yang demikian, penilaian terhadap prestasi kewangannya adalah sangat penting. Penilaian prestasi kewangan hanya dapat dilaksanakan dengan tepat dan betul sekiranya maklumat kewangan dan bukan kewangan yang diperlukan didedahkan dengan lengkap, tepat dan diperakui. Keperluan maklumat yang lengkap, tepat dan diperakui meletakkan pentingnya piawaian perakaunan yang seragam dibangunkan untuk semua MAIN dan entiti-entiti yang diberi kuasa oleh MAIN, khususnya entiti yang mentadbir dana WZB. Piawaian perakaunan yang seragam ini juga bukan sekadar memudahkan penilaian prestasi kewangan sesebuah MAIN tetapi ianya boleh membantu dalam penilaian prestasi di antara semua MAIN. Perkara ini adalah sangat penting memandangkan pemegang taruh atau pihak berkepentingan seperti penderma wakaf, pembayar zakat mahupun penerima bantuan atau zakat perlu dimaklumkan sama ada dana WZB telah digunakan secara optimum dalam menjana manfaat.

Setelah mengenal pasti keperluan membangunkan piawaian perakaunan dan pelaporan yang seragam untuk WZB, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dengan kerjasama tiga universiti awam tempatan (Universiti Kebangsaan Malaysia [UKM], Universiti Utara Malaysia [UUM] dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia [UIAM]) bertindak memulakan satu kajian awal terhadap amalan semasa perakaunan dan pelaporan di semua MAIN. Kajian ini juga memberi indikasi kepada keperluan untuk mewujudkan satu piawaian perakaunan dan pelaporan yang bukan hanya seragam tetapi juga spesifik selaras dengan keunikan dana WZB. Fasa 1 kajian ini memberi tumpuan kepada aspek pendedahan dan pelaporan maklumat. Perkara ini adalah selari dengan cadangan Baydoun and Willett (1995) yang menyatakan bahawa pendedahan adalah lebih berkait rapat dengan nilai-nilai budaya dan agama jika dibandingkan dengan aspek pengukuran dalam perakaunan.

Fokus kajian Fasa 1 adalah kepada empat MPSAS iaitu MPSAS 1(Pembentangan Penyata Kewangan), MPSAS 2 (Penyata Aliran Tunai), MPSAS 3 (Polisi Perakaunan, Perubahan Dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan) and MPSAS 6 (Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan). Selepas ini terma ‘MPSAS yang berkaitan’ akan digunapakai untuk merujuk kepada keempat-empat MPSAS tersebut.

1.1 Objektif Kajian Fasa 1

Empat objektif utama kajian Fasa 1 telah dikenalpasti seperti berikut:

Objektif 1:

Mengenalpasti jurang yang wujud di antara amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan bagi Wakaf, Zakat dan Baitulmal oleh Majlis Agama Islam Negeri (atau entiti yang diberi kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri) dengan MPSAS

Objektif 2:

Membangunkan kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan Islam bagi Wakaf, Zakat dan Baitulmal

Objektif 3:

Mengenalpasti keperluan Syariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijma' Ulama dan Qias) dan batas-batas perundangan Sivil dalam melaksanakan Piawaian Perakaunan Islam bagi Wakaf, Zakat dan Baitulmal yang seragam.

Objektif 4:

Membangunkan Piawaian Perakaunan Islam bagi Wakaf, Zakat dan Baitulmal untuk digunapakai oleh Majlis Agama Islam Negeri (atau entiti yang diberikan kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri) yang memenuhi keperluan Syariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijma' Ulama dan Qias) dan perundangan Sivil berbanding MPSAS.

Persoalan kajian dibincangkan pada perenggan yang seterusnya.

1.2 Persoalan Kajian

Objektif 1

Untuk mencapai objektif kajian pertama iaitu untuk mengenalpasti kewujudan jurang di antara amalan semasa perakaunan WZB oleh MAIN dan MPSAS berkaitan, persoalan kajian berikut adalah sangat relevan dan berkaitan:

- i. Apakah amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan bagi Wakaf, Zakat dan Baitulmal oleh Majlis Agama Islam Negeri (atau entiti yang diberikan kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri)?
- ii. Apakah jurang yang wujud di antara amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan bagi Wakaf, Zakat dan Baitulmal oleh Majlis Agama Islam Negeri (atau entiti yang diberikan kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri) dengan MPSAS?

Oleh yang demikian, persoalan kajian pertama memerlukan penelitian ke atas amalan semasa perakaunan dan pelaporan MAIN. Seterusnya, amalan semasa perakaunan dan pelaporan ini akan dibandingkan dengan klausa-klausa yang termaktub di dalam MPSAS 1 (Pembentangan Penyata Kewangan), MPSAS 2 (Penyata Aliran Tunai), MPSAS 3 (Polisi Perakaunan, Perubahan Dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan) and MPSAS 6 (Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan) untuk menentukan sekiranya terdapat jurang di antara amalan semasa

perakaunan dan pelaporan dengan MPSAS yang berkaitan. Sekiranya tidak terdapat bukti adanya jurang yang nyata, ia memberi gambaran bahawa MAIN telah bersedia untuk pelaksanaan penuh MPSAS yang berkaitan sepertimana yang bakal dilaksanakan oleh semua agensi sektor awam Malaysia pada tahun 2017. Walaubagaimanapun, adalah sangat penting untuk diambil perhatian bahawa MPSAS dibangunkan dengan tidak mengambil kira keunikan dana WZB serta kedudukan MAIN (atau entiti yang diberikan kuasa oleh MAIN) sebagai institusi yang mentadbir urusan agama. Berdasarkan kepada kedua-dua perkara penting ini, piawaian perakaunan seperti MPSAS mungkin tidak dapat memenuhi keperluan perakaunan dan pelaporan WZB walaupun tiada jurang yang nyata dan signifikan dilaporkan di antara amalan semasa perakaunan dan pelaporan WZB oleh MAIN dan klausa-klausa di dalam MPSAS berkaitan. Kedudukan MPSAS ini kemudiannya membawa kita kepada objektif kajian kedua iaitu keperluan untuk membangunkan satu kerangka konseptual bagi penstrukturan piawaian yang seragam dan spesifik bagi Institusi WZB.

Objektif 2

Kerangka Kerja Konseptual memberi penerangan berkaitan sifat dan tujuan perakaunan. Kerangka Kerja Konseptual ini penting kerana ia menyediakan asas kepada pembangunan piawaian perakaunan. Kerangka Kerja Konseptual ini juga akan menyediakan rujukan bagi penilaian amalan semasa perakaunan dan pelaporan dan pembangunan piawaian perakaunan yang baru. Memandangkan tujuan laporan kewangan adalah untuk memberi maklumat yang berguna bagi membolehkan pengguna penyata kewangan membuat keputusan yang terarah, Kerangka Kerja Konseptual seharusnya dijadikan sebagai teori asas bagi menentukan pengukuran transaksi [sebagai contoh, nilai asal (kos sejarah) atau nilai semasa] dan seterusnya dilaporkan kepada pengguna penyata kewangan. Sehubungan dengan itu, pembangunan Kerangka Kerja Konseptual hendaklah terlebih dahulu dilakukan sebelum pembangunan dan pengisytiharan sesuatu piawaian perakaunan. Ini adalah bagi memastikan piawaian perakaunan yang dibangunkan adalah selari dengan Kerangka Kerja Konseptual tersebut. Dengan yang demikian, persoalan kajian yang dikenalpasti ialah:

‘Apakah elemen-elemen konseptual yang perlu ada dalam kerangka kerja pelaporan kewangan Islam bagi Wakaf, Zakat dan Baitulmal?’

Objektif 3

Berdasarkan kepada elemen-elemen di dalam kerangka konseptual, satu senarai item patuh Syariah yang perlu didedahkan oleh MAIN akan disediakan. Penyediaan senarai ini akan membuat rujukan kepada sumber Syariah seperti Al-Quran, Sunnah, Ijma' Ulama dan Qiyas. Penyemakan keatas enakmen-enakmen berkaitan bagi setiap negeri perlu dilakukan bagi memastikan keselarian item-item pendedahan yang dicadangkan dengan klausa-klausa yang berkaitan. Oleh yang demikian, persoalan kajian berikut adalah penting untuk diambil kira:

- i. Apakah keperluan Syariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijma' Ulama dan Qias) bagi perakaunan dan pelaporan kewangan untuk Wakaf, Zakat dan Baitulmal?
- ii. Apakah batas-batas perundangan Sivil berbanding keperluan Syariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijma' Ulama dan Qiyas) bagi perakaunan dan pelaporan kewangan yang seragam untuk Wakaf, Zakat dan Baitulmal oleh Majlis Agama Islam Negeri (atau entiti yang diberikan kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri)?.

Objektif 4

Berdasarkan kepada senarai item pendedahan patuh syariah yang disediakan di bawah objektif 3, dan dengan merujuk kepada MPSAS berkaitan, huraian terperinci dibuat ke atas senarai item patuh syariah yang lebih menjurus kepada keperluan khusus perakaunan dan pelaporan bagi Institusi WZB. Ini adalah bagi membolehkan pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia membuat keputusan yang terarah dalam pembangunan piawaian perakaunan dan pelaporan khusus bagi Institusi WZB. Objektif ini membawa kepada persoalan kajian seperti berikut:

“Apakah kandungan Piawaian Perakaunan Islam bagi Wakaf, Zakat dan Baitulmal untuk perkara-perkara yang terdapat dalam MPSAS 1(Pembentangan Penyata Kewangan), MPSAS 2 (Penyata Aliran Tunai), MPSAS 3 (Polisi Perakaunan, Perubahan Dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan) and MPSAS 6 (Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan)?”

1.3 Struktur Laporan

Laporan ini mempunyai Lapan Bab kesemuanya. Susunan dan keterangan ringkas kesemua Lapan Bab adalah seperti berikut:

Bab Satu ialah pendahuluan kepada laporan ini yang menjelaskan kesemua objektif dan persoalan kajian. Bab Dua ialah sorotan literatur yang memfokuskan kepada empat aspek penting iaitu sorotan ringkas sistem pengurusan WZB di Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) serta cadangan untuk melaksanakan piawaian perakaunan sektor awam di Malaysia (MPSAS), konsep akauntabiliti memandangkan ia berkait rapat dengan pengurusan dana WZB, sorotan mengenai amalan perakaunan MAIN dan cabaran yang dihadapi oleh institusi-institusi ini, serta isu-isu berkaitan dengan pembangunan kerangka konseptual dan piawaian perakaunan khusus untuk Institusi WZB.

Bab Tiga pula menerangkan metodologi kajian di mana kedua-dua kaedah kualitatif dan kuantitatif digunakan di dalam menjalankan kajian ini. Perbincangan mengenai kaedah kajian dimulakan dengan pembangunan alat diagnostik untuk MPSAS yang berkaitan dan diikuti dengan kerja lapangan ke setiap MAIN dan agensi-agensi yang berkaitan yang berjumlah 26 keseluruhannya. Seterusnya, kaedah pengumpulan data untuk membangunkan Kerangka Konseptual dan mengenalpasti item pendedahan patuh syariah diterangkan. Bab ini juga menerangkan tentang proses yang terlibat dalam mengemukakan cadangan pembangunan Piawaian Perakaunan Islam bagi Institusi WZB berdasarkan MPSAS yang berkaitan.

Bab Empat di dalam laporan ini membincangkan mengenai hasil kajian bagi Objektif Kajian Pertama. Secara khususnya, hasil kajian membincangkan secara deskriptif amalan semasa perakaunan dan pelaporan WZB oleh MAIN dan perbandingannya dengan klausa-klausa yang terdapat di dalam MPSAS yang berkaitan.

Bab Lima menyediakan satu perbincangan terperinci dalam pembangunan Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan Islam bagi Institusi WZB. Dalam bab ini, satu lakaran Konseptual Pelaporan Kewangan Islam bagi pelaporan WZB telah dipaparkan. Utamanya, hasil dapatan menunjukkan kerangka kerja konseptual yang berlandaskan konsep akauntabiliti. Perbincangan mengenai berbezaan yang wujud antara kerangka kerja konseptual konvensional dan Islam dimuatkan. Bab ini juga menjelaskan sifat kerangka kerja konseptual Islam yang

menyeluruh di mana ia memberi gambaran yang jelas akan perlunya piawaian perakaunan islam sebagai sumber panduan dalam penyediaan pelaporan maklumat perakaunan yang berlandaskan syariat islamiah. Perbincangan mengenai komponen-komponen kerangka kerja konseptual perakaunan islam iaitu tahap asas yang berlandaskan konsep akauntabiliti (tahap 1), tahap matlamat yang berlandaskan maqasid syariah (tahap 2) dan tahap pelaksanaan yang memberi panduan prinsip-prinsip sebagai panduan kepada operasi amalan perekodan, pelaporan dan pendedahan (tahap 3) diperjelaskan.

Bab Enam pula membincangkan proses pengenalpastian item-item pendedahan patuh syariah berdasarkan kerangka konseptual yang berpaksikan maqasid syariah bagi mencapai tujuan akauntabiliti kepada Allah S.W.T dan akauntabiliti kepada manusia keseluruhannya. Bab ini juga mengemukakan cadangan item-item pendedahan patuh syariah dalam pelaporan kewangan Institusi WZB.

Bab Tujuh membentangkan beberapa cadangan khusus untuk pertimbangan JANM dalam usaha untuk membangunkan piawaian yang sesuai untuk diguna pakai bagi Institusi WZB. Antaranya keperluan pada kerangka konsep perakaunan yang bertepatan dengan semangat MAIN, penzahiran pengasingan dana, penggunaan istilah yang tepat, layanan/olahan perakaunan yang lebih selari dengan kepelbagaian dana yang dilibatkan, dan beberapa isu pengurusan yang mempunyai kaitan secara langsung dan tidak langsung dengan perakaunan. Bab ini juga mengemukakan cadangan terperinci kepada bentuk dan kandungan Piawaian Perakaunan Islam bagi Institusi WZB.

Akhir sekali, Bab Lapan memberikan rumusan keseluruhan, menjelaskan limitasi kajian serta hala tuju penyelidikan masa hadapan bagi perakaunan dan pelaporan kewangan bagi Institusi WZB di Malaysia.

BAB DUA

Sorotan Literatur: Amalan Perakaunan dan Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan Bagi Wakaf, Zakat dan Baitulmal

2.0 Pengenalan

Sorotan literatur akan memberi tumpuan kepada empat isu utama. Sebagaimana Wakaf, Zakat dan Baitulmal (WZB) adalah di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), isu pertama memberi tumpuan kepada jentera pentadbiran MAIN dan pengurusan WZB. Ini diikuti dengan sorotan ringkas Perakaunan Sektor Awam Malaysia dan Piawaian Perakaunan Awam Malaysia (MPSAS). Seterusnya, konsep akauntabiliti sebagai asas di mana perakaunan dari perspektif Islam dihuraikan. Selepas itu, sorotan literatur ke atas amalan perakaunan MAIN dan pelbagai cabaran yang dihadapi oleh organisasi-organisasi ini akan dibincangkan. Akhir sekali, isu-isu kerangka kerja konseptual yang berkaitan dengan pembangunan piawaian perakaunan khusus bagi Institusi WZB akan diutarakan.

2.1 Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)

Adalah penting untuk memahami struktur jentera pentadbiran hal ehwal Islam sebelum perbincangan terperinci terhadap institusi WZB dibuat. Di Malaysia, pentadbiran hal ehwal agama Islam di setiap negeri diletakkan di dalam Perkara 3 Perlembagaan Malaysia. Secara khusus, Perlembagaan menyatakan bahawa pemerintahan dan pentadbiran hal ehwal Islam dan adat istiadat Melayu terletak di bawah kuasa raja-raja Melayu dan kerajaan negeri masing-masing. Oleh itu, setiap kerajaan negeri menggubal undang-undang Islam (Syariah) untuk pentadbiran hal ehwal agama di negeri masing-masing. Kerangka pentadbiran ini telah mengakibatkan tafsiran Syariah yang berbeza-beza menjurus kepada perbezaan pentadbiran agama Islam di antara negeri-negeri di Malaysia. Yang lebih menarik ialah pemisahan bidang kuasa yang ketara dan jelas di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri di atas perkara ini. Jentera pentadbiran Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai kuasa perundangan ke atas perkara-perkara yang berkaitan dengan hal ehwal agama dan adat Melayu. Institusi Islam (seperti Jabatan Zakat, Wakaf dan Haji-JAWHAR dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia-JAKIM) yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai kuasa untuk mewajibkan dan

memutuskan supaya dasar-dasar pentadbiran digubal mereka diguna pakai oleh MAIN. Ini melahirkan ketegangan tersirat di antara institusi-institusi Persekutuan dan negeri negeri ini.

Struktur pentadbiran semasa Hal Ehwal Islam di peringkat negeri terdiri daripada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). MAIN merangka dasar bagi pentadbiran Islam dan hal ehwalnya, sementara JAIN adalah bertanggungjawab bagi melaksanakan dasar yang dibangunkan oleh MAIN (Mahamood, 2006). Pada masa ini, JAIN menjadi sebahagian daripada struktur pentadbiran kerajaan negeri dan peranan utamanya adalah untuk pelaksanaan dasar pembangunan dan kemajuan Islam yang telah dibentangkan dan diputuskan oleh MAIN. Pelbagai peranan JAIN termasuk penyeliaan operasi Mahkamah Syariah, penyediaan pendidikan agama melalui sekolah agama, kursus dan seminar, serta pemantauan aktiviti-aktiviti keagamaan yang dijalankan oleh masjid dan agensi-agensi yang berkaitan di peringkat negeri.

Walaupun secara amnya Baitulmal adalah istilah yang menyeluruh merujuk kepada perbendaharaan awam di negara Islam, dalam sorotan literatur ini, Baitulmal dianggap sebagai dana selain daripada dana wakaf dan zakat yang dikutip oleh MAIN. Ini disebabkan oleh struktur dana wakaf dan zakat yang biasanya dikendalikan oleh unit pentadbiran tertentu di dalam MAIN dan dana ini diakaunkan secara berasingan kerana jumlah kutipan besar yang diterima untuk kedua-dua dana tersebut. Oleh itu, dalam melaporkan aktivitinya, setiap MAIN perlu mengambil kira ketiga-tiga dana WZB secara berasingan. Walau bagaimanapun, memandangkan tiada piawaian khusus atau garis panduan perakaunan untuk WZB, sebahagian MAIN telah menerima pakai Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian (PERS) yang diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia dan turut merujuk kepada Garis Panduan Amalan Terbaik yang dikeluarkan oleh Jabatan Audit Negara (JAN).

2.2 Perakaunan Sektor Awam Malaysia

Sejajar dengan inisiatif Transformasi Kewangan Awam, Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Tun Razak pada tahun 2011 telah mengumumkan bahawa Kerajaan Persekutuan Malaysia menerima pakai sistem perakaunan berasaskan akruan penuh pada tahun 2015. Terkini, pelaksanaannya ditangguh kepada 2018. Kerajaan amat komited kepada pelaksanaan perakaunan akruan kerana manfaatnya, dan telah memulakan persiapan rapi untuk pelaksanaannya, termasuk penubuhan beberapa jawatankuasa untuk mengkaji semula prosedur, akta dan peraturan, memantau

pelaksanaan perakaunan akruan, membangunkan piawaian perakaunan berkaitan, polisi perakaunan dan sistem maklumat. Selain itu, kerajaan perlu memastikan latihan yang mencukupi mengenai perakaunan akruan di kalangan akauntan sektor awam dan kakitangan yang berkaitan.

Perakaunan akruan, berbanding dengan perakaunan tunai, mengukur prestasi dan kedudukan kewangan sesebuah entiti dengan mengiktiraf peristiwa ekonomi untuk diakaunkan tanpa mengira bila urus niaga tunai berlaku. Walaupun perakaunan akruan adalah sistem yang biasa digunakan di sektor swasta dan tidak di sektor awam, kerajaan beberapa negara telah pun melaksanakan perakaunan ini seperti United Kingdom, Kanada, New Zealand, Australia, Belanda, Sri Lanka dan Indonesia (Baker dan Rennie, 2006). Justifikasi asas bagi peralihan kepada sistem perakaunan akruan oleh kerajaan adalah kelemahan perakaunan tunai. Perakaunan tunai tidak mengiktiraf komitmen masa depan, jaminan dan liabiliti luar jangka yang lain (Ball et al., 1999). Ia juga tidak melaporkan butir-butir maklumat bagaimana sumber-sumber dikawal oleh entiti awam, kos penyediaan perkhidmatan dan maklumat kewangan yang lain untuk menilai kedudukan kewangan institusi awam (Van Der Hoek, 2005; Arnaboldi dan Lapsley, 2009; Lapsley et al., 2009).

Perakaunan akruan amat berfaedah bagi kerajaan kerana ia menyediakan maklumat lengkap tentang kos dan sumber yang ada yang akhirnya meningkatkan kecekapan, keberkesanan, ketelusan, tadbir urus yang baik dan akauntabiliti sektor awam kepada masyarakat (Guthrie, 1998; Chan, 2003; Hodges dan Mellet, 2003; Barton, 2005; Deaconu et al, 2009; Hyndman dan Connolly, 201; dan Monteiro dan Gomes, 2013).

Pada Pendahuluan kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) yang dikeluarkan pada tahun 2013, JANM menjelaskan dengan nyata kelebihan perakaunan akruan seperti berikut:

JANM percaya bahawa penggunaan MPSAS, bersama-sama dengan pendedahan pematuhan peraturan-peraturan ini, akan menghasilkan peningkatan yang ketara dalam kualiti pelaporan kewangan tujuan umum oleh entiti sektor awam. Seterusnya, ianya membawa kepada pengukuhan pengurusan kewangan awam yang membawa kepada penilaian sebenar akan keputusan peruntukan sumber yang dibuat oleh kerajaan, bersama dengan peningkatan ketelusan dan akauntabiliti.

Selanjutnya, JANM menegaskan akan keperluan untuk mengamalkan MPSAS oleh semua entiti sektor awam seperti dalam kenyataannya berikut:

JANM menggalakkan penggunaan MPSAS oleh semua entiti sektor awam kecuali GLCs ke arah meningkatkan kualiti dan ketelusan laporan kewangan sektor awam dengan menyediakan maklumat yang lebih baik untuk pengurusan kewangan sektor awam dan pembuatan keputusan ke arah peningkatan kualiti perkhidmatan awam.

Selaras dengan perkara di atas, MPSAS 1, 2, 3 dan 6 telah digunakan dalam kajian ini sebagai penanda aras dalam membandingkan amalan semasa MAIN dengan MPSAS yang berkaitan.

2.3 Akauntabiliti Sebagai Asas Perakaunan

Perbincangan mengenai konsep akauntabiliti secara semula jadinya mendahului perbincangan berkaitan amalan perakaunan bagi sesebuah organisasi disebabkan akauntabiliti dan perakaunan sangat berkaitan. Lebih penting lagi, pembangunan Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan Islam bagi Institusi WZB (diterangkan dalam Bab 5) meletakkan konsep akauntabiliti Islam sebagai asas.

Sinclair (1995), yang menulis dari sudut pandang pengurusan, mengkategorikan akauntabiliti kepada tiga bentuk: akauntabiliti fiskal, akauntabiliti proses dan akauntabiliti program. Bentuk pertama berkaitan dengan membandingkan penggunapakaian sumber dan tanda aras yang telah ditetapkan manakala bentuk kedua adalah berkaitan dengan penggunaan proses tertentu. Bentuk ketiga iaitu akauntabiliti program memberi tumpuan kepada pencapaian output yang telah dipersetujui atau yang telah ditentukan. Dilihat dari perspektif pengurusan, akauntabiliti dianggap terlaksana sebaik sahaja ia memenuhi sasaran yang ditetapkan (iaitu menggunakan proses yang ditentukan dengan sumber yang memadai dan mencapai output yang dirancang). Sementara itu Gray, et al. (1987), yang melihat akauntabiliti dari perspektif perakaunan, berhujah bahawa akauntabiliti merujuk kepada "keperluan atau tanggungjawab untuk menyediakan akaun (tidak semestinya akaun kewangan) atau perhitungan dari tindakan pihak yang bertanggungjawab" (ms. 2).

Sehubungan itu, mekanisma maklum balas yang bersesuaian perlu diwujudkan bagi membuktikan pelaksanaan akauntabiliti. Dari perspektif perakaunan, pelaksanaan akauntabiliti boleh dizahirkan melalui pembekalan maklumat di dalam bentuk laporan. "Laporan akauntabiliti" perlu memasukkan maklumat kewangan dan bukan kewangan; dan boleh juga, jika

diperlukan, dilakukan secara lisan¹. Dalam Islam, akauntabiliti tercerna dari konsep amanah (Faruqi, 1992) dan amanah adalah berkaitan dengan satu lagi konsep penting dalam Islam, iaitu khalifah. Oleh itu, konsep akauntabiliti dari sudut pandangan Islam adalah berbeza daripada apa yang difahami di Barat.

Dalam Islam, akauntabiliti dilihat dari dua perspektif yang berbeza iaitu akauntabiliti manusia kepada Allah SWT, dan akauntabiliti manusia kepada manusia lain (iaitu masyarakat). Oleh itu, individu yang menyembah Allah SWT adalah individu yang melaksanakan semua kewajibannya sebagai khalifah yang merupakan akauntabiliti utama. Akauntabiliti sekunder terbina melalui kontrak antara manusia. Lebih penting lagi, hubungan individu dengan individu lain mencerminkan hubungannya dengan Tuhan (Sulaiman, 1997). Akauntabiliti yang menjurus kepada Allah SWT merupakan akauntabiliti 'menegak' dan akauntabiliti kepada individu lain dikira akauntabiliti 'mendatar'. Pada dasarnya, kontrak agensi antara pemilik dan pengurus, kontrak antara majikan dan pekerja atau kontrak antara pihak atasan dan bawahan boleh digelar sebagai akauntabiliti 'mendatar' (Ibrahim, 2000). Di samping itu dan lebih penting lagi, konsep khalifah menganggap pemilikan sumber sebagai amanah Allah SWT yang diberikan kepada setiap manusia. Dalam konteks WZB, ini bermaksud apa juga sumber kewangan yang diperolehi oleh institusi yang mentadbir WZB adalah atas dasar amanah, sekaligus mengiktiraf setiap MAIN (atau entiti yang diberi kuasa oleh MAIN) sebagai pemegang amanah bagi dana WZB yang diterima. Sehubungan dengan itu, keperluan untuk memenuhi amanah adalah sesuatu yang teramat penting bagi MAIN (atau entiti yang diberi kuasa oleh MAIN). Oleh yang demikian, jenis maklumat (kewangan dan bukan kewangan) yang didedahkan oleh setiap MAIN dalam laporan tahunannya mencerminkan sejauh mana akauntabiliti sekunder dilaksanakan.

Menurut Zakari (2013), dari perspektif badan amal dan pertubuhan bukan bermotif keuntungan, tiga jenis akauntabiliti dikira sanagat penting: akauntabiliti ke atas, ke bawah dan holistik. Akauntabiliti ke atas pada dasarnya ialah akauntabiliti kepada penderma, penaja dan badan-badan pengawalselian (Christensen dan Ebrahim, 2006). Akauntabiliti ke bawah pula merujuk kepada akauntabiliti kepada benefisiari (Kilby, 2006). Akauntabiliti sebegini agak kurang diinstitusikan dan lebih banyak bergantung kepada rasa tanggungjawab (Christensen dan Ebrahim, 2006). Menurut Christensen dan Ebrahim (2006), akauntabiliti ke bawah lazimnya terabai. Kalau pun diambilkira, tiada penekanan diberikan. Ini mungkin disebabkan oleh undang-

¹ Sila rujuk O'Dwyer & Unerman (2008, ms.85)

undang yang tidak menekankan keperluan bagi sesebuah organisasi supaya bertanggungjawab kepada pihak yang mempunyai akauntabiliti tulen (Kilby, 2006). Tumpuan terhadap akauntabiliti ke bawah, bagaimanapun tidak seharusnya mengorbankan akauntabiliti ke atas. Oleh itu, terdapat keperluan untuk mengintegrasikan kedua-dua bentuk akauntabiliti yang diistilahkan sebagai akauntabiliti holistik. Akauntabiliti holistik adalah lebih menyeluruh (O'Dwyer dan Unerman, 2008) kerana ianya terhasil daripada penglibatan dan penyertaan pihak berkepentingan yang bertujuan untuk mengimbangi akauntabiliti ke atas dan ke bawah (Osman, 2010).

Secara ringkasnya, konsep akauntabiliti Islam, *taklif*, menawarkan satu pendekatan yang holistik untuk memahami hubungan akauntabiliti dalam pengurusan dan perakaunan bagi Institusi WZB di Malaysia (Abdul-Rahman & Goddard, 2007). Selain itu, kerangka kerja akauntabiliti berasaskan hubungan prinsipal-agen juga boleh menjelaskan konsep pemegang amanah di MAIN (atau entiti yang diberi kuasa oleh MAIN) terhadap sumber-sumber WZB yang diterima. Dengan mementingkan akauntabiliti utama kepada Allah SWT dan akauntabiliti sekunder kepada pihak berkontrak dan pihak agensi yang mengawal selia, ini dapat menghasilkan piawaian pelaporan yang bermutu sekaligus mengurangkan kos ketidaksimetrian maklumat yang terhasil daripada hubungan prinsipal-agen. Oleh itu, setiap MAIN (atau entiti yang diberi kuasa oleh MAIN) bertanggungjawab untuk menguruskan sumber-sumber ini dengan cekap dan berkesan. Di sinilah lahirnya keperluan kepada sistem perakaunan yang bersesuaian. Gray dan Jenkins (1993) menyokong perkara ini apabila mereka berhujah bahawa perakaunan adalah satu sistem maklumat yang perlu diadili berdasarkan sumbangannya kepada keberkesanan pengurusan. Penyediaan maklumat perakaunan yang relevan boleh meningkatkan keberkesanan pengurusan sesebuah entiti. Oleh itu, kajian sebelum ini yang menyelidik tentang prestasi Institusi WZB bergantung sebahagian besarnya pada perakaunan dan pelaporan kewangan organisasi itu. Kajian literatur mengenai amalan perakaunan WZB mestilah mengambilkira kajian-kajian yang berkaitan dengan penyelidikan prestasi institusi ini.

2.4 Perakaunan Bagi Wakaf, Zakat dan Baitulmal

Baitulmal secara tradisinya merujuk kepada perbendaharaan awam di negara Islam. Walaubagaimanapun seperti yang disebutkan sebelum ini, di Malaysia perkataan baitulmal mempunyai perspektif yang sedikit berbeza. Dana MAIN selain daripada wakaf dan zakat dianggap sebagai dana baitulmal. Memandangkan setiap MAIN mempunyai mandat penting

untuk menyelia dan menguruskan dana yang berkaitan dengan WZB, kajian tentang amalan perakaunan WZB merujuk kepada amalan perakaunan MAIN.

Penyebaran maklumat perakaunan boleh dianggap sebagai satu mekanisme penting di mana elemen utama akauntabiliti boleh dilaksanakan (Ebrahim, 2003). Carnegie dan West (2005) menyokong hujah ini apabila mereka menyatakan bahawa tujuan utama penyampaian maklumat perakaunan adalah untuk membolehkan penilaian akauntabiliti dibuat. Oleh itu, melalui perakaunan dan pelaporan, pihak yang berkepentingan boleh menilai keberkesanan institusi seperti MAIN menguruskan dana WZB yang diamanahkan. Ini mencerminkan akauntabiliti organisasi ini (Masruki dan Shafii, 2013).

Menurut Palmer dan Vinten (1998), isu utama dalam laporan berkaitan badan amal adalah kebolehbacaan dan kebolehfahaman terhadap maklumat yang dilaporkan. Umumnya, pengguna berminat untuk mendapatkan maklumat mengenai penggunaan sumber dan pergerakan dana kebajikan untuk sesuatu tempoh kewangan. Begitu juga dengan pihak berkepentingan dengan WZB. Mereka juga memerlukan maklumat berkaitan dengan berapa banyakkah sumber-sumber yang telah diterima, jenis-jenis sumber dan cara bagaimana ia digunakan. Walau bagaimanapun, Patton (1992) menyatakan bahawa tahap maklumat yang dilaporkan dalam penyata kewangan adalah bergantung kepada sifat hubungan di antara pemberi tanggungjawab dan penerima tanggungjawab.

Kajian lepas berkaitan perakaunan dan amalan laporan MAIN dan Baitulmal adalah agak terhad. Jikapun terdapat kajian berkaitan, ianya memberi tumpuan khusus kepada perakaunan dan pelaporan urusan wakaf dan/atau zakat. Oleh itu, sorotan karya ini memberi lebih tumpuan kepada perakaunan kedua-dua jenis dana ini. Selain itu, kajian yang melihat prestasi wakaf dan zakat juga dibincangkan kerana pengukuran prestasi secara amnya bergantung kepada perakaunan dan amalan pelaporan dan yang paling penting, kebolehpercayaan kajian tersebut adalah bergantung kepada kualiti dan kuantiti maklumat yang didedahkan.

2.4.1 Perakaunan Bagi Wakaf

Budiman (2010) dan Haneef (2010) telah mengklasifikasikan kajian berkaitan wakaf dari sudut sejarah, pengurusan dan cabaran pentadbiran, pembangunan wakaf, isu-isu fiqh, undang-undang wakaf, surat ikatan wakaf, jenis-jenis wakaf, wanita dan wakaf, peranan sosio-ekonomi dan

politik wakaf, perakaunan wakaf dan pembiayaan, kajian perbandingan dan kes-kes negara (contohnya Cajee 2007, 2008; Pirasteh dan Abdolmaleki, 2007; Rashid, 2007; Hasan, 2007; Cizakca, 1998; Hoexter, 1998; Shatzmiller, 2001; Rashid, 2002; Mustaq, 2005; Toraman, 2007; Qasmi, 2002; Mahamood, 2006 dan Mahmud & Haneef, 2010). Kajian khusus berkaitan perakaunan wakaf memfokuskan isu penyimpanan rekod dan dokumentasi, keperluan untuk pembangunan piawaian perakaunan wakaf, akauntabiliti dan isu-isu ketelusan serta prestasi Institusi wakaf.

Abdul-Rahman et al. (1999) mengkaji perakaunan dan amalan pentadbiran berkaitan wakaf bagi semua MAIN di Malaysia. Kajian mereka mendapati, antara lain, bukti kekurangan dokumentasi dan penyimpanan rekod, ketiadaan sistem perakaunan yang utuh dan masalah akauntabiliti. Kajian Marsoof (2004) mengenai pentadbiran wakaf di Sri Lanka menemui bukti pengurusan aset wakaf yang lemah. Mohd-Zain (2005) melanjutkan kajian awal Abdul-Rahman et al. (1999) dengan mengkaji amalan pendedahan mengenai wakaf bagi semua 14 MAIN di Malaysia. Perbandingan dapatan kajian dengan dapatan Abdul-Rahman et al (1999) menunjukkan peningkatan yang begitu sedikit berkaitan tahap pendedahan dan jenis maklumat yang didedahkan dari tahun 1999 hingga 2005. Selain daripada itu, kajian juga mendapati bahawa MAIN tidak menyimpan akaun aset wakaf dengan betul dan laporan tahunan tidak disediakan pada masa yang tepat. Sebahagian besar MAIN didapati tidak mempunyai laporan terkini. Secara umumnya, tidak terdapat peruntukan bagi susut nilai aset wakaf dan tiada bukti bahawa akaun berasingan diwujudkan bagi wakaf am dan wakaf khas.

Yaacob (2006) turut mengkaji amalan perakaunan wakaf dengan memberi tumpuan kepada MAIN Wilayah Persekutuan. Dapatan kajian penerokaan dan deskriptif beliau mendedahkan beberapa tahap peningkatan dalam penyimpanan rekod walaupun tidak ada penyata kewangan tertentu yang dikhususkan untuk wakaf. Terdapat juga percubaan untuk melaporkan pelbagai jenis wakaf, secara berasingan. Berkenaan dengan isu yang sama iaitu perakaunan dan pengurusan wakaf, kajian replikasi telah dijalankan setahun kemudian oleh Ihsan (2007). Beliau meneliti amalan perakaunan dua institusi wakaf Indonesia, Dompot Dhuaafa dan Badan Wakaf Universitas Islam Indonesia (*UII Wakaf Foundation*). Kajian mendapati kurang keseragaman dari segi amalan perakaunan antara kedua-dua organisasi. Selain itu, organisasi tersebut juga melaksanakan akauntabiliti dan mengamalkan ketelusan mengikut tafsiran mereka sendiri menurut rasa tanggungjawab dan akauntabiliti mereka terhadap pemegang taruh.

Nahar dan Yaacob (2011) mengkaji amalan perakaunan, pelaporan dan pengurusan oleh institusi wakaf di Malaysia untuk tempoh enam tahun, dari 2000 hingga 2005. Walaupun mereka mendapati pihak pengurusan institusi tersebut melaksanakan akauntabiliti mereka dengan memuaskan, mereka merasakan bahawa masih ada ruang untuk penambahbaikan. Sulaiman, et al. (2009) yang menggunakan Kumpulan Wang Wakaf Universiti Islam Antarabangsa (IIUMWF) sebagai kajian kes, telah mencadangkan tiga jenis pengukuran prestasi utama bagi wakaf; iaitu kecekapan, ekonomi dan keberkesanan. Walaupun ketiga-tiga pengukuran ini telah dicadangkan, mereka hanya boleh menentukan kriteria bagi pengukuran kecekapan manakala maklumat pendedahan berkaitan ekonomi dan keberkesanan didapati tidak mencukupi. Kajian yang lebih lanjut pula telah dibuat oleh Chowdhury et al. (2012). Namun kajian mereka lebih terarah kepada penilaian prestasi dan tidak memberi tumpuan khusus mengenai perakaunan. Daripada sintesis kajian lepas mereka mendedahkan pelbagai masalah dalam pentadbiran wakaf di Malaysia dan kemudiannya mengemukakan beberapa cadangan untuk penambahbaikan.

2.4.2 Perakaunan Bagi Zakat

Pelbagai kajian telah dijalankan untuk melihat keberkesanan dan kecekapan Institusi zakat dalam menguruskan dana zakat (contohnya Ali, 1990; Ismail, 2000; Noor et al, 2004;. Dollah et al, 2004; Halidan, 2006; Ismail, 2006; Kamil, 2005; Abu-Bakar et al, 2006;. Zainal Abidin, 2006). Kebanyakan kajian mendapati bahawa kurang maklumat pendedahan mengenai jumlah agihan dan kepada siapa agihan telah dibuat (Wahid dan Kader, 2010). Selain itu, lebihan dana zakat yang tidak diagihkan pada akhir tempoh perakaunan dan lebihan kumulatif dana zakat yang agak besar merupakan satu isu yang perlu dibincangkan. Seperti yang disentuh di bahagian lain dalam kajian ini, jenis maklumat yang perlu dilaporkan ialah satu isu penting untuk WZB. Berkaitan dengan isu tersebut, ia adalah penting, pada permulaannya, untuk mengenal pasti jenis-jenis maklumat yang dianggap relevan oleh pengguna. Penentuan siapa pihak berkepentingan akan mempunyai kesan ke atas jenis-jenis maklumat yang akan didedahkan (Connolly dan Hyndman, 2013). Begitu juga, Zainon et al. (2014) menyokong perdebatan ini apabila mereka berhujah bahawa ia adalah perlu untuk mengenal pasti keperluan maklumat pihak berkepentingan badan amal untuk memastikan bahawa maklumat yang didedahkan adalah relevan. Ini adalah penting kerana pendedahan maklumat yang memenuhi keperluan pihak yang berkepentingan boleh mengukuhkan dan mengekalkan hubungan positif badan amal itu dengan penderma. Mereka mencadangkan senarai semak item yang boleh membantu penyedia laporan untuk melaksanakan pelaporan untuk badan kebajikan supaya dapat memenuhi keperluan pihak-pihak berkepentingan

terhadap maklumat yang berguna dan relevan. Selaras dengan hujah sebelumnya, Sapingi, et al. (2014) membangunkan indeks pendedahan untuk membolehkan seseorang untuk menentukan kualiti maklumat yang didedahkan oleh Institusi zakat.

2.4.3 Cabaran-Cabaran

Kekurangan sistem perakaunan yang sistematik, ketidakwujudan maklumat awam terperinci dan kekurangan penyelarasan institusi-institusi ini oleh pihak berkuasa persekutuan di Malaysia adalah antara factor yang mempengaruhi kualiti dan kuantiti pendedahan maklumat berhubung WZB (contohnya Abdul-Rahman et al., 1999; Nahar dan Yaacob, 2011; Yaacob dan Ibrahim, 2006; Siraj, 2012; Mohd-Zain, 2005). Di samping itu, kekurangan penguatkuasaan dan akauntan yang berpengalaman juga telah menyumbang kepada amalan perakaunan dan pelaporan yang kurang memuaskan di kalangan MAIN. Khusus untuk wakaf, Adnan et al. (2007) berpendapat bahawa masalah asas yang telah membawa kepada percanggahan di dalam perekodan dan pelaporan wakaf di Malaysia ialah ketiadaan kerangka kerja konseptual bagi pelaporan kewangan wakaf. Hamdan dan Osman (2016) secara khusus menyatakan bahawa kerangka kerja konseptual itu mesti mempunyai akauntabiliti sebagai objektif utama dan kepentingan membuat keputusan sebagai objektif sampingan. Tambahan kepada perbincangan di atas dan khusus untuk zakat, Nahar dan Yaacob (2011) berhujah bahawa penggunaan preskripsi perakaunan perusahaan komersial tidak selaras dengan objektif yang mendasari MAIN, yang bukan berasaskan keuntungan. Maklumat yang dilaporkan dalam penyata kewangan yang menggunakan preskripsi perakaunan komersial tidak mencerminkan realiti transaksi zakat.

Memandangkan maklumat yang didedahkan dalam laporan kewangan MAIN seharusnya membolehkan penderma wakaf dan pembayar zakat untuk menilai prestasi entiti, maka adalah penting untuk memastikan maklumat yang didedahkan memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai keadaan operasi atau prestasi organisasi. Secara khusus, pihak berkepentingan berminat untuk menentukan sama ada dana yang diamanahkan kepada MAIN (atau entiti yang diberi kuasa oleh MAIN) telah diurus dengan baik. Menunaikan tanggungjawab dengan memuaskan melalui ketelusan dalam pelaporan akan membolehkan institusi berkenaan mendapat kepercayaan dan keyakinan orang ramai. Abdul-Rahman et al (1999) mencadangkan agar prosedur perakaunan yang bersesuaian dibangunkan bagi setiap MAIN. Berdasarkan idea yang sama, Mohd-Zain (2005) mencadangkan garis panduan yang betul dan manual prosedur dibangunkan untuk merekod dan menilai aset wakaf. Selain itu, beliau mencadangkan agar

MAIN menggaji akauntan yang berpengalaman bagi membantu dalam mentadbir akaun wakaf MAIN. Walau bagaimanapun, akauntan yang berpengalaman tidak semestinya membawa kepada pelaporan yang lebih baik sekiranya akauntan ini hanya mengekalkan amalan perakaunan semasa dan amalan semasa ini mungkin tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan pihak yang berkepentingan. Ini telah membawa Adnan dan Abu Bakar (2009) mencadangkan bahawa kerangka kerja konseptual bagi pelaporan kewangan wakaf perlu dibangunkan kerana ketiadaan kerangka kerja konseptual ini adalah penyebab utama kepada pelaporan yang tidak konsisten di kalangan organisasi wakaf di Malaysia. Begitu juga, satu kerangka kerja konseptual perakaunan bagi Institusi WZB juga perlu dibangunkan.

Yaacob (2006) dan Nahar dan Yaacob (2011) mengambil pendirian yang berbeza apabila mereka mencadangkan agar MAIN menerima pakai standard amalan yang disyorkan untuk badan amal (SORP 2005) di United Kingdom bagi tujuan pelaporan. Cadangan ini dimajukan atas alasan wakaf dan MAIN pada dasarnya bukan berorientasikan keuntungan, oleh yang demikian amalan perakaunan dan pelaporan perusahaan komersial adalah tidak sesuai (Nahar dan Yaacob al. 2011). Adnan (2005) pula berpendapat bahawa wakaf boleh mengendalikan kedua-dua objektif sebagai organisasi sosial (bukan keuntungan) dan juga sebuah entiti komersial. Oleh yang demikian, beliau mencadangkan agar perakaunan untuk organisasi bukan bermotif keuntungan digunakan untuk aktiviti sosial, manakala bagi aktiviti komersial, amalan perakaunan organisasi komersial digunapakai. Ini seolah-olah mencadangkan bahawa dalam menjana pendapatan bagi aset wakaf, sesebuah entiti itu perlu mengamalkan amalan perakaunan untuk organisasi perniagaan, oleh itu membayangkan bahawa set perakaunan yang khusus untuk perakaunan wakaf perlu disediakan di setiap MAIN. Begitu juga dengan dana zakat dan Baitul-Mal. Selepas itu, akaun-akaun berasingan untuk WZB perlu disatukan. Perakaunan berasingan untuk WZB sebelum penyatuan di peringkat MAIN akan membolehkan setiap MAIN untuk menangani isu akauntabiliti dan ketelusan di dalam pengurusan dan perakaunan untuk WZB. Walau bagaimanapun, ia perlu ditekankan di sini bahawa adalah penting untuk membangunkan rangka kerja konseptual sebelum pembangunan standard perakaunan khusus untuk WZB. Perbincangan mengenai isu ini akan dibahasakan di dalam bahagian berikut secara ringkas.

2.5 Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan Islam Bagi WZB

Memandangkan Islam mempunyai peraturannya yang tersendiri (tuntutan syariah) bagi menentukan bagaimana organisasi seperti MAIN perlu ditadbir, maka pembangunan piawaian perakaunan khusus untuk Institusi WZB haruslah mengikuti dan memenuhi tuntutan syariah. Oleh kerana Kerangka Kerja Konseptual sistem perakaunan Barat telah dibangunkan dengan mengiktiraf dikotomi antara moral perniagaan dan moral individu, penggunaan kerangka kerja konseptual tersebut adalah terhad di dalam masyarakat yang mempunyai prinsip wahyu dan moral yang mengawal semua aspek sosial, ekonomi dan politik di dalam kehidupan seperti ajaran Islam.

Menurut Pertubuhan Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam (AAOIFI), terdapat dua kaedah untuk membangunkan konsep perakaunan Islam. Yang pertama adalah dengan menetapkan objektif (dan konsep) berdasarkan prinsip-prinsip Islam dan ajarannya dan mempertimbangkan objektif ini berhubung dengan pemikiran perakaunan kontemporari. Kaedah kedua adalah dengan mengguna pakai objektif yang ditetapkan dalam pemikiran perakaunan kontemporari, menguji objektif tersebut berdasarkan syariat Islam, menerima objektif yang konsisten dengan syariah dan menolak objektif yang tidak bertepatan dengan Syariah, dan seterusnya membangunkan objektif yang unik. AAOIFI telah menggunakan pendekatan yang kedua. Walau bagaimanapun, sebahagian ulama telah membantah pendekatan kedua atas alasan bahawa Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan yang dibangunkan di Barat adalah berdasarkan dikotomi antara moral perniagaan dan moral individu. Oleh itu, ia tidak boleh dilaksanakan di kalangan masyarakat yang mempunyai prinsip wahyu dan moral yang mengawal semua aspek sosial, ekonomi dan politik di dalam kehidupan. Selanjutnya, teori perakaunan Barat atau piawaian perakaunan Barat tidak mengambil kira secara nyata objektif institusi keagamaan seperti MAIN. Mungkin apa yang dikatakan oleh Khalifa kedua, Saidina Umar, mengenai bagaimana wang awam perlu diambil kira adalah berguna untuk membangunkan kerangka konsep perakaunan bagi WZB. Beliau dilaporkan sebagai berkata:

“Pada pendapat saya, hanya ada tiga perkara yang perlu dilakukan berkenaan dengan wang awam: Ia mesti dikutip dengan hak yang sewajarnya, ia perlu diberikan kepada siapa yang wajar, dan ia harus dinafikan daripada penggunaan yang tidak wajar. Pandangan saya mengenai wang awam adalah sama dengan penjagaan anak yatim. Jika saya mampu, saya tidak akan mengambil apa-apa daripadanya, dan jika saya memerlukannya, saya akan mengambil hanya apa yang lazimnya diperlukan.”

Dalam bidang perakaunan, Kerangka Kerja Konseptual digunakan sebagai asas dalam menyediakan laporan kewangan. Kerangka Kerja Konseptual memberi panduan kepada para akauntan dari segi memberi pemahaman berkaitan konsep, pengukuran dan ciri-ciri maklumat kewangan. Sumbangan yang ketara dalam Kerangka Kerja Konseptual ialah menjelaskan konsep-konsep dan amalan perakaunan sebagai rujukan dalam membuat keputusan terutama kepada pengguna.

Persoalan yang timbul, adakah Kerangka Kerja Konseptual konvensional yang sedia ada ini bersesuaian dan sempurna untuk dijadikan panduan dan amalan perakaunan?. Banyak perdebatan timbul yang mempersoalkan kesesuaian Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan yang sedia ada, yang biasanya dinamakan sebagai Kerangka Kerja Konseptual konvensional. Dalam meninjau sebahagian ulasan karya, terdapat perdebatan dari beberapa sarjana perakaunan seperti Napier dan Haniffa (2011), yang menjelaskan batasan-batasan Kerangka Kerja Konseptual konvensional untuk memenuhi dan melengkapi urusan transaksi kontemporari. Napier dan Haniffa (2011) berpendapat Kerangka Kerja Konseptual konvensional kurang praktikal untuk menyelesaikan permasalahan dalam mengakaunkan sesuatu transaksi. Ada dikalangan sarjana perakaunan lain yang turut bersependapat dengan Napier dan Haniffa (2011) bahawa Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan konvensional mempunyai batasan dalam mempamerkan keadilan kepada para pengguna. Shahul (2000), berpandangan bahawa Kerangka Kerja Konseptual yang baik seharusnya dapat menyediakan dan mempertimbangkan beberapa maklumat yang diperlukan oleh masyarakat Islam. Ini turut dipersetujui oleh Adnan dan Gaffikin (1997) mencadangkan bahawa memenuhi akauntabiliti untuk Tuhan dengan membayar zakat-sepatutnya menjadi objektif utama maklumat perakaunan untuk Institusi Islam. Baydoun dan Willet (2000) juga menegaskan bahawa tidak seperti perakaunan konvensional, Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan Islam memberi tumpuan kepada Allah SWT dan masyarakat dan bukannya kepentingan individu. Tidak seperti pemikiran Barat yang lebih tertumpu kepada akauntabiliti peribadi; Islam menekankan kepada perspektif akauntabiliti sosial. Akibatnya, ia mewujudkan kesangsian terhadap matlamat Kerangka Kerja Konseptual terutamanya dari segi mempersembahkan maklumat perakaunan semasa yang lebih realistik dan adil. Ringkasnya, ia menimbulkan satu kesamaran kepada pengguna dan kekaburan terhadap teori rangka kerja perakaunan konvensional ini yang menghalang keberkesanan dalam menjadikan sesuatu keputusan itu berguna berdasarkan maklumat perakaunan.

Lanjutan dari kekaburan Kerangka Kerja Konseptual konvensional ini, beberapa sarjana perakaunan telah memberi pendapat bahawa asas perakaunan Islam adalah wajar untuk menyelesaikan permasalahan Kerangka Kerja Konseptual konvensional (Napier dan Haniffa, 2011). Sesetengah pula melihat bahawa keperluan untuk perakaunan Islam amat sesuai pada masa ini memandangkan penggunaan dan pembangunan kewangan Islam yang semakin berkembang (Maurer, 2002). Oleh itu, satu piawaian perakaunan Islam yang lengkap amatlah diperlukan.

Walaupun terdapat hujah, kritik dan perbahasan yang menyelubungi Kerangka Kerja Konseptual konvensional dan pernyataan serta sokongan akan keperluan kepada perakaunan Islam, namun kajian mengenai perakaunan Islam terutamanya berkenaan Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan Islam adalah amat terhad. Walaupun dalam beberapa tahun kebelakangan ini ada usaha dan inisiatif dari kedua-dua pengamal perakaunan dan ahli akademik dalam memperkenalkan perspektif perakaunan Islam dan ianya masih lagi kurang dikaji dan diperdalam.

Meninjau ulasan karya dari perspektif perakaunan Islam, didapati bahawa terdapat banyak bukti kajian empirikal mengenai kewangan Islam tetapi perbincangan mengenai konseptual perakaunan Islam masih terbatas. Kebanyakan kajian lebih menjurus kepada Institusi Kewangan Islam, sedangkan Islam itu syumul untuk semua segenap makhluk dan juga institusi. Kekangan terhadap bukti empirikal ini menunjukkan keperluan untuk memperincikan lagi pengetahuan dan pemahaman tentang bagaimana perakaunan Islam boleh memberi manfaat kepada permasalahan perakaunan.


Dalam mengambil kira jurang dan profesion perakaunan ini selanjutnya, laporan ini memperkenalkan Kerangka Kerja Konseptual yang realistik, iaitu Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan Islam. Secara keseluruhannya, penyelidik cuba untuk membangunkan satu Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan berasaskan Islam. Dalam mengambil langkah untuk memajukan lagi saranan sarjana perakaunan seperti Mirza dan Baydoun (1999), laporan ini memberi penjelasan kepada persoalan apakah kelebihan Kerangka Kerja Konseptual Islam berbanding Kerangka Kerja Konseptual konvensional dengan menumpukan gambaran Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan dari kacamata Islam.

Bahagian berikutnya akan disusun seperti berikut, pertama ia menjelaskan Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan konvensional, diikuti dengan Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan Islam dan hujah yang berkaitan dengan jurang yang menyokong penggunaan Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan Islam.

2.6 Kerangka Kerja Konseptual Konvensional

Kerangka Kerja Konseptual konvensional menyediakan struktur untuk pembangunan piawaian dalam proses perakaunan. Godfrey, Hogson, Tarca, Hamilton dan Holmes (2010) menegaskan bahawa Kerangka Kerja Konseptual bermatlamat untuk menyediakan satu struktur teori perakaunan (p.94). Godfrey *et al* (2010) dalam buku bertajuk “*Accounting Theory*” menghuraikan beberapa manfaat yang diperolehi daripada Kerangka Kerja Konseptual seperti keperluan pelaporan yang konsisten dan logik kerana berpandukan kepada satu set konsep-konsep yang teratur.

Rajah 2.1 Objektif dan Tahap Kerangka Kerja Konseptual



Sumber : <http://yuliascaesar.blogspot.my/2014/12/ifrs-financial-report-framework.html>

Pada lumrahnya, laporan ini melihat bahawa Kerangka Kerja Konseptual konvensional (lihat Rajah 2.1) dilihat sebagai satu alat bagi menerangkan objektif, konsep dan kaedah-kaedah umum yang perlu bagi tujuan mempersembahkan laporan kewangan yang informatif dan lengkap. Dengan kata lain, Kerangka Kerja Konseptual konvensional bertindak sebagai sumber utama akauntan dalam membantu dan memberi penyelesaian kepada permasalahan perakaunan. Secara

khusus, Godfrey *et al* (2010) telah menghuraikan Kerangka Kerja Konseptual konvensional dalam beberapa tahap iaitu; definisi pelaporan kewangan, definisi entiti pelaporan, objektif, asas yang merangkumi ciri-ciri kualitatif dan unsur-unsur, tahap operasi yang merangkumi asas pengenalanpastian, asas dan teknik pengukuran, tahap pendedahan yang merangkumi pendedahan kedudukan kewangan, perubahan kedudukan kewangan dan pematuhan. Sebagaimana dinyatakan oleh Godfrey *et al* (2010), komponen-komponen dalam Kerangka Kerja Konseptual konvensional dibangunkan sebagai panduan bagi mengaplikasikan transaksi perakaunan bagi mengurangkan ketidakseragaman amalan dan memberi pemahaman yang jelas berkaitan pelaporan.

2.7 Kepentingan Kerangka Kerja Konseptual Perakaunan

Neo dan Berardo (1966) menyatakan tentang lima kepentingan Kerangka Kerja Konseptual; Pertama; memberikan satu definisi berkaitan konsep yang ingin diketengahkan supaya pengukuran yang baik akan dapat dibuat. Kedua, Kerangka Kerja Konseptual membantu penyelidik dalam membentuk idea-idea berkaitan kajian yang mereka akan lakukan. Ketiga, Kerangka Kerja Konseptual penting bagi memastikan keputusan substantif penyelidikan difahami terutamanya konsep-konsep yang diketengahkan. Keempat, pembangunan Kerangka Kerja Konseptual membolehkan komunikasi yang berkesan sesama ahli akademik, yang sering bercakap dalam pelbagai bahasa dan andaian tersirat dan konsep secara tidak sedar tanpa pertimbangan pembaca lain. Akhir sekali, Kelima ialah Kerangka Kerja Konseptual membolehkan penjelasan tentang andaian, terma rujukan, dan pembolehubah tersirat. Secara khususnya, Bab ini akan membincangkan tentang Kerangka Kerja Konseptual dalam bidang perakaunan.

Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) mendefinisikan Kerangka Kerja Konseptual dalam perakaunan sebagai *“This Conceptual Framework sets out the concepts that underlie the preparation and presentation of financial statements for external users”* (original emphasis). Definisi tersebut adalah adaptasi daripada Badan Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa (IASB). Ianya mengenengahkan dua konsep iaitu; Pertama, penyediaan dan pendedahan penyata kewangan; dan kedua, pengguna penyata kewangan. Pengguna penyata kewangan yang diterangkan dalam *“Preface to MASB Approved Accounting Standard”* iaitu:

“The functions of the MASB as set out in section 7(1) of the Financial Reporting Acts shall be the determination and issuance of accounting standards for the preparation of financial

statements which are required to be prepared or lodged under any law administered by the following regulators: (a) the Securities Commission. (b) Bank Negara Malaysia. (c) the Registrar of Companies.”

Sumber: (http://www.masb.org.my/pdf.php?pdf=Preface%20042015.pdf&file_path=pdf dicapai pada 28 September 2016)

Perenggan di atas menerangkan tentang dua pihak yang berkaitan dengan piawaian perakaunan; pihak yang membangunkan piawaian dan pengguna piawaian itu sendiri. Pihak yang pertama iaitu MASB bertanggungjawab terhadap pembangunan piawaian perakaunan atau pengubahsuaian piawaian pada masa hadapan. Manakala pihak yang kedua iaitu pengguna piawaian itu sendiri yang terdiri daripada penyedia penyata kewangan iaitu, akauntan dan entiti perniagaan, juruaudit, pelabur, kerajaan dan pihak-pihak lain yang berminat tentang pembangunan piawaian perakaunan.

2.8 Kelemahan Kerangka Kerja Konseptual Konvensional

Kerangka Kerja Konseptual yang didasari oleh MASB, samada diadaptasi atau dibuat beberapa perubahan adalah bersumberkan Kerangka Kerja Konseptual dan Piawaian yang dibangunkan oleh International Financial Reporting Standards(IFRS). Ianya diterangkan dalam laman sesawang MASB:

“These Standards contain material in which the International Financial Reporting Standards (IFRS) Foundation holds copyright and have been reproduced with the permission of the IFRS Foundation. Copyright in the International Financial Reporting Standards (including International Accounting Standards and Standing Interpretations Committee (SIC) and International Financial Reporting Interpretations Committee (IFRIC) Interpretations), International Accounting Standards Board (IASB) Exposure Drafts, and other IASB publications belong to the IFRS Foundation”.

Sumber: <http://www.masb.org.my/pages.php?id=2> (dicapai pada 28 September 2009)

Maka perbincangan tentang beberapa kelemahan Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan juga melibatkan Kerangka Kerja Konseptual yang dikeluarkan oleh IFRS. Sebagai contoh Pike dan Chui (2012) mencadangkan bahawa Kerangka Kerja Konseptual yang sedia ada tidak mempunyai asas yang cukup bagi penetapan piawaian (Pike & Chui 2012). Apa yang dimaksudkan oleh mereka ialah Kerangka Kerja Konseptual yang dibangunkan adalah didasari dengan bentuk perundangan “*rule based*” di mana Kerangka Kerja Konseptual tidak sepenuhnya dibangunkan bagi menyokong piawaian perakaunan yang diterima pakai.

2.9 Objektif Utama Kerangka Kerja Konseptual

Langkah pertama dalam Kerangka Kerja Konseptual konvensional bagi pembangunan sesuatu piawaian adalah menilai manfaat ekonomi. Kaedah ini menyebabkan Kerangka Kerja Konseptual konvensional sering dikaitkan dengan sistem ekonomi kapitalis, iaitu kepentingan piawaian hanyalah untuk golongan peniaga sahaja. Kerangka Kerja Konseptual konvensional telah meminimumkan perkara berkaitan tanggungjawab sosial (CSR) dalam piawaian perakaunan. Pendedahan CSR yang ada kini adalah berdasarkan kepada Kerangka Kerja Konseptual yang dibangunkan oleh institusi yang tak berkaitan secara langsung dengan institusi perakaunan, sebagai contoh institusi antarabangsa “*Global Reporting Initiatives*” dan institusi tempatan iaitu Bursa Malaysia yang menerbitkan “*Bursa Malaysia Sustainability Framework*”.

2.10 Institusi Pembangunan Kerangka Kerja Konseptual Konvensional

Terdapat dua badan antarabangsa yang terlibat dalam pembangunan Kerangka Kerja Konseptual konvensional iaitu IASB (*International Accounting Standards Board*) dan FASB (*Financial Accounting Standard Board*). Kebanyakan pengguna IASB terdiri dari negara-negara Komanwel, Eropah dan syarikat-syarikat yang disenaraikan di bursa-bursa saham di seluruh dunia. Manakala pengguna piawaian yang dikeluarkan oleh FASB pula adalah terdiri dari entiti perniagaan di Amerika Syarikat. Dalam bulan Julai 2006, kedua-dua badan ini bersetuju untuk berkerjasama dalam pembangunan Kerangka Kerja Konseptual dan mereka mengeluarkan kertas perbincangan bersama bertajuk “*Preliminary Views on an Improved Conceptual Framework for Financial Reporting: The Objective of Financial Reporting and Qualitative Characteristics of Decision-useful Financial Reporting Information.*”, (Kaminski & Carpenter, 2011). Pembangunan Kerangka Kerja Konseptual oleh FASB telah bermula sejak tahun 1970 lagi, dan struktur badan yang dipertanggungjawabkan telah dimulai pada tahun 1930. Sembilan belas tahun selepas itu, pada tahun 1979, IASB mula membangunkan Kerangka Kerja Konseptual. Seterusnya disemak semula pada tahun 2010 sebagai hasil projek bersama dengan negara penetap piawaian Amerika Syarikat iaitu FASB.

Kedua-dua institusi perakaunan ini (IASB dan FASB) mempunyai pendekatan berbeza dalam pembangunan piawaian perakaunan. FASB menjurus kepada pembangunan piawaian berasaskan peraturan (*Rule based standard*), manakala IASB ke arah pembangunan piawaian berasaskan prinsip (*Principle Based Standard*) yang dikenali sebagai “*objective-oriented*”. Di dalam “*Rule Based*”, piawaian menekankan kepada perundangan dan mempunyai arahan terperinci

dalam sesuatu piawaian perakaunan. Di bawah sistem berasaskan peraturan, akauntan mendapatkan akses kepada panduan terperinci pelaksanaan. Boleh dikatakan, peraturan tertentu mengurangkan ketidakpastian daripada peranan akauntan; yang akhirnya menyebabkan dalam piawaian aplikasi mekanikal peraturan khusus yang ditetapkan.

Manakala, “*Principle Based Standard*” menekankan tentang prinsip-prinsip perakaunan yang diterima pakai. Di bawah sistem berasaskan prinsip, pemahaman ini menguasai mana-mana kaedah lain. Oleh yang demikian, sistem berasaskan prinsip mengeluarkan piawaian perakaunan generik. Kaedah ini memerlukan akauntan untuk mempunyai pengetahuan yang kukuh dalam bidang perniagaan dan ekonomi. Dalam hal ini, akauntan perlu memahami secara menyeluruh mengenai perniagaan dan asas ekonomi urus niaga dan peristiwa sebelum memutuskan kaedah perakaunan.

Terdapat pelbagai pendapat tentang sama ada menggunakan kaedah ‘*rule based*’ atau ‘*principle based*’ ini. Paton dan Littleton (1940) menegaskan bahawa mana-mana piawaian perakaunan perlu berasaskan prinsip dan mempunyai asas konseptual yang membimbing ke arah piawaian. Manakala FASB dalam tahun 2002, mengakui kelemahan kaedah ‘*rule based*’ dalam pembentukan piawaian perakaunan. Manakala pendapat ini diketengahkan mungkin salah satu penyumbang kepada skandal kewangan Enron yang melanda Amerika Syarikat pada tahun 2001 (Barker & Hayer, 2005).

2.11 Kerangka Kerja Konseptual dan Campur Tangan Politik

Solomons (1986) berpendapat Kerangka Kerja Konseptual sebagai satu alat yang digunakan oleh institusi perakaunan bagi mengelak campur tangan politik dalam pembangunan piawaian perakaunan. Kerangka Kerja Konseptual membantu institusi perakaunan untuk merangka piawaian yang akan membawa kepada pengeluaran maklumat yang mempunyai kualiti dan ciri-ciri yang diperlukan untuk mencapai objektif perakaunan.

Terdapat tiga teori berkaitan dengan pengaruh politik iaitu “*Public Interest Theory*”, “*Capture Theory*” dan “*Private Interest Theory*”. “*Public Interest Theory*” menunjukkan bahawa campur tangan kerajaan dalam proses penetapan piawaian perakaunan adalah untuk membetulkan kegagalan dalam pasaran untuk maklumat perakaunan. Di bawah “*Capture Theory*” peraturan kumpulan berkepentingan di anggap cuba untuk mendapatkan kawalan pengawal selia untuk

mencapai pengagihan kekayaan yang diinginkan. “*Private Interest Theory*” menegaskan bahawa saiz kumpulan yang lebih kecil mempunyai minat yang lebih mudah bagi mereka untuk mengatur dan menggunakan proses politik. Ia juga menegaskan bahawa peraturan tidak timbul akibat daripada tindak balas kerajaan untuk permintaan orang ramai tetapi peraturan yang dicari oleh ‘pengeluar’ kumpulan kepentingan peribadi dan direka bentuk serta dikendalikan terutamanya untuk manfaat daripadanya.

2.12 Kritik Kepada Kerangka Kerja Konseptual Konvensional

Sejak kebelakangan ini, telah timbul kesedaran bahawa Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan konvensional perlu dikritik akan keberkesanannya dalam memenuhi keperluan pelbagai pihak. Nampaknya kekaburan dan kerumitan urusan perniagaan kini menghalang keupayaan Kerangka Kerja Konseptual konvensional untuk mengiktiraf sifat sesuatu urusan itu dan masalah pengukuran pula timbul disebabkan lanjutan dari kekaburan pengiktirafan sesuatu sifat urusan. Sebagai contoh, para sarjana membincangkan bahawa pendekatan ‘*rule-based*’ tidak sesuai di masa kini. Umpamanya, Godfrey et al (2010) menjelaskan bahawa pendekatan ‘*rule-based*’ tidak berkesan kerana ia mengundang manipulasi peraturan.

Terdapat juga masalah totalitarisme ekonomi di mana kebergantungan kepada manfaat ekonomi. Apa yang ketara, teori perakaunan sangat berhubungan dengan pemaksimuman kekayaan (teori ekonomi) menyebabkan keutamaan kebiasaannya kepada keuntungan. Keutamaan ini menyebabkan berlakunya secara menonjol ketidakseimbangan keperluan dan kepentingan sosial. Andaian sesetengah sarjana, Kerangka Kerja Konseptual konvensional adalah didorong oleh kepentingan diri, justeru itu profesion perakaunan telah mewarisi falsafah Adam Smith. Akibatnya, terdapat ketidakseimbangan sosial di mana pemaksimuman kekayaan dipusatkan kepada kepentingan golongan tertentu sahaja. Kebelakangan ini, ketidakseimbangan sosial adalah jelas di mana banyak skandal korporat menunjukkan unsur pengambilan kesempatan wujud. Ini membuktikan bahawa orientasi pengaplikasian teori ekonomi telah diterap dengan tebal dalam pemikiran dan pelaksanaan Kerangka Kerja Konseptual konvensional.

2.13 Apakah Pilihan kepada Kritis Kerangka Kerja Konvensional?

Kewujudan AAOIFI dan pengstrukturannya piawaian perakaunan oleh AAOIFI membuktikan usaha untuk mencari penyelesaian dibuat ke atas ketidakberkesanan dan kepincangan dalam melestarikan Kerangka Kerja Konseptual konvensional. Napier dan Haniffa (2011) dalam buku *'Islamic Accounting'* telah memberi gambaran bahawa perakaunan Islam dapat menyelesaikan masalah perakaunan. Mereka menegaskan bahawa perakaunan Islam mungkin diperlukan pada masa akan datang. Perkara yang sama telah diujah sejak 2002 terutamanya oleh Haniffa dan Hudaib di mana mereka berpendapat alternatif ataupun pilihan kepada Kerangka Kerja Konseptual konvensional adalah perlu untuk mengatasi permasalahan perakaunan yang tidak seimbang dan saksama. Tambahan lagi, Haniffa dan Hudaib (2002) telah menyarankan alternatif Kerangka Kerja Konseptual mengikut syariah Islam sebagai asas amalan perakaunan. Cadangan mereka disokong oleh Napier dan Haniffa (2011), seorang professor bidang perakaunan bahawa perakaunan Islam diperlukan dan sepatutnya berkembang seiring dengan perkembangan industri perbankan Islam yang tidak secara langsung akan mengalakkan perakaunan Islam.

2.14 Perakaunan Dalam Islam

Sesuatu yang menakjubkan, terdapat ayat di dalam Al Quran sebagai contohnya surah Al-Baqarah, ayat 282 yang telah menjadi perlembagaan dan penunjuk jalan bagi seseorang Islam untuk mengambil kira disegi membuat catatan terhadap setiap aktiviti ekonominya. Selain daripada itu, terdapat juga ayat Al Quran yang secara tidak langsung merujuk kepada keperluan perakaunan khususnya dalam menegakkan keadilan dalam segala urusaniaga yang kita lakukan seperti yang terdapat dalam surah al-Muthaffifin, ayat 1 – 6 yang bermaksud,

"Kecelakaan besarlah bagi orang-orang yang curang. Iaitu orang-orang yang apabila menerima sukatan dari orang lain mereka minta dipenuhi. Dan apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain, mereka mengurangi. Tidakkah orang-orang itu yakin, bahawa sesungguhnya mereka akan dibangkitkan. Pada suatu hari yang besar. Iaitu hari manusia berdiri menghadap Tuhan semesta alam".

Asfadillah, Nur Latifah dan Sukmana (2012) dalam penulisan mereka mengenai perakaunan dalam Islam membincangkan polisi perakaunan yang menyokong kenyataan di atas, bahawa konsep akauntabiliti itu adalah fundamental atau asas dalam Islam. Secara khususnya,

Asfadillah *et al* (2012) menterjemahkan ayat tersebut dalam konteks polisi perakaunan seperti berikut:

- a) Ketepatan, kesempurnaan dan ketelusan dalam merekod kedua-dua urusan kewangan dan perniagaan oleh akauntan yang bertaualiah.
- b) Kontrak bertulis mesti dibuat sebagai bukti terutamanya terhadap kontrak hutang.
- c) Kontrak bertulis mesti mempunyai sekurang-kurangnya dua orang saksi lelaki atau seorang lelaki bersama-sama dua orang saksi perempuan yang jujur sebagai mekanisma semak dan imbang, memastikan ketepatan akauntabiliti dan memastikan pihak yang berkontrak dengan benar memegang kewajipan kewangan mereka.
- d) Kematanan atau kematerialan (*materiality*) adalah penting untuk memastikan pengiktirafan yang tepat daripada jumlah urusan kewangan dan perniagaan, hak dan tanggungjawab kedua-dua pihak yang berkontrak.
- e) Takut kepada tuhan (Allah SWT) untuk semua pihak yang mengurusniaga bagi memastikan kesaksamaan dan keadilan dalam perakaunan bagi sesuatu urusan kewangan dan perniagaan.

2.15 Kerangka Kerja Konseptual Islam

Sebagaimana Kerangka Kerja Konseptual konvensional, Kerangka Kerja Konseptual Islam menyediakan maklumat untuk membuat keputusan dan maklumat tersebut mengandungi prinsip-prinsip bagi tujuan perniagaan dan perakaunan untuk perniagaan tersebut. Walau bagaimanapun, konsep Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan Islam berlandaskan kepada konsep khalifah di mana setiap manusia mempunyai tanggungjawab kepada Allah SWT dan pada manusia. Dari perspektif perakaunan, setiap khalifah wajar untuk menyediakan akaun untuk perniagaan dengan jelas dan konsisten selari dengan konsep khalifah.

Satu lagi keunikan Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan Islam adalah ia mengaitkan objektif perakaunan bagi perniagaan tersebut dengan kepercayaan kepada keesaan Tuhan dan Tuhan (Allah SWT) juga adalah pemilik mutlak segala kekayaan serta manusia hanyalah sekadar pemegang amanah sahaja. Dalam Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan Islam, hubungan agama dengan perniagaan tidak boleh dipisahkan. Atas dasar itu, Mirza dan Bardouyn (1999) mencadangkan satu kerangka kerja perakaunan bertujuan untuk menyediakan piawaian perakaunan yang selaras dengan kehendak syariah. Rajah 2.2 menggambarkan konsep Kerangka

Kerja Konseptual pelaporan kewangan Islam yang dicadangkan oleh Mirza dan Bardouyn (1999).

Rajah 2.2: Membangunkan Piawaian Perakaunan Untuk Masyarakat Islam
(*Developing Accounting Standards for an Islamic Society*)



Sumber: Mirza, M. dan Baydoun, N. (1999). *Developing Accounting Standards for an Islamic Society. Accounting Policy Choice in an Interest-Free Environment. Working Paper No. 1999-014.*

Selain Mirza dan Baydoun (1999), Haniffa and Hudaib (2002) turut memperkenalkan Kerangka Kerja Konseptual berlandaskan Islam. Menurut Haniffa and Hudaib (2002), objektif utama perakaunan sepatutnya distrukturkan berlandaskan tiga konsep asas iaitu *al-adl*, *al-ihsan* dan *al-falah*. Menurut Haniffa and Hudaib (2002), perakaunan Islam sepatutnya mengambil kira bukan sahaja perkara-perkara teknikal tetapi authoriti. Asas-asas etika wahyu seperti *mu'minun*, *'adl*, *tazkiyah*, *amanah*, *mas'uliyah*, *'ilm*, *syura*, *balaghah* dan kebijaksanaan adalah prinsip-prinsip yang memberi jalan dalam pembentukan teknikal iaitu dalam menyelesaikan permasalahan pendedahan dan pengukuran. Zakat umpamanya, menitikberatkan status urusanniaga yang halal and kewaspadaan merekod and mengamati tarikh kejadian urusanniaga bagi tujuan zakat amatlah penting.

Rajah 2.3: Pilihan Pembangunan Kerangka Kerja Konseptual Islam



Rajah 2.3 pula adalah cadangan pilihan yang lebih terperinci dimana Haniffa dan Hudaib (2002) telah merekabentuk Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan Islam di mana perakaunan dikenalpasti dalam Islam sebagai sebahagian daripada agama (*al-deen*). Bertitik tolak di atas fakta tersebut, Allah SWT tidak menafikan bahawa perakaunan adalah amat diperlukan dan ianya jelas dapat diperhatikan dalam surah al-Baqarah, ayat 282 yang mana ayat itu menekankan kepada proses perekodan sebagai sebahagian daripada aktiviti perniagaan.

"Hai orang-orang yang beriman, apabila anda bermuamalat dengan secara hutang sehingga suatu masa yang ditentukan, hendaklah kamu menuliskannya. Dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menuliskannya dengan benar. Dan janganlah penulis itu enggan menuliskannya sebagaimana Allah SWT telah mengajarkannya....".

Ayat ini menunjukkan bahawa perakaunan adalah satu proses keagamaan dan sosio-ekonomi dan politik yang perlu disepadukan. Tambahan lagi, Allah SWT tidak mengecualikan perniagaan dan perakaunan dari segi Islam. Oleh yang demikian, tujuan utama perbincangan ini adalah untuk mengembangkan konsep ini yang mana ianya termasuk empat kriteria penting yang dipercayai merupakan fundamental atau asas dalam perakaunan untuk Kerangka Kerja Konseptual Islam. Jadual 1 di bawah menggambarkan kriteria-kriteria tersebut.

Jadual 1: Kriteria aktiviti ekonomi menurut Islam

	Kriteria-Kriteria Aktiviti Ekonomi Yang Dipertimbangkan Dalam Perakaunan Islam
1	Kehalalannya (dibenarkan dalam Islam)
2	Bebas daripada <i>syubhah</i> (kesamaran)
3	Bebas daripada riba
4	Bebas daripada <i>gharar</i> (ketidakpastian)
5	Bebas daripada judi

Sumber: Dari kajian penyelidik

Kriteria yang dinyatakan di atas menggambarkan satu proses bersepadu dalam menjalankan perniagaan di mana aktiviti perniagaan adalah sebahagian daripada ibadah dan perakaunan bagi sesuatu kejadian atau urusaniaga tersebut mestilah sejajar dengan ibadah. Oleh itu manusia sebagai khalifah Allah SWT, berkewajipan melaksanakan tugasnya sebagai wakil atau khalifah kepada Allah SWT di atas muka bumi ini. Dengan kata lain, setiap manusia itu mempunyai tanggungjawabnya sebagai khalifah. Tambahan lagi, terdapat satu lagi ayat dalam al-Quran yang menegaskan kepada manusia sebagai khalifah di atas muka bumi ini. Ayat tersebut adalah dalam surah al-Baqarah, ayat 30 yang bermaksud:

"Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: "Sesungguhnya aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi". Mereka berkata: "Mengapa engkau hendak menjadikan khalifah di bumi itu orang yang akan membuat kerosakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji engkau dan mensucikan engkau?" Tuhan berfirman: "Sesungguhnya aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui".

Pengakhiran yang muktamad bagi sesuatu urusaniaga perniagaan adalah untuk memenuhi lima kriteria Islam. Islam melarang amalan judi dan riba serta meminta umatnya berhati-hati dalam masalah *syubhah*. Ini bertepatan dengan al-Quran dalam surah al-Baqarah, ayat 275 dan 276 yang bermaksud;

"Orang-orang yang memakan riba tidak dapat berdiri (pada hari kiamat) melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk oleh syaitan (iblis) dengan terhayong-hayang kerana sentuhan syaitan tersebut. Itu adalah kerana mereka berkata: "Sesungguhnya perniagaan itu sama sahaja seperti riba, padahal, Allah SWT telah menghalalkan perniagaan dan mengharamkan riba. Oleh itu, sesiapa yang telah datang kepadanya nasihat dari Tuhannya dan berhenti memakan riba, maka apa yang telah diambilnya dahulu sebelum pengharaman itu adalah menjadi haknya dan hal itu terserahlah kepada

Allah SWT, dan sesiapa yang mengulanginya lagi, maka mereka adalah penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya”.

"Allah SWT akan menyusutkan harta riba dan akan menyuburkan sedekah. Dan Allah SWT tidak suka kepada setiap orang-orang yang kafir lagi berdosa”.

Dari perspektif Islam, setiap seseorang khalifah mempunyai tanggungjawab terhadap khalifah yang lain. Oleh yang demikian, ia bererti bahawa manusia hanyalah wasilah agar sistem tersebut dapat berjalan secara berkesan dalam landasan yang *haq*. Manusia mempunyai misi yang tersendiri untuk melakukan amalan makruf sebagai hamba yang bertanggungjawab kepada Tuhannya (Allah SWT). Setiap tindakan mesti selari dengan kehendak Allah SWT. Tambahan lagi, Rasulullah SAW telah bersabda: "Setiap kamu adalah pengembala dan setiap pengembala tersebut bertanggungjawab kepada segala penggembalaannya".

2.16 Perbincangan Keistimewaan Kerangka Kerja Konseptual Perakaunan Islam

Perbezaan yang nyata dalam sesuatu Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan Islam adalah sifatnya yang lebih menfokuskan kepada keesaan Allah SWT yang menitikberatkan persoalan ibadat kepada Allah SWT dalam segala bentuk perbuatan sama ada yang berkaitan terus kepada Allah SWT seperti ibadat khusus mahu pun yang berkaitan secara tidak langsung kepada Allah SWT seperti ibadat umum contohnya dalam soal perakaunan ini. Tumpuan ibadat adalah untuk melakukan amalan soleh ataupun sesuatu kebajikan yang membawa kesejahteraan kepada makhluk ciptaan Allah SWT. Oleh itu, dalam perakaunan Islam, pemfokusan adalah kepada satu bentuk akauntabiliti sosial daripada akauntabiliti peribadi sebagaimana yang dipegang dalam piawaian perakaunan kewangan barat (Baydoun & Willett, 2000).

Tambahan lagi, disebabkan fokus Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan Islam ini lebih kepada konsep mengutamakan Allah SWT dalam segala urusannya sama ada secara khusus ataupun umum melalui pegangan terhadap konsep khalifah di atas muka bumi ini, maka maklumat perakaunan kewangan yang dibentangkan memberi tumpuan kepada semua pihak yang berkepentingan; pemilik, pelabur, pemiutang, pengurusan, pekerja, dan juga masyarakat. Bukan terhad kepada pemegang taruh dan mereka yang berkepentingan secara langsung sahaja. Ia telah memberi inspirasi kepada kemunculan perakaunan sosial ekonomi, perakaunan nilai tambah, dan perakaunan sumber manusia. Konsep ini adalah lebih serasi untuk perakaunan mesra alam kerana ianya bersifat "cinta Allah SWT" (Harahap, 2008). Oleh itu, jika cinta Allah

SWT diberi keutamaan, sudah tentulah segala keperluan makhluk yang dijadikan Allah SWT akan tercapai dengan sendirinya kerana kejadian kita semua berasal dari Allah SWT. Akan tetapi jika kita hanya cuba memuaskan hati makhluk-makhluk terpilih sahaja, sudah tentu keredaan Allah SWT belum pasti tercapai dan sudah tentulah keberkatan dan kerahmatan Allah SWT akan jauh untuk dikecapi. Akibatnya kita akan jauh dari kejayaan yang hakiki.

Bagaimanapun, beberapa pengkaji telah mendapati nilai yang terdapat dalam konsep yang berasaskan Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan Islam ini kurang diminati dan diamalkan oleh masyarakat walaupun mereka terdiri daripada masyarakat Islam. Yaya (2004) cuba untuk melihat sama ada penyata yang berteraskan Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan Islam membawa kepada perbezaan penggunaan yang ketara daripada penyata yang sedia ada dalam kerangka perakaunan konvensional. Hasilnya menunjukkan bahawa subjek dalam kajian tersebut tidak membawa kepada perbezaan tersebut. Hal ini adalah selari dengan dapatan seorang lagi pengkaji di Malaysia, yang membandingkan pendapat responden Islam mengenai penyata tersebut dari segi penggunaannya (Sulaiman, 2003).

Berdasarkan kepada penulisan di atas, ternyata bahawa Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan Islam adalah jauh berbeza dari segi dasarnya yang membawa kepada perbezaan dari segi falsafah, matlamat dan tujuannya. Secara umumnya, kerangka kerja perakaunan Islam adalah berasaskan wahyu sedangkan kerangka kerja perakaunan konvensional adalah berasaskan penerimaan umum yang bertitik tolak dari pemahaman logik yang dapat diterima akal. Sesuatu yang luar biasa, terdapat juga sarjana perakaunan moden seperti Napier melalui penelitian dalam beberapa ulasan karya, yang bersetuju dengan Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan Islam sebagai pengganti kepada kerangka kerja perakaunan yang sedia ada. Perkara asas yang membezakan Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan Islam dengan yang sedia ada adalah tumpuan asasnya kepada mentauhidkan Allah SWT sebagai asas permulaan sesuatu konsep. Kriteria-kriteria dalam perakaunan Islam adalah berdasarkan kepada lima kriteria utama sebagaimana yang telah dibincangkan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kajian lepas yang telah dibuat mendapati bahawa kurangnya minat masyarakat khususnya masyarakat Islam dalam memberi tumpuan kepada amalan berdasarkan kerangka kerja perakaunan Islam secara amnya di dunia pada masa kini.

2.17 Rumusan

Berdasarkan sorotan kajian-kajian terdahulu, terdapat seolah-olah konsensus umum di dalam kalangan para penyelidik terdahulu bahawa tahap maklumat yang didedahkan oleh Institusi WZB di Malaysia adalah kurang memuaskan. Oleh itu, ini membayangkan kepada akauntabiliti yang kurang memuaskan di kalangan MAIN. Kajian lepas telah membuat cadangan yang sangat umum kepada Institusi WZB mengenai keperluan untuk melaksanakan tanggungjawab dengan memuaskan. Ini termasuk keperluan untuk mempunyai satu sistem perakaunan yang lebih sesuai, pendedahan maklumat yang lebih baik dan meluas dan pengurusan yang lebih cekap dan berkesan di dalam pentadbiran organisasi. Jelas sekali, apa yang diperlukan adalah preskripsi yang khusus mengenai sistem perakaunan yang diguna pakai oleh Institusi WZB dan jenis maklumat yang perlu didedahkan. Sebagai contoh, bagaimana harus dana zakat direkod di buku-buku akaun MAIN? Adakah ia betul untuk dana tersebut dianggap sebagai pendapatan MAIN seperti yang diamalkan sekarang? Bagaimana pula dengan perbelanjaan yang diguna pakai daripada dana WZB? Adakah perbelanjaan yang khusus sahaja boleh diambil daripada dana tersebut? Adakah buku akaun yang berasingan perlu digunakan untuk setiap kumpulan dana untuk wakaf, zakat dan baitulmal? Selaras dengan ini, adakah sistem perakaunan dana perlu diguna pakai oleh MAIN supaya maklumat bagi setiap jenis dana menjadi lebih telus? Khusus untuk wakaf, perlukah wakaf am dan wakaf khusus diambil kira secara berasingan? Adakah Kerangka Kerja Konseptual perlu dibangunkan dengan mewujudkan objektif (dan konsep) berdasarkan prinsip-prinsip Islam dan ajarannya dan mempertimbangkan objektif ini berbanding dengan pemikiran perakaunan kontemporari? Sebagai alternatif, adakah kita patut mulakan dengan objektif yang ditetapkan dalam pemikiran perakaunan kontemporari dan menguji objektif tersebut berdasarkan prinsip syariah. Ini adalah beberapa soalan-soalan yang akan dijawab di dalam Bab-Bab berikutnya.

BAB TIGA

Metodologi

3.0 Pengenalan

Bab ini menjelaskan tentang metodologi kajian. Tujuan bab ini adalah untuk menghuraikan kaedah kajian, kaedah cara pengumpulan dan analisis data dalam proses menjawab objektif kajian pertama hingga keempat. Berikut adalah penerangan struktur bab ini, pertama penyelidik memberi penerangan kaedah penyediaan, diikuti dengan penerangan kaedah metodologi yang digunakan, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis yang dibuat oleh penyelidik bagi tujuan menjawab persoalan kajian.

3.1 Kaedah Penyediaan

Kajian ini dibiayai oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). Perlu dijelaskan juga bahawa kerjasama dari semua Majlis Agama Negeri (MAIN) dan entiti yang diberikuasa oleh MAIN yang terlibat dalam kajian ini diperolehi. Input dari pakar Syariah (perundangan dan muamalat) serta pakar perakaunan dan kewangan Islam dari pelbagai universiti tempatan turut menyumbang kepada dapatan kajian. Ingin dimaklumkan juga bahawa penambahbaikan secara berterusan diadakan dari masa ke semasa di mana beberapa penemuan dengan wakil-wakil dari pihak JAKIM, JAWHAR, pakar perakaunan Islam, pakar muamalat dari universiti tempatan telah diadakan.

Berpandukan persoalan kajian, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) telah dijadikan persampelan utama kajian ini kerana ia adalah badan yang bertanggungjawab ke atas pentadbiran dan pengurusan harta WZB bagi setiap negeri. Seperti yang telah dijelaskan dalam Bab Satu laporan ini, kajian ini melibatkan 26 entiti yang terdiri daripada semua 14 MAIN termasuk Sabah dan Sarawak dan entiti-entiti yang diberi kuasa oleh MAIN bagi menguruskan WZB (Rujuk Lampiran 1- Senarai 26 entiti). Secara relevan dengan sifat dan kriteria kajian yang menjurus kepada subjektif, kajian ini telah menggunakan metodologi kualitatif. Metodologi kualitatif digunakan untuk mencapai Objektif Kajian Pertama, Kedua dan Ketiga. Kesesuaian metodologi kualitatif akan diterangkan di bawah.

3.2 Metodologi Kajian Secara Am

Seperti mana yang dinyatakan di atas, metodologi kualitatif digunapakai kerana sifat persoalan kajian amat bersesuaian dengan sifat kualitatif (rujuk objektif kajian pertama dan kedua di Bab Satu). Berpandu kepada pakar kualitatif yang ternama seperti Creswell, kajian kualitatif merupakan kajian yang direka untuk mengungkap fakta, dari fenomena, yang dibuat secara induktif. Mengambil saranan Creswell (2007) kaedah kualitatif digunakan bagi soalan kajian yang berbentuk subjektif. Kualitatif merupakan satu metodologi yang digunapakai bagi kajian yang melihat kepada persoalan kajian yang berbentuk sebagaimana adanya (*natural setting*) dan prosedur penelitian menjurus kepada persoalan yang berbentuk induktif. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengungkap fakta dari fenomena (rujuk permasalahan kajian). Maka menafsir dan mengolah data secara induksi amat bertepatan.

Lanjutan itu juga, proses kajian adalah menjurus kepada pengungkapan sesuatu yang belum diketahui. Memandangkan tiada maklumat yang cukup atau lengkap berkaitan sesuatu fenomena, penyelidik-penyelidik perlu membuat penyelidikan secara interaktif. Penelitian bersifat lentur dan terbuka, bermakna dapatan adalah berupa induktif. Memandangkan kesemua kriteria menepati kajian ini; maka penyelidik membuat keputusan dengan memilih metodologi kualitatif. Metodologi kualitatif mementingkan perincian kontekstual dan mengutamakan penelitian masalah yang berlandaskan kajian yang tidak berbentuk objektif dan berasaskan kepada perspektif *emic* yang mengutamakan pandangan responden. Sandaran utama metodologi kajian adalah Maqasid Syariah, Usul Fiqh dan Qawaid Fiqh yang diterangkan dalam sub-bahagian berikutnya.

3.2.1 Maqasid Syariah

Dari segi metodologi pembentukan Kerangka Kerja Konseptual perakaunan Islam; maka metodologi yang digunapakai juga bersandarkan kepada pandangan Imam As-Syatibi (Maqasid al-Shariah); sementara dari segi teknikal berdasarkan pandangan Imam As-Sayuti (Ashbah wa an-Nazair). Istilah “*Maqasid al-Syari‘ah*” secara mudahnya dalam Bahasa Malaysia, bolehlah diterjemahkan sebagai objektif atau tujuan ke jalan yang lurus atau tujuan Syariah (Mahmud, 1973). Dengan erti kata lain, ia bermaksud tujuan di sebalik penciptaan Syariah secara keseluruhannya dan disebalik setiap hukum secara terperinci di dalam kehendak Syariah. Pada awal pengenalan konsep maqasid *al-syari‘ah* ini, masih tiada lagi definisi yang jelas sehinggalah pada penulisan fuqaha mutakhir seperti Ibn ‘Asyur yang telah membahagikan Maqasid Syariah ini

kepada dua bahagian iaitu objektif umum dan objektif khusus (Ibn 'Asyur, 1945). Berdasarkan kepada pembahagian ini beliau mendefinisikan objektif umum (*maqasid 'ammah*) sebagai objektif yang merangkumi keseluruhan hukum yang terdapat dalam Syariah tersebut. Manakala objektif khusus (*maqasid khassah*) ialah merealisasikan objektif umum tersebut dalam perbuatan manusia tertentu. Seterusnya, beliau menggariskan beberapa contoh objektif umum tersebut seperti mencari kebaikan dan menolak keburukan, mengawal ketertiban umum, menghapuskan diskriminasi dalam masyarakat, menjadikan Syariah sebagai sesuatu yang hebat dan menjadikan umat Islam sebagai umat yang dihormati (Ibn 'Asyur, 1945). Sebaliknya, contoh bagi objektif khusus dalam muamalat masyarakat adalah seperti menjamin hutang melalui gadaian, memperkenalkan *syirkah* bagi mewujudkan kekuatan modal, menggalakkan penerimaan simpanan amanah melalui *wadi'ah* dan sebagainya.

Walaubagaimanapun, al-Fassyi menerangkan definisi *maqasid al-syari'ah* ini dalam bentuk yang lebih ringkas yang menjurus kepada kesempurnaan atau idealistik kepada Syariah dan rahsia di sebalik ketentuan setiap hukumnya (al-Fassyi, t.t). Tambahan lagi, al-Raisuni pula menyimpulkan erti kesempurnaan kepada Syariah itu adalah objektif umum manakala rahsia di sebalik ketentuan hukum itu adalah objektif khusus (al-Raisuni, 1995). Akan tetapi, al-Raisuni mencadangkan bahawa *maqasid al-syari'ah* atau objektifnya dipecahkan kepada tiga iaitu *maqasid 'ammah*, *maqasid khassah* dan *maqasid juz'iyah* (al-Raisuni, 1995).

Maqasid 'Ammah bermaksud objektif umum yang diambil kira oleh Syariah dalam menentukan hukum didalamnya. Kenyataan ini juga disepakati oleh Ibn 'Asyur dan al-Fassyi dalam menghuraikan perkara di atas. Selanjutnya, *Maqasid Khassah* bermaksud objektif khusus yang ingin direalisasikan oleh Syariah dalam bidang-bidang tertentu seperti perakaunan, perundangan, ekonomi, kewangan, pendidikan dan sebagainya. Sebaliknya, *Maqasid Juz'iyah* pula merupakan objektif yang lebih khusus atau objektif cabang. Iaitu yang diinginkan untuk direalisasikan oleh Syariah dalam setiap hukum tertentu sama ada wajib, sunat, sebab, syarat, penghalang dan sebagainya. Inilah kategori yang menjadi tumpuan fuqaha yang menjadi pakar bidang tertentu yang lebih mengetahui keperluan dalam kes-kes tertentu seperti keperluan bagi perakaunan Islam, pengurusan harta faraid, pengurusan wakaf dan sebagainya.

Konsep asas terhadap pembinaan sesuatu *maqasid al-syari'ah* itu adalah justifikasi hukum (*ta'lim al-ahkam*) (al-Badwai, 2000). Justifikasi hukum ini perlu untuk mencapai tujuan Syariah baik

secara umum mahupun secara khusus iaitu membawa kemaslahatan dan menolak kemudaratan (*jalb al-maslahah wa daf' al-madarrah*). Kitab “*al-Mustasfa*” menghuraikan maksud kemaslahatan bermaksud memperolehi faedah atau terlepas daripada kemudaratan (al- Ghazali, 505 h). Bagaimanapun, faedah yang dikatakan itu, bukanlah sekadar objektif makhluk semata-mata. Sebaliknya apa yang sebenarnya ialah menjaga objektif syarak dalam mencipta Syariah. Objektif-objektif tersebut ialah menjaga agama, menjaga nyawa, menjaga akal, menjaga keturunan dan menjaga harta. Pendek kata, setiap yang menjamin kelangsungan lima perkara itu dikira sebagai *maslahah* dan sebaliknya, setiap yang mengancamnya dikira sebagai *mafsadah* (al- Ghazali, 505 h). Pada pandangan al-Ghazali, pada asalnya *maslahah* bermaksud pencapaian objektif manusia, akan tetapi ia sebenarnya adalah bagi pencapaian objektif Syariah terhadap menjaga kepentingan lima perkara di atas. Ini disokong pula oleh As-Syatibi dengan menegaskan bahawa kebaikan yang hakiki dan sebenar adalah mampu menegakkan hidup dan bukannya menyebabkan keruntuhan dan yang mampu meraih keuntungan serta mencapai kejayaan dalam hidup akhirat. Ringkasnya, ia bukan sekali-kali nafsu pencapaian kebaikan biasa atau penolakan terhadap keburukan biasa kerana Syariah datang dengan tujuan untuk melepaskan manusia daripada kongkongan hawa nafsu yang tidak terbatas agar dia menjadi hamba Allah yang berjaya (*falah*) (al-Syatibi, 790 h). Oleh itu, beliau berkata bahawa tidak boleh berkompromi dengan kehendak hawa nafsu dalam menentukan jalan hidup atau dalam melihat hidup ini melalui perancangan jangka pendek semata-mata. Apa yang penting bagi Syariah ialah perkara yang lebih besar iaitu kebaikan yang boleh menunjangi agama dan hidup, bukannya semata-mata untuk memenuhi hawa nafsu.

Al-Ubaidi (1992) dalam karangannya telah menceritakan bahawa Imam Syatibi (790 h) menjelaskan maqasid shariah secara amnya adalah setiap hukum yang berlegar pada orang yang dikenakan syarak dalam setiap keadaan ataupun hal baik perkataan, perbuatan, mahupun iqtiqadnya. Dalam penulisan Imam As-Shatibi (790 h) jelas bahawa tujuan maqasid shariah secara keseluruhannya adalah untuk menjaga undang-undang alam ini dengan mengutamakan kemaslahatan dan menolak kerosakan. Hasil daripada ijtihad para mujtahid yang memperbahaskan ilmu maqasid shariah ini maka mereka berpendapat bahawa terdapat tiga keadaan iaitu *masalah daruriyyat* (primer), *masalah hajiyyat*, dan *masalah tahsiniyyat*. Masalah daruriyyat iaitu memperbaiki keatas lima perkara iaitu menjaga agama, diri, akal, keturunan, dan harta. Masalah hajiyyat adalah kemestian untuk memenuhi hajat. Masalah daruriyyat merupakan masalah yang sangat penting dalam kehidupan dimana apabila berlaku pengabaian maka setiap perkara yang dilakukan oleh seseorang akan menjumpai kerosakan.

Maslahah hajiyyat pula adalah pengikutnya sebagai contoh dalam muamalat masalah daruriyatnya adalah menjaga harta. Masalah hajiyyat pula adalah ke atas tujuannya di mana harta itu dibelanjakan ke arah kebaikan. Masalah yang ketiga pula adalah masalah tahsiniyyat iaitu setiap apa yang berulang padanya adat-adat yang baik dan akhlak yang terpuji, memperjelaskan kemuliaan serta perasaan selamat. Tujuan masalah tahsiniyyat ini adalah untuk mencapai persepaduan di antara umat islam agar hidup di dalam keharmonian.

Ekoran hal ini, Syariah memberi jaminan terhadap kepentingan asas (*al-daruriyyah*), keperluan biasa (*al-hajiyyah*) dan keperluan ketinggian mutu (*al-tahsiniyyah*). Kepentingan-kepentingan utama termasuklah dalam jaminan terhadap agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Kepentingan asas (*al-daruriyyah*) bertujuan untuk menjaga kepentingan hidup manakala keperluan biasa (*al-hajiyyah*) bertujuan untuk menjaga keperluan hidup. Seterusnya, keperluan ketinggian mutu (*al-tahsiniyyah*) pula bertujuan untuk menjaga kemewahan hidup (As-Syatibi, 790 h). Secara umumnya, yang dimaksudkan dengan kepentingan hidup itu ialah sesuatu yang menjadi asas kepada penerusan hidup itu sendiri, yang tanpanya akan menjadikan manusia merana atau binasa. Ia terkandung dalam lima perkara yang telah dikatakan sebelum ini iaitu agama, nyawa, akal, harta dan keturunan. Berhubung dengan keperluan hidup pula, ia merupakan apa-apa keperluan yang bertujuan untuk melegakan suasana hidup dan menghapuskan rasa sempit dan serba salah. Tanpanya, kehidupan akan menjadi susah dan tidak selesa. Akan tetapi, ia boleh terus berpanjangan dan tidak memudaratkan seseorang. Sementara itu, kemewahan hidup pula bersifat nilai tambah yang tidak menyentuh soal keperluan apa lagi kepentingan hidup. Ia tidak bersifat penting atau perlu tetapi bersifat mengelakkan pencapaian atau lebih melicinkan lagi cara atau kaedah yang digunakan.

3.2.2 Usul Fiqh

Al-Razi (1209) telah menyatakan bahawa usul fiqh terdiri daripada dua perkataan yang membawa maksud yang berbeza iaitu usul dan fiqh. Sebelum mengetahui makna asal usul fiqh seharusnya mengetahui satu persatu makna pada kalimah “usul (الأصول)” dan “fiqh (الفقه)” kemudian baru mengetahui makna asal usul fiqh itu sendiri. Zuhaily (2009) menyatakan bahawa “usul (الأصول)” adalah kata jama’ pada kalimah “al-ashl (الأصل)” dalam Bahasa arab ataupun dikenali sebagai plural dalam Bahasa melayu yang memberi makna apa yang terbina keatas binaan itu yang lainnya, samada secara hissi ataupun maknawi. Dari segi istilah pula, terdapat beberapa definisi daripada sudut syarak yang telah disepakati oleh para ulama’ pada kalimah “asal (الأصل)” iaitu al-dalil, kaedah kuliyyah, al-rajhan, surah muqayyas alaiha, dan al-

mustashab. Akan tetapi Zuhaili (2009) telah menyatakan bahwa makna yang paling sesuai untuk usul fiqh pada kalimah asal adalah al-dalil iaitu satu bukti yang menunjukkan sesuatu itu terbina keatas yang lainnya seperti datangnya dalil daripada Qur'an, As-Sunnah, ijma', qias dan sebagainya yang menyuruh setiap mukallaf supaya membayar zakat dan sebagainya lagi.

Kalimah “fiqh (الفقه)” pula menurut Khin, Bukho, dan Sharbaji (1992) di dalam karangannya fiqhul minhaji telah menyatakan makna kalimah fiqh dari sudut Bahasa adalah “al-fahmu (الفهم)” iaitu pemahaman. Al-Razi (1209) berpendapat bahawa makna fiqh dari sudut Bahasa adalah memahami percakapan daripada orang yang bercakap. Manakala dari sudut istilah pula Al-Razi (1209); Khin, dan lain (1992); dan Zuhaili (2009) bersepakat bahawa makna fiqh dari sudut istilah adalah;

معرفة الأحكام الشرعية العملية المكتسبة من ادلتها التفصيلية

"Mengetahui hukum-hukum syarak yang bersifat amaliyyah dengan dalil-dalil yang terperinci".

Seperti yang disarankan oleh Al-Razi (1209) supaya mengetahui makna satu persatu kalimah usul dan fiqh maka menurut Al-Razi (1209) dan Zuhaili (2009) usul fiqh secara umumnya adalah:

علم يبحث عن أدلة الفقه الإجمالية وكيفية الاستفادة منها وحال المستفيد

"Ilmu yang membahaskan tentang dalil-dalil fiqh yang umum dan bagaimana cara untuk mengambil faedah darinya dan juga mengetahui keadaan orang yang mengambil faedah."

3.2.3 Qawaid Fiqh

Qawaid adalah kata jama' yang berasal daripada perkataan qaidah (As-Sayuti, 911 h). Makna (القاعدة) di dalam bahasa Arab ialah asas. Manakala fiqhiyyah pula adalah datang daripada perkataan fiqh dimana ia membawa maksud ilmu tentang hukum syarak yang bersifat amali (praktis) yang diperolehi daripada dalil-dalil yang terperinci. Menurut Al-Ansari (2012) bahawa qawaid fiqhiyyah secara terperinci dapat didefinisikan sebagai suatu hukum yang bersifat keseluruhan yang dapat diaplikasikan kepada seluruh bahagiannya agar dapat dikenalpastikan hukum-hukum bahagian tersebut darinya. Terdapat beberapa fungsi dan peranan qawaid fiqh antaranya adalah memelihara dan menghimpunkan pelbagai masalah yang sama serta menyelesaikannya, menunjukkan hukum yang sama ilatnya meskipun berbeza masalahnya akan


tetapi merupakan jenis ilat yang sama serta menunjukkan masalahnya. Hal ini berlaku kerana asal setiap hukum sebahagian besarnya yang terkandung didalam ushul fiqh tidak mengkaji hikmah pensyariatan dan maksudnya, akan tetapi ianya hanya mengkaji bagaimana hukum-hukum daripada lafaz syarie dengan menggunakan kaedah yang mungkin dapat mengeluarkan furu' dari lafaz-lafaz syarie tersebut. Sebaliknya didalam qawaid fihiyyah terdapat maksud-maksud yang tertentu di dalam lafaz tersebut secara khusus mahupun umum. Ia juga dapat disimpulkan bahawa terdapat rahsia-rahsia hukum dan hikmahnya. Qawaid fihiyyah juga berperanan sebagai satu sumber yang memudahkan setiap mukallaf mengetahui secara jelas serta memahami hukum perbuatan seseorang yang ditaklifkan pensyariatan. Terdapat lima qawaid fihiyyah yang asas iaitu tiap-tiap perkara mengikut tujuannya, keyakinan tidak dapat dihilangkan oleh keraguan, kesukaran mendatangkan kesenangan, kemudharatan dihilangkan atau dihindarkan, kebiasaan (yang hidup dalam satu masyarakat Islam) dapat dijadikan sebagai hukum.

Dalam konteks perakaunan Islam pula, ketiga-tiga tahap kepentingan ini boleh ditafsirkan kepada maklumat-maklumat yang akan didedahkan dalam pelaporan sama ada ia mendatangkan manfaat atau pun mudarat kepada masyarakat dan bukannya kepada mata benda atau material yang diperbincangkan. Hal ini penting agar tidak disalah tafsir oleh pihak-pihak yang hendak menilai hal sedemikian.

3.3 Kaedah Pengumpulan Data - Objektif Kajian Pertama

Objektif kajian pertama bagi penyelidikan ini adalah untuk memahami amalan semasa perakaunan dan pelaporan MAIN (atau entity yang diberi kuasa oleh MAIN) dan mengenalpasti jurang yang wujud di antara amalan semasa dengan *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS). Kaedah pengumpulan data bagi menjawab objektif kajian pertama ini adalah berdasarkan analisis terhadap dokumen melalui laporan tahunan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri dan dibandingkan dengan piawaian perakaunan berasaskan MPSAS. MPSAS 1, MPSAS 2, MPSAS 3 dan MPSAS 6 disenaraikan bagi digunakan untuk membuat perbandingan dengan amalan perakaunan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri bagi WZB. Pengumpulan data ini menghasilkan maklumat secara deskriptif antara Majlis Agama Islam Negeri-negeri. Rajah 3.1 di bawah menunjukkan secara terperinci bagaimana proses pengumpulan data bagi mencapai objektif kajian pertama.

Rajah 3.1: Proses Pengumpulan Data Objektif Kajian Pertama



3.4 Kaedah Pengumpulan Data - Objektif Kajian Kedua

Pengumpulan data bagi mencapai objektif kajian kedua ialah melalui bahan-bahan dokumentasi dan temubual yang kemudiannya disahkan untuk Kerangka Kerja Konseptual perakaunan Islam. Kaedah ini adalah bersandarkan kepada pandangan Imam As-Syatibi (al-muwafaqat), sementara dari segi teknikal berdasarkan pandangan imam AS-Sayuti (Ashbah wa an-Nazair).

Bagi tujuan menentukan keutamaan pelaporan perakaunan dari daruriyyat, hajjiyyat dan tahsiniyyat adalah merujuk kepada pandangan As-Syatibi (790 h) berkaitan dengan maqasid syariah di mana ia membincangkan tentang daruriyyat, hajjiyyat dan tahsiniyyat yang masing-masing ingin memenuhi kehendak penjagaan agama, jiwa, aqal, keturunan dan juga harta. Sementara teknik pelaporan berdasarkan kepada pandangan Imam As-Sayuti (911 h) berkaitan dengan qawaid fihiyyah yang rata-ratanya melihat kepada lima kaedah utama iaitu tiap-tiap perkara mengikut tujuannya, keyakinan tidak dapat dihilangkan oleh keraguan, kesukaran mendatangkan kesenangan, kemudharatan dihilangkan atau dihindarkan, kebiasaan (yang hidup dalam satu masyarakat islam) dapat dijadikan sebagai hukum.

Kajian ini mengambil kira pandangan Creswell (2007), iaitu dalam penelitian kajian data dikumpulkan dalam keadaan yang asal (*natural setting*). Penyelidik sebagai alat penelitian membuat pengumpulan data secara langsung dengan set kajian. Kebiasaannya, temubual menjadi kaedah pengumpulan data utama. Bagi tujuan kajian ini, perkara disandarkan (berpandukan) oleh Creswell (2007) amat bertepatan dengan situasi kajian. Oleh itu temubual merupakan kaedah pengumpulan data yang utama dalam membangunkan Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan Islam. Dalam penelitian kualitatif, kaedah triangulasi telah dilakukan secara ekstensif.

Bagi menjawab objektif kajian kedua, iaitu membangunkan Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan Islam, penyelidik mengambil kaedah '*Generic Inquiry Method*'. '*Generic Inquiry Method*' merupakan kaedah yang digunapakai bagi sesuatu kajian yang ingin melakar fenomena yang belum dikaji. Menurut Merriam (1998) seorang pakar kualitatif, '*Generic Inquiry Method*' adalah suatu kaedah kajian yang sesuai bagi kajian yang ingin melihat dan memahami fenomena, proses dan perspektif sesuatu pembolehubah. Ini amat bersesuaian dengan objektif kajian, iaitu membina suatu Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan Islam.

3.5 Kaedah Pengumpulan Data - Objektif Kajian Ketiga

Objektif ketiga adalah untuk mengenalpasti keperluan Syariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijma' Ulama dan Qias) dan batas-batas perundangan Sivil dalam melaksanakan Piawaian Perakaunan Islam bagi WZB yang seragam. Dalam mengenalpasti item-item pendedahan yang memenuhi keperluan syariah, bermula dengan pengenalanpastian item-item pendedahan berdasarkan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan perakaunan Islam serta kajian yang mengkhusus kepada pelaporan bagi Institusi wakaf dan zakat; berdasarkan kepada Al-Quran, Hadith, Ijma' Ulama dan Qias yang berkaitan dengan objektif kajian dan berdasarkan juga kepada *Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions (AAOIFI)*, *AAOIFI Shariah Standards*. Dapatan awal item-item maklumat yang dikenalpasti ini kemudiannya di bawa kepada pihak Institusi WZB serta pakar-pakar kewangan dan perakaunan Islam untuk mendapatkan pandangan mereka tentang item-item pendedahan patuh syariah. Di peringkat ini mereka boleh mencadangkan item-item yang tidak dinyatakan dalam senarai awal. Item-item yang telah dikemaskini kemudiannya dibuat pemetaan dengan Maqasid Syariah yang diaplikasikan dalam konteks pelaporan untuk memastikan setiap item yang dicadangkan dapat mencapai Maqasid Syariah. Seterusnya, semakan ke atas perundangan syariah negeri telah dilaksanakan untuk memastikan item yang dicadangkan selari dengan ketetapan perundangan

syariah. Akhirnya, item-item yang telah dikemaskini dibawa kepada pakar-pakar kewangan dan perakaunan Islam untuk pengesahan.

Analisis kandungan perundangan sivil yang terlibat berkaitan perakaunan dan pelaporan bagi WZB telah juga dilaksanakan. Analisis kandungan ini merumuskan batasan-batasan perundangan sivil berkaitan pendedahan dalam laporan kewangan Institusi WZB. Perbincangan yang lebih terperinci tentang proses mengenalpasti item-item pendedahan patuh syariah dalam laporan kewangan Institusi WZB dan semakan perundangan sivil dilaporkan dalam Bab 6.

3.6 Kaedah Pengumpulan Data – Objektif Kajian Keempat

Bagi mencapai Objektif Keempat iaitu “Membangunkan Piawaian Perakaunan Islam Bagi WZB untuk digunapakai oleh Majlis Agama Islam Negeri (Atau entiti Yang diberikan Kuasa Oleh Majlis Agama Islam Negeri) yang memenuhi keperluan Syariah (Al-Quran, Sunnah, Ijma’ Ulama dan Qias) dan perundangan sivil berbanding MPSAS (MPSAS 1, 2, 3 dan 6)”, kaedah analisis kandungan dan analisis jurang telah dilaksanakan.

Analisis kandungan yang terlibat adalah ke atas MPSAS 1, MPSAS 2, MPSAS 3 dan MPSAS 6. Analisis jurang telah dilaksanakan dengan membandingkan MPSAS terlibat dengan item-item pendedahan patuh syariah yang telah dikenalpasti sebelumnya. Daripada analisis ini, keperluan MPSAS yang patuh dan tidak patuh syariah dan keperluan syariah yang tidak terdapat dalam MPSAS dikenalpasti. Dapatan analisis jurang ini, bersama-sama dengan dapatan analisis jurang yang telah dilakukan untuk mencapai objektif kajian pertama digunakan sebagai asas atau panduan dalam mencadangkan pembangunan piawaian perakaunan bagi Institusi WZB yang digunapakai oleh MAIN (atau entiti yang diberikan kuasa oleh MAIN). Selain itu, dalam mengemukakan cadangan pembangunan piawaian perakaunan Islam tersebut, maklumbalas yang diperolehi daripada pihak Institusi WZB semasa sesi temuduga atau kumpulan fokus juga diambilkira.

3.7 Persampelan Tertumpu (*Purposive Sampling*)

Persampelan tertumpu digunakan sebagai kaedah pilihan sampel bagi tujuan untuk mendapat maklumat berkesan bagi pembentukan Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan Islam (Objektif Kajian Kedua) dan dalam mengenalpasti item-item pendedahan patuh syariah (Objektif Kajian Ketiga). Berpandukan pernyataan Silverman (2005), ‘*purposive sampling*’ adalah kaedah

pengumpulan data yang amat baik bagi kajian yang memerlukan pendapat dari responden yang dapat memberi maklumat berdasarkan pada kepakaran responden tersebut.

Berdasarkan pernyataan di atas dan khusus bagi membentuk Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan Islam (Objektif Kajian Kedua), penyelidik telah menemubual seramai tujuh (7) orang responden untuk mendalami persoalan kajian. Pilihan responden adalah berdasarkan beberapa kriteria iaitu: kepakaran, pengalaman, dan keilmuan. Selanjutnya, bagi tujuan keberkesanan dapatan, wawancara secara terus telah dibuat pada ketujuh-tujuh responden. Setiap responden meluangkan sekurang-kurangnya satu setengah jam bagi tujuan wawancara. Setiap wawancara telah direkod. Setiap perbualan wawancara telah ditranskrip secara 'verbatim'. Penyelidik menggunakan kaedah analisis yang disandarkan oleh Maxwell (2006). Maxwell (2006) mencadangkan konsep peta bagi kajian yang perlu kepada pembentukan konsep. Konsep peta adalah konsep yang menggunakan lakaran peta bagi membentuk tema-tema daripada dapatan.

Bagi memberi maklumbalas dan pengesahan tentang item-item pendedahan patuh syariah, pandangan dan bimbingan pakar-pakar kewangan dan perakaunan Islam telah diperolehi. Keseluruhannya, seramai tujuh pakar telah dilibatkan dalam mencapai Objektif Kajian Ketiga ini (sila rujuk Lampiran 2 – Senarai Pakar).

3.8 Analisis Data

Kajian ini menggunakan dua kaedah analisis; iaitu kaedah diskriptif dan kaedah pemetaan kognitif (*cognitive mapping*). Kaedah diskriptif digunakan untuk menjawab Objektif Kajian Pertama (amalan semasa perakaunan dan pelaporan serta jurang amalan semasa dengan piawaian). Manakala kaedah pemetaan kognitif digunapakai bagi tujuan menganalisis data bagi Objektif Kajian Kedua (pembentukan Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan Islam) dan Ketiga (pengenalpastian item-item pendedahan patuh syariah).

3.9 Ringkasan

Bab ini telah membincangkan metodologi kajian yang digunapakai bagi mencapai Objektif Kajian Pertama hingga Keempat. Kaedah pengumpulan data bagi mencapai setiap objektif kajian telah dibincangkan. Kaedah pengumpulan data tersebut meliputi kaedah tembual sama ada secara individu atau secara kumpulan fokus dengan pihak Institusi WZB serta temubual

dengan pakar-pakar termasuk pakar kewangan dan perakaunan Islam, fiqh muamalat dan falsafah Islam. Selain itu, kaedah analisis kandungan ke atas penyata kewangan Institusi WZB, perundangan syariah Negeri dan perundangan sivil yang berkaitan serta analisis jurang antara amalan semasa dengan MPSAS dan keperluan syariah dengan MPSAS juga telah diaplikasikan dalam pengumpulan data. Kaedah persampelan utama yang digunakan adalah kaedah persampelan tertumpu (*purposive sampling*). Seterusnya, data dianalisis menggunakan kaedah diskriptif dan kaedah pemetaan kognitif. Empat Bab seterusnya akan melapor dan membincangkan dapatan kajian berdasarkan keempat-empat objektif kajian.

BAB EMPAT

Amalan Semasa Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal

4.0 Pengenalan

Bab ini akan menjelaskan dapatan kajian tentang amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan bagi Institusi WZB di Malaysia. Sejumlah 26 entiti yang terdiri daripada MAIN dan entiti-entiti yang diberi kuasa oleh MAIN untuk menguruskan hal-ehwal berkaitan WZB terlibat dalam kerja lapangan bagi pengumpulan data (Rujuk Lampiran 1). Secara khususnya, 26 entiti yang terlibat dalam kerja lapangan pengumpulan data ini dibahagikan kepada tiga zon iaitu Zon A (Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Sabah), Zon B (Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Sarawak) dan Zon C (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pahang, Terengganu dan Kelantan). Pengumpulan data daripada ketiga - tiga zon ini adalah bagi mencapai Objektif Kajian Pertama dengan dua persoalan kajian seperti berikut:

Objektif Kajian Pertama:

Mengenalpasti jurang yang wujud di antara amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan bagi Wakaf, Zakat dan Baitulmal oleh Majlis Agama Islam Negeri (atau entiti yang diberi kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri) dengan MPSAS (MPSAS 1,2,3 dan 6 yang digunakan sebagai asas untuk mengenalpasti jurang dan bukannya untuk menentukan tahap pematuhan kepada MPSAS).

Manakala dua persoalan kajian yang berkaitan adalah seperti berikut:

Persoalan Kajian 1:

Apakah amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan bagi Wakaf, Zakat dan Baitulmal oleh Majlis Agama Islam Negeri (atau entiti yang diberikan kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri)? dan

Persoalan Kajian 2:

Apakah jurang yang wujud di antara amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan bagi Wakaf, Zakat dan Baitulmal oleh Majlis Agama Islam Negeri (atau entiti yang diberikan kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri) dengan MPSAS (MPSAS 1,2,3 dan 6)?

4.1 Definisi Jurang Antara Amalan dan Keperluan Pendedahan

Buat masa ini MPSAS masih lagi belum digunakan oleh MAIN. Oleh yang demikian tentu sekali akan wujud jurang di antara keperluan pendedahan mengikut MPSAS dan amalan pendedahan oleh MAIN. Walau bagaimana pun keperluan MPSAS mempunyai banyak persamaan dengan piawaian perakaunan konvensional MFRS (yang digunakan untuk pelaporan kewangan oleh entiti bukan persendirian) dan PERS (yang digunakan untuk pelaporan kewangan oleh entiti persendirian). Oleh sebab kebanyakan MAIN menjadikan PERS sebagai salah satu sumber rujukan untuk penyediaan penyata kewangan maka jurang yang berpunca dari keperluan piawaian yang berbeza (MPSAS dan PERS) dijangka tidak begitu ketara dari segi keperluan pendedahan umum. Secara perbandingan perincian maklumat yang perlu didedahkan di bawah MPSAS adalah lebih komprehensif berbanding PERS. Ini adalah kerana PERS merupakan piawaian yang diasaskan kepada versi piawaian antarabangsa *International Accounting Standards* (IAS) tahun 2001 dan sebelumnya.

Dalam membandingkan di antara amalan semasa dengan MPSAS, tiga tahap jurang boleh dikenal pasti seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.1. Tahap pertama ialah di mana amalan semasa MAIN dan keperluan MPSAS adalah selari. Ini bermakna amalan pendedahan adalah selari dengan keperluan pendedahan yang ditetapkan dalam MPSAS, maka tiada jurang yang wujud dari segi amalan pendedahan. Pada tahap kedua, jurang wujud disebabkan terdapat keperluan pendedahan dalam MPSAS tetapi tiada pendedahan dilakukan dalam amalan semasa MAIN. Pada tahap ketiga pula jurang wujud disebabkan pendedahan dilakukan oleh MAIN bagi memenuhi keperluan syariah serta peruntukan perundangan negeri tetapi pendedahan tersebut tidak diperlukan oleh MPSAS. Ketiga-tiga jurang ini dikenal pasti dan dapatan kajian bagi objektif pertama ini dibincangkan di bahagian yang selanjutnya.

Jadual 4.1: Jurang di Antara Amalan Pendedahan MAIN dan MPSAS

TAHAP	PERBANDINGAN		JURANG
	AMALAN	MPSAS	
1	✓	✓	X
2	X	✓	✓
3	✓	X	✓

4.2 Dapatan Kajian

Bahagian ini melaporkan dapatan kajian untuk Zon A, B dan C. Data yang digunakan untuk analisis diperolehi melalui semakan penyata kewangan MAIN untuk ketiga-tiga Zon dan perbincangan kumpulan fokus. Dua tahap analisis telah dijalankan bagi mengenal pasti jurang yang wujud di antara amalan pendedahan MAIN dan keperluan pendedahan MPSAS seperti berikut:

- **Analisis Tahap 1** mengenalpasti amalan dengan melihat secara umum kepada penyata kewangan dan maklumat berkaitan yang disediakan oleh setiap MAIN.
- **Analisis Tahap 2** mengenalpasti jurang dengan melakukan analisis kandungan penyata kewangan bagi menentukan tahap pendedahan setiap MAIN (Rujuk Lampiran 4, 5 dan 6 bagi Alat Diagnosis yang digunakan untuk analisis kandungan yang melibatkan kesemua 26 entiti). Penentuan tahap pendedahan dilakukan dengan memberikan skor pendedahan supaya perbandingan dapat dilakukan secara objektif. Pemberian skor didasarkan kepada keperluan pendedahan di dalam MPSAS 1,2,3 & 6 bagi mendapatkan skor agregat untuk setiap MAIN. Selain dari itu amalan pendedahan setiap MAIN juga turut dikaji.

Analisis Tahap 1 dan 2 akan memberikan jawapan kepada Persoalan Kajian 1 dan 2 di bawah Objektif Kajian Pertama.

4.2.1 Dapatan Kajian Bagi Zon A - Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Sabah

Analisis Tahap 1: Mengenalpasti Amalan

Secara umumnya, MAIN merujuk kepada piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) untuk tujuan penyediaan penyata kewangan. Semua MAIN kecuali Johor menyatakan di dalam nota kepada akaun piawaian perakaunan yang dirujuk. Hanya Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah menyatakan secara khusus bahawa penyata kewangan disediakan berdasarkan PERS. Majlis Agama Islam Melaka, Sabah dan Selangor (termasuk Perbadanan Wakaf Selangor) merujuk kepada piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) manakala Negeri Sembilan merujuk kepada piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia. Selain dari itu, Melaka juga turut merujuk kepada Tatacara Kewangan dan Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis. Antara masalah yang dibangkitkan oleh MAIN berhubung penyediaan penyata kewangan ialah piawaian perakaunan sedia ada tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan pelaporan MAIN. Ini kerana buat masa ini tiada piawaian khusus yang bersesuaian yang boleh dirujuk bagi mengakaunkan urusan unik yang melibatkan WZB.

Dari segi penyediaan penyata kewangan, secara umumnya semua MAIN dan entiti berkaitan menyediakan penyata kewangan yang diperlukan termasuk nota kepada akaun. Maklumat yang dikehendaki MPSAS yang tidak disediakan semua MAIN dan entiti berkaitan ialah maklumat berhubung dengan belanjawan. Jadual 4.2 memberi ringkasan tentang penyata kewangan selari dengan MPSAS yang disediakan oleh MAIN dan entiti yang berkaitan.

Jadual 4.2: Zon A: Penyata Kewangan Selari Keperluan MPSAS

Penyata Kewangan Selari Keperluan MPSAS	MELAKA	JOHOR	NEGERI SEMBILAN	SELANGOR			SABAH	
	Majlis Agama Islam Melaka	Majlis Agama Islam Negeri Johor	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	Majlis Agama Islam Selangor	Lembaga Zakat Selangor	Perbadanan Wakaf Selangor	Majlis Ugama Islam Sabah	Perbadanan Baitulmal Sabah
	MAIM	MAINJ	MAINS	MAIS	LZS	PWS	MUIS	PBS
Penyata Kedudukan Kewangan	√	√	√	√	√	√	√	√
Penyata Pendapatan	√	√	√	√	√	√	√	√
Penyata Perubahan Ekuiti/Rizab	√	√	√	√	√	√	√	√
Penyata Aliran Tunai	√	√	√	√	√	√	√	√
Nota kepada akaun	√	√	√	√	√	√	√	√
Maklumat Belanjawan	x	x	x	x	x	x	x	x

Jadual 4.3, 4.4 dan 4.5 memberi ringkasan tentang penyata atau maklumat lain yang disediakan oleh MAIN dan entiti berkaitan, yang selain dari keperluan MPSAS. Oleh sebab setiap MAIN mempunyai perundangan tersendiri yang terpakai untuk pentadbiran WZB serta mempunyai sumber rujukan tersendiri (contoh garis panduan) selain dari piawaian perakaunan PERS, maka amalan pendedahan bagi maklumat-maklumat lain selain dari yang diperlukan oleh piawaian perakaunan adalah tidak seragam. Contohnya merujuk kepada Jadual 4.3 tidak semua MAIN menyediakan maklumat berkaitan Penyataan Pengerusi dan Ahli Majlis /Lembaga Pengarah, Laporan Ahli-ahli Majlis/Lembaga Pengarah, Penyata Pengakuan Majlis, Penyata Pengakuan Pegawai Utama dan Laporan Audit.

Jadual 4.3: Zon A: Penyata/Maklumat Selain Keperluan MPSAS

Penyata/ Maklumat Selain Keperluan MPSAS	MELAKA	JOHOR	NEGERI SEMBILAN	SELANGOR			SABAH	
	Majlis Agama Islam Melaka MAIM	Majlis Agama Islam Negeri Johor MAINJ	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan MAINS	Majlis Agama Islam Selangor MAIS	Lembaga Zakat Selangor LZS	Perbadanan Wakaf Selangor PWS	Majlis Ugama Islam Sabah MUIS	Perbadanan Baitulmal Sabah PBS
Penyataan pengerusi dan ahli Majlis /Lembaga Pengarah	√	x	x	√	√	√	x	√
Laporan Ahli-ahli Majlis / Lembaga Pengarah	x	x	√	x	x	x	x	√
Penyata Pengakuan Majlis	x	√	√	x	n/a	n/a	x	n/a
Penyata Pengakuan Pegawai Utama	√	√	√	√	√	√	x	√
Laporan audit	√	√	√	√	√	√	x	√

Jadual 4.4 menunjukkan bahawa amalan pendedahan maklumat tentang setiap kumpulan wang adalah berbeza. Contohnya MAINJ menyediakan penyata berasingan bagi setiap kumpulan wang (Kumpulan Wang Wakaf, Kumpulan Wang Zakat dan Kumpulan Wang Baitulmal); MUIS menyediakan Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi Kumpulan Wang Zakat; MAINS menyediakan Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi Kumpulan Wang Baitulmal, Penyata Kutipan dan Pengagihan bagi Kumpulan Wang Zakat, Jadual Pengagihan Zakat dan Fitrah serta Penyata Kutipan dan Pengagihan Kumpulan Wang Wakaf secara berasingan, MAIS mendedahkan Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi setiap kumpulan wang di dalam Nota Kepada Akaun manakala MAIM mendedahkan maklumat tersebut dalam bentuk nota dengan menyediakan nota berasingan bagi pendapatan (yang merangkumkan pendapatan setiap kumpulan) dan perbelanjaan (yang merangkumkan perbelanjaan setiap kumpulan wang).

Jadual 4.4 Zon A: Penyata Berasingan Bagi Setiap Kumpulan Wang

PENYATA BERASINGAN	AMALAN SEMASA		
Penyata Kumpulan Wang Zakat dan Fitrah	Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti & Penyata Aliran Tunai MAINJ	Penyata berasingan yang disediakan bergantung kepada kumpulan wang	Pendedahan di dalam nota kepada akaun
Penyata Kumpulan Wang Wakaf		MUIS: Penyata Pendapatan bagi Kumpulan Wang Zakat	MAIS: Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi setiap kumpulan wang
Penyata Kumpulan Wang Baitulmal /Sumber Am		MAINS: Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi Kumpulan Wang Baitulmal, Penyata Kutipan dan Pengagihan bagi Kumpulan Wang Zakat, Jadual Pengagihan Zakat dan Fitrah, Penyata Kutipan dan Pengagihan Kumpulan Wang Wakaf	MAIM: Didedahkan secara berasingan dalam nota untuk Pendapatan dan nota untuk perbelanjaan

Jadual 4.5 menunjukkan bahawa amalan pendedahan maklumat penjelasan harta juga adalah pelbagai. Secara umumnya semua MAIN dalam Zon A tidak meletakkan nilai kepada tanah wakaf. Antara sebab kenapa nilai tidak diletakkan ialah kerana ada tanah Wakaf yang tidak mempunyai nilai komersial kerana diwakafkan untuk dibina masjid, surau atau dijadikan tanah perkuburan. Selain dari itu penilaian akan melibatkan kos yang tinggi yang tidak mampu ditanggung oleh MAIN.

Jadual 4.5 Zon A: Nota Penjelasan Harta

NOTA PENJELASAN HARTA	AMALAN SEMASA
Penjelasan secara terperinci bagi tanah wakaf - no. hakmilik, luas, jenis wakaf dan penggunaan wakaf tetapi tanpa nilai	MAIM & MAINJ
Penjelasan tentang harta wakaf yang dibangunkan sahaja	MAINS & MAIS
Tiada penjelasan terperinci	MUIS

Analisis Tahap 2: Mengenalpasti Jurang

Dalam analisis Tahap 2, analisis kandungan dilakukan ke atas penyata kewangan bagi menentukan tahap pendedahan setiap MAIN. Tahap pendedahan ditentukan melalui pemberian skor bagi pendedahan yang dilakukan oleh MAIN berdasarkan peruntukan dalam MPSAS 1,2,3 & 6. Untuk setiap item pendedahan yang dikenal pasti, skor 1 diberikan sekiranya amalan pendedahan MAIN selari dengan peruntukan MPSAS manakala skor 0 diberikan sekiranya pendedahan tidak dilakukan. Skor agregat bagi setiap MAIN ditentukan dengan menjumlahkan skor yang diperolehi. Dalam melakukan penskoran, sekiranya MAIN tidak terlibat dalam aktiviti atau urus niaga yang perlu dilaporkan maka item pendedahan tersebut tidak diskor bagi MAIN berkenaan. Contohnya MPSAS 2 memerlukan alir tunai dari perlupusan aset hartanah didedahkan. Jika MAIN melakukan perlupusan hartanah dalam tempoh yang dikaji dan membuat pendedahan yang diperlukan maka skor 1 diberikan. Jika MAIN melakukan perlupusan hartanah dalam tempoh yang dikaji tetapi tidak membuat pendedahan yang diperlukan maka skor 0 diberikan. Sebaliknya jika MAIN tidak melakukan perlupusan hartanah dalam tempoh yang dikaji, maka item pendedahan tersebut tidak akan diberikan skor. Skor Agregat didasarkan kepada keperluan pendedahan di dalam MPSAS 1, 2, 3 & 6 bagi Zon A adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.6.

Merujuk kepada Jadual 4.6, secara umum dapat disimpulkan bahawa tidak terdapat jurang yang ketara di antara amalan pendedahan dengan keperluan MPSAS. Ini bermakna amalan pendedahan semasa MAIN tidak jauh berbeza dari apa yang diperlukan oleh MPSAS 1,2,3 & 6. Penemuan ini tidak menghairankan memandangkan keperluan pendedahan yang ditetapkan di dalam MPSAS 1,2,3 & 6 adalah berbentuk umum. Perbezaan skor lebih jelas bagi MPSAS 1, 2 dan 6 berbanding dengan MPSAS 3. Ini kerana dalam tempoh yang dikaji tiada perubahan polisi perakaunan atau perubahan anggaran yang dilaporkan oleh mana-mana MAIN.

Jadual 4.6 Zon A: Skor Agregat Item Pendedahan Berdasarkan MPSAS

Negeri	MPSAS 1	MPSAS 2	MPSAS 3	MPSAS 6
Selangor	91%	100%	80%	88%
Negeri Sembilan	83%	80%	80%	88%
Melaka	80%	80%	80%	88%
Johor	77%	80%	80%	88%
Sabah	83%	100%	80%	75%

(Rujuk Lampiran 4 untuk perincian)

Analisis Tambahan

Sebagai analisis tambahan, penskoran turut dilakukan bagi pendedahan berdasarkan penyata kewangan untuk setiap MAIN. Kaedah penskoran yang digunakan adalah sama dengan penskoran bagi analisis utama, iaitu memberi tumpuan kepada keperluan pendedahan MPSAS 1,2,3 & 6. Berdasarkan kepada Jadual 4.7 perbezaan paling ketara ialah dari segi perincian maklumat yang didedahkan dalam bentuk nota. Pendedahan maklumat lain tidak menunjukkan perbezaan yang ketara, malah penyediaan Penyata Perubahan Ekuiti 100% memenuhi keperluan pendedahan MPSAS. Merujuk kepada pendedahan dalam Nota Kepada Akaun, MAINJ memberi perincian angka yang sangat komprehensif di dalam nota, walau bagaimanapun perincian angka ini tidak disertakan dengan penerangan naratif yang mencukupi untuk membolehkan pengguna memahami maklumat yang disediakan. Maka sebab itu MAINJ mencatatkan skor yang secara relatifnya lebih rendah untuk pendedahan dalam Nota Kepada Akaun.

Jadual 4.7 Zon A: Skor Pendedahan Berdasarkan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan	Selangor MAIS	Negeri Sembilan MAINS	Melaka MAIM	Johor MAINJ	Sabah MUIS
Penyata Kedudukan Kewangan	92%	96%	92%	88%	92%
Penyata Prestasi Kewangan	93%	100%	93%	100%	100%
Penyata Perubahan Ekuiti	100%	100%	100%	100%	100%
Penyata Aliran Tunai	100%	100%	100%	78%	97%
Nota kepada akaun	88%	71%	71%	58%	71%

Lain-lain Pemerhatian

Fatwa

Penemuan penting yang perlu diberi perhatian ialah keputusan Fatwa boleh mempengaruhi pengolahan perakaunan bagi sesuatu urusan niaga/peristiwa. Oleh yang demikian Fatwa yang memberi kesan yang signifikan kepada perakaunan dan pelaporan kewangan perlu didedahkan sepertimana pendedahan dibuat untuk polisi perakaunan yang signifikan.

Pengkelasan yang bersesuaian bagi setiap kumpulan wang

Kumpulan Wang Zakat dan Kumpulan Wang Wakaf diakaunkan sebagai ekuiti sedangkan kedua-duanya bukan merupakan ekuiti. Oleh sebab kedua-dua kumpulan wang ini merupakan dana amanah yang perlu diagihkan mengikut syarat yang telah ditetapkan mengikut keperluan syariah maka pengkelasan sebagai liabiliti adalah lebih bersesuaian. Walau bagaimana pun untuk menentukan pengkelasan yang bersesuaian tertakluk kepada Kerangka Kerja Konseptual yang kini masih belum selesai dibangunkan. Sehubungan itu cadangan pengkelasan sebagai liabiliti hanya merupakan cadangan awal.

Definisi Asnaf dan Agihan Mengikut Asnaf

Setiap MAIN mempunyai definisi tersendiri bagi setiap kumpulan asnaf dan keputusan fatwa boleh mempengaruhi agihan mengikut asnaf tertentu. Sehubungan itu maklumat tentang definisi asnaf serta keputusan fatwa perlu didedahkan.

Kesimpulan Zon A

Secara umumnya untuk Zon A dapat disimpulkan bahawa tidak ada perbezaan ketara di antara amalan pendedahan dengan keperluan pendedahan MPSAS 1, 2, 3 & 6 kecuali dari segi pendedahan maklumat dalam Nota Kepada Akaun. Dari segi pendedahan maklumat selain dari keperluan MPSAS, amalan dan tahap pendedahan adalah pelbagai di kalangan MAIN.

Fatwa yang boleh memberikan memberi kesan yang signifikan kepada perakaunan dan pelaporan kewangan perlu didedahkan seperti pendedahan polisi perakaunan yang signifikan. Selain dari itu, definisi asnaf mengikut ketetapan setiap MAIN juga perlu didedahkan.

Amalan semasa yang mengakaunkan Kumpulan Wang Zakat dan Kumpulan Wang Wakaf sebagai ekuiti adalah tidak bersesuaian kerana ciri-ciri kumpulan wang tersebut adalah lebih sebagai liabiliti. Walau bagaimanapun, perkara ini memerlukan kajian dan pertimbangan lanjut. Oleh itu pengkelasan yang bersesuaian hanya boleh dimuktamadkan apabila Kerangka Kerja Konseptual selesai dibangunkan.

4.2.2 Dapatan Kajian Bagi Zon B – Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Sarawak

Analisis Tahap 1: Mengenalpasti Amalan

Bagi Zon B, kesemua negeri yang dikaji memiliki penyata kewangan yang selari dengan keperluan MPSAS kecuali tiada maklumat belanjawan yang dinyatakan dalam laporan kewangan negeri-negeri tersebut. Hal ini ditunjukkan di bawah Jadual 4.8 seperti di bawah.

Jadual 4.8 Zon B: Penyata Kewangan Selari Keperluan MPSAS

	AMALAN					
	MAIPP	MAIK	JKZK	MAIAMP	MAIP	MAIS
Penyata Kewangan Selari Keperluan MPSAS						
Penyata kedudukan kewangan	√	√	√	√	√	√
Penyata pendapatan	√	√	√	√	√	√
Penyata perubahan ekuiti/rezab	√	√	√	√	√	√
Penyata Aliran Tunai	√	√	√	√	√	√
Nota ringkasan dasar perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain	√	√	√	√	√	√
Maklumat Belanjawan	X	X	X	X	X	X

Jadual 4.9 pula menunjukkan bahawa tidak semua MAIN mendedahkan maklumat-maklumat mengenai penyata pengurusan dan ahli majlis. Misalnya, hanya MAIAMP, JKZK dan MAIS sahaja yang melaporkan mengenai Penyata Pengurusan dan Ahli Majlis, manakala MAIN yang lain tidak mendedahkan Penyata Pengurusan dan Ahli Majlis. Malah, apa yang menariknya, kesemua negeri tidak memiliki laporan ahli-ahli majlis dan penyata pengurusan. Hal ini menggambarkan bahawa belum ada keperluan bagi setiap MAIN mendedahkan laporan dan penyata yang berkenaan. Sebaliknya, kesemua MAIN termasuk JKZK mendedahkan Penyata Pengakuan Majlis, Penyata Pengakuan Pegawai Utama dan Laporan Audit.

Jadual 4.9 Zon B: Penyata Maklumat Keperluan Selain Keperluan MPSAS

Penyata/Maklumat Selain Keperluan MPSAS	AMALAN					
	MAIPP	MAIK	JKZK	MAIAMP	MAIP	MAIS
Penyata Pengerusi dan ahli Majlis	X	X	√	√	X	√
Laporan Ahli-ahli Majlis	X	X	X	X	X	X
Penyata Pengakuan Majlis	√	√	√	√	√	√
Penyata Pengakuan Pegawai Utama	√	√	√	√	√	√
Penyata Pengurusan	X	X	X	X	X	X
Laporan Audit	√	√	√	√	√	√

Jadual 4.10 di bawah menunjukkan nota penjelasan harta yang dilaporkan oleh setiap MAIN bagi Zon B. Secara umumnya, terdapat kepelbagaian pelaporan nota penjelasan harta bagi kesemua MAIN. Ada MAIN yang tiada sebarang nota penjelasan harta wakaf seperti MAIPP dan ada yang tidak mendedahkan secara sepenuhnya harta wakaf seperti MAIK. Tidak kurang juga yang hanya sekadar memiliki nota mengenai harta wakaf seperti MAIAMP. Sebaliknya, dalam pendedahan wakaf yang lebih baik, MAIP dan MAIS membuat pendedahan maklumat wakaf secara komprehensif dengan menyatakan secara terperinci maklumat-maklumat seperti tempat, kelulusan, jumlah, jenis dan tarikh. Ini menggambarkan bahawa masih ada negeri yang secara sukarela mendedahkan maklumat harta wakaf secara terperinci. Sebaliknya, masih ada

MAIN yang tidak mendedahkan maklumat harta wakaf secara terperinci termasuklah tiada sebarang nota mengenai harta wakaf

Jadual 4.10 Zon B: Nota Penjelasan Harta

	AMALAN					
	MAIPP	MAIK	JKZK	MAIAMP	MAIP	MAIS
Nota penjelasan harta	Tidak apa-apa nota mengenai wakaf.	Tiada pendedahan penuh ke atas harta wakaf. Senarai harta wakaf tidak didedahkan dalam nota	Tiada berkaitan	Ada nota mengenai wakaf	Pendedahan maklumat wakaf adalah komprehensif. Senarai wakaf didedahkan dengan terperinci (tempat, kelulusan, jumlah, jenis dan tarikh)	Pendedahan maklumat wakaf adalah komprehensif. Senarai wakaf didedahkan dengan terperinci (tempat, kelulusan, jumlah, jenis dan tarikh) Maklumat komprehensif pembangunan harta

Secara keseluruhannya, dapatan kajian bagi Zon B untuk analisis tahap 1 menunjukkan terdapat perbezaan dari segi amalan semasa untuk setiap MAIN. Perbezaan-perbezaan ini menggambarkan bahawa kepelbagaian pelaporan dan pendedahan MAIN ekoran tiada piawaian yang khusus untuk menyeragamkan cara pendedahan dan pelaporan bagi perkara-perkara yang dinyatakan dalam Jadual 4.9 dan Jadual 4.10.

Analisis Tahap 2: Mengenalpasti Jurang

Sebagaimana yang dinyatakan di awal bab ini, selain mengkaji amalan semasa, Objektif Kajian Pertama ialah mengenalpasti jurang yang wujud di antara amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan bagi WZB oleh MAIN (atau entiti yang diberi kuasa oleh MAIN) dengan MPSAS. Bagi tujuan tersebut, analisis kandungan menggunakan laporan tahunan setiap MAIN telah dijalankan.

Analisis ini dijalankan dengan mengambil kira tahap pendedahan bagi setiap MAIN dengan menjadikan piawaian perakaunan MPSAS sebagai penanda aras untuk mengenalpasti jurang yang wujud di antara amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan. Selanjutnya, dapatan kajian berasaskan analisis kandungan telah dijalankan mengikut item-item yang dinyatakan bagi MPSAS 1, MPSAS 2, MPSAS 3 dan MPSAS 6 bagi setiap MAIN dan entiti-entiti yang diberi kuasa oleh MAIN bagi menguruskan WZB. Seterusnya, perbandingan antara MAIN bagi setiap MPSAS yang berkenaan beserta dengan perbandingan keseluruhan keempat-empat MPSAS berkenaan juga telah dijalankan.

Jadual - jadual di bawah adalah dapatan kajian berasaskan analisis kandungan bagi mencapai Objektif Kajian Pertama dalam mengenalpasti jurang yang wujud di antara amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan bagi Institusi WZB oleh MAIN (atau entiti yang diberi kuasa oleh MAIN) dengan MPSAS (Rujuk Lampiran 5 untuk perincian).

Jadual 4.11 Zon B: Tahap Pendedahan Item
Bagi MPSAS 1

Bil	Negeri	Tahap Pendedahan Item (%)
1.	Sarawak	24
2.	Perak	70
3.	Perlis	71
4.	Kedah	73
5.	Pulau Pinang	48
Purata (%)		57.2

Jadual 4.12 Zon B: Tahap Pendedahan Item
Bagi MPSAS 2

Bil	Negeri	Tahap Pendedahan Item (%)
1.	Sarawak	68
2.	Perak	55
3.	Perlis	73
4.	Kedah	84
5.	Pulau Pinang	23
Purata (%)		60.6

Jadual 4.13 Zon B: Tahap pendedahan Item
Bagi MPSAS 3

Bil	Negeri	Tahap Pendedahan Item (%)
1.	Sarawak	49
2.	Perak	43
3.	Perlis	49
4.	Kedah	54
5.	Pulau Pinang	47
Purata (%)		48.4

Jadual 4.14 Zon B: Tahap Pendedahan Item
Bagi MPSAS 6

Bil	Negeri	Tahap Pendedahan Item (%)
1.	Sarawak	50
2.	Perak	17
3.	Perlis	47
4.	Kedah	47
5.	Pulau Pinang	17
Purata kadar (%)		35.6

Jadual 4.15 Zon B: Rumusan Keseluruhan Tahap
Pendedahan Item Bagi MPSAS 1,2,3 dan 6

Jenis MPSAS	Tahap Pendedahan Item (%)
MPSAS 1	57.2
MPSAS 2	60.6
MPSAS 3	48.4
MPSAS 6	35.6
Purata (%)	50.45

Jadual 4.11, Jadual 4.12, Jadual 4.13 dan Jadual 4.14 menunjukkan tahap pendedahan item berdasarkan MPSAS 1, 2, 3 dan 6 oleh MAIN dan entiti-entiti yang diberi kuasa oleh MAIN bagi menguruskan WZB di dalam Zon B iaitu Negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang, Perak dan Sarawak. Perlu juga dinyatakan di sini, analisis kandungan yang dijalankan adalah bagi mengenalpasti jurang yang wujud di antara amalan semasa dengan MPSAS 1, 2, 3 dan 6 dijadikan sebagai asas bagi mengenalpasti jurang dan bukannya untuk mengenalpasti pematuhan kepada MPSAS memandangkan tiada lagi penguatkuasaan undang-undang ke atas MAIN untuk menggunakan MPSAS. Dengan kata lain, setiap negeri menggunakan piawaian perakaunan

yang berlainan yang dibolehkan oleh undang-undang di Malaysia. Maka, tidak adil untuk menyatakan bahawa negeri-negeri yang mencatatkan tahap pendedahan yang rendah tidak mengikut amalan piawaian perakaunan yang ditetapkan oleh undang-undang. Begitu juga, negeri-negeri yang mencatatkan tahap pendedahan yang tinggi bukan bermakna amalan perakaunan yang diamalkan olehnya begitu cemerlang berbanding negeri-negeri yang lain.

Namun demikian, dapatan kajian ini masih boleh ditafsir sebagai pematuhan awal oleh kelima-lima negeri tersebut sebelum penguatkuasaan MPSAS dikenakan ke atas setiap MAIN di seluruh Malaysia. Dengan kata lain, dapatan kajian ini membolehkan pihak JANM melihat sejauh mana setiap negeri tersebut boleh menggunakan MPSAS sebelum penguatkuasaan dikenakan kepada MAIN. Hal ini cukup penting bagi membantu JANM dalam sebarang keputusan berkaitan dengan penggunaan MPSAS oleh MAIN di seluruh Malaysia.

Berdasarkan Jadual 4.15 pula, secara puratanya, purata tahap pendedahan item berdasarkan MPSAS 1, 2, 3 dan 6 adalah 50.45 peratus bagi kelima-lima MAIN di Zon B. Tahap pendedahan ini melebihi 50 peratus meskipun rata-rata MAIN bagi setiap negeri tersebut tidak menggunakan MPSAS. Apabila dilakukan perbandingan antara keempat-empat MPSAS, didapati tahap pendedahan item berdasarkan keperluan MPSAS 2 adalah tertinggi. Secara khususnya, tahap pendedahan item berdasarkan keperluan MPSAS 2 direkodkan sebagai 60.6 peratus, diikuti dengan MPSAS 1 yang mencatatkan peratus kedua tertinggi pada 57.2 peratus, manakala MPSAS 3 pula berada pada tahap pendedahan sebanyak 48.4 peratus dan yang terakhir ialah MPSAS 6 dengan hanya mencatatkan 35.6 peratus.

Faktor utama tahap pendedahan item berdasarkan keperluan MPSAS 6 adalah yang terendah ialah kerana begitu tinggi peratusan piawaian yang berada dalam kedudukan tidak pasti. Dengan kata lain, 59.2 peratus piawaian tidak dapat ditentukan kedudukannya memandangkan perkara ini tidak dinyatakan dalam laporan kewangan MAIN di Zon B. Kedudukan tidak pasti ini menyebabkannya tidak diambil kira dalam pengiraan peratusan tahap pendedahan item. Dapatan kajian juga menunjukkan tahap pendedahan item terhadap keperluan MPSAS 2 adalah paling tinggi ekoran keseluruhan MAIN di Zon B menggunakan piawaian perakaunan yang sedia ada dan dibenarkan oleh pihak berkuasa yang mana piawaian-piawaian perakaunan ini tidak jauh berbeza dengan MPSAS 2.

Jadual-jadual di atas juga menunjukkan perbezaan tahap pendedahan item di antara MAIN di Zon B bagi MPSAS 1, 2, 3 dan 6. Sebagai contoh, bagi MPSAS 1, hanya MAIN di tiga negeri sahaja merekodkan tahap pendedahan melebihi 50 peratus. Negeri-negeri tersebut ialah Perak, Perlis dan Kedah yang mana masing-masing mencatatkan tahap pendedahan item pada 70 peratus, 71 peratus dan 73 peratus. Bagi MAIN yang mewakili Sarawak (MAIS) dan Pulau Pinang (MAIPP), kedua-duanya mencatatkan tahap pendedahan item bagi keperluan MPSAS 1 paling rendah iaitu Sarawak pada tahap pendedahan 24 peratus, manakala Pulau Pinang sebanyak 48 peratus. Faktor utama Sarawak merekodkan tahap pendedahan paling rendah ialah kerana 76 peratus daripada item pendedahan bagi keperluan MPSAS 1 di MAIN Sarawak berada pada kedudukan yang tidak pasti. Maksudnya, tidak dapat ditentukan kedudukan bagi item-item yang berkenaan sama ada ianya berkaitan atau tidak berkaitan dengan amalan perakaunan yang dilaksanakan oleh MAIN di Sarawak. Sebagai contoh “perbandingan jumlah bajet dengan jumlah sebenar sama ada sebagai satu penyata tambahan berasingan atau sebagai satu lajur bajet dalam penyata kewangan (MPSAS 1.21). Sebagai makluman, MAIN di Sarawak menggunakan amalan perakaunan yang ditetapkan oleh *Malaysia Accounting Standard Board* (MASB), *International Accounting Standard Board* (IASB) dan Ordinan MIS 2001 iaitu Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan MAIN.

Bagi MPSAS 2 yang menyenaraikan 22 kriteria berkaitan dengan piawaian bagi penyata aliran tunai, negeri Kedah sekali lagi berada pada tahap pendedahan item tertinggi berbanding negeri-negeri lain yang dikaji. Secara khususnya, tahap pendedahan item oleh MAIN di Kedah ialah 84 peratus sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 4.12. Dalam hal ini, sebanyak 19 piawaian diamalkan oleh MAIN di Kedah yang mana hanya piawaian amaun baki tunai dan kesetaraan tunai yang signifikan dipegang oleh entiti dan tidak boleh digunakan oleh entiti ekonomi (kumpulan) didedahkan dalam Nota Kepada Akaun. Bagi piawaian kaedah tak langsung yang mana lebihan atau kurangan diselaraskan bagi mengambilkira urusan niaga bukan tunai, akruan/tundaan aliran tunai operasi tempoh lepas/hadapan dan urusan niaga pelaburan atau pembiayaan dan piawaian terimaan dan bayaran tunai yang dibuat bagi pihak lain seperti pelanggan, pembayar cukai atau benefisiari tidak didedahkan bagi keperluan MPSAS 2.

Dapatan kajian menunjukkan Perlis menduduki kedudukan kedua bagi amalan MPSAS 2, di mana kadar kepatuhan ialah 73 peratus. Ingin juga dinyatakan di sini bahawa terdapat beberapa amalan yang tidak berkenaan seperti penerimaan tunai dari pelupusan Aset Tetap, Aset Tak

Zahir dan lain-lain aset jangka panjang dan pembayaran tunai bagi perolehan instrument. Maka penyelidik telah mengelaskan amalan yang tidak berkenaan ini sebagai status tidak pasti.

Kedudukan ketiga pula dipegang oleh negeri Sarawak dengan merekodkan tahap item pendedahan sebanyak 68 peratus. Negeri Sarawak juga belum melaksanakan sepenuhnya piawaian berkenaan balasan bagi perolehan atau pelupusan entiti dan sebahagian piawaian berkaitan dengan pendedahan lain bagi baki tunai dan kesetaraan tunai yang dipegang oleh entity yang tidak dapat digunakan oleh entiti ekonomi lain yang perlu didedahkan dalam nota kepada akaun sebagaimana negeri Kedah dan Perlis. Bahkan, negeri Perlis belum melaksanakan aliran tunai yang terhasil daripada urusan niaga dalam mata wang asing direkodkan dalam mata wang fungsian dengan menukarkan amaun mata wang asing tersebut mengikut kadar tukaran antara mata wang fungsian dengan mata wang asing pada tarikh aliran tunai berlaku. Konsisten dengan negeri Kedah dan Perlis, negeri Sarawak juga berada pada status tidak pasti bagi piawaian kaedah tak langsung di mana lebihan atau kekurangan diselaraskan bagi mengambilkira urusan niaga bukan tunai, akruan/tundaan aliran tunai operasi tempoh lepas/hadapan dan urusan niaga pelaburan atau pembiayaan, piawaian terimaan dan bayaran tunai yang dibuat bagi pihak lain seperti pelanggan, pembayar cukai atau benefisiari dan piawaian aliran tunai dari aktiviti berikut bagi institusi kewangan lain.

Kedudukan seterusnya direkodkan oleh negeri Perak dengan tahap pendedahan item sebanyak 55 peratus berdasarkan keperluan MPSAS 2. Namun, masih boleh dikategorikan berada dalam tahap memuaskan kerana melebihi separuh daripada keseluruhan MPSAS 2. Hanya dua piawaian dikenalpasti dalam status belum diamalkan manakala lapan piawaian lagi dikategorikan sebagai tidak pasti. Dua piawaian tersebut ialah kaedah langsung yang mana penerimaan tunai dan pembayaran tunai kasar didedahkan dan urusan niaga pelaburan dan pembiayaan yang tidak melibatkan penggunaan tunai atau kesetaraan tunai tidak dimasukkan dalam penyata aliran tunai. Urusan niaga tersebut dinyatakan di bahagian lain dalam penyata kewangan dalam cara yang dapat memberikan semua maklumat yang berkaitan tentang aktiviti pelaburan dan pembiayaan ini.

Bagi piawaian yang berada dalam status tidak pasti ialah kelas utama terimaan dan bayaran tunai kasar yang terhasil daripada aktiviti pelaburan dan pembiayaan dilaporkan secara berasingan kecuali aliran tunai yang dilaporkan mengikut asas bersih dan aliran tunai yang terhasil daripada urusan niaga dalam mata wang asing direkodkan dalam mata wang fungsian dengan menukarkan

amaun mata wang asing tersebut mengikut kadar tukaran antara mata wang fungsian dengan mata wang asing pada tarikh aliran tunai berlaku.

Begitu juga bagi aliran tunai entiti asing yang dikawal, ditukar mengikut kadar tukaran antara mata wang fungsian dengan mata wang asing pada tarikh aliran tunai berlaku, aliran tunai agregat yang terhasil daripada perolehan dan pelupusan bagi entiti yang dikawal atau unit operasi lain perlu dibentangkan secara berasingan sebagai aktiviti pelaburan, maklumat berikut yang melibatkan perolehan dan pelupusan entiti yang dikawal atau unit operasi lain dalam tempoh semasa dinyatakan secara agregat dan bahagian balasan bagi pembelian atau pelupusan yang dijelaskan secara tunai dan kesetaraan tunai. Manakalah status piawaian bagi tunai yang terhasil daripada aktiviti operasi, pelaburan atau pembiayaan bagi negeri Perak adalah selari dengan negeri Kedah, Perlis dan Sarawak. Negeri yang berada pada kedudukan terakhir ialah Pulau Pinang yang mencatatkan tahap pendedahan awal bagi MPSAS 2 yang terendah dengan hanya 23 peratus. Selebihnya, iaitu sebanyak 77 peratus berada pada status piawaian tidak pasti yang mana terdapat kemungkinan negeri Pulau Pinang mengamalkan item-item berkenaan dalam MPSAS 2, namun tidak didedahkan dalam pelaporan kewangan tahunannya. Jadi, dalam hal ini, jelas menunjukkan bahawa tahap pendedahan awal MPSAS 2 masih berada pada tahap yang boleh diterima memandangkan negeri Pulau Pinang menggunakan piawaian perakaunan yang disyorkan oleh MASB.

Sebagaimana MPSAS 1 dan MPSAS 2, tahap pendedahan awal negeri Kedah bagi MPSAS 3 adalah paling tinggi dengan kadar 54 peratus sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.6. Terdapat 62 piawaian bagi MPSAS 3 yang melibatkan polisi perakaunan, perubahan anggaran perakaunan dan kesilapan. Hanya 38 peratus sahaja yang berada dalam status tidak pasti manakala selebihnya masih belum diamalkan. Antara piawaian yang belum diamalkan di negeri Kedah ialah dalam menentukan kesan tempoh khusus perubahan polisi perakaunan ke atas maklumat bandingan satu atau lebih tempoh yang dibentangkan dan entiti mengaplikasi polisi perakaunan yang baru ke atas amaun bawaan aset dan liabiliti pada awal tempoh bandingan terawal di mana aplikasi retrospektif boleh dilaksanakan, yang mungkin merupakan tempoh semasa.

Bagi negeri-negeri lain seperti Sarawak dan Perlis yang mana kedua-duanya berada di kedudukan kedua tertinggi. Hal ini berlaku sedemikian kerana tahap pendedahan awal ke atas MPSAS bagi kedua-dua negeri ini ialah 49 peratus. Malah, status tidak pasti dan belum

diamalkan juga pada peratusan yang sama bagi kedua-dua ini iaitu pada kadar 41 peratus dan 10 peratus masing-masing. Ini menunjukkan bahawa kedua-dua negeri ini berada pada tahap yang sama dari segi amalan ke atas MPSAS 3.

Negeri seterusnya iaitu Pulau Pinang hanya kurang dua peratus daripada Sarawak dan Perlis. Kadar status tidak pasti bagi negeri ini agak tinggi iaitu pada kadar 43 peratus. Selebihnya mewakili kadar piawaian yang belum diamalkan iaitu sebanyak 10 peratus. Dari sudut ini, antara piawaian yang belum diamalkannya ialah apabila terdapat kesukaran untuk menentukan kesan tempoh khusus perubahan polisi perakaunan ke atas maklumat bandingan satu atau lebih tempoh yang dibentangkan, entiti mengaplikasi polisi perakaunan yang baru ke atas amaun bawaan aset dan liabiliti pada awal tempoh bandingan terawal di mana aplikasi retrospektif boleh dilaksanakan, yang mungkin merupakan tempoh semasa dan melakukan pelarasan yang bersesuaian ke atas baki awal setiap komponen aset bersih/ekuiti yang berkaitan bagi tempoh berkenaan, Negeri Perak mempunyai 42 peratus tahap pendedahan awal iaitu bersamaan dengan 26 piawaian didalam MPSAS 3. Peratus piawaian dalam kategori tidak pasti melebihi kadar kepatuhan awal sebanyak satu peratus. Oleh itu, tahap pendedahan awal 42 peratus negeri Perak masih boleh diterima berbanding negeri-negeri lain. Baki 15 peratus lagi mewakili piawaian yang belum diamalkan. Dari sudut piawaian yang belum diamalkan ini, negeri Perak mencatatkan jumlah peratusan tertinggi berbanding negeri-negeri lain, namun tidak jauh berbeza dengan negeri-negeri lain.

Piawaian terakhir yang dikaji berkait dengan MPSAS 6 dan ianya mewakili penyata kewangan disatukan dan penyata kewangan berasingan. Negeri Perlis dan Kedah mencatat tahap pendedahan awal kedua tertinggi bagi MPSAS 6 iaitu 47 peratus selepas negeri Sarawak yang mempunyai kadar kepatuhan awal sebanyak 50 peratus. Tahap pendedahan awal negeri Perak dan Pulau Pinang bagi MPSAS 6 adalah sebanyak 17 peratus sahaja sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 4.7. Hal ini berlaku sedemikian disebabkan oleh jumlah peratusan yang tinggi bagi piawaian yang berada dalam kategori tidak pasti iaitu 78 peratus dan 80 peratus yang direkodkan oleh negeri Perak dan Pulau Pinang. Walau bagaimanapun tahap pendedahan awal yang rendah ini sewajarnya boleh diterima memandangkan negeri Perak menggunakan amalan perakaunan yang tinggi yang disediakan oleh MASB dan juga merujuk kepada Piawaian Laporan Entiti Persendirian (PERS). Begitu juga bagi negeri Pulau Pinang yang menggunakan piawaian perakaunan yang disyorkan oleh MASB. Lantaran itu, peratusan yang terendah bagi kedua-dua

negeri untuk MPSAS 6 bukanlah satu perkara yang menjadi isu buat kedua-dua negeri, jauh sekali perlu dibimbangi.

Di samping itu, antara persamaan di antara negeri Perlis, Perak dan Sarawak ini ialah pada piawaian yang belum diamalkan iaitu entiti ekonomi boleh merangkumi kedua-dua entiti yang mempunyai polisi sosial dan entiti yang mempunyai objektif komersial dan fakta bahawa entiti yang dikawal tidak disatukan kerana kawalan adalah sementara.

Kesimpulan Zon B

Secara keseluruhan, kelima-lima negeri ini menunjukkan perbezaan dari segi peratusan pendedahan item berdasarkan keperluan MPSAS 1, MPSAS 2, MPSAS 3 dan MPSAS 6. Namun demikian, perbezaan itu tidaklah begitu ketara. Sebagaimana ditekankan pada awal dapatan kajian ini, perbezaan antara kadar peratusan pendedahan item ini bukanlah menunjukkan bahawa negeri yang mendapat peratusan terendah tidak mengamalkan piawaian yang ditetapkan. Hal ini berlaku kerana penggunaan MPSAS masih belum dikategorikan sebagai piawaian yang perlu dikuatkuasakan ke atas MAIN di Zon B, maka dapatan kajian bagi Objektif Kajian Pertama hanya menggambarkan jurang di antara amalan semasa MAIN dengan MPSAS. Bagi negeri-negeri yang mendapat kadar peratusan pendedahan item yang tinggi, bukan bermaksud MAIN di negeri-negeri tersebut telah mengamalkan piawaian yang sewajarnya. Kesimpulannya, perbezaan amalan serta jurang perbezaan antara amalan dan MPSAS bagi kelima-lima negeri ini boleh dikurangkan jika terdapat penyelarasan dari segi keseragaman dan pelaksanaan piawaian bagi setiap negeri.

4.2.3 Dapatan Kajian Bagi Zon C - WP Kuala Lumpur, Pahang, Terengganu dan Kelantan

Analisis Tahap 1: Mengenalpasti Amalan

Persoalan kajian pertama menjawab perkara berkaitan amalan perakaunan di empat buah MAIN. Pada bahagian ini, kajian menggunakan Penyata Kewangan bagi tahun 2014. Enam isu akan dibincangkan, iaitu, (i) piawaian perakaunan dan garis panduan yang digunakan seperti yang dinyatakan dalam Nota Akaun; (ii) jenis-jenis penyata yang dibentangkan pada muka utama Penyata Kewangan; (iii) “*line item*” khusus di dalam Lembaran Imbangan di bawah item ekuiti;

- (iv) gaya persembahan dalam “Penyata Pendapatan” dan juga “Penyata Perubahan Ekuiti; dan
- (v) maklumat dalam Nota Akaun.

Piawaian Perakaunan dan Garis Panduan Yang Digunakan

Secara umumnya, kesemua empat MAIN menyatakan bahawa mereka mematuhi piawaian yang dikeluarkan oleh MASB (Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia). Analisis menunjukkan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) menggunakan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian (PERS) dalam penyediaan penyata kewangan dan piawaian ini akan terus digunakan selagi ia tidak bercanggah dengan kehendak syariah. Walau bagaimanapun, peraturan berkaitan syariah yang mungkin bertentangan dengan PERS tidak dinyatakan secara khusus. Sementara itu, majlis Ugama Islam dan Adam Resam Melayu Pahang (MUIP) dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) menyediakan Penyata Kewangan mereka menggunakan piawaian yang diluluskan oleh MASB tanpa merujuk kepada piawaian tertentu. MAIK juga menjelaskan terdapat kemungkinan dasar perakaunan tersirat di dalam Enakmen MAIK dan lain-lain peraturan kewangan dan perakaunan. Selain MASB sebagai pihak berkuasa dalam mengeluarkan piawaian, MAIK menjelaskan penyata kewangan boleh disediakan berdasarkan *International Accounting Standard* (IAS). Semua piawaian ini boleh diterima oleh MAIK selagi ia tidak bercanggah dengan syariah. Berdasarkan dapatan ini, boleh disimpulkan bahawa MAIN di Zon C mengikuti piawaian yang disediakan oleh MASB. Walaupun MAIK kelihatan lebih anjal dalam mentafsirkan "dasar perakaunan" yang diterima, kesemua MAIN di Zon C menyatakan bahawa perkara paling utama adalah keperluan mematuhi syariah.

Jenis-Jenis Penyata Yang Dibentangkan

Perkara kedua berkaitan amalan perakaunan MAIN di Zon C pula berkisar tentang jenis penyata yang dibentangkan dalam penyata kewangan utama. Analisis menunjukkan terdapat beberapa persamaan dan juga perbezaan. Secara umumnya, semua MAIN di Zon C menyediakan empat penyata kewangan utama iaitu Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perubahan Ekuiti. Namun, terdapat penggunaan istilah yang berbeza di antara satu MAIN dengan MAIN yang lain. Sebagai contoh, MAIWP dan MAIDAM menggunakan istilah "Lembaran Imbangan", MUIP pula menggunakan istilah "Lembaran Imbangan Disatukan" manakala MAIK menggunakan istilah "Kunci Kira-kira". Pelaporan MAIWP mempamerkan pemisahan secara kolumnar antara "Kumpulan" dan "MAIWP". Ini menandakan bahawa MAIWP dan MUIP mempunyai persembahan yang sama walaupun MAIWP tidak menggunakan

istilah “Disatukan” (Lihat Jadual 4.16). Di MUIP, terdapat dua Lembaran Imbangan – pertama adalah "Lembaran Imbangan Disatukan" yang berperanan mempamerkan maklumat “Kumpulan”; manakala yang kedua adalah "Lembaran Imbangan" yang merujuk kepada MUIP. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa Lembaran Imbangan MUIP dan MAIWP adalah sama. Bagi MAIDAM pula, tidak terdapat istilah "Disatukan" kerana ianya tidak terpakai oleh kerana ia tidak mempunyai subsidiari¹. MAIK pula masih menggunakan tatanama terdahulu iaitu "Kunci Kira-kira". Amalan dan sebab yang hampir serupa juga dapat dilihat pada "Penyata Pendapatan". MUIP mempunyai "Penyata Pendapatan Disatukan", manakala MAIWP dan MAIDAM² tidak. Seperti juga perbincangan sebelum ini berkaitan Lembaran Imbangan, MAIWP tidak menggunakan tatanama "Disatukan" kerana ia dilaporkan secara "Kumpulan" dan dalam bentuk kolumnar, manakala MAIDAM tidak menggunakan “Disatukan” kerana ia tidak memiliki subsidiari. Bagi MAIK pula, ia tetap menggunakan "Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan Disatukan" walaupun tidak mempunyai subsidiari. Apabila dirujuk kepada bahagian lain dalam Penyata Kewangan, istilah "Disatukan" bagi MAIK menandakan penggabungan semua Kumpulan Wang dan bukannya penyatuan anak syarikat dan induk seperti yang biasa difahami.

Bagi "Penyata Aliran Tunai" pula, hanya MUIP mempunyai "... Disatukan" seperti mana yang di bincangkan dalam perenggan sebelum ini (berkaitan "Lembaran Imbangan"). MAIN lain pula cuma menggunakan "Penyata Aliran Tunai" tanpa “Disatukan”. Di samping itu, semua MAIN menggunakan "kaedah tidak langsung" dalam membentangkan "Penyata Aliran Tunai" mereka. Bagi "Penyata Perubahan Ekuiti", tiga MAIN (MUIP, MIADAM dan MAIK) menggunakan "... Disatukan", manakala MAIWP tidak menggunakan istilah tersebut. Di samping itu MAIWP juga menggantikan perkataan “Ekuiti” dengan “Kumpulan Wang” – menjadi “Penyata Perubahan Kumpulan Wang”. Analisis juga menunjukkan kesemua empat MAIN di Zon C mempunyai empat penyata kewangan utama. Walau bagaimanapun, MUIP mempunyai tambahan empat penyata kewangan yang serupa yang dikhaskan untuk “MUIP” - tanpa subsidiari. Seperti yang disentuh dalam perbincangan dalam "Lembaran Imbangan", MUIP membentangkan Penyata Kewangan “Kumpulan” dan “MUIP” secara berasingan; tidak seperti MAIWP yang membentangkan dalam bentuk kolumnar. Oleh itu, MUIP mempunyai 8 Penyata Kewangan; empat untuk "... Disatukan", manakala tambahan 4 lagi untuk "MUIP"³.

¹ Perkembangan terbaru menunjukkan bahawa MAIDAM mungkin mempunyai anak-anak syarikat telah ditubuhkan (atau dalam proses)

² Nama penuh penyata tersebut yang digunakan di MAIDAM ialah "Penyata Pendapatan & Perbelanjaan"

³ Pada deraf Penyata Kewangan tahun berikutnya (2015), adalah didapati amalan ini menyerupai amalan MAIWP, yakni laporan kolumnar dengan hanya empat penyata kewangan.

Jadual 4.16 Zon C: Penggunaan Istilah "Disatukan"

	MAIWP	MUIP	MAIDAM	MAIK
Lembaran Imbangan	×	✓	×	×
Penyata Pendapatan	×	✓	×	✓
Penyata Aliran Tunai	×	✓	×	×
Penyata Perubahan Ekuiti	×	✓	✓	✓

“Line Item” Di Lembaran Imbangan Di Bawah Item Ekuiti

Kajian ini juga mengkaji butiran yang dibentangkan dalam setiap penyata kewangan individu. Untuk lembaran imbangan, analisis memberi tumpuan kepada perkara-perkara yang dipamerkan di bahagian ekuiti, iaitu "Dibiayai oleh". MAIWP dan MUIP melaporkan hanya satu angka di bawah item "Kumpulan Wang Terkumpul" dan "Dana Terkumpul" masing-masing (Rujuk Lampiran 7). Butiran mengenai angka besar ini boleh diperolehi dari maklumat yang diberikan dalam penyata kewangan lain (Penyata Perubahan Ekuiti atau Penyata Pendapatan) atau dalam nota kepada akaun. Walau bagaimanapun, ini mungkin agak sukar kerana tidak ada rujukan langsung dalam nota kepada akaun⁴. Sementara itu MAIDAM dan MAIK menerangkan setiap dana individu secara terperinci di mana setiap kumpulan wang dilaporkan sebagai *line item* secara berasingan. MAIDAM mempunyai lima kumpulan wang, manakala MAIK mempunyai tujuh; yang mana kumpulan wang yang biasa ditubuhkan terdiri dari Kumpulan Wang Pentadbiran/Baitulmal, Kumpulan Wang Zakat dan Kumpulan Wang Wakaf (Rujuk Lampiran 8). Semua item yang disenaraikan terletak di bawah tajuk "Lebihan Terkumpul" – menunjukkan bahawa penerimaan melebihi perbelanjaan. Manakala MAIDAM mempunyai enam *line item* tambahan di bawah "Dibiayai oleh", iaitu "Cadangan modal", “Rezab nilai semula harta”, “Pemberian dari Agensi lain”, “Kumpulan Wang Chenderong”, “Kumpulan Wang Luar Jangka” dan “Kumpulan Wang Pendahuluan Diri”⁵. Sebahagian dari butiran-butiran di bawah "Dibiayai oleh" di MAIDAM dan MAIK juga boleh didapati di nota kepada akaun.

Gaya Persembahan Dalam Penyata Pendapatan

Dalam penyata pendapatan pula, perbezaan dapat dilihat dalam dua perspektif. Pertama, perbezaan dari segi format berbanding kebiasaan (seperti syarikat korporat). Kedua, dari segi *line*

⁴ Jumlah besar tidak mempunyai nombor rujukan untuk Nota Kepada Akaun.

⁵ Sebahagian daripada line item ini juga boleh didapati di MUIP dan MAIWP tetapi ianya tidak tersenarai di Penyata Kewangan Utama

item. Dalam kes pertama, tidak ada pemisahan khusus antara perbelanjaan langsung dan perbelanjaan tidak langsung/berkala. Kebiasaannya, angka keuntungan/lebih kasar memisahkan perbelanjaan langsung dan perbelanjaan tidak langsung/berkala. Angka keuntungan/lebih bersih akan dipamerkan setelah item perbelanjaan tidak langsung/berkala⁶ dipanggil keuntungan bersih/lebih. Pada dasarnya ia adalah pendapatan tolak perbelanjaan langsung = lebih kasar; dan lebih kasar tolak perbelanjaan tidak langsung/berkala = lebih bersih. Hanya MAIWP melaporkan dengan cara sebegini. Manakala, tiga MAIN yang lain membentangkan dalam format pendapatan terjumlah tolak perbelanjaan terjumlah = lebih bersih; dengan sedikit variasi antara mereka (Rujuk Lampiran 9). Ianya tidak membezakan antara perbelanjaan langsung dan tidak langsung. Bagi kes kedua, pembentangan penyata pendapatan biasanya terdiri daripada barang-barang seperti hasil jualan, pendapatan sewa dan lain-lain (di bahagian pendapatan) dan gaji, perbelanjaan pemasaran, penyelenggaraan dan lain-lain (di bahagian perbelanjaan). *Line item* dibentangkan mengikut jenis perbelanjaan. Ini boleh dilihat dalam penyata pendapatan MAIWP dan MAIDAM (Rujuk Lampiran 9).

Bagi MAIK, ianya dibentangkan berdasarkan kumpulan wang. Penyata pendapatan menyenaraikan penerimaan dan perbelanjaan secara berasingan bagi setiap kumpulan wang (bersama-sama dengan beberapa penerimaan lain). Dalam erti kata lain, di bawah pendapatan, *line item* yang berkaitan adalah Kumpulan Wang Zakat, Kumpulan Wang Wakaf dan lain-lain pendapatan dengan jumlah keseluruhan pendapatan dinyatakan (Rujuk Lampiran 10). Setelah selesai semuanya dilaporkan, disenaraikan pula butiran sama di bawah tajuk perbelanjaan. Pada dasarnya ia adalah pendapatan (*line item* terdiri dari Kumpulan Wang Zakat + Kumpulan Wang Wakaf + Kumpulan Wang Baitulmal + Kumpulan Wang lain-lain) tolak perbelanjaan (*line item* terdiri dari Kumpulan Wang Zakat + Kumpulan Wang Wakaf + Kumpulan Wang Baitulmal + Kumpulan Wang lain-lain).

Sementara itu, gaya persembahan penyata pendapatan MUIP boleh dilihat sebagai gabungan gaya persembahan penyata pendapatan di MAIWP, MAIDAM dan MAIK (Rujuk Lampiran 10). Dari satu sudut, MUIP melaporkan secara *line item* mengikut jenis perbelanjaan (menyerupai MAIWP dan MAIDAM). Walau bagaimanapun, MUIP juga membentangkan mengikut kumpulan wang seperti MAIK⁷, dengan sedikit perbezaan. Di sebalik melaporkan kumpulan

⁶ Dipermudahkan bagi mengelakkan kerumitan berkaitan item cukai, pemegang saham minoriti dan lain-lain

⁷ Deraf Penyata Kewangan MUIP 2015 bagaimanapun menunjukkan bahawa ia meninggalkan amalan sedia ada dan menerima pakai amalan yang menyerupai MAIK

wang di bawah kedua-dua pendapatan dan perbelanjaan, MUIP hanya meletakkan angka lebihan yang dizahirkan di bawah tajuk pendapatan. Angka ini terlebih dahulu di tolak dengan perbelanjaan. Angka perbelanjaan bagaimanapun tidak ditunjukkan di penyata pendapatan utama. Ia cuma ditunjukkan dalam kenyataan berasingan (seperti nota kepada akaun dan penyata lain). Dapat disimpulkan disini bahawa angka yang dibentangkan dalam penyata pendapatan bukanlah⁸ satu angka kasar pendapatan, sebaliknya ia adalah angka bersih selepas ditolak perbelanjaan langsung bagi setiap kumpulan wang. Ini boleh difahami dari istilah yang digunakan dalam Penyata Pendapatan yang dinyatakan, contohnya seperti "Lebihan dari Penyata Pendapatan Zakat Fitrah".

Bagi penyata perubahan ekuiti, semua MAIN di Zon C kecuali MUIP membentangkannya dalam bentuk kolumnar manakala MUIP membentangkan dalam bentuk berlapis (*layered form*) (Rujuk Lampiran 11). Walaupun MAIDAM dan MAIK membentangkan satu persatu Kumpulan Wang (lima untuk MAIDAM⁹ dan tujuh untuk MAIK), MAIWP bagaimanapun tidak memasukkan butiran untuk setiap kumpulan wang. Ia diletakkan secara pukal di bawah item yang dipanggil "Pendapatan Tersimpan" di mana butir-butir individu kumpulan wang dinyatakan dalam nota kepada akaun. Selain "Pendapatan Tersimpan", kolum itu turut menyenaraikan item seperti "Rizab Tabung Pinjaman", "Rizab Penilaian" dan "Rizab modal".

Maklumat Nota Kepada Akaun

Oleh kerana semua MAIN di Zon C mempunyai kumpulan wang, butiran tentang kumpulan wang tersebut boleh difahami melalui nota kepada akaun. Butiran-butiran ini termasuklah lembaran imbalan dan/atau penyata pendapatan bagi setiap kumpulan wang. Ini terpakai buat MAIDAM, MAIK dan MUIP. MAIWP bagaimanapun, tidak memerlukan tambahan lembaran imbalan dan/atau penyata pendapatan untuk menjelaskan penyata kewangan utama mereka. Bagi MAIDAM, lembaran imbalan di bahagian ekuiti - terdiri daripada lima kumpulan wang. Kumpulan wang ini mempunyai nota kepada akaun yang tersendiri. Dalam erti kata lain, terdapat lima lembaran imbalan dan lima penyata pendapatan dalam nota kepada akaun sepadan dengan lima *line item* yang tertera dalam lembaran imbalan utama. Bagi MUIP, nota kepada akaun digunakan untuk menerangkan penyata pendapatan utama. Ianya mendedahkan satu penyata pendapatan tambahan sepadan dengan lima kumpulan wang yang dimiliki. Bagi MAIK pula, nota kepada akaun digunakan dalam menjelaskan item pada lembaran imbalan utama. Ia

⁸ Amalan ini hanya terpakai pada Kumpulan Wang. MUIP juga mempunyai pendapatan lain.

⁹ Ini tidak termasuk tambahan 6 item yang serupa dengan MAIWP dibincangkan selepas ini.

menyenaraikan tujuh penyata pendapatan bagi setiap tujuh kumpulan wang. Ringkasan dapatan adalah seperti yang tertera di Jadual 4.17.

Jadual 4.17 Zon C: Tambahan Penyata Kewangan Di Nota Kepada Akaun

	MAIWP	MUIP	MAIDAM	MAIK
Nombor Nota Akaun terletak di muka utama	Tidak berkenaan	Penyata Pendapatan	Lembaran Imbangan	Lembaran Imbangan
Perincian Nota	Tidak berkenaan	5 Penyata Pendapatan	5 Lembaran Imbangan	7 Penyata Pendapatan
			5 Penyata Pendapatan	

Secara keseluruhannya, amalan perakaunan dan pelaporan kewangan bagi MAIN di Zon C boleh diringkaskan seperti berikut:

- i. Asas perakaunan berdasarkan MASB dengan pernyataan berbeza-beza; kehendak syariah mengatasi mana-mana peruntukan lain.
- ii. Cara "Disatukan" digunakan juga berbeza. Dari segi persembahan, "Kumpulan" & "MAIN" boleh dikemukakan dalam bentuk kolumnar dalam satu penyata atau ia dikemukakan sebagai kenyataan individu yang berasingan bagi setiapnya. Dari segi tatanama, "Disatukan" boleh ditakrif sebagai penggabungan antara subsidiari dan induk; atau antara beberapa Kumpulan Wang; atau kedua-duanya.
- iii. Istilah "Penyata Pendapatan" dan "Penyata Pendapatan & Perbelanjaan" mungkin tidak sesuai untuk MAIN oleh kerana operasinya boleh merangkumi kedua-dua - sosial dan ekonomi/kewangan.
- iv. Dalam lembaran imbangan, di bahagian ekuiti, *line item* mungkin dilaporkan dalam keadaan yang tersangat umum. Butirannya agak sukar untuk diperolehi dan difahami.
- v. Dalam penyata pendapatan, terdapat gaya persembahan yang berbeza-beza di mana ia boleh dibentangkan mengikut jenis perbelanjaan atau mengikut kumpulan wang atau hibrid daripada kedua-duanya.
- vi. Laporan kolumnar diamalkan di MAIWP, MAIDAM dan MAIK manakala MUIP menggunakan laporan berlapis.
- vii. Maklumat yang ditunjukkan dalam nota kepada akaun adalah tidak seragam. Ada yang memerlukan dan ada yang tidak memerlukan penyata kewangan tambahan untuk

memperjelaskan penyata kewangan utama. Jenis-jenis penyata kewangan yang memerlukan nota kepada akaun; dan butiran nota kepada akaun juga berlainan bagi setiap MAIN di Zon C. Ada yang meletakkan nota kepada akaun untuk lembaran imbalan, manakala ada juga yang meletakkan untuk penyata pendapatan. Mengenai butiran nota kepada akaun, sesetengahnya meletakkan di kedua-dua lembaran imbalan dan penyata pendapatan sementara yang lain meletakkan sama ada hanya di lembaran imbalan atau penyata pendapatan sahaja.

Analisis Tahap 2: Mengenalpasti Jurang

Bahagian ini akan menjelaskan jurang perbezaan di antara amalan MAIN di Zon C dengan piawaian MPSAS 1, 2, 3 dan 6 dijadikan sebagai tanda aras.

MPSAS 1 – Pembentangan Penyata Kewangan

Jadual 4.18 di bawah menunjukkan ringkasan skor perbandingan diantara amalan semasa perakaunan dan pelaporan dan MPSAS 1. Skor terperinci perbandingan ini secara langsung memberi maklumat mengenai jurang di antara keduanya (Rujuk Lampiran 9).

Jadual 4.18 Zon C: Ringkasan Skor Perbandingan Amalan Semasa dan MPSAS 1

Skor	MAIWP	PPZ	MUIP	PKZ	MAIDAM	MAIK
1	36 (70.5%)	35 (63.6%)	36 (70.5%)	34 (66.7%)	34 (66.7%)	33 (64.7%)
0	6 (11.8%)	11 (20.0%)	6 (11.8%)	8 (15.7%)	8 (15.7%)	9 (17.6%)
NA	9 (17.7%)	9 (16.4%)	9 (17.7%)	9 (17.7%)	9 (17.7%)	9 (17.7%)
Bilangan item	51	55	51	51	51	51

Nota:

1: Maklumat berkaitan transaksi tahun 2014 didedahkan sepertimana keperluan MPSAS 1

0: Tiada pendedahan maklumat sepertimana keperluan MPSAS 1

NA: Tiada maklumat berkaitan untuk tahun 2014

Berdasarkan statistik yang dibentangkan di Jadual 4.18, amalan semasa perakaunan dan pelaporan bagi kesemua enam entiti di Zon C adalah selaras dengan MPSAS 1. Analisis menunjukkan, daripada 55 item yang dipilih dari MPSAS 1, didapati sebanyak 34-36 item (66.7% -70.6%) telah dilaksanakan pelaporannya di dalam penyata kewangan tahun 2014 bagi entiti-entiti berkenaan. Secara spesifiknya, sebanyak 35 item MPSAS 1 (70.6%) telah dibentangkan dalam penyata kewangan MAIWP dan MUIP. Untuk kedua-dua entiti ini, hanya 6 item MPSAS 1 (11.76%) yang tidak dilaporkan manakala 9 item MPSAS 1 (17.65%) tidak

terpakai bagi entiti tersebut untuk tahun berkenaan. Pusat Kutipan Zakat Pahang (PKZ) dan MAIDAM didapati telah melaporkan 34 item MPSAS 1 (66.7%) di dalam penyata kewangannya manakala 8 item MPSAS 1 (15.7%) tidak ditemui dan 9 item MPSAS 1 (17.65%) adalah tidak terpakai. MAIK pula mencatatkan jumlah terendah di mana didapati hanya telah mengamalkan 33 item MPSAS 1 (64.7%). Sejumlah 9 item MPSAS 1 (17.65%) tidak dilaporkan manakala 9 item MPSAS 1 (17.65%) adalah tidak terpakai ke atas MAIK. Secara ringkasnya, penyata kewangan yang dikemukakan oleh kesemua institusi berkaitan adalah memenuhi objektif pelaporan kewangan yang diperuntukkan dalam MPSAS 1.15 iaitu “*Penyata kewangan memberi maklumat tentang kedudukan kewangan, prestasi dan aliran tunai entiti.*”

Berdasarkan kepada dapatan yang dinyatakan di atas juga, didapati komponen - komponen asas penyata kewangan yang disediakan oleh kesemua entiti dalam Zon C seperti Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Asset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Nota kepada Penyata Kewangan selaras dengan item MPSAS 1.21 (Rujuk Lampiran 10). Walaubagaimanapun, tiada maklumat mengenai bajet yang diluluskan dilaporkan oleh kesemua entiti. Penyata-penyata lain yang dilampirkan oleh kesemua entiti bersama penyata kewangan ini ialah Penyata Pengerusi dan ahli Majlis/Penyata Pengakuan ahli Majlis serta laporan audit. Hanya dua entiti iaitu Pusat Pungutan Zakat MAIWP (PPZ) dan PKZ telah menyediakan Laporan Ahli Majlis manakala entiti-entiti yang lain menyediakan Penyata Pengakuan Pegawai Utama. MUIP telah menyediakan Penyata Pengurusan. Bagi melaporkan aktiviti-aktiviti, MAIWP dan MUIP telah melaporkannya secara khusus di dalam Laporan aktiviti manakala PPZ, MAIDAM dan MAIK hanya menerangkan status aktiviti di bahagian nota kepada akaun. Bagi maklumat mengenai hartanah, hanya MAIDAM yang melampirkan nota penjelasan hartanah secara terperinci di Nota kepada Penyata Kewangan manakala MAIWP dan MUIP hanya memuatkan perihal hartanah di bahagian laporan aktiviti. MAIK pula hanya menyatakan sebagai *One-line item*. Adalah menarik untuk diambil maklum bahawa MUIP telah membuat pembentangan tambahan iaitu dengan menyediakan penyata kewangan berasingan bagi setiap dana (cth: penyata dana zakat, wakaf dan baitulmal) manakala MAIWP, MAIDAM dan MAIK hanya memuatkan maklumat tersebut di Nota kepada Penyata Kewangan. Berdasarkan MPSAS 1, penyata-penyata kewangan yang perlu disediakan oleh entiti adalah seperti berikut:

“Penyata kewangan yang lengkap terdiri daripada:

- (a) Penyata kedudukan kewangan;*
- (b) Penyata prestasi kewangan;*

- (c) *Penyata perubahan aset bersih/ekuiti;*
- (d) *Penyata aliran tunai;*
- (e) *perbandingan jumlah bajet dengan jumlah sebenar samada sebagai satu penyata tambahan berasingan atau sebagai satu lajur bajet dalam penyata kewangan (sekiranya bajet yang diluluskan didedahkan kepada awam); dan*
- (f) *Nota, yang mengandungi ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.”*

Selain itu, semua entiti gagal membuat penyataan bahawa penyata kewangan adalah disediakan berdasarkan kepada andaian *going concern*. Ianya adalah penting memandangkan salah satu ciri-ciri wakaf ialah bersifat *perpetuiti* (untuk selamanya atau tiada batasan masa). Oleh yang demikian, adalah dicadangkan supaya menjadi kemestian kepada setiap entiti WZB menyatakan secara jelas andaian *going concern* di Nota kepada Penyata Kewangan. Walaubagaimanapun, semua entiti didapati telah mengamalkan prinsip konsistensi, kematangan dan kumpulan (*materiality and aggregation*), gentian (*offsetting*) dan perbandingan maklumat (*comparative information*). Adalah juga didapati entiti-entiti WZB ini turut mengenal pasti penyata kewangan dan menyediakan maklumat-maklumat seperti yang diperlukan oleh item MPSAS 1.63 seperti berikut:

“Setiap komponen penyata kewangan dikenal pasti dengan jelas. Maklumat berikut dinyatakan dengan jelas dan diulang apabila perlu bagi memastikan maklumat difahami:

- (a) *Nama entiti pelapor atau cara pengenalan lain, dan apa-apa perubahan pada maklumat dari tarikh pelaporan sebelumnya;*
- (b) *Penyata kewangan merangkumi entiti individu atau entiti ekonomi;*
- (c) *Tarikh pelaporan atau tempoh yang diliputi oleh penyata kewangan, mengikut kesesuaian komponen penyata kewangan;*
- (d) *Mata wang pembentangan; dan*

Tahap pembundaran yang digunakan dalam pembentangan angka penyata kewangan.”

Analisis juga mendapati entiti-entiti ini juga menyediakan penyata kewangan mereka secara tahunan yang mana selari dengan keperluan *haul* (genap setahun) untuk tujuan zakat. Selain daripada itu, entiti-entiti ini turut membentangkan maklumat-maklumat yang diperlukan oleh Penyata Perubahan Dalam Ekuiti/Dana Gabungan. Daripada lima item yang disenaraikan para

118 (MPSAS 1), MUIP membentangkan 4 item manakala MAIWP, MAIDAM dan MAIK membentangkan 3 item sementara PPZ dan PKZ membentangkan hanya 2 item. Item-item yang disenaraikan oleh para 118 adalah seperti berikut:

“Penyata perubahan aset bersih/ekuiti (juga dikenali sebagai Kumpulan Wang Disatukan) menunjukkan maklumat berikut pada muka penyata:

- (a) Lebihan atau kekurangan bagi tempoh;*
- (b) Ringkasan baki Akaun Amanah Kerajaan;*
- (c) Setiap item hasil dan belanja bagi tempoh seperti dikehendaki dalam piawaian lain, diiktiraf secara langsung di dalam aset bersih/ekuiti, dan jumlah item tersebut;*
- (d) Jumlah hasil dan belanja bagi tempoh (dikira sebagai jumlah (a) dan (c), dengan menunjukkan secara berasingan amaun yang merupakan bahagian pemilik yang mengawal entiti dan bahagian kepentingan minoriti; dan*

Bagi setiap komponen aset bersih/ekuiti yang dinyatakan secara berasingan, kesan daripada perubahan polisi perakaunan dan pembetulan kesilapan yang diiktiraf selaras dengan MPSAS 3 – Polisi perakaunan, perubahan anggaran perakaunan dan kesilapan (atau piawaian perakaunan yang diaplikasi di institusi anda)”.

Mengenai struktur nota kepada akaun, analisis mendapati semua entiti di Zon C telah mengamalkan struktur nota yang dicadangkan di dalam MPSAS 1 (perenggan 127-128). Secara keseluruhannya, nota-nota ini juga telah dinyatakan secara sistematik dan teratur. Pembentangan maklumat berkaitan juga dibuat berdasarkan kepada prinsip-prinsip perakaunan termasuk andaian utama mengenai masa hadapan dan jangkaan ketidakpastian yang akan berlaku (*future and estimation of uncertainty*). Walaubagaimanapun, MUIP dan MAIK gagal untuk melaporkan jumlah aset dan liabiliti yang memerlukan jangkaan.

Perenggan 148 MPSAS 1 memerlukan entiti-entiti mendedahkan maklumat yang membolehkan para pengguna penyata kewangan menilai objektif, polisi dan proses pengurusan dana entiti. Analisis mendapati, hanya MAIWP yang telah mengamalkan keperluan ini. Bagi maklumat pengendalian dana wakaf umpamanya, mutawalli (pemegang amanah) hendaklah menyediakan maklumat tambahan seperti Laporan Mutawalli (*Trustee's Statement*) yang mengandungi maklumat-maklumat seperti objektif wakaf dan tahap pencapaian objektif.

MPSAS 2: Penyata Aliran Tunai

Berdasarkan semakan ke atas Penyata Kewangan 2014, adalah didapati semua entiti berkaitan menyediakan Penyata Aliran Tunai Disatukan (Consolidated Cash Flow Statements). Jadual 4.19 di bawah menunjukkan ringkasan skor perbandingan di antara amalan semasa perakaunan dan pelaporan dengan MPSAS 2. Skor terperinci perbandingan ini yang secara langsung memberi maklumat mengenai jurang di antara keduanya (Rujuk Lampiran 11).

Jadual 4.19 Zon C: Ringkasan Skor Perbandingan Amalan Semasa dan MPSAS 2

SKOR	MAIWP	PPZ	MUIP	PKZ	MAIDAM	MAIK
1	14 (66.7%)	10 (50.0%)	12 (57.0%)	9 (42.8%)	8 (38.1%)	6 (28.6%)
0	3 (14.3%)	1 (0.5%)	3 (14.3%)	3 (14.3%)	2 (9.5%)	4 (19.0%)
NA	4 (19.0%)	10 (50.0%)	6 (28.7%)	9 (42.9%)	11 (52.4%)	11 (52.4%)
JUMLAH ITEM	21	21	21	21	21	21

Nota:

1: Maklumat berkaitan traksaksi tahun 2014 didedahkan sepertimana keperluan MPSAS 2

0: Tiada pendedahan maklumat sepertimana keperluan MPSAS 2

NA: Tiada maklumat berkaitan untuk tahun 2014

Berdasarkan Jadual 4.19 di atas, hanya tiga institusi iaitu MAIWP, PPZ dan MUIP didapati telah mengamalkan lebih dari 50 peratus dari sejumlah 21 item MPSAS 2 yang dipilih. MAIK dan MAIDAM mempunyai peratusan jurang amalan semasa perakaunan dengan MPSAS 2 yang paling tinggi, iaitu 52.4%. Secara keseluruhannya, adalah penting untuk diambil maklum bahawa peratusan bagi tiada pelaporan (*non-disclosure*) ke atas item MPSAS 2 yang dipilih kurang daripada 20 peratus. Peratusan pendedahan maklumat yang rendah ini berlaku kerana beberapa sebab. Pertama, semua entiti melaporkan aliran tunai berdasarkan kaedah tidak langsung (*indirect method*) yang mana penyata bermula dengan pendapatan bersih atau rugi, seterusnya diikuti dengan tambahan atau penolakan daripada pendapatan bukan tunai dan perbelanjaan yang menghasilkan pendapatan bersih daripada aktiviti operasi. Kedua, tiada transaksi berlaku di institusi tersebut pada tahun kewangan 2014. Sebagai contoh, walaupun penyata aliran tunai di semua entiti melaporkan ketiga-tiga aktiviti utama iaitu Operasi, Pelaburan dan Pembiayaan; PPZ dan MAIK didapati tidak mempunyai sebarang aktiviti pembiayaan pada tahun 2014. Tambahan pula, institusi seperti MAIDAM dan MAIK tidak mempunyai maklumat mengenai aliran tunai cukai ke atas keuntungan bersih (Perenggan 44), agregat aliran tunai yang timbul daripada aktiviti pengambilalihan dan daripada pelupusan entiti yang terkawal (Perenggan 49 dan 50). MAIDAM dan MAIK tidak menjana sebarang pendapatan yang tertakluk kepada cukai.

Juga, pengaliran tunai mata wang asing ke dalam penyata aliran tunai MAIWP dan MAIK tidak di laporkan sewajarnya (Perenggan 36 dan 37).

Berdasarkan semakan ke atas Penyata Kewangan 2014, penyata kewangan entiti-entiti ini tidak mendedahkan sebarang maklumat mengenai pergerakan aliran tunai WZB secara jelas di dalam Penyata Aliran Tunai mahupun nota kepada akaun (Rujuk Lampiran 12 untuk analisa terperinci MPSAS 2). Walaubagaimanapun, adalah penting untuk diambilmaklum bahawa amalan semasa perakaunan kesemua institutusi adalah selaras dengan item MPSAS 2 yang dipilih iaitu:

- i. Kaedah pelaporan secara langsung atau tidak langsung (Perenggan 27);
- ii. Pendedahan secara nyata aliran tunai pelaburan dan pembiayaan dan aliran tunai ini dilaporkan secara bersih (net basis) (Perenggan 31 dan 32);
- iii. Pendedahan berasingan bagi aliran tunai daripada faedah dan dividen atau pengagihan yang diterima dan dibayar (Perenggan 40); dan
- iv. Mendedahkan komponen tunai dan yang setara, penyesuaian jumlah di dalam penyata kewangan dan yang sama dengannya dalam Penyata Kedudukan Kewangan (Perenggan 56).

Maklumat aliran tunai cukai juga didedahkan oleh MUIP, PKZ, MAIWP dan PPZ memandangkan institusi-institusi ini mempunyai anak-anak syarikat yang menjalankan aktiviti komersial dan pendapatan mereka adalah tertakluk kepada cukai. Penyata kewangan entiti-entiti ini menyatakan maklumat mengenai cukai selaras dengan Perenggan 44 MPSAS 2. Bagi maklumat mengenai aktiviti pelaburan dan pembiayaan yang tidak memerlukan penggunaan tunai atau yang setara (Perenggan 54), hanya satu entiti iaitu MAIWP membuat pendedahan maklumat berkaitan di dalam penyata kewangan. Pada masa yang sama, MAIWP menyertakan maklumat tambahan kepada nota kepada akaun, jumlah tunai yang signifikan dan baki jumlah yang bersamaan tunai yang dipegang dan tidak dapat digunakan oleh entiti (Seksyen 59). Akhir sekali, penelitian ke atas Perenggan 35 serta maklumat yang didedahkan dan lapangan kajian mendapati ianya hanya diterimapakai untuk institusi kewangan awam sahaja seperti bank atau institusi pelaburan.

MPSAS 3: Polisi Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan

Sebagaimana yang dilaporkan di Lampiran 13, kesemua entiti membuat pendedahan ke atas pelarasan berkaitan tempoh sebelum tempoh pembentangan (*prior period adjustments*). Ringkasan skor perbezaan amalan dan MPSAS 3 dibentangkan seperti dibawah.

Jadual 4.20 Zon C: Ringkasan Skor Perbandingan Amalan Semasa dan MPSAS 3

SKOR	MAIWP	PPZ	MUIP	PKZ	MAIDAM	MAIK
0	6 (67%)	NA	9 (100%)	NA	5 (55%)	9 (100%)
1	3 (33%)	NA	0 (0%)	NA	4 (45%)	0 (0%)
NA	27	36	27	36	27	27
Jumlah item	36	36	36	36	36	36

Nota:

1: Maklumat berkaitan traksaksi tahun 2014 didedahkan sepertimana keperluan MPSAS 3

0: Tiada pendedahan maklumat sepertimana keperluan MPSAS 3

NA: Tiada maklumat berkaitan untuk tahun 2014

Pelarasan ini berkait dengan pelarasan sama ada bagi polisi perakaunan atau pembetulan kesalahan. Walaubagaimanapun, secara umumnya item-item yang terdapat pada MPSAS 3 adalah relevan kepada analisis laporan yang merujuk kepada pembetulan kesilapan tempoh, sebelum tempoh pembentangan (Perenggan 47 hingga 54). Juga didapati bahawa daripada Penyata Kewangan MAIN, item-item yang dinyatakan dalam pelarasan tempoh sebelum tempoh pembentangan adalah item pembetulan kesalahan dan tiada maklumat yang jelas menunjukkan sama ada ianya adalah perubahan dasar perakaunan atau perubahan anggaran perakaunan.

Dapatan kajian juga mendapati amalan yang berbeza bagi pelarasan tempoh sebelum tempoh pembentangan oleh MAIN (Rujuk Lampiran 14). Kesemua MAIN yang berkait iaitu MAIK dan MUIP menggunakan pernyataan yang sama iaitu “Pelarasan Tempoh Sebelum Tempoh Pembentangan” dilaporkan di dalam Penyata Perubahan Asset/Ekuiti. Walaubagaimana, pelarasan ini yang melibatkan jumlah yang matan tidak disertakan dengan maklumat tambahan samada di bahagian nota kepada Penyata Kewangan, Penyata Perubahan dalam Dana (MAIWP) atau Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan (MAIDAM).

Apa yang lebih menarik ialah penelitian keatas pendedahn maklumat ini menunjukkan bahawa terma “Pelarasan Tempoh Sebelum Tempoh Pembentangan” digunakan oleh MAIN tujuan pendedahan maklumat yang berbeza. MAIWP melaporkan pembetulan kesalahan tempoh sebelum tempoh pembentangan (cth:baki dana kebajikan dicatatkan dengan amaun yang lebih

kecil) dan item tanpa kesalahan (cth: pulangan kepada wang tunai yang diagihkan/pulangan wang tunai daripada penerima manfaat) dibawah “Pelarasan Tempoh Sebelum Tempoh Pembentangan”. Pulangan tunai itu pula adalah tidak jelas sama ada ianya dikelaskan sebagai perubahan dasar perakaunan, perubahan anggaran atau kesilapan dalam akaun atau perlu dikelaskan di bawah item yang berbeza di dalam penyata kewangan. Bagi pelarasan tempoh sebelum tempoh pembentangan oleh MUIP dan MAIK, perincian pelarasan tidak didedahkan seperti yang diperlukan oleh MPSAS 3. Sehubungan dengan itu, pengguna Penyata Kewangan sukar untuk mengenalpasti samada pelarasan tahun sebelum tempoh pembentangan adalah berkait dengan perubahan dasar perakaunan atau anggaran atau merupakan pembetulan kepada kesalahan yang berlaku pada tahun sebelum tempoh pembentangan.

Secara keseluruhan hanya MAIDAM yang telah mengamalkan sepenuhnya pembentangan maklumat sepertimana yang termaktub didalam MPSAS 3. Pendedahan kepada sifat kesilapan telah dicatatkan di Nota kepada Penyata Kewangan. Walaupun begitu, tiada pendedahan dibuat bagi maklumat-maklumat pelarasan untuk dana WZB tetapi hanya didedahkan dibawah ‘Lebih/Defisit daripada Pelarasan Tempoh Sebelum Pembentangan’. Maklumat terperinci seperti pembetulan kesalahan untuk dana WZB termasuk sifat kesilapan itu, impak kepada aset, liabiliti atau ekuiti dana WZB tidak didedahkan dalam mana-mana bahagian Penyata Kewangan. Memandangkan Institusi WZB diharapkan dapat menyediakan penyata kewangan dengan lebih bertanggungjawab, pendedahan maklumat berkaitan dengan perubahan dasar perakaunan, perubahan anggaran dan pembetulan kesilapan adalah penting dan menjadi satu keperluan.

MPSAS 6: Penyata Kewangan Disatukan dan Penyata Kewangan Berasingan

Secara kasarnya, tidak terdapat perbezaan ketara antara amalan MAIN dan MPSAS 6. Berdasarkan semakan keatas Penyata Kewangan 2014, adalah didapati semua entiti berkaitan mengamalkan penggabungan. Ini terpakai bagi MAIN yang mempunyai anak syarikat. Jadual di bawah menunjukkan ringkasan skor perbandingan diantara amalan semasa perakaunan dan pelaporan dan MPSAS 2. Skor terperinci perbandingan ini yang secara langsung memberi maklumat mengenai jurang di antara keduanya disediakan di Lampiran 15.

Jadual 4.21 Zon C: Ringkasan Skor Perbandingan Amalan Semasa dan MPSAS 6

SKOR	MAIWP	PPZ	MUIP	PKZ	MAIDAM	MAIK
0	6 (11.76)	11	6 (11.76)	8 (15.7)	8 (15.7)	9 (17.65)
1	36 (70.6)	35	36 (70.6)	34 (66.7)	34 (66.7)	33 (64.7)
NA	9 (17.65)	9	9 (17.65)	9 (17.65)	9 (17.65)	9 (17.65)
JUMLAH ITEM	51	55	51	51	51	51

Nota:

1: Maklumat berkaitan transaksi tahun 2014 didedahkan sepertimana keperluan MPSAS 6

0: Tiada pendedahan maklumat sepertimana keperluan MPSAS 6

NA: Tiada maklumat berkaitan untuk tahun 2014

Berdasarkan kepada penelitian penyata kewangan bagi empat MAIN dan dua anak syarikat yang telah ditubuhkan di bawah MAIN (PPZ dan PKZ) tersebut untuk tujuan khusus iaitu kutipan zakat, penyediaan penyata kewangan yang disatukan tidak boleh diaplikasikan memandangkan kedua-dua entiti ini berada di bawah kawalan MAIWP dan MUIP amsing-masing dan pada masa yang sama, merka tidak mengawal mana-mana entiti (MPSAS 6.12). Walaubagaimanapun, adalah didapati kesemua MAIN telah menyediakan penyata kewangan disatukan kecuali MUIP tidak menyediakan penyata kewangan berkaitan.

Berkaitan dengan kategori entiti perakaunan, MPSAS 6 menyatakan dengan jelas, kumpulan boleh terdiri daripada entiti komersial mahupun entiti sosial (MPSAS 6.14). Berdasarkan operasi di keempat-empat entiti (MAIWP, MAIDAM, MAIK dan MUIP), hanya MAIWP dan MUIP sahaja yang menubuhkan anak syarikat untuk tujuan komersial iaitu PPZ and PKZ masing-masing. Sehingga kajian ini dijalankan, berdasarkan maklumat yang dirujuk melalui Penyata Kewangan MAIK dan MAIDAM, kedua-duanya tidak mempunyai sebarang anak syarikat. Oleh itu, struktur kumpulan kedua-duanya hanyalah melibatkan entiti sosial yang terdiri daripada pelbagai jenis dana yang diuruskan oleh MAIN termasuklah WZB. Analisis juga didapati semua entiti yang berada di bawah kawalan MAIN ini telah diambil kira dalam penyediaan penyata kewangan di satukan seperti keperluan MPSAS 6.15.

Dari sudut penghapusan (*offseting*), transaksi antara syarikat (MPSAS 6.45), dua MAIN iaitu MAIWP dan MUIP telah mengamalkan proses penghapusan transaksi ini dengan mengambilkira penghapusan di antara anak syarikat. Walaubagaimanapun, proses penghapusan di dua MAIN yang lain iaitu MAIK dan MAIDAM adalah tidak ketara. Hal ini mungkin berlaku kerana kedua-dua MAIN ini tiada mempunyai anak syarikat. Juga pendedahan secara jelas atau sebaliknya mengenai entiti dibawah kawalan MAIN boleh menyumbang kepada amalan penghapusan

(*offseting*) transaksi. Perlu ditekankan, sesebuah MAIN hendaklah menyatakan secara jelas samada ianya mempunyai atau tidak anak syarikat berentitikan komersial atau sekadar mempunyai entiti sosial (cth: dana WZB) bagi membantu pengguna penyata kewangan menilai keperluan penyatuan atau sebaliknya serta amalan-amalan pendedahan maklumat yang berkaitan. Dari sudut pendedahan pemilikan entiti-entiti kawalan, terdapat hanya satu MAIN yang menyatakannya dengan jelas berkaitan peratusan pemilikan [MPSAS 6.62(d)]. Dapatan yang sama adalah berkenaan pendedahan sekatan tertentu dalam hal pemindahan dana kepada entiti kawalan [MPSAS 6.62 (g)].

Kesimpulan Zon C

Sebagai kesimpulannya, bahagian ini menjawab Objektif Kajian Pertama iaitu mengkaji amalan pelaporan dan perakaunan semasa MAIN di Zon C. Untuk itu, dua persoalan kajian telah diutarakan, yang pertama tertumpu kepada amalan semasa manakala persoalan kajian kedua membandingkan amalan semasa dengan MPSAS berkaitan. Bagi persoalan kajian pertama, analisis mendapati terdapat amalan yang sedikit berbeza antara satu MAIN dengan MAIN yang lain di Zon C. Jika perbandingan dibuat di antara satu MAIN dengan MAIN yang lain di Zon C, perbezaannya mungkin tidak begitu ketara. Namun jika dihipunkan kesemua MAIN di Zon C, terdapat perbezaan amalan yang agak ketara kerana perbezaan berlaku pada tempat-tempat yang berbeza didalam penyata kewangan. Bagi persoalan kedua pula, tidak terdapat jurang yang terlalu ketara antara amalan semasa MAIN dan MPSAS berkaitan. Walau bagaimanapun, itu tidak melambangkan ketidakperluan penambahbaikan. Penggunapakaian MPSAS mungkin mencukupi bagi satu-satu perkara (seperti MPSAS 3), manakala pada perkara lain perlu ada tambahan bagi menyesuaikan amalan perakaunan dan peranan MAIN itu sendiri.

BAB LIMA

Cadangan Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan Islam Bagi Wakaf, Zakat dan Baitulmal (WZB)

5.0 Pengenalan

Bab ini akan menjelaskan cadangan Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan Islam bagi WZB. Cadangan Kerangka Kerja Konseptual WZB adalah bagi mencapai Objektif Kedua kajian yang telah ditetapkan. Cadangan Kerangka Kerja Konseptual WZB adalah berdasarkan dapatan Objektif Pertama Kajian terhadap amalan perakaunan dan pelaporan kewangan Islam WZB. Dapatan kajian ini adalah unik kerana pembentukan Kerangka Kerja Konseptual adalah berdasarkan kepada pendekatan induktif. Terma-terma yang terhasil dari data adalah dari pandangan responden dan sumber hukum yang disepakati (*al-Quran, as-Sunnah, Ijma' dan Qias*) serta sumber hukum yang diperselisihkan (*Ihtihsan, Masalih mursalah, Uruf dan Adat, Syarak Man Qablana, Qaul al-Sahabi, istishab, Sadd al-Zaraai', dalil lain dalam perselisihan fiqh dan sumber fiqh selain daripada syariat*) (Zuhaily, 2009). Secara khususnya, terma mempunyai sokongan data yang diambil dari sumber dokumen dan data dari temubual dengan responden kajian ini. Bahagian berikutnya akan menjelaskan terlebih dahulu Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan secara umum, sebelum cadangan Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan Islam WZB dibentangkan.

5.1 Kerangka Kerja Konseptual Perakaunan

Neo dan Berardo (1966) menjelaskan bahawa Kerangka Kerja Konseptual adalah penting kerana ia memberikan satu definisi berkaitan konsep yang ingin diketengahkan. Kerangka Kerja Konseptual melakarkan idea-idea berkaitan kajian yang dilakukan dan memastikan keputusan substantif penyelidik difahami. Menurut Neo dan Berardo (1966) Kerangka Kerja Konseptual membolehkan komunikasi yang berkesan antara ahli akademik, serta membolehkan penjelasan tentang andaian, terma rujukan, dan pembolehubah tersirat.

Perakaunan dalam Islam bukan suatu ilmu yang baru. Buktinya, berdasarkan Al Quran Surah Al Baqarah ayat 282:

“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menuliskannya dengan adil (benar) dan

janganlah seseorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah telah mengajarkannya. Oleh itu, hendaklah ia menulis dan hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan (isi surat hutang itu dengan jelas). Dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah Tuhannya, dan janganlah ia mengurangkan sesuatu pun dari hutang itu. Kemudian jika orang yang berhutang itu bodoh atau lemah atau ia sendiri tidak dapat hendak merencanakan (isi itu), maka hendaklah direncanakan oleh walinya dengan adil benar); dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki dari kalangan kamu. Kemudian kalau tidak ada saksi dua orang lelaki, maka bolehlah, seorang lelaki dan dua orang perempuan dari orang-orang yang kamu setuju menjadi saksi, supaya jika yang seorang lupa dari saksi-saksi perempuan yang berdua itu maka dapat diingatkan oleh yang seorang lagi. Dan jangan saksi-saksi itu enggan apabila mereka dipanggil menjadi saksi. Dan janganlah kamu jemu menulis perkara hutang yang bertempoh masanya itu, sama ada kecil atau besar jumlahnya. Yang demikian itu, lebih adil di sisi Allah dan lebih membetulkan (menguatkan) keterangan saksi, dan juga lebih hampir kepada tidak menimbulkan keraguan kamu. Kecuali perkara itu mengenai perniagaan tunai yang kamu edarkan sesama sendiri, maka tiadalah salah jika kamu tidak menulisnya. Dan adakanlah saksi apabila kamu berjual-beli. Dan janganlah mana-mana jurutulis dan saksi itu disusahkan. Dan kalau kamu melakukan (apa yang dilarang itu), maka sesungguhnya yang demikian adalah perbuatan fasik (derhaka) yang ada pada kamu. Oleh itu hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah; dan (ingatlah), Allah (dengan keterangan ini) mengajar kamu; dan Allah sentiasa Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu”.

Ayat ini dengan jelas memberi gambaran wujudnya perakaunan dalam Islam. Malah penerangan tentang rakib dan atid memperlihatkan perakaunan dalam Islam adalah penting, iaitu adanya konsep imbalan yang tercatat di dalam al-Qur'an 50: 16-18 “*Dan Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dan mengetahui apa yang dibisikkan oleh hatinya, dan Kami lebih dekat kepadanya daripada urat lehernya, (iaitu) ketika dua orang Malaikat mencatat amal perbuatannya, seorang duduk di sebelah kanan dan yang lain duduk di sebelah kiri. Tiada suatu ucapanpun yang diucapkannya melainkan ada didekatnya Malaikat Pengawas yang selalu hadir.*”

Perakaunan dalam Islam telah lama wujud malah sistem perakaunan Islam wujud semasa zaman Rasulullah S.A.W lagi. Sistem perakaunan Islam dibuat bagi melancarkan proses urusan niaga dan menyumbangkan Al-falah, al adl dan al-ihsan. Analisis dari dapatan kajian menunjukkan sokongan kepada perakaunan Islam. Data wawancara membuktikan bahawa perakaunan Islam terutamanya berkaitan WZB, adalah penting untuk menyelesaikan permasalahan dewasa ini. Ketidakwaajaran dan ketidakcukupan perakaunan konvensional memberi kekuatan kepada


maklum balas kajian untuk menyokong pelaksanaan perakaunan Islam dalam menyelesaikan permasalahan WZB.

Analisis dari temubual juga menunjukkan bahawa perakaunan Islam adalah lengkap kerana setiap aktiviti urusaniaga dan pelaporan dalam Islam berlandaskan kepada tiga tahap iaitu tahap ketuhanan, pemahaman kepada tujuan utama iaitu akauntabiliti sosial yang berlandaskan kepada konsep iaitu al-falah, al-adl dan al-ihsan. Konsep ini tidak jelas pada perakaunan konvensional. Kekurangan yang nyata dalam Kerangka Kerja Konseptual konvensional adalah ia tidak kukuh dalam mengimbangi aktiviti sosial dan ekonomi.

5.2 Cadangan Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan Islam WZB

Secara khususnya, penyelidik melakarkan Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan Islam sebagai garis panduan untuk memberi maklumat yang lengkap bagi tujuan pembangunan piawaian perakaunan patuh syariah WZB. Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan Islam memberi gambaran yang jelas tentang keperluan piawaian perakaunan Islam dan menjadi sumber panduan dalam penyediaan pelaporan maklumat kewangan berlandaskan syariah. Dari analisis kajian, Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan Islam telah direkabentuk. Rajah 5.1 menunjukkan lakaran Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan Islam sebagai dapatan utama kajian.

Rajah 5.1 Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan Islam



Berdasarkan Rajah 5.1, secara umumnya, Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan Islam daripada dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga tahap utama, iaitu tahap pemahaman epistemologi yang berpandukan kepada tahap asas iaitu ketuhanan (*oneness*), diiringi oleh pemahaman konsep yang berlandaskan akauntabiliti. Tahap kedua pula melakarkan matlamat iaitu matlamat berlandaskan maqasid syariah manakala tahap terakhir adalah tahap pelaksanaan iaitu pengkhususan kepada operasi amalan perakaunan.

Secara spesifiknya, tahap pertama berasaskan kepada asas kepercayaan kepada konsep keesaan iaitu mempercayai setiap tindakan adalah untuk Allah SWT dan wujudnya dunia dan akhirat dan setiap ibadat dilakukan untuk memenuhi kehendak Allah SWT. Lanjutan kepada tahap pertama adalah tahap kedua yang khusus kepada objektif kesejahteraan masyarakat. Tahap ketiga iaitu tahap operasi merangkumi prinsip - prinsip perakaunan yang menjadi kriteria perakaunan. Ketiga-tiga tahap akan diperjelaskan dengan terperinci.

5.2.1 Tahap Pertama: Dasar dan Konsep Asas

Tahap pertama adalah tonggak kepada tahap kedua dan ketiga. Tahap pertama terdiri daripada dasar dan konsep asas. Dasar adalah berkaitan dengan konsep tauhid. Sementara konsep asas pula adalah berdasarkan konsep khalifah yang terdiri daripada konsep akauntabiliti. Konsep

akauntabiliti merangkumi tanggungjawab terhadap Allah SWT dan sesama manusia. Analisis kajian menjelaskan bahawa tahap pertama adalah tahap utama yang mana tanpa tahap pertama, tahap kedua dan ketiga tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna. Ia merupakan akar umbi berkaitan dengan tahap pemahaman konsep perakaunan dan amalan perakaunan Islam yang sebenar.

Dari segi sistem perakaunan, didapati terdapat perbezaan yang nyata antara perakaunan Islam dan konvensional yang mana Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan Islam berlandaskan kepada sistem ekonomi yang menyeluruh manakala sistem ekonomi konvensional berlandaskan sistem ekonomi kapitalis. Dapatan menunjukkan bahawa sistem pelaporan kewangan Islam berpandu kepada Al-Quran dan Sunnah. Diriwayatkan oleh Tariq: `Abdullah berkata," *Sebaik-baik perkataan adalah kitab Allah (Al-Quran), dan petunjuk yang terbaik ialah petunjuk Muhammad.* " (Sahih al-Bukhari, Hadis 6098) dan "*Apabila Rasulullah berhasrat untuk menghantar Muaz bin Jabal ke Yaman, beliau bertanya: Bagaimana kamu akan menghukum apabila kamu dikehendaki membuat sesuatu keputusan? Beliau menjawab: Aku akan menghukum dengan kitab Allah. Beliau bertanya: (Apa yang anda akan lakukan) jika anda tidak menjumpai apa-apa panduan dalam kitab Allah? Beliau menjawab: (hendaklah bertindak mengikut sunnah Rasulullah). Dia bertanya: (Apa yang anda akan lakukan) jika anda tidak menemui sebarang petunjuk dalam Sunnah Rasulullah dan dalam kitab Allah? Beliau menjawab: saya akan berijtihad tanpa melampaui. Rasulullah kemudian menepuk beliau pada dada dan berkata: Segala puji tertentu bagi Allah yang telah membantu utusan Rasulullah untuk mencari sesuatu yang diredhai Rasulullah.*" (Sunan Abi Dawud, Hadis 3592) dan "*Aku telah meninggalkan dua perkara kepada kamu. Selagi kamu berpegang kepada kedua-duanyanya, kamu tidak akan sesat iaitu Al-Quran dan Sunnah Rasul-Nya.* " (Muwatta Malik, Hadis 1628).

Jelas sekali, fokus adalah kepada duniawi dan akhirat. Lantaran fokus kehidupan ini bertujuan untuk memperoleh al-falah, al-ihsan dan adil. Ketiga-tiga matlamat ini melengkapi tujuan asal manusia. Matlamat ini akan tercapai jika memenuhi tuntutan hubungan dengan Allah SWT dan hubungan sesama manusia selaras dengan maksud ayat al-Qur'an 3: 11 "*Mereka diliputi kehinaan di mana saja mereka berada, kecuali jika mereka berpegang kepada tali (agama) Allah dan tali (perjanjian) dengan manusia*".

Ketiga-tiga matlamat ini menjadi asas kepada pembuatan keputusan. Dari segi perakaunan, membuat keputusan berdasarkan agama Islam sangat jauh berbeza berbanding dengan

perakaunan konvensional yang mana pembuatan keputusan dalam Islam adalah berasaskan dunia dan akhirat manakala pembuatan keputusan dari segi konvensional hanyalah berasaskan kepada duniawi sahaja. Pembuatan keputusan berasaskan Islam mengambil kira perkara-perkara penting iaitu melibatkan elemen-elemen riba, gharar, halal dan haram, manakala asas konvensional tidak mengambil kira elemen-elemen tersebut. Secara umumnya didapati bahawa syariat Islam dan konvensional tidak sama dari segi asas falsafah dan pelaksanaan. Justeru itu, pembentukan matlamat dan pelaksanaan akan ada perbezaan yang ketara.

Dasar (Tauhid)

Tauhid dari sudut bahasa, lahir dari perkataan “*wahhada*” yang bermaksud menjadi satu (Mahmud, 1973). Hal ini kerana dari sudut hakikatnya Allah itu esa dan satu. “*Tauhid*” pula adalah kata nama terbitan (*ism masdar*) dari kalimah tersebut yang bermaksud pengesaan Allah SWT. Dari sudut istilah pula, ia adalah satu ilmu yang berkemampuan menetapkan akidah keagamaan dengan dalil-dalil yang bersifat yakin (Ibrahim, 1992). Persoalan berhubung tauhid ini melibatkan perbahasan mengenai keesaan Allah SWT yang secara automatiknya menjadi asas serta teras agama Islam iaitu agama yang benar yang dibawa oleh seluruh para Rasul. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud,

“Dan Kami tidak mengutus sebelumnya seorang rasul pun melainkan Kami mewahyukan kepadanya, bahawa sesungguhnya tiada Tuhan melainkan Aku; Oleh itu, beribadatlah kamu kepadaKu”.

(Surah al-Anbiya’: 25)

Dengan demikian, tauhid adalah ilmu yang membahaskan perkara yang membuktikan akidah Islam. Perkataan akidah berasal daripada kata kerja dalam Bahasa Arab yang bermaksud simpul dan ikat (Taha, 1984). Hal ini diperkuatkan dengan penggunaan kalimah ini dalam ayat-ayat suci al-Quran yang bermaksud,

“Dan orang-orang yang kamu telah mengikatkan sumpah setia dengan mereka, berilah kepada mereka bahagiannya”.

(Surah al-Nisa’: 33)

Bagaimanapun, menurut pengertian istilah, akidah dikemukakan dalam berbagai bentuk pengertian seperti ia merupakan sesuatu yang diyakini oleh seseorang sama ada benar atau salah

sangkaannya itu. Selain itu, ia juga diertikan sebagai satu ilmu yang berkaitan hukum syarak dalam perkara akidah yang bersumberkan dalil-dalil yang yakin, lalu menolak perkara syubhah. Seterusnya, akidah juga dimaksudkan dengan perkara yang dibenarkan hati dan membawa jiwa menjadi tenang kepadanya sehingga beroleh keyakinan yang jitu serta tidak bercampur dengan sebarang keraguan dan syak ('Uthman, 2005).

Berdasarkan semua pengertian di atas, dapatlah disimpulkan bahawa akidah adalah merupakan satu hubungan yang kuat diantara pencipta (*khaliq*) dan yang dicipta (*makhluk*). Ia merupakan sesuatu yang sukar ditafsirkan kerana ia berbentuk abstrak iaitu hubungan hati dan jiwa yang susah untuk ditunjukkan secara fizikal. Apa yang jelas, akidah merupakan suatu yang berkaitan dengan perbuatan hati manusia atau keimanan secara tidak berbelah bahagi walau sedikit pun. Berasaskan pengertian-pengertian ini juga, ia membawa erti bahawa akidah itu berbeza dengan syariah kerana syariah itu merupakan bebanan kewajipan yang mesti dilakukan dalam bentuk praktikal.

Secara umumnya, tauhid ini dapat dibahagikan kepada tiga iaitu; Tauhid Rububiyah, Tauhid Uluhiyyah dan Tauhid al-Asma' wa al-Sifat (Qahtan & Rusdi, 1996). Tauhid Rububiyah membawa maksud menyakini Allah SWT sahaja, Tuhan semesta alam. Secara ringkasnya, ia bermaksud mengesakan Allah SWT dari sudut perbuatan Allah SWT yang bermaksud Allah SWT merupakan sumber kejadian, pencipta sekalian alam dan tiada Tuhan melainkan Allah SWT. Dia menciptakan, menghidupkan dan mematikan serta segala kekuasaan berada pada-Nya dan tiada kuasa lain yang dapat melawan-Nya. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai umat manusia! Kamulah yang sentiasa berhajat kepada Allah sedang Allah, Dialah sahaja yang Maha Kaya lagi Amat Terpuji”.

(Surah Fathir: 15)

Tauhid Uluhiyyah pula membawa maksud seseorang yang menetapkan bahawa segala ibadatnya hanya Allah SWT dan ikhlas kerana Allah SWT semata-mata. Maksudnya, mengesakan Allah SWT dari sudut perbuatan hamba-Nya yang diperintah dan disuruh. Semua ibadat dilakukan oleh hamba berkenaan hanya ikhlas kepada-Nya semata-mata dan kita tidak boleh mengabdikan diri atau sujud kepada selain daripada Allah SWT. Firman Allah SWT berhubung dengan hal ini adalah sebagaimana yang dikatakan dalam al-Quran yang bermaksud,

“Katakanlah; “Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam”.

(Surah al-An‘am: 162)

As-Sulami (t.t) telah menyatakan bahawa Tauhid Rububiyyah akan berjalan seiring dengan Tauhid Uluhiyyah iaitu dengan kata yang lain Tauhid Rububiyyah dan Tauhid Uluhiyyah hanya ditujukan kepada Allah SWT Yang Maha Esa. Yang menjadi perbezaan hanya dari sudut pemahaman maknanya iaitu Tauhid Rububiyyah dibahaskan dari segi sesungguhnya Allah SWT itu adalah tuan kepada makhluk alam semesta ini dan tiada yang lain selainnya manakala Tauhid Uluhiyyah pula ialah hanya Allah SWT, tuhan yang disembah dan tiada yang lain selainnya. Ahli sunnah telah berpendapat bahawa wajib ke atas setiap seseorang yang sempurna akal nya menetapkan hati dengan apa yang telah Allah SWT sahkan untuk diri-Nya dari al-Asma’ wa al-Sifat. Jadi, ketiga-tiga pembahagian ini tidak akan terpisah di dalam perbincangan tentang ilmu tauhid.

Selanjutnya, Tauhid al-Asma’ wa al-Sifat pula adalah bermaksud mengesakan Allah SWT dari sudut segala nama-Nya dan sifat-Nya. Ringkasnya, Allah SWT hanya layak bersifat dan memiliki sifat kesempurnaan serta layak bagi-Nya sahaja kesemua itu. Oleh itu, kita wajib beriman dengan segala nama dan sifat Allah SWT. Pendek kata, kita tidak seharusnya mengubah maksud atau menyerupakan sifat dan nama tersebut dengan makhluk ciptaan-Nya. Kita hendaklah menyerahkan hakikat dan maksud sebenar sifat serta nama tersebut kembali kepada Allah SWT dan Allah SWT sahaja yang mengetahui hakikat sebenar sifat dan zat-Nya. Ini terbukti dengan firman-Nya yang bermaksud,

“Tiada sesuatu pun yang sebanding dengan-Nya (dengan zat-Nya, sifat-Nya dan pentadbiran-Nya), dan Dialah Yang Amat Mendengar Lagi Amat Melihat”.

(Surah al-Syura: 112)

Secara umumnya, tauhid ini adalah satu ilmu yang membahaskan kebenaran kewujudan Allah SWT bersumberkan dalil-dalil akal (*aqli*) dan wahyu (*naqli*) yang diyakini dan dapat menghapuskan segala keraguan. Ia juga mendedahkan segala kebatilan orang kafir, keraguan dan pendustaan yang mereka lakukan (Abd al-Majid, 2004). Dengan ini, jiwa seseorang menjadi tetap dan hatinya akan menjadi lapang serta tenang dengan keimanannya. Kemuliaan tauhid ini

terletak kepada kemuliaan topik yang diperbahaskan. Kenapa tidak? Adakah perkara yang lebih mulia daripada pencipta alam ini? Adakah terdapat manusia yang lebih suci daripada para rasul? Adakah ilmu yang lebih penting daripada ilmu mengenal Tuhan dan pencipta manusia? Seterusnya, adakah ilmu lebih penting daripada mengetahui hikmah kewujudan manusia di muka bumi ini dan tujuan Allah SWT menciptakannya? Apakah yang menantinya selepas kematian? Kesemua ini adalah skop perbahasan dan tajuk perbincangan tauhid.

Topik asas dalam Al-Quran adalah berhubungan dengan tauhid. Ini dapat dilihat pada setiap helaian kitab tersebut yang menyebut tentang seruan supaya beriman kepada Allah SWT, rasul-Nya, hari akhirat, malaikat, kitab-kitab yang terdahulu dan ketentuan Allah SWT yang telah ditetapkan-Nya untuk perjalanan alam ini. Jika ditinjau dengan teliti, didapati bahawa hampir keseluruhan ayat Al-Quran yang diturunkan di Mekah iaitu ayat-ayat *Makkiyah* selama 13 tahun adalah berkaitan dengan tauhid dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Justeru itu, tauhid adalah inti kepada agama Islam dan teras kepada ajaran Islam. Melalui ajaran tauhid, maka lahirilah pecahan-pecahannya yang berbentuk perundangan dan peraturan yang mengatur hubungan manusia dengan manusia, hubungan manusia dengan Allah SWT dan hubungan manusia dengan persekitaran. Begitu juga mengenai ibadat umum dan ibadat khusus, juga bertujuan untuk mengukuhkan tauhid di dalam hati setiap insan yang beriman.

Islam merupakan agama yang dianuti oleh pengikutnya dengan dalil yang pasti dan yakin. Oleh itu, Allah SWT tidak membiarkan perkara yang berhubungan dengan akidah seseorang insan di dunia ini yang dijadikan khalifah oleh-Nya di atas muka bumi ini yang bersandarkan akal pemikiran seseorang itu. Hal ini disebabkan kekuatan kefahamannya memang terbatas. Jika persoalan akidah ini dibiarkan berdasarkan pandangan serta teori-teorinya mengikut pemikiran insan, pasti ia akan menjadi binasa dan tidak dapat mencapai hakikat ketuhanan yang sebenar.

Terma tauhid adalah menjadi terma utama dalam tahap asas. Analisis data menunjukkan pemahaman responden yang meletakkan kepercayaan ketuhanan sebagai akar kepada setiap perbuatan dan amalan termasuk amalan pelaporan kewangan berkaitan WZB. Setiap tindakan akauntan dalam amalan WZB berlandaskan ketentuan yang telah ditentukan oleh Allah SWT dalam Al-Quran 5: 48 “*Untuk tiap-tiap umat diantara kamu, Kami berikan aturan dan jalan yang terang*”. Ini bermakna akauntan perlu membuat keputusan pelaporan urusan WZB berpaut kepada Al-Quran kerana akauntan diamanahkan untuk memberi gambaran perakaunan

yang tepat, benar dan tulus seperti yang ditegaskan oleh Al-Qur'an 2: 282 yang bermaksud, *"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menuliskannya dengan adil (benar) dan janganlah seseorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah telah mengajarkannya"*.

Oleh itu, pelaporan WZB adalah tanggungjawab dan obligasi akauntan. Data menjelaskan tanggungjawab dan obligasi adalah dua kategori yang membentuk kepada konsep akauntabiliti. Tanggungjawab dan obligasi ini adalah selaras dengan apa yang diriwayatkan oleh *"Abu Humaid Al-Sa'idi: Rasulullah (p.b.u.h) seorang lelaki bernama Ibn Al-Lutbiya, dari suku Al-Asd dilantik untuk mengumpul zakat dari Bani Sulaim. Apabila dia kembali, (selepas mengutip zakat) Rasulullah memeriksa akaun dengan dia."* (Sahih al-Bukhari, 1500).

Menurut data wawancara yang diperolehi, responden kajian menjelaskan bahawa dalam pelaporan kewangan Islam, konsep berserah pada Allah SWT adalah fundamental. Sebagai khalifah, akauntan akan melakukan tugas sebagai ibadah dan menuju kepada keredhaan dunia dan akhirat. Dari itu sebarang tindakan dan keputusan adalah berasaskan kepercayaan kepada tuhan.

Konsep Asas (Khalifah)

Secara khususnya, Kerangka Kerja Kkonseptual pelaporan kewangan Islam bertumpu kepada konsep khalifah. Ini bertepatan dengan teori dari Al-Quran iaitu *"Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi"*. (Al-Qur'an, Al-Baqarah: 30). Ibnu Atiyyah (541 h) telah menyatakan khalifah di dalam ayat ini bermaksud siapa yang memimpin. Dalam karangannya juga telah menceritakan bahawa makna penuh bagi ayat tersebut adalah Allah SWT telah menjadikan jin sebelum manusia, jin mempunyai sifat yang suka melakukan kerosakkan, kemudian Allah SWT menciptakan Nabi Adam dan zuriatnya sebagai khalifah di muka bumi ini.

Ibnu kathir (1997) menyatakan bahawa maksud khalifah dalam ayat di atas adalah satu kaum yang telah memerintah selepas satu kurun ke satu kurun, dan selepas satu generasi ke satu generasi. Jadi konsep khalifah seperti mana yang telah dibincangkan oleh Ibnu Atiyyah (541 h) dan Ibnu kathir (1997) adalah merujuk kepada Nabi Adam dan zuriatnya sebagai khalifah di muka bumi ini. Dari segi pelaporan kewangan Islam, konsep khalifah digunapakai kerana Nabi Adam dan zuriatnya merujuk kepada makna manusia. Manusia pula mempunyai pelbagai sifat

dan watak. Dalam pelaporan kewangan Islam, apabila membincangkan tentang konsep dasar khalifah, sifat akauntabiliti perlu wujud dalam diri setiap manusia. Hal ini bertepatan dengan hadis dari Abdullah bin Umar ra. ia berkata: Saya mendengar Rasulullah SAW. Bersabda: *"Setiap kamu adalah pemimpin dan bertanggung jawab atas apa yang dipimpinnya....."* (Al-Bukhari dan Muslim, Hadis 283)

Konsep Akauntabiliti

Dapatan menunjukkan bahawa akauntabiliti adalah terma penting dalam proses mengakaunkan urusaniaga dan pelaporan transaksi urusaniaga seperti WZB. Data menjelaskan bahawa akauntabiliti dikaitkan dengan sifat tanggungjawab dan obligasi akauntan. Kedua-dua makna ini pula dikaitkan dengan konsep al-falah, al-adil, dan al-insan. Dari segi amalan, data menunjukkan bahawa akauntabiliti kepada Allah SWT sebagai pencipta dan akauntabiliti pada manusia adalah dua konsep yang relevan untuk membentuk perakaunan Islamiah. Analisis data induktif menjelaskan sebarang urusaniaga dari permulaan kontrak dibuat sehingga pelaporan adalah berlandaskan konsep akauntabiliti. Hal ini selaras dengan dalil daripada al-Qur'an surah An-Nisa' ayat 11 *"Mereka diliputi kehinaan di mana saja mereka berada, kecuali jika mereka berpegang kepada tali (agama) Allah dan tali (perjanjian) dengan manusia"*. Proses konsep ini menggambarkan bahawa adalah menjadi obligasi kepada akauntan sebagai pemegang amanah untuk melaksanakan tugas bukan untuk pihak tertentu tetapi mempunyai obligasi sosial. Sifat Islamiah adalah kepentingan sejagat bukan kepentingan sendiri.

Oleh itu, data temubual menjelaskan bahawa seorang akauntan semestinya mempraktikkan konsep akauntabiliti kerana setiap khalifah mempunyai tanggungjawab terhadap Allah SWT dan manusia dalam menjalankan tugas sebagai akauntan. Dapatan menunjukkan konsep akauntabiliti penting kerana setiap akauntan sudah semestinya membuat pelaporan yang benar, adil dan ihsan. Selain daripada teori ekonomi, pelaporan kewangan Islam adalah berasaskan kepada rangka kerja akauntabiliti (rujuk Tahap Pertama). Objektif-objektif berikut mungkin lebih sesuai dari sudut pandangan Islam tetapi tidak diketengahkan dari pandangan konvensional.

Konsep akauntabiliti 'muncul' sebagai tema yang bersangkutan paut dengan tauhid. Konsep ini menjadi tunggak bagi matlamat dan pelaksanaan pengukuran, pengiktirafan dan mengenal pasti aktiviti WZB. Konsep ini menjadi pokok kepada penyediaan pengiraan WZB. Ia menjadi asas bagi mengelakkan pertikaian dalam kalangan ahli-ahli masyarakat dengan menyediakan dasar

yang adil bagi perkongsian keuntungan, pemindahan kekayaan dan pendedahan penuh aktiviti dan nilai-nilai. Konsep ini diguna sebagai fundamental kepada aktiviti ekonomi dalam mematuhi prinsip-prinsip Islam bagi memastikan usaha untuk mendapatkan keuntungan tidak melanggar hak-hak masyarakat. Dari perspektif Islam, contohnya, ketepatan ukuran amat penting. Pengukuran yang tepat telah diwahyukan oleh Allah SWT, sebagaimana yang termaktub dalam Surah Al-Rahman, 55:9. Satu lagi contoh ialah perekodan urusanniaga juga menjadi urusan penting dalam Islam. Ini dapat jelas di sebut dalam Surah Al-Baqarah 2: 282.

Hablum Min Allah

Perkataan hablum memberi beberapa makna yang tersendiri dari sudut pemahaman Islam. Menurut Ibnu Manzur (2003) hablum dari sudut Bahasa Arab adalah bererti “ar-ribat” ataupun “ar-rasan” yang membawa makna tali penambat. Dalam konsep perakaunan Islam, konsep Hablum min Allah telah muncul dalam konsep akauntabiliti seperti mana yang tercatat di dalam Al-Qur'an 3: 112 *“Mereka diliputi kehinaan di mana saja mereka berada, kecuali jika mereka berpegang kepada tali (agama) Allah dan tali (perjanjian) dengan manusia”*. Ibnu Kathir (1997) telah menyatakan bahawa yang dimaksudkan dengan makna Hablum min Allah adalah perjanjian dari Allah SWT. Ibnu Abbas dalam tafsir Ibnu Kathir (1997) telah menerangkan bahawa maksud Hablum min Allah itu adalah masuk Islam atau beriman dengan Islam sebagai jaminan keselamatan bagi mereka di dunia serta di akhirat. Dalam tafsir Tobari (310 h) pula, Hablum min Allah juga merupakan janji dengan Allah.

Hablum Min An-nas

Hablum min an-nas pula merupakan perjanjian dari kaum mukminin dengan orang kafir zimmi yang hidup di bawah pemerintahan Islam yang membayar ufti bagi kaum Mukminin untuk jaminan keamanan sebagai warga negara Islam (Ibnu Kathir, 1997). Hablum min an-nas juga bermaksud interaksi manusia sesama manusia, maka jaminan yang boleh dipercayai hanyalah dari kaum muslimin yang dibimbing oleh Syari'at Allah Ta'ala. Ibnu Atiyyah (541 h) menyatakan bahawa berkekalan manusia diatas kehinaan kecuali mereka berpegang pada janjinya jika mereka telah membuat perjanjian.

5.2.2 Tahap Kedua: Tahap Matlamat

Matlamat dalam Islam hanya akan tercapai apabila wujudnya keredaan Allah SWT dalam sesuatu amalan yang dikerjakan di atas muka bumi ini. Dengan wujudnya sedemikian, maka

amalan tersebut dikira sebagai amalan yang soleh. Jika tidak, amalan tersebut akan menjadi sia-sia dan selanjutnya, jika lebih teruk lagi, ia akan menjadi amalan maksiat yang akan diazab oleh Allah SWT di akhirat kelak. Jika sesuatu amalan yang bermatlamatkan keredaan Allah SWT itu tercapai, ia akan dikurniakan *al-falah* oleh Allah SWT, yakni kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Di dunia ia mendapat keberkatan dan kerahmatan, manakala di akhirat kelak ia akan mendapat syurga yang telah dijanjikan oleh Allah SWT. Oleh yang demikian, sebelum mendapat kebahagiaan di akhirat, Allah SWT dahulukan dengan mengurniakan kebahagiaan di dunia.

Persoalan seterusnya adalah bagaimanakah caranya untuk mendapatkan keredaan Allah SWT? Pastinya, cara untuk mendapatkannya adalah tauhid kepada Allah s.w.t. mestilah jelas. Hal berhubung dengan tauhid ini telah diperjelaskan dengan panjang lebar ketika membincangkan mengenai dasar di atas. Ringkasnya, apa yang diamalkan mestilah ikhlas kerana Allah SWT. Ertinya apabila dipuji tidak terasa gembira, malahan pujian itu dikembalikan kepada Allah SWT. Sebaliknya, apabila dikeji tidak terasa sedih dan marah, malahan dijadikan kejian itu sebagai cermin dirinya. Sekiranya benar kejian itu, diperbaikinya agar dirinya menjadi lebih baik dari sebelumnya, manakala jika tidak benar diabaikan sahaja dengan niat mudah-mudahan Allah menambahkan keberkatan dan kerahmatan ke atasnya sebagai ganti terhadap fitnah cacian yang dihadapinya. Ikhlas itu tidak bergantung pada kata-kata bahawa pembangunan itu dilakukan dengan ikhlas, akan tetapi ikhlas adalah bergantung kepada reaksi hati. Apabila sasaran sesuatu amalan itu tercapai, hati bersyukur kepada Allah SWT. Sebaliknya, apabila sesuatu amalan itu gagal walaupun telah berikhtiar bersungguh-sungguh, hati menerimanya dengan reda. Inilah hal hati yang sebenarnya iaitu rela kerana diketahui bahawa semua adalah dari Allah SWT dan hal sedemikian inilah merupakan asas tauhid yang jitu. Kecintaan dan kerinduan kepada Allah SWT melebihi segala-galanya. Orang sebeginilah akan mendapat reda Allah SWT.

Apabila Allah SWT redha, maka redhalah manusia dan sekalian makhluk kepadanya. Begitu juga apabila takut kepada Allah SWT, maka takutlah manusia kepadanya. Tambahan lagi, jika ia merasakan Allah SWT itu hebat, maka terasalah sekalian manusia dan makhluk akan kehebatannya dengan kehendak Allah SWT. Lantas hubungannya dengan Allah SWT akan menentukan bagaimana hubungannya dengan sesama manusia dan dengan makhluk-makhluk lain. Di samping itu, syariat juga akan dipertahankan dan dijaga serta dipatuhi dengan sebenar-benarnya. Segala peraturan Allah SWT yang telah ditetapkan sama ada ibadat, muamalat, munakahah dan jinayah akan dihayati dan diamalkan dengan sesempurna yang boleh.

Ringkasnya, syariat itu bukan sahaja diketahui secara teoritikal, akan tetapi direalisasikan juga secara praktikal. Seterusnya, akhlaknya dengan Allah SWT juga dijaga bersungguh-sungguh. Sifat *mazmumah* iaitu yang terkeji akan dikikis habis-habisan kerana diketahui bahawa apabila ada sifat sedemikian, ertinya tidak berakhlaklah dia dengan Allah SWT. Dengan demikian, kaedah-kaedah tersebut merupakan kaedah untuk mencapai keredaan Allah SWT. dan ia merupakan matlamat akhir bagi seseorang hamba Allah SWT yang sebenar. Bagi tujuan untuk mencapai hal tersebut dalam amalan seharian, maka perlulah seseorang itu bersandarkan kepada *maqasid al-syari'ah* khususnya dalam hal-hal yang tidak jelas dari segi wahyu yang diturunkan.

Istilah “*Maqasid al-Syari'ah*” secara mudahnya dalam Bahasa, bolehlah diterjemahkan sebagai objektif atau tujuan ke jalan yang lurus atau tujuan syariah (Mahmud, 1973). Dengan erti kata lain, ia bermaksud tujuan di sebalik penciptaan syariah secara keseluruhannya dan di sebalik setiap hukum secara terperinci di dalam kehendak syariah. Pada awal pengenalan konsep *maqasid al-syari'ah* ini, masih tiada lagi definisi yang jelas sehinggalah pada penulisan fuqaha mutakhir seperti Ibn 'Asyur yang telah membahagikan Maqasid Syariah ini kepada dua bahagian iaitu objektif umum dan objektif khusus (Ibn 'Asyur, 1945). Berdasarkan kepada pembahagian ini beliau mendefinisikan objektif umum (*maqasid 'ammah*) sebagai objektif yang merangkumi keseluruhan hukum yang terdapat dalam syariah tersebut, manakala objektif khusus (*maqasid khassah*) ialah merealisasikan objektif umum tersebut dalam perbuatan manusia tertentu. Seterusnya, beliau menggariskan beberapa contoh objektif umum tersebut seperti mencari kebaikan dan menolak keburukan, mengawal ketertiban umum, menghapuskan diskriminasi dalam masyarakat, menjadikan syariah sebagai sesuatu yang hebat dan menjadikan umat Islam sebagai umat yang dihormati (Ibn 'Asyur, 1945). Sebaliknya, contoh bagi objektif khusus dalam muamalat masyarakat adalah seperti menjamin hutang melalui gadaian, memperkenalkan *syirkah* bagi mewujudkan kekuatan modal, menggalakkan penerimaan simpanan amanah melalui *wadi'ah* dan sebagainya.

Bagaimanapun, al-Fassyi menerangkan definisi *maqasid al-syari'ah* ini dalam bentuk yang lebih ringkas yang menjurus kepada kesempurnaan atau idealistik kepada Syariah dan rahsia di sebalik ketentuan setiap hukumnya (al-Fassyi, t.t). Tambahan lagi, al-Raisuni pula menyimpulkan erti kesempurnaan kepada Syariah itu adalah objektif umum manakala rahsia di sebalik ketentuan hukum itu adalah objektif khusus (al-Raisuni, 1995). Akan tetapi, al-Raisuni mencadangkan bahawa *maqasid al-syari'ah* atau objektifnya dipecahkan kepada tiga iaitu *maqasid 'ammah*, *maqasid khassah* dan *maqasid juz'iyah* (al-Raisuni, 1995).

Maqasid ‘Ammah bermaksud objektif umum yang diambil kira oleh syariah dalam menentukan hukum di dalamnya. Ia sebagaimana yang dikatakan oleh Ibn ‘Asyur dan al-Fassyi dalam huraikan di atas. Selanjutnya, *Maqasid Khassah* bermaksud objektif khusus yang ingin direalisasikan oleh Syariah dalam bidang-bidang tertentu seperti perakaunan, perundangan, ekonomi, kewangan, pendidikan dan sebagainya. Sebaliknya, *Maqasid Juz’iyyah* pula merupakan objektif yang lebih khusus atau objektif cabang. Iaitu yang diinginkan untuk direalisasikan oleh syariah dalam setiap hukum tertentu sama ada wajib, sunat, sebab, syarat, penghalang dan sebagainya. Inilah kategori yang menjadi tumpuan fuqaha yang menjadi pakar bidang tertentu yang lebih mengetahui keperluan dalam kes-kes tertentu seperti keperluan bagi perakaunan Islam, pengurusan harta faraid, pengurusan wakaf dan sebagainya.

Konsep asas terhadap pembinaan sesuatu *maqasid al-syari’ah* itu adalah justifikasi hukum (*ta’lil al-ahkam*) (al-Badwai, 2000). Justifikasi hukum ini perlu untuk mencapai tujuan syariah baik secara umum mahupun secara khusus iaitu membawa kemaslahatan dan menolak kemudaratan (*jalb al-maslahah wa daf’ al-madarrah*). Kitab “*al-Mustasfa*” menghuraikan maksud kemaslahatan bermaksud memperolehi faedah atau terlepas daripada kemudaratan (al-Ghazali, 505 h). Bagaimanapun, faedah yang dikatakan itu, bukanlah sekadar objektif makhluk semata-mata. Sebaliknya apa yang sebenarnya ialah menjaga objektif syarak dalam mencipta Syariah. Objektif-objektif tersebut ialah menjaga agama, menjaga nyawa, menjaga akal, menjaga keturunan dan menjaga harta. Pendek kata, setiap yang menjamin kelangsungan lima perkara itu dikira sebagai *maslahah* dan sebaliknya, setiap yang mengancamnya dikira sebagai *mafsadah* (al-Ghazali, 505 h). Pada pandangan al-Ghazali, pada asalnya *maslahah* bermaksud pencapaian objektif manusia, akan tetapi ia sebenarnya adalah bagi pencapaian objektif syariah terhadap menjaga kepentingan lima perkara di atas. Ini disambung pula oleh al-Syatibi dengan menegaskan bahawa kebaikan yang hakiki dan sebenar adalah mampu menegakkan hidup dan bukannya menyebabkan keruntuhan dan yang mampu meraih keuntungan serta mencapai kejayaan dalam hidup akhirat. Ringkasnya, ia bukan sekali-kali nafsu pencapaian kebaikan biasa atau penolakan terhadap keburukan biasa kerana syariah datang dengan tujuan untuk melepaskan manusia daripada kongkongan hawa nafsu yang tidak terbatas agar dia menjadi hamba Allah yang berjaya (*falah*) (al-Syatibi, 790 h).

Oleh itu, beliau berkata bahawa tidak boleh berkompromi dengan kehendak hawa nafsu dalam menentukan jalan hidup atau dalam melihat hidup ini melalui perancangan jangka pendek

semata-mata (al-Syatibi, 790 h). Apa yang penting bagi syariah ialah perkara yang lebih besar iaitu kebaikan yang boleh menunjangi agama dan hidup, bukannya semata-mata untuk memenuhi hawa nafsu.

Al-Ubaidi (1992) dalam karangannya telah menceritakan bahawa Imam Syatibi (790 h) menjelaskan maqasid syariah secara amnya adalah setiap hukum yang berlegar pada orang yang dikenakan syarak dalam setiap keadaan ataupun hal baik perkataan, perbuatan, mahupun iqtiqadnya. Dalam penulisan Imam Syatibi (790 h) jelas bahawa tujuan Maqasid Syariah secara keseluruhannya adalah untuk menjaga undang-undang alam ini dengan mengutamakan kemasalahatan dan menolak kerosakkan. Hasil daripada ijtihad para mujtahid yang memperbahaskan ilmu maqasid syariah ini maka mereka berpendapat bahawa terdapat tiga keadaan iaitu masalah daruriyyat (primer), masalah hajiyyat, dan masalah tahsiniyyat. Masalah daruriyyah iaitu memperbaiki ke atas lima perkara iaitu menjaga agama, diri, akal, keturunan, dan harta. Masalah hajiyyat adalah kemestian untuk memenuhi hajat. Masalah daruriyyat merupakan masalah yang sangat penting dalam kehidupan dimana apabila berlaku pengabaian maka setiap perkara yang dilakukan oleh seseorang akan menjumpai kerosakkan. Sebagai contoh dalam muamalat, masalah daruriyatnya adalah menjaga harta. Masalah hajiyyat pula adalah ke atas tujuannya, di mana harta itu dibelanjakan ke arah kebaikan. Masalah yang ketiga pula adalah masalah tahsiniyyat iaitu setiap apa yang berulang padanya adat-adat yang baik dan akhlak yang terpuji, memperjelaskan kemuliaan serta perasaan selamat. Tujuan masalah tahsiniyyat ini adalah untuk mencapai persepaduan di antara umat islam agar hidup di dalam keharmonian.

Ekoran hal ini, Syariah mengandungi jaminan terhadap kepentingan asas (*al-daruriyyah*), keperluan biasa (*al-hajiyyah*) dan keperluan ketinggian mutu (*al-tahsiniyyah*). Kepentingan-kepentingan utama termasuklah dalam jaminan terhadap agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Kepentingan asas (*al-daruriyyah*) bertujuan untuk menjaga kepentingan hidup manakala keperluan biasa (*al-hajiyyah*) bertujuan untuk menjaga keperluan hidup. Seterusnya, keperluan ketinggian mutu (*al-tahsiniyyah*) pula bertujuan untuk menjaga kemewahan hidup (al-Syatibi, 790 h). Secara umumnya, yang dimaksudkan dengan kepentingan hidup itu ialah sesuatu yang menjadi asas kepada penerusan hidup itu sendiri, yang menjadikan manusia akan merana atau akan binasa. Ia terkandung dalam lima perkara yang telah dikatakan sebelum ini iaitu agama, nyawa, akal, harta dan keturunan. Berhubung dengan keperluan hidup pula, ia merupakan apa-apa keperluan yang bertujuan untuk melegakan suasana hidup dan menghapuskan rasa sempit

dan serba salah. Tanpanya, kehidupan akan menjadi susah dan tidak selesa. Akan tetapi, ia boleh terus berpanjangan dan tidak memudaratkan seseorang. Sementara itu, kemewahan hidup pula bersifat nilai tambah yang tidak menyentuh soal keperluan apa lagi kepentingan hidup. Ia tidak bersifat penting atau perlu tetapi hanya lebih elok lagi nilai pencapaian atau lebih melicinkan lagi cara atau kaedah yang digunakan.

5.2.3 Tahap Ketiga: Tahap Pelaksanaan

Berhubung hal yang berkaitan dengan tahap pelaksanaan ini, perbincangan akan dimulai dengan membincangkan mengenai kriteria perakaunan Islam yang terdiri daripada pengukuran, pengiktirafan, pendedahan dan pelaporan. Kemudian, perbincangan ini diteruskan dengan membicarakan tentang prinsip-prinsip perakaunan. Di antara prinsip-prinsip yang dibahas dalam perbincangan ini pula adalah prinsip entiti berasingan, prinsip usaha berterusan, prinsip konsistensi, prinsip materialiti, prinsip keberkalaan dan sebagainya.

Kriteria Perakaunan Islam

Data menunjukkan terdapat empat kriteria utama dalam operasi perakaunan Islam. Sistem perakaunan yang lengkap merangkumi empat kriteria iaitu; pengukuran, periktirafan, pendedahan dan pelaporan. Keempat-empat kriteria menjelaskan bagaimana transaksi urusan niaga diukur, dikenalpasti, didedahkan dan dilaporkan untuk tujuan membuat keputusan.

Kriteria ini pula dipanjangkan kepada prinsip-prinsip yang perlu menjadi amalan iaitu, perekodan transaksi yang betul, tepat dan sepenuhnya. Antara prinsip lain adalah adil, tepati masa (*timeliness*) dan tulus. Prinsip ini secara langsung memenuhi tugas sebagai khalifah yang berpanduan kepada konsep akauntabiliti. Akauntabiliti di sini bermaksud tanggungjawab kepada Allah SWT, manusia dan juga alam.

Sesuai dengan Firman Allah SWT dalam surah Az-Zariyat ayat 56 yang bermaksud: *“Dan aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka mengabdikan kepada-Ku”*. *“Hai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam keseluruhannya, dan janganlah kamu turuti langkah-langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagimu.* (QS. Al-Baqarah: 208) Tetapi jika kamu menyimpang (dari jalan Allah SWT) sesudah datang kepadamu bukti-bukti kebenaran, maka ketahuilah, bahwasanya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana. (QS. Al-Baqarah: 209). *“Dan bagi Allah jualah kuasa pemerintah langit dan*

bumi, dan Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu”. (Surah Al-Imran:189) Kepunyaan Allah-lah segala apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi. Dan jika kamu melahirkan apa yang ada di dalam hatimu atau kamu menyembunyikan, niscaya Allah SWT akan membuat perhitungan dengan kamu tentang perbuatanmu itu. Maka Allah SWT mengampuni siapa yang dikehendaki-Nya dan menyiksa siapa yang dikehendaki-Nya; dan Allah SWT Maha Kuasa atas segala sesuatu. (Al Baqarah: 284).

Prinsip Perakaunan

Prinsip perakaunan adalah suatu prinsip yang asas bagi pelaksanaan urusanniaga. Prinsip ini menjadi landasan kepada persoalan bagaimanakah urusanniaga WZB patut direkod. Dapatan menunjukkan bahawa ‘*modified accrual basis*’ adalah jawapan kepada pelaksanaan perekodan yang dicadangkan buat masa ini. ‘*Modified accrual basis*’ menjelaskan bahawa pelaksanaan perekodan WZB adalah berpandukan kepada konsep hibrid iaitu perekodan perlu berdasarkan kepada konsep asli urusanniaga tersebut. Contohnya bagi wakaf ahli, maka dapatan mencadangkan penggunaan kos sejarah manakala dalam perekodan zakat, konsep tunai perlu diamalkan.

Seterusnya, prinsip-prinsip dalam perakaunan menjadi mekanisma kepada pelaksanaan. Ingin dinyatakan di sini bahawa dari analisis kajian menunjukkan bahawa terdapat prinsip yang sedia ada (prinsip digunapakai dewasa ini) yang masih boleh diterima dan digunapakai. Namun ada juga prinsip yang bercanggah dengan syariah Islam. Maka, kajian mengambil ketetapan bahawa dalam pelaksanaan penggunaan prinsip, hanya yang boleh diterima pakai oleh syariah sahaja yang diambil kira. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keunikan WZB adalah asas kepada penggunaan prinsip-prinsip dalam merekodkan urusanniaga.

Cadangan prinsip-prinsip yang boleh diterima pakai adalah seperti berikut:

Prinsip Entiti Berasingan

Kehendak ini bukanlah terbit dari Al-Quran atau hadis Rasulullah SAW. tetapi dari ‘*urf*’ masyarakat dan maslahat serta keperluan mengatur muamalat manusia yang elok (al-Khafif, (t.t.); al-Khayyat, 1994). Umumnya, fuqaha tidak memisahkan di antara *syarikah* dengan ahli-ahlinya dan tidak mengiktiraf kewujudan sesuatu *syarikah* itu secara tersendiri dan bebas dari kewujudan ahli-ahlinya. Sebaliknya mereka berpendapat bahawa *dhimmah* ahli-ahli tersebut adalah juga *dhimmah* sesuatu *syarikah* itu, tiada *dhimmah* yang khusus terhadapnya kerana hayat

dan *dhimmah* itu tidak diberi melainkan kepada seseorang insan yang hidup sahaja. Dengan kata lain, sifat wujud pada seseorang insan itu mengakibatkan ianya boleh menerima hak dan melaksanakan tanggungjawab. Oleh itu, ia tidak boleh dipindahkan kepada sifat bukan insan yang tidak hidup.

Tambahan lagi, kewujudan konsep *syarikah* dalam fiqah Islam adalah berdasarkan prinsip *wakalah* yang memberi hak merujuk kepada ahli-ahlinya terutama dalam hal hutang dan sekaligus menyebabkan kebanyakan fuqaha Islam berpendapat *syarikah* tidak dibina berasaskan *dhimmah syarikah*. Bagaimanapun, disebabkan keperluan maslahat umum, diberikan sesebuah *syarikah* itu kewujudan secara *al-syakhsiyyah al-i'tibariyyah* yang membolehkan baginya *dhimmah mustaqillah* atau tanggungan tersendiri untuk membolehkannya memegang tanggungjawab dengan sendiri. *al-Syakhsiyyah al-i'tibariyyah* ialah keperibadian yang menyerupai individu manusia biasa dari sudut keahlian untuk memiliki, sabitan hak, melaksanakan kewajipan, adanya andaian tanggungjawab yang berasingan terhadap pihak umum tanpa melihat kepada tanggungan individu-individu yang menganggotainya seperti yayasan-yayasan, pertubuhan-pertubuhan, masjid-masjid dan syarikat-syarikat. Ia juga boleh dikenali sebagai *al-syakhsiyyah al-ma'nawiyyah* atau *al-syakhsiyyah al-mujarradah*. (al-Zuhayli, 2004).

Oleh kerana fuqaha klasik berpendapat bahawa kesinambungan sesebuah *syarikah* itu akan terhenti disebabkan faktor-faktor ahlinya seperti kematian, murtad, gila dan sebagainya, perbincangan mengenai *dhimmah* dan pemilik hak pada entiti *syarikah* ini adalah penting bagi mewujudkan suatu bentuk kesinambungan dalam sesebuah *syarikah* yang ditubuhkan itu agar perjalanannya dapat diteruskan dan kemajuannya tidak terbantut dipertengahan kewujudannya. Ini dapat direalisasikan sekiranya *dhimmah* dan pemilikan hak harta yang digabungkan itu diletakkan secara terus di bawah penguasaan sebuah *syarikah* tersebut. Pada asas pemikiran syariah, entiti yang boleh menerima *dhimmah* hanyalah seseorang manusia yang wujud sebagai *al-syakhsiyyah al-tabi'iyah* kerana nyata kelihatan *syakhsiyyah* atau keperibadiannya.

Oleh yang demikian, syariah Islam mengakui bahawa hak-hak pemilik yang selain hak Allah SWT dalam hak-hak keagamaan boleh disandarkan kepada dua jenis keperibadian atau entiti pemilikan iaitu *al-syakhsiyyah al-tabi'iyah* ataupun *al-syakhsiyyah al-i'tibariyyah*. Keperluan bagi kewujudan *al-syakhsiyyah al-i'tibariyyah* ini ialah bagi mempertimbangkan keharusan *syarikah* agar dapat menikmati *syakhsan ma'nawiyen mustaqillan* atau keperibadian tak nyata tersendiri ke atas keperibadian ahli-ahlinya bagi membolehkan ianya memperoleh tanggung

ke atas harta dengan khusus atau *dhimmah maliyyah khasah*. Ini secara tidak langsung memberikan keupayaan kepada sesebuah *syarikah* untuk mendapatkan hayat menurut segi perundangan dalam menerima sesuatu hak dan melaksanakan sesuatu kewajipan.

Tiada disebut di dalam nas Al-Quran atau hadis Rasulullah SAW. yang menegah sesebuah *syarikah* itu dari memperolehi *dhimmah mustaqillah*. Tambahan lagi, dalam kitab Syafiiada menyebut bahawa institusi masjid yang merupakan salah satu bentuk *al-syakhsiyyah al-i'tibariyyah* dan konsepnya bersamaan dengan *syarikah*, berkeupayaan dalam memperolehi *dhimmah mustaqillah* melalui pemilikan harta atas tanggungannya sendiri dan menerima wakaf yang diberi (al-Ramli,1938). Ini secara tidak langsung menguatkan lagi hujah dalam membenarkan *dhimmah mustaqillah* terhadap sesebuah *syarikah* yang ditubuhkan itu. Melalui *dhimmah* yang diperoleh oleh *syarikah* tersebut, menjadikan harta yang telah diberikan oleh ahli-ahli akan jatuh kepada *dhimmah syarikah* dan dimiliki sepenuhnya olehnya. Ahli-ahli tidak memiliki harta-harta *syarikah* tetapi hanya saham yang telah diagihkan termasuklah hasil dari keuntungannya semasa berjalannya *syarikah* tersebut. Mereka hanya akan mengambil semula bahagian-bahagian mereka apabila pembubaran *syarikah* tersebut. Hak ini dianggap sebagai bentuk hak keperibadian yang berpindah. Apabila berlaku pembubaran *syarikah*, maka hilanglah *al-syakhsiyyah al-i'tibariyyah* sesebuah *syarikah* itu dan kembali semula menjadi hak ahli-ahli melalui pemindahan tersebut. Berdasarkan dari penjelasan-penjelasan di atas, ternyata bahawa tidaklah bertentangan dari segi syarak untuk meletakkan sesuatu harta tersebut dalam tanggungjawab entiti yang bersifat *syakhsiyyah i'tibariyyah*.

Prinsip Usaha Berterusan

Analisis kajian menunjukkan bahawa prinsip usaha berterusan adalah prinsip yang boleh diterima pakai. Walau bagaimanapun, dapatan menunjukkan terdapat pertikaian pendapat mengenai penggunaan prinsip ini. Pertikaian selalunya pada penggunaan terma prinsip yang merujuk kepada tiada benda yang akan berterusan kecuali Allah SWT. Di sini responden berpendapat tidak ada salahnya jika prinsip ini dilanjutkan kerana perkataan berterusan merujuk kepada perniagaan yang mana seseorang perniaga semestinya tulus dalam memberitahu status perniagaan.

Konsep ini berasaskan kepada andaian bahawa sesebuah entiti akan terus beroperasi dalam tempoh masa yang tidak terbatas. Ini bermaksud entiti tersebut dianggap tidak akan dibubarkan

pada bila-bila masa. Andaian ini penting kerana maklumat-maklumat perakaunan yang didedahkan di penyata kewangan akan dapat memberi gambaran yang tepat dan boleh dipercayai terutama maklumat mengenai nilai aset dan kedudukan kewangan entiti. Menurut pandangan Ahmed, (1994), andaian ini nampaknya tidak bercanggah dengan mana-mana prinsip-prinsip Islam. Kerana Dalam fiqh Islam terdapat prinsip yang serupa dengan ini (postulat), iaitu, prinsip "Istishab" yang bermakna mengekalkan apa-apa kejadian atau keputusan berdasarkan berpengalaman dalam masa lalu.

Buat masa ini, dapatan mendefinisikan prinsip usaha berterusan sebagai suatu anggapan bahawa perniagaan akan berterusan dan anggapan ini berpandukan kepada pegangan yang tidak bertentangan dengan kehendak Allah SWT. Antara sumber sokongan yang boleh menjadi rujukan adalah: *"Berusahalah untuk duniamu seolah kamu akan hidup selamanya, dan beramallah untuk (kepentingan) akhiratmu seolah kamu akan mati esok"* (Albani, hadith 1/ 63).

Prinsip Konsistensi

Kajian mencadangkan penggunaan prinsip konsisten boleh digunapakai mengikut kesesuaian dan bertepatan dengan syariah Islam. Prinsip konsisten secara amnya merujuk kepada konsisten dalam melaksanakan syariah Islam. Secara khususnya, pelaksanaan konsep konsisten merujuk kepada pelaksanaan perekodan berpandukan pendapat barat. Konsisten dalam pelaksanaan barat merujuk kepada perekodan urusaniaga perlu berasaskan kepada satu penggunaan piawaian yang sama. Hal ini juga telah digambarkan di dalam matan hadith yang telah diriwayatkan oleh aishah r.a *"Sesungguhnya Allah SWT suka apabila seseorang itu melakukan sesuatu dengan bersungguh-sungguh"* (Imam baihaqi hadis no 4913).

Prinsip Materialiti

Hadis riwayat Jabir al-Ja'fi daripada Ibn Mas'ud : *"Tidak bercampur antara yang halal dan yang haram, melainkan mengalahkan yang haram di atas yang halal"*. Lanjutan daripada hadis ini, maka para penasihat syariah telah meletakkan beberapa penanda aras bagi menentukan sesuatu itu halal atau haram dari segi pelaburan Islam bagi sesuatu pelaburan yang bercampur di antara aktiviti perniagaan yang halal dan haram. Oleh itu, mereka meletakkan peratusan tahap keharaman tertentu kepada industri-industri tertentu dalam menentukan halal atau haram sesuatu perniagaan itu di atas konsep *"umum balwa"*.

Umum balwa ialah suatu situasi tidak baik yang meluas terkena kepada kebanyakan orang dan sukar untuk menghindarkan diri daripadanya. Tujuan kemaafan tersebut adalah untuk memberi kemudahan kepada mereka dalam menjalankan aktiviti harian. Sekiranya kemudahan tidak diberikan maka masalah umum akan terjejas terutama dalam bidang ekonomi yang melibatkan penguasaan harta dan perdagangan serta pemantapan umat. Jika peratusan haram tersebut tidak melebihi peratusan yang dikira rendah berbanding dengan yang halal itu yang lebih besar, maka hukum pelaburan itu dikira halal.

Kaedah fiqh yang berhubung dengan hal ini adalah “kesusahan membawa kepada kemudahan” yang kemudiannya boleh dikembangkan kepada “sesuatu perkara apabila ada kesukaran, maka syarak mengizinkan kelapangan sebagai jalan keluar” dan “sesuatu perkara yang dilarang berlaku secara meluas, syarak mengizinkan keringanan kepada yang terkena”.

Dua istilah dari segi teori akad kaedah fiqh adalah gharar dan ghabn merupakan dua unsur negatif dalam syarak dan jika berlaku dalam peratusan yang sedikit pada realiti, syarak menganggapnya sesuatu yang normal dan tidak mengganggu keredaan akad. Pendek kata, kewujudan dua unsur negatif ini dalam akad dimaafkan sekiranya ia kecil. Keadaan yang sama berlaku dalam syarikat yang bercampur aktiviti perniagaannya tetapi aktiviti halal lebih mengatasi aktiviti haramnya. Maka sifat sedemikian adalah dalam lingkungan yang diharuskan oleh syarak dan dimaafkan.

Konsep ini juga bertepatan dengan prinsip materialiti di dalam perakaunan yang mengabaikan sesuatu peratusan yang agak kecil mengikut keadaan sesuatu entiti tersebut untuk dipertimbangkan di dalam pelaporan.

Prinsip Keberkalaan/Haul

Mengambil asas dalam pengiraan zakat bagi menentukan tempoh perakaunan iaitu haul (tempoh setahun) seperti mana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud,

“ Tidak dikenakan zakat pada harta sehinggalah ia cukup haul”

(Sunan Ibn Majah 1792)

Menurut ‘Atiyah (1993), amalan penentuan tempoh perakaunan adalah berdasarkan pada dua pandangan iaitu Imam Abu Hanifah berpendapat jizyah dikutip pada permulaan haul manakala

pandangan Imam As Syafi'e berpendapat jizyah dikutip pada penghujung haul. Amalan ini juga dapat dilihat pada zaman Khalifah Umar al Khattab di dalam suratnya kepada pemungut zakat agar memungut zakat setahun selepas sesuatu zakat itu dikutip. Ini juga telah disepakati oleh para fuqaha.

Unit Pengukuran

Menurut Ahmed (1994), wang sebagai unit ukuran yang diterima dari sudut pandangan Islam. Secara umumnya mata wang yang diterima mempunyai nilai kepada emas dan perak. Wang sebagai unit ukuran boleh diterima dalam Islam di bawah sistem kewangan yang stabil yang mana kestabilan nilai wang dapat dikekalkan serta terjamin dari segi kejujuran dan keadilan dalam semua langkah-langkah yang bernilai. Unit pengukuran juga ditekankan dalam Al Quran:

Firman Allah SWT yang bermaksud:

"...Sempurnakanlah ukuran dan timbangan dengan adil".

(Surah Al-An'aam :152)

"Maka sempurnakanlah ukuran dan timbangan dan jangan kamu kurangkan ukuran dan timbangan barang-barang".

(Surah Al-A'raaf:85)

Walau bagaimanapun, dalam persekitaran inflasi peranan wang sebagai unit ukuran boleh dipersoalkan dari sudut Islam kerana ia gagal berfungsi dengan adil dan jujur.

Prinsip Keadilan

Prinsip keadilan merujuk kepada dapatan kajian yang mana prinsip yang bermatlamatkan akauntabiliti iaitu pelaksanaan perekodan yang berlandaskan konsep al-falah. Analisis kajian menunjukkan penggunaan konsep al-falah pula merujuk kepada amalan amanah. Contohnya prinsip penilaian (valuation), iaitu untuk melaksanakan perekodan dan menilai sesuatu aset, penilaian bukan sahaja merujuk kepada nilai tetapi perlu mengambil kira nilai yang tidak memudaratkan dan tulus.

Keadilan dalam Islam merupakan prinsip dan dasar utama, malah dalam perakaunan Islam ia juga merupakan prinsip penting terutamanya dalam pembentukan Kerangka Kerja Konseptual yang lengkap. Ini jelas seperti mana diperintahkan oleh Allah SWT dalam Surah An-Nisa: 58, *"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak*

menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat” dan Surah Al-A’araf ayat 29 yang bermaksud “Katakanlah: Tuhanku menyuruh menjalankan keadilan”

5.3 Perbandingan Kerangka Kerja Konseptual Konvensional dan Islam

Secara umumnya, kajian ini membuktikan bahawa pelaporan dan perakaunan Islam mempunyai ciri-ciri tertentu dan ada ciri-ciri yang dipraktikkan dalam pelaporan dan perakaunan konvensional tidak bersesuaian dengan prinsip Islam. Walau bagaimanapun, ada ciri-ciri yang masih boleh dipertimbangkan dan diambil kira untuk amalan pelaksanaan operasi urusniaga. Penerangan di bawah menjelaskan ciri-ciri yang dianggap tidak bersesuaian dari segi pandangan Islam.

Dapatan kajian menunjukkan, perakaunan konvensional mengamalkan pendekatan dengan melaksanakan pembuatan keputusan yang berlandaskan teori ekonomi. Teori ekonomi menyatakan bawah memaksimumkan keuntungan adalah objektif utama sesuatu perniagaan. Teori ekonomi ini menjurus kepada kepentingan pihak tertentu sahaja. Ini jelas menunjukkan ada perbezaan yang ketara kerana kesejahteraan ummah tidak dititikberatkan. Islam memandang berat kepada al-falah, al-ihsan dan adil. Kebajikan sosial menjadi keutamaan dalam Islam. Kesejahteraan ummah diatur dalam Maqasid Syariah. Oleh itu, kebajikan sosial dan individu dan kualiti hidup bukan semata-mata diukur dari segi material tetapi juga dari sudut rohani (rujuk Tahap Pertama). Tambahan lagi, matlamat perakaunan kepada masyarakat tidak hanya memperkayakan pemegang saham sahaja (Tahap Pertama dan Kedua).

Selain itu, pengenalan dikotomi halal dan haram dalam urusniaga yang dimaksudkan untuk memastikan pelaburan dan pendapatan yang saksama. Pengenaan zakat, dan apa-apa perbelanjaan kebajikan yang diluluskan oleh syariat, sebagai langkah pengagihan semula kekayaan bagi tujuan pengagihan kekayaan yang saksama kepada semua ahli masyarakat juga menjadi sifat dalam pembuatan keputusan dari sudut Islam. Kesimpulannya, membuat keuntungan bukanlah matlamat tunggal dalam Islam. Perakaunan Islam mengenengahkan prinsip syariah yang berbeza dengan konvensional. Malah, motif teori ekonomi tidak boleh digunapakai dari sudut pandangan Islam berkait dengan kuasa ekonomi mahupun kesan sosial.

BAB ENAM

Cadangan Item Pendedahan Patuh Syariah

6.0 Pengenalan

Bab-bab sebelum ini telah menerangkan tentang Kerangka Kerja Konseptual bagi Institusi Islam seperti WZB. Dari segi pelaporan, Kerangka Kerja Konseptual yang telah dibincangkan menetapkan bahawa tujuan pelaporan adalah berdasarkan akauntabiliti kepada Allah SWT dan akauntabiliti kepada manusia keseluruhannya. Bagi mencapai tujuan akauntabiliti tersebut, pelaporan Institusi WZB ini perlu mendedahkan item-item maklumat yang patuh syariah berlandaskan Al-Quran, Sunnah, Ijma' Ulama dan Qiyas serta dapat mencapai Maqasid Syariah. Bagi tujuan akauntabiliti, maklumat yang didedahkan perlu lengkap, meliputi bukan sahaja maklumat kewangan tetapi juga maklumat bukan kewangan. Maklumat yang didedahkan mestilah jelas dan tidak menimbulkan fitnah dan kekeliruan.

Secara khusus, Bab ini akan terlebih dahulu memperincikan tentang proses dalam mengenalpasti item-item pendedahan patuh syariah dan seterusnya melapor dan membincangkan tentang dapatan kajian berkaitan Objektif Kajian Ketiga iaitu mengenalpasti keperluan syariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijma' Ulama dan Qiyas) dan batas-batas perundangan Sivil dalam melaksanakan Piawaian Perakaunan Islam bagi WZB yang seragam.

6.1 Proses Mengenalpasti Item Pendedahan Patuh Syariah

Dalam mengenalpasti item pendedahan bagi pelaporan kewangan Institusi WZB, lima langkah telah dilaksanakan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 6.1.

Rajah 6.1 Proses Pembangunan Senarai Item Pendedahan



Langkah 1: Pengenalpastian Item-Item Pendedahan

Pengenalpastian item pendedahan berkenaan bermula dengan deraf awal senarai yang terdiri daripada 119 item di bawah 5 kategori utama dengan sub-kategori masing-masing iaitu (1) Maklumat Institusi (sub-kategori – Maklumat asas institusi, Polisi perakaunan dan perubahan, Lembaga pemegang amanah, Jawatankuasa penasihat syariah, Jawatankuasa pengurusan risiko, Kawalan dalaman, Tadbir Urus, Pekerja dan pekerjaan, Persekitaran/Alam sekitar, Masyarakat), (2) Maklumat Zakat (sub-kategori – Serlahan penting, Kutipan zakat, Agihan zakat, Lebihan kutipan, Penyata sumber dan agihan zakat), (3) Maklumat Wakaf (sub-kategori – Serlahan penting, Penerimaan wakaf, Pengekalan ‘Ain harta wakaf, Istibdal (pertukaran) harta wakaf, Pembangunan/pelaburan harta wakaf, Penyata penerimaan dan penggunaan wakaf), (4) Maklumat Baitulmal (sub-kategori – Serlahan penting, Hasil/Terimaan dan Perbelanjaan/Bayaran baitulmal, Penyata terimaan/hasil dan perbelanjaan/pembayaran baitulmal) dan (5) Penyata Kewangan Institusi (sub-kategori – Penyata prestasi kewangan (termasuk nota kepada akaun), Penyata kedudukan kewangan (termasuk nota kepada akaun), Penyata aliran tunai (termasuk nota kepada akaun), Penyata perubahan ekuiti (termasuk nota kepada akaun). Item-item ini dikenalpasti berdasarkan Al-Quran, Hadith, Ijma’ dan/atau Qiyas, dapatan kajian lepas berkaitan perakaunan dan pelaporan dari perspektif Islam (cth. Haniffa, Hudaib & Mirza, 2004; Haniffa & Hudaib, 2002; Othman & Md. Thani, 2011; Raedah, Siti Normala & Sherliza, 2014; Sheila dan Syed Ahmed Salman, 2014) serta cadangan pendedahan oleh AAOIFI *sharia standards*.

Maklumat yang dikenalpasti berlandaskan Al-Quran antaranya Surah At-Taubah ayat 60 *“Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang miskin, amil zakat, yang dilunakkan hatinya (mualaf), untuk (memerdekakan) hamba sahaya, untuk (membebaskan) orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan untuk orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai kewajiban dari Allah. Allah Maha Mengetahui, Maha Bijaksana”*. Ayat ini jelas menunjukkan maklumat berkaitan agihan zakat kepada lapan golongan asnaf. Contoh lain adalah maklumat berdasarkan ukuran yang adil yang berlandaskan kepada firman Allah dalam surah Al-Hadid, ayat 25.

Langkah 2: Pandangan Dari Pihak Institusi WZB, Pakar Perakaunan dan Kewangan Islam Serta Pakar Pengurusan Wakaf

Deraf awal senarai item pendedahan yang mengandungi 119 item itu telah diedarkan kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) untuk mendapat pandangan mereka yang terlibat secara langsung dengan perakaunan dan pelaporan tentang item-item pendedahan dalam senarai awal item berkenaan. Selain daripada pihak institusi, deraf awal senarai item pendedahan berkenaan juga telah diedarkan kepada empat pakar terdiri daripada pakar perakaunan dan kewangan Islam serta pakar dalam pengurusan wakaf¹. Mereka telah diminta untuk memberi pandangan samada bersetuju atau tidak dengan item-item yang dicadangkan untuk didedahkan dalam laporan tahunan MAIN atau agensi berkaitan WZB di bawah MAIN. Mereka juga diberi peluang untuk mencadangkan item-item lain yang tiada dalam deraf awal senarai item tetapi pada pandangan mereka item tersebut perlu didedahkan.

Selepas pandangan daripada pihak institusi dan pakar diperolehi, pindaan dibuat terhadap deraf awal senarai item pendedahan. Item pendedahan dalam deraf berkenaan yang sama maksud/bertindih dan tidak relevan dengan ciri dan persekitaran institusi berkenaan dikeluarkan dan sebahagian item lain ditambah mengikut cadangan pihak institusi dan pakar. Pindaan ini dibuat berdasarkan pandangan bahawa akan terdapat kekurangan jika hanya mengambilkira item pendedahan yang dikehendaki sahaja (Copeland & Ingram, 1983) tetapi perlu juga mengambilkira kebergunaan dan kesesuaian item pendedahan berkenaan (Robbins & Austin, 1989), dalam konteks kajian ini mengikut persekitaran Institusi WZB.

Item-item dalam deraf awal yang telah dikeluarkan antaranya adalah ‘tujuan agihan zakat/ke mana zakat diagihkan’ ‘penyata kedudukan kewangan pada nilai semasa’ dan proses kelulusan dalam mengagihkan zakat bagi setiap kategori’. Manakala antara item-item baru yang telah ditambah adalah ‘polisi perakaunan untuk zakat’, ‘polisi perakaunan untuk wakaf’, ‘intipati fatwa semasa berkaitan wakaf/zakat/baitulmal’ ‘kelayakan dan pengalaman ahli lembaga pengarah’ skop kerja jawatankuasa penasihat syariah’, ‘skop kerja jawatankuasa fatwa’, ‘amaun kutipan mengikut lokasi’, ‘amaun kutipan mengikut sektor’, ‘indikator prestasi kutipan (termasuk ukuran kecekapan dan keberhasilan)’, ‘agihan mengikut lokasi –bandar dan luar bandar’, ‘jawatankuasa pembangunan/pelaburan wakaf’ dan penyata berasingan bagi kumpulan

¹ Pakar-pakar yang terlibat adalah Dato’ Syed Mohd Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa, Prof Dr. Abdul Rahim Abdul Rahman, Puan Azizah Abdul Rahman dan En.Hafidzamzahry Othman (sila rujuk Lampiran 3 untuk biodata pakar).

wang wakaf, zakat dan baitulmal. Selain pengguguran dan penambahan item dari dan kepada deraf awal senarai item, bagi tujuan kejelasan, sub-kategori disusun semula dan perkataan-perkataan yang mengelirukan atau kabur maksudnya diganti dengan perkataan yang lebih jelas.

Langkah 3: Pemetaan senarai item pendedahan dengan Maqasid Syariah

Pada peringkat ini, setiap item pendedahan dalam deraf senarai item pendedahan yang telah dibuat pindaan dalam Langkah 2 dipetakan dengan maqasid syariah yang diaplikasikan dalam pelaporan. Seperti yang dinyatakan oleh Zaharuddin (2016) dalam penulisan bertajuk “*Maqasid Al-Shariah sebagai mekanisma ijtihad kontemporari: Suatu pengenalan*”, Maqasid Syariah berkait rapat dengan keperluan menjaga maslahat atau kepentingan dan kebaikan untuk agama dan seluruhnya, serta kewajiban menolak elemen kemudharatan terhadap agama dan manusia. Dari aspek ini, pelaporan dalam konteks perakaunan Islam boleh dijadikan sebagai satu medium untuk menjaga kepentingan agama dan manusia seluruhnya kerana melalui pelaporan ini, akauntabiliti sesebuah entiti atau seseorang individu yang telah diberi amanah dan tanggungjawab boleh dizahirkan. Jadual 6.1 memperincikan cadangan pengaplikasian maqasid syariah dalam pelaporan. Aplikasi maqasid syariah dalam pelaporan ini telah melalui proses perbincangan dan rujukan yang rapi (*rigorous*) dengan pakar perakaunan dan kewangan Islam dan juga pakar khusus dalam Maqasid Syariah².

²Pakar-pakar tersebut adalah Datuk Dr. Haron Din, Dato’ Dr.Hailani Muji Tahir dan Dr Zaharuddin Abd.Rahman.(sila rujuk Lampiran 1 untuk biodata pakar)

Jadual 6.1: Aplikasi Maqasid Syariah Dalam Pelaporan

MAQASID SYARIAH	INTERPRETASI DALAM KONTEKS PELAPORAN
Ad-Deen (Agama)	Pembentukan dan penjagaan agama Islam supaya kekal • Peningkatan rasa ketaqwaan dan akauntabiliti dalam urus tadbir termasuk urus tadbir wang amanah, pelaporan yang jelas dan pengauditan • Penggubalan dan pengaplikasian fatwa • Pengurusan zakat dan wakaf secara patuh syariah • Pengurusan kewangan (akaun, pelaburan, pembiayaan dll) secara patuh syariah • Pembentukan jawatankuasa syariah
An-Nafs (Nyawa)	Penjagaan nyawa individu dan institusi (supaya kekal berfungsi) • Kualiti hidup • Alam sekitar • Keadilan dan kesaksamaan termasuk dari aspek agihan zakat dan manfaat wakaf • Tanggungjawab sosial korporat (CSR)
Al-A'qal (Akal)	Penjagaan 'aql/intelektual individu (pekerja) dan institusi • Pembelajaran sepanjang hayat • Pendidikan dan latihan untuk pekerja • Pendidikan untuk masyarakat keseluruhan • Persekitaran pekerjaan/prasarana yang cekap (termasuk sistem perakaunan dan prosedur operasi standad (SOP)
An-Nasl (Keturunan) (termasuk muruah (maruah))	Penjagaan kualiti hidup dan maruah/reputasi institusi • Keperluan asas individu dan keluarga • Kelangsungan ekonomi untuk generasi masa depan • Kelangsungan institusi
Al-Mal (Harta)	Pengurusan harta individu dan institusi • Memenuhi keperluan insan • Memastikan harta adalah aktif/berkitaran (<i>circulated</i>) • Kejelasan sumber pendapatan dan pemilikan • Keadilan dalam agihan pendapatan • Ketelusan dasar • Mengurangkan jurang pendapatan (cth.melalui skim bantuan pekerja) • Melibatkan hanya institusi kewangan Islam • Perincian pendapatan dan kontrak • Kebajikan sosial

Dari segi kategori kepentingan atau darjah keutamaan, cendiakawan/ulama Islam telah membahagikan kepentingan/darjah keutamaan dalam menjaga kemashalahatan kepada tiga kategori iaitu daruriyyat (paling penting), hajiyyat (sederhana penting) dan tahsiniyyat (kurang penting). Daruriyyat merujuk kepada keperluan utama manusia dan berkait rapat dengan kelangsungan agama dan kehidupan manusia yang tanpanya akan membinasakan agama dan kehidupan tersebut. Hajiyyat adalah keperluan utama manusia berkaitan agama dan kehidupan yang tanpanya tidaklah sampai membinasakan seperti Daruriyyat tetapi boleh mendatangkan kesulitan dan kesukaran dalam kehidupan manusia dan pengamalan agama mereka. Tahsiniyyat

pula adalah perkara yang dikehendaki oleh maruah dan dipandang baik oleh manusia. Tanpanya tidaklah sampai memberi kemudahan kepada manusia dan kehidupan (Zaharuddin, 2014).

Jika diaplikasikan dalam konteks pelaporan, daruriyyat adalah tahap paling atas yang mana pendedahan dalam pelaporan pada tahap ini adalah pendedahan ‘wajib’ yang melibatkan pendedahan maklumat asas. Maklumat asas ini mesti didedahkan oleh semua institusi yang terlibat bagi mencapai tujuan pelaporan iaitu untuk pembuatan keputusan dan untuk penzahiran akauntabiliti kepada Allah SWT dan masyarakat sejagat. Ketiadaan pendedahan maklumat tersebut dalam laporan boleh menyebabkan tujuan pelaporan tidak tercapai dan boleh memberi implikasi buruk kepada manusia dan pengguna laporan khususnya. Mengikut pandangan Al-Syatibi (1975), darjah daruriyyat ini memenuhi semua lima elemen maqasid syariah iaitu agama, jiwa/nyawa, akal, keturunan dan harta.

Darjah hajiyyat dalam konteks pelaporan adalah penting untuk menambah pemahaman. Berdasarkan darjah keutamaan ini, pendedahan maklumat ini akan memberi penjelasan kepada maklumat asas dan akan mewujudkan kemudahan serta kelapangan kepada pihak berkepentingan khususnya pengguna laporan. Ketiadaan pendedahan maklumat tersebut boleh menyebabkan tujuan pelaporan tidak dapat dicapai dengan sempurna dan boleh memberi sedikit kesusahan atau kekeliruan kepada pengguna laporan. Manakala darjah tahsiniyyat adalah darjah keutamaan yang paling rendah yang mana pendedahan maklumat adalah bagi tujuan pengukuhan kepada pendedahan yang sedia ada. Ketiadaan pendedahan maklumat tersebut tidak menjejaskan pencapaian tujuan pelaporan. Malah pendedahan maklumat tersebut dapat membantu entiti memperkukuhkan cara menzahirkan (*discharge*) akauntabiliti.

Contoh yang paling jelas untuk mengaplikasikan darjah keutamaan ini adalah pendedahan maklumat agihan zakat. Pendedahan maklumat tentang agihan zakat kepada lapan kategori asnaf seperti yang disyariatkan dalam Islam adalah menepati darjah darruriyah iaitu pendedahan yang mesti dilaksanakan. Pendedahan maklumat terperinci bagi setiap kategori asnaf dalam nota kepada akaun adalah menepati darjah hajiyyat iaitu untuk memberi penjelasan kepada maklumat asas untuk memudahkan pihak berkepentingan khususnya pengguna pelaporan dalam membuat keputusan dan untuk menjelaskan lagi penzahiran akauntabiliti. Manakala agihan zakat yang digambarkan dalam bentuk rajah, carta atau graf adalah elemen-elemen tambahan yang menepati darjah keutamaan tahsiniyyat iaitu bertujuan untuk mengukuhkan pendedahan maklumat agihan zakat.

Tujuan pemetaan cadangan awal item pendedahan dengan Maqasid Syariah adalah untuk memastikan setiap item yang dicadangkan memenuhi tuntutan syariah agar keseluruhan pelaporan Institusi WZB adalah berlandaskan prinsip perakaunan dan pelaporan Islam dalam memenuhi tuntutan akauntabiliti secara holistik melalui pelaporan. Selain pemetaan berdasarkan lima elemen dalam maqasid syariah iaitu agama, jiwa/nyawa, akal, keturunan dan harta, darjah keutamaan untuk kemaslahatan ummah atau masyarakat sejagat yang diaplikasikan dalam konteks pelaporan seperti yang dibincangkan di atas juga diambilkira.

Rumusan hasil pemetaan menunjukkan kesemua item pendedahan telah memenuhi keperluan sekurang-kurangnya satu elemen maqasid syariah dan kebanyakan item pendedahan memenuhi elemen maqasid syariah penjagaan harta pada darjah keutamaan daruriyyat. Secara dasarnya, sekiranya elemen penjagaan harta telah dipenuhi, tuntutan penjagaan jiwa/nyawa, aqal, keturunan dan agama juga turut dipenuhi. Harus juga dinyatakan bahawa pemetaan senarai item pendedahan dengan maqasid syariah dan darjah keutamaan daruriyyat, hajiyyat dan tahsiniyyat ini melibatkan elemen subjektiviti. Individu yang berbeza mungkin mendapat hasil pemetaan yang berbeza. Walau bagaimanapun, senarai item pendedahan dengan pemetaan maqasid syariah yang telah mengambilkira pandangan dan pengesahan pakar ini sekurang-kurangnya dapat dijadikan garis panduan untuk membangunkan piawaian perakaunan khusus bagi wakaf, zakat dan baitulmal khususnya dari segi pelaporan. Pemetaan senarai item pendedahan dengan Maqasid Syariah boleh dirujuk kepada Lampiran 4.

Langkah 4: Semakan Perundangan (Enakmen Negeri)

Dalam proses semakan perundangan, enakmen yang digunakan oleh kerajaan negeri yang telah dirujuk adalah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (khususnya bagi pengurusan kewangan baitulmal, wakaf dan zakat), Enakmen Wakaf (bagi negeri-negeri yang mempunyai enakmen khusus untuk wakaf seperti negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka), Enakmen Zakat dan Fitrah serta Enakmen Perbadanan Baitulmal (bagi negeri yang mempunyai enakmen khusus tentang zakat dan baitulmal seperti negeri Sabah).

Daripada semakan perundangan berkenaan, boleh dirumuskan (sekurang-kurangnya bagi negeri Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Sabah) bahawa bagi wakaf, enakmen negeri telah memperuntukkan MAIN sebagai pemegang amanah tunggal bagi semua harta wakaf samada

wakaf am atau wakaf khas. Bagi negeri-negeri yang mempunyai enakmen khusus untuk wakaf mengkehendaki satu kumpulan khusus untuk wakaf diwujudkan dan belanja atau bayaran tertentu yang telah dikenalpasti hendaklah dibayar dari akaun kumpulan wakaf ini seperti kos pentadbiran harta wakaf. Penyata khusus untuk kumpulan wang wakaf ini telah dicadangkan dalam senarai item pendedahan yang dibangunkan. Bagi zakat pula, enakmen negeri yang terlibat memberi fokus kepada kutipan zakat seperti kuasa mengutip, lantikan amil bertauliah, manakala bagi baitulmal, enakmen negeri berkaitan jelas memperuntukkan bahawa semua wang dan harta baitulmal adalah hak MAIN dan MAIN perlu mentadbirkan wang dan harta baitulmal tersebut mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

Secara keseluruhan, enakmen negeri yang disemak tidak mempunyai sebarang klausa yang menghalang perkara/item tertentu didedahkan kepada umum. Malah, terdapat juga perkara/item tertentu yang dinyatakan dalam enakmen perlu disiarkan dalam warta contohnya senarai harta wakaf dan pelaburan harta wakaf, penyata akaun setiap tahun dan anggaran pendapatan dan perbelanjaan (belanjawan) yang telah diluluskan. Penyiaran dalam warta menandakan maklumat tersebut telah menjadi maklumat awam. Maklumat belanjawan tidak terdapat dalam senarai deraf awal senarai item dan deraf senarai item pindaan dalam Langkah 2. Ia merupakan item tambahan baru yang dimasukkan dalam senarai item pendedahan yang di bawa kepada proses seterusnya dalam Langkah 5.

Langkah 5: Pengesahan Item Pendedahan Oleh Pakar Perakaunan dan Kewangan Islam

Langkah terakhir ini adalah langkah penting untuk memuktamadkan senarai item pendedahan bagi pelaporan Institusi WZB yang memenuhi tuntutan syariah, sekaligus memenuhi tuntutan akauntabiliti kepada Allah SWT dan akauntabiliti kepada masyarakat sejagat. Pada peringkat ini, senarai item pendedahan dan hasil pemetaan senarai item dengan Maqasid Syariah sekali lagi dibawa kepada pakar perakaunan dan kewangan Islam³ untuk mendapatkan pandangan dan pengesahan mereka. Berdasarkan pandangan pakar dalam langkah terakhir ini, sedikit pindaan telah dibuat dengan memasukkan item pendedahan berkaitan maklumat tentang urusan/aktiviti melibatkan pihak berkaitan (*related-party transactions*) dan maklumat tentang kod pengendalian (*code of conduct*)/prosedur operasi piawaian (*standard operating procedure*). Justifikasi yang dikemukakan oleh pakar adalah penambahan item-item ini selaras dengan pencapaian maqasid

³Pakar yang terlibat ialah Prof Dr. Abdul Rahim Abdul Rahman dan Dr. Zaharuddin Abdul Rahman (sila rujuk Lampiran 3 untuk biodata pakar).

syariah khususnya bagi melengkapkan penjagaan an-nasl (keturunan) dan maruah institusi. Hasil daripada langkah terakhir ini adalah senarai item pendedahan yang mengandungi senarai 156 item pendedahan. Senarai item pendedahan bersama pemetaannya dengan Maqasid Syariah disertakan dalam Lampiran 4.

6.2 Dapatan dan Perbincangan

Objektif kajian yang dibincangkan dalam Bab ini adalah untuk mengenalpasti item-item pendedahan yang menepati keperluan Syariah dan menentukan batas-batas perundangan Sivill dalam melaksanakan Piawaian Perakaunan Islam bagi WZB yang seragam. Bahagian berikutnya melapor dan membincangkan dapatan kajian berkenaan.

6.2.1 Item Pendedahan Patuh Syariah

Setelah melalui proses pengenalpastian item-item pendedahan patuh syariah yang melibatkan lima langkah seperti yang telah dibincangkan dalam bahagian sebelum ini, satu senarai akhir yang mengandungi item-item yang perlu didedahkan dalam pelaporan kewangan Institusi WZB dicadangkan. Senarai akhir item pendedahan ini terdiri daripada 156 item di bawah 6 kategori utama dengan 29 sub-kategori. Senarai item pendedahan yang dicadangkan ini secara keseluruhannya melibatkan pendedahan yang komprehensif yang meliputi item kewangan dan bukan kewangan. Pendedahan item kewangan dan bukan kewangan ini penting bagi menzahirkan akauntabiliti secara holistik melalui pelaporan.

Kategori A: Maklumat Institusi

Kategori A (rujuk Lampiran 4) terdiri daripada item pendedahan berkaitan institusi yang mentadbir WZB. Item pendedahan di bawah kategori ini merujuk kepada maklumat terperinci tentang peranan, struktur dan tadbir urus organisasi termasuk struktur Lembaga Pengarah atau Lembaga Pemegang Amanahnya. Untuk memastikan pencapaian maqasid syariah khususnya dalam membina dan memelihara agama Islam, maklumat tentang jawatankuasa syariah dan jawatankuasa fatwa adalah dicadangkan. Secara khususnya, maklumat mengenai latar belakang individu yang terlibat serta peranan mereka perlu didedahkan. Selain itu, di bawah kategori ini juga maklumat tentang pengurusan risiko dan kawalan dalaman juga penting dilaporkan untuk menunjukkan sejauhmana institusi berkenaan telah mengambil langkah untuk memastikan kelangsungan peranan mereka sebagai pemegang amanah khususnya amanah wakaf dan zakat. Bukan setakat untuk memelihara kelangsungan institusi sahaja, keperihatinan dan akauntabiliti

institusi kepada individu termasuk pekerja, masyarakat umum dan alam sekitar juga ditekankan dengan mencadangkan pendedahan maklumat berkaitan perkara tersebut. Untuk menunjukkan ketelusan dan menjaga maruah institusi, maklumat tentang sebarang urusan/aktiviti yang melibatkan pihak yang mempunyai kaitan dengan institusi atau individu penting dalam institusi juga turut dicadangkan. Sub-kategori terakhir item pendedahan yang dicadangkan di bawah kategori ini adalah 'polisi perakaunan dan perubahan'. Maklumat tentang polisi perakaunan dan perubahan ini adalah penting untuk memastikan akauntabiliti institusi dalam menguruskan amanah dan harta WZB sentiasa dipelihara.

Kategori B: Maklumat Zakat

Item pendedahan di bawah kategori Maklumat Zakat (rujuk Lampiran 4) yang dicadangkan ini meliputi yang utamanya tentang kutipan dan agihan zakat selain maklumat tentang lebihan kutipan zakat yang belum diagihkan. Sebelum perincian tentang maklumat kutipan dan agihan zakat, sub-kategori 'serlahan penting' juga dicadangkan. Item pendedahan di bawah serlahan penting ini perlu untuk mendapatkan gambaran ringkas dan padat berkaitan maklumat zakat. Item-item di bawah kategori Maklumat Zakat ini penting dan perlu didedahkan dalam pelaporan institusi untuk menunjukkan bahawa zakat yang dikutip perlu diagihkan oleh institusi sebagai amil mengikut hukum yang telah disyariatkan. Pendedahan ini dapat menunjukkan sejauhmana amanah zakat telah diuruskan dengan baik. Seterusnya pendedahan yang dicadangkan ini dapat menzahirkan akauntabiliti institusi terhadap pengurusan zakat yang telah diamanahkan agar pencapaian maqasid syariah dapat direalisasikan dalam konteks pelaporan sesebuah institusi yang berlandaskan prinsip Islam.

Kategori C: Maklumat Wakaf

Selain pengurusan zakat, institusi berkaitan juga diamanahkan untuk memastikan pengurusan wakaf dapat dilaksanakan dengan baik, telus dan penuh tanggungjawab. Item pendedahan yang dicadangkan di bawah kategori ini (rujuk Lampiran 4) meliputi semua aspek pengurusan wakaf sama ada wakaf am atau wakaf khas dan wakaf tunai atau wakaf harta dari penerimaan wakaf, pengekalan 'ain wakaf, pembangunan/pelaburan harta wakaf serta pertukaran (istibdal) harta wakaf. Item pendedahan berkaitan wakaf ini penting agar institusi jelas dapat menunjukkan bahawa harta wakaf telah dipelihara dan diuruskan dengan baik selaras dengan pencapaian Maqasid Syariah khususnya dari aspek penjagaan harta dan seterusnya dari aspek penjagaan an-nasl khususnya dalam memelihara kelangsungan hidup waris atau keturunan pewakaf.

Kategori D: Maklumat Baitulmal

Selain wakaf dan zakat, sumber-sumber lain institusi berlandaskan Islam juga penting untuk diakaun dan dilaporkan dengan baik bagi kemaslahatan masyarakat keseluruhan khususnya umat Islam. Sumber-sumber ini juga menjadi pemangkin untuk pembangunan sosial dan ekonomi yang seterusnya dapat menegakkan dan memelihara agama Islam. Institusi yang telah diamanahkan untuk menguruskan sumber baitulmal ini perlu menunjukkan bahawa mereka telah menjalankan amanah dengan baik dan penuh rasa tanggungjawab. Justeru, pendedahan terperinci tentang pengurusan sumber baitulmal dicadangkan (rujuk Lampiran 4) agar institusi dapat menzahirkan akauntabilitinya dalam pengurusan sumber baitulmal selaras dengan Maqasid Syariah.

Kategori E: Penyata Kewangan

Paling penting dalam bahagian ini ialah pendedahan yang berasingan bagi setiap penyata kumpulan wang iaitu penyata kumpulan wang zakat, penyata kumpulan wang wakaf dan penyata kumpulan wang baitulmal. Cadangan pengasingan ini adalah selaras dengan konsep perakaunan dana (*fund accounting*) yang mana setiap dana atau kumpulan wang merupakan satu entiti yang berasingan. Ia juga selari dengan apa yang dicadangkan oleh *Statement of Recommended Practice* (SORP) bagi organisasi amal di UK dan Ireland Utara yang mengkehendaki setiap dana organisasi amal ini diakaun dan dilaporkan secara berasingan.

Adalah dicadangkan Penyata Kumpulan Wang Zakat perlu jelas menunjukkan amaun kutipan dan agihan zakat dalam tahun semasa selaras dengan tuntutan syariah bahawa semua kutipan zakat perlu diagihkan pada tahun yang sama kepada kumpulan asnaf yang telah disyariatkan. Walau bagaimanapun, dari segi amalan, boleh dikatakan semua institusi yang mentadbir zakat mempunyai amaun zakat yang belum diagihkan yang perlu jelas ditunjukkan dalam penyata kewangan. Amaun zakat belum agih ini akan menjadi liabiliti kepada institusi zakat selagi ia belum diagihkan sepenuhnya. Sebab utama terdapatnya amaun zakat yang tidak dapat diagihkan dalam sesuatu tahun antaranya adalah sebahagian zakat dikutip menjelang akhir tahun dan sebab lain adalah menjadi polisi institusi berkenaan untuk meninggalkan amaun baki kutipan zakat yang tertentu bagi menjelaskan komitmen yang akan dilaksanakan pada awal tahun berikutnya sementara zakat pada tahun tersebut dapat dikutip. Bagi wakaf, oleh kerana wakaf diterima dalam bentuk tunai dan hartanah dan harta wakaf boleh dibangun/dimajukan untuk menjanakan

hasil, satu set penyata kewangan lengkap bagi kumpulan wang wakaf adalah dicadang dilaporkan. Begitu juga dengan kumpulan wang baitulmal, satu set penyata kewangan lengkap dicadang perlu dilaporkan.

Selain penyata berasingan bagi setiap kumpulan wang, penyata kewangan bagi institusi induk iaitu MAIN juga perlu dilaporkan. Melalui pendedahan dalam penyata kewangan MAIN inilah maklumat kewangan yang disatukan dapat dijelaskan.

Kategori F: Maklumat Belanjawan

Pendedahan maklumat belanjawan adalah penting untuk mengetahui amaun hasil dan belanja yang telah dianggarkan. Dengan pendedahan maklumat ini, perbandingan dengan amaun sebenar dapat dibuat. Maklumat ini penting untuk menentukan sejauhmana institusi telah dapat memenuhi apa yang telah dianggarkan dan langkah-langkah pembaikan boleh dilakukan sekiranya didapati amaun sebenar tidak menepati seperti mana yang telah dianggar atau dibelanjawankan. Seterusnya, melalui pendedahan maklumat ini, kecekapan institusi dalam menguruskan operasinya khususnya dalam konteks kajian ini dari aspek pengurusan WZB dapat ditentukan. Cadangan pendedahan maklumat ini adalah selaras dengan peruntukan yang terdapat dalam Enakmen Negeri yang membenarkan amaun anggaran yang telah diluluskan disiarkan dalam warta iaitu dokumen yang boleh diakses oleh pihak awam. Pendedahan maklumat belanjawan ini juga selaras dengan keperluan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) 1 yang mengkehendaki penyata belanjawan atau maklumat belanjawan didedahkan disamping penyata kewangan yang lain.

6.2.2 Batasan Perundangan Sivil

Perbincangan mengenai batasan perundangan sivil berkaitan perakaunan khususnya pelaporan oleh institusi wakaf, zakat dan baitulmal adalah merujuk kepada peruntukan Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi di Malaysia, Akta Tatacara Kewangan 1957, Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 iaitu Akta 240 dan Pekeliling Perbendaharaan berkaitan Penyediaan Dan Pembentangan Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan (PA 3.1). Selain perundangan sivil yang dinyatakan ini, semakan juga dibuat ke atas garis panduan khusus untuk mengakaunkan WZB iaitu garis panduan yang bertajuk Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam Negeri (2003) dan Manual Pentadbiran dan Pengurusan Perakaunan Wakaf serta piawaian perakaunan yang digunapakai oleh Majlis pada masa kini iaitu *Private Entities Reporting Standards* (PERS)

yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawai Perakaunan Malaysia (*Malaysian Accounting Standards Board* - MASB).

Perlembagaan Persekutuan

Perkara 96 sehingga 112D Perlembagaan Persekutuan menerangkan bentuk dan cara pentadbiran kewangan Malaysia, manakala Jadual Ke-sepuluh Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan dengan terperinci mengenai jenis pemberian dan sumber hasil yang dibahagikan kepada negeri dan persekutuan. Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil dan wang yang diterima oleh sesebuah negeri akan dimasukkan ke dalam satu kumpulan wang yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Disatukan Negeri.⁴ Walau bagaimanapun, jika hasil itu didapati daripada Zakat, Fitrah, Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya, maka hasil itu hendaklah dibayar ke dalam suatu kumpulan wang yang berasingan dan kumpulan wang berasingan itu tidak boleh dibayar daripadanya kecuali di bawah kuasa undang-undang Negeri.⁵

Akta Tatacara Kewangan 1957

Peruntukan Perlembagaan Persekutuan mengenai kewangan kerajaan diperjelaskan lagi melalui Akta Tatacara Kewangan 1957 yang mengawal dan mengelola kewangan awam Malaysia. Akta ini memperuntukkan tatacara kewangan dan perakaunan, termasuklah dari segi pungutan, penjagaan serta pembayaran wang awam Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

Menurut Akta Tatacara Kewangan 1957, wang yang dibayar kepada Kumpulan Wang Disatukan Negeri adalah dianggap sebagai wang awam yang merupakan harta Negeri⁶ dan ia tertakluk kepada tatacara kewangan dan perakaunan yang dinyatakan di dalam Arahan Perbendaharaan. Walaubagaimanapun, Akta Tatacara Kewangan 1957 mendefinisikan ‘wang awam’ sebagai kesemua hasil, pinjaman, amanah, semua bon, debentur dan sekuriti lain yang didapati atau diterima daripada akaun Persekutuan atau akaun Negeri kecuali yang melibatkan Zakat, Fitrah, Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya.⁷ Ini bermakna sebarang hasil atau terimaan yang berkaitan dengan WZB adalah bukan sebahagian daripada wang awam. Justeru, wakaf, zakat dan sumber baitulmal tidak terikat dengan tatacara kewangan dan perakaunan yang diperuntukkan dalam Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan.

⁴ Perkara 97 (2) Perlembagaan Persekutuan.

⁵ Perkara 97(3) Perlembagaan Persekutuan.

⁶ Seksyen 8(2) Akta Tatacara Kewangan 1957.

⁷ Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957.

Walaupun secara umum peruntukan Akta Tatacara Kewangan 1957 tidak terpakai ke atas perakaunan WZB, terdapat institusi berkaitan yang menerima pakai tatacara kewangan dan perakaunan sepertimana diperuntukan dalam Arahan Perbendaharaan. Daripada lima negeri yang dibuat semakan terhadap perundangan sivil yang mendasari urusan kewangan dan perakaunan mereka, Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah adalah institusi yang dengan jelas dinyatakan terikat dengan peruntukan Arahan Perbendaharaan dalam pengurusan kewangannya.⁸

Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 - Akta 240

Akta 240 memperuntukkan badan berkanun sebagai sebuah pertubuhan yang diperbadankan mengikut undang-undang Persekutuan dan merupakan pihak berkuasa awam ataupun agensi kerajaan Malaysia, tetapi tidak termasuk pihak berkuasa tempatan atau badan korporat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965.⁹ Peruntukan Akta 240 terpakai kepada semua Badan Berkanun Persekutuan dan perlu dibaca bersama dengan peruntukan Akta yang memperbadankan sesebuah Badan Berkanun Persekutuan itu.¹⁰ Berbeza dengan Badan Berkanun Persekutuan, Badan Berkanun Negeri termasuk Majlis Agama Islam negeri (selepas ini dinyatakan sebagai Majlis) diperbadankan di bawah enakmen negeri masing-masing. Dalam konteks kajian ini, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) adalah merupakan badan berkanun persekutuan dan jelas tertakluk kepada Akta 240 ini. Akta 240 (Akaun dan Laporan Tahunan) ini antaranya menetapkan had masa tertentu bagi sebuah Badan Berkanun Persekutuan untuk menyediakan dan menyerahkan penyata akaun dan laporan tahunan untuk diaudit oleh Ketua Audit Negara yang kemudiannya akan dibentangkan di Parlimen.

Dalam konteks kajian ini, walaupun MAIWP jelas tertakluk kepada Akta 240 kerana merupakan badan berkanun persekutuan, terdapat juga Majlis dan agensi di bawahnya seperti Majlis Agama Islam Negeri Sembilan serta Perbadanan Baitulmal Negeri Sembilan, Majlis Agama Islam Melaka dan Majlis Agama Islam Johor turut terikat dengan peruntukan Akta 240 sungguhpun institusi-institusi berkenaan bukanlah Badan Berkanun Persekutuan. Hal ini kerana Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri berkenaan dengan jelas menyatakan bahawa peruntukan Akta 240 terpakai bagi Majlis berkenaan. Terdapat juga Majlis yang tidak lagi menerima pakai

⁸ Seksyen 24 (2) Enakmen Perbadanan Baitulmal 1998.

⁹ Seksyen 2 Akta 240.

¹⁰ Seksyen 3 Akta 240.

Akta 240 ini seperti Majlis Agama Islam Selangor selepas pindaan dibuat terhadap Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 pada 2011.¹¹

Daripada semakan yang dibuat ke atas perundangan sivil lima negeri, terdapat enakmen khas digubal yang terpakai kepada badan berkanun negeri seperti negeri Sabah, iaitu Enakmen Badan-Badan Berkanun (Peruntukan-peruntukan Tambahan) 1997. Mengikut Enakmen ini, MUIS sebagai badan berkanun negeri perlu menyediakan penyata akaun untuk diaudit serta disiarkan dalam Warta, di samping menerima pakai peruntukan-peruntukan Enakmen Badan-Badan Berkanun (Peruntukan-Peruntukan Tambahan) 1997.⁸ Selain itu, penyata akaun MUIS dan penyata akaun syarikat subsidiari perlu dihantar kepada Pihak Berkuasa Kewangan Negeri¹². Seterusnya penyata akaun yang telah diaudit bersama laporan aktiviti itu perlu diserahkan kepada Menteri dalam tempoh sebulan selepas penyata akaun teraudit diterima daripada Ketua Audit Negara.

Pekeliling Perbendaharaan Yang Berkaitan Penyediaan dan Pembentangan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan (PA 3.1)

Pekeliling Perbendaharaan ini menyediakan garis panduan mengenai perkara-perkara yang perlu didedahkan sebagai keperluan pendedahan minimum (*Minimum Disclosure Requirements*) di dalam laporan tahunan dan piawaian perakaunan yang perlu diterima pakai oleh Badan Berkanun Persekutuan dalam penyediaan Penyata Kewangan selaras dengan kehendak Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia. Pekeliling ini memperuntukkan maklumat yang perlu dilaporkan oleh sesebuah badan berkanun persekutuan termasuk penyata kewangan yang perlu disediakan, laporan pengerusi, laporan mengenai penggunaan geran yang diterima, analisis kewangan serta laporan prestasi perkhidmatan. Di samping itu, Pekeliling ini adalah untuk memastikan urusan mengemukakan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yang Telah Diaudit kepada Jemaah Menteri dan pembentangannya di Parlimen dapat dijalankan secara teratur serta dalam tempoh masa yang ditetapkan. Walaubagaimanapun, dalam konteks kajian ini, PA 3.1 ini hanya terpakai kepada MAIWP yang merupakan badan berkanun Persekutuan.

¹¹ Seksyen 85 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) [ENAKMEN A25].

¹² Seksyen 4 (3) Enakmen Badan-Badan Berkanun (Peruntukan-peruntukan Tambahan) 1997.

Garis panduan Bertajuk Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam Negeri (2003)

Garis panduan bertajuk Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam Negeri (2003) (selepas ini dinyatakan sebagai Amalan Terbaik) ini dirangka oleh Jabatan Audit Negara selaras dengan hukum syarak dan Arahan Perbendaharaan, dengan mengambilkira piawaian yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia yang bersesuaian. Ia dirangka dengan kerjasama semua Majlis Agama Islam Negeri, Perbendaharaan, Jabatan Akauntan Negara dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam Negeri (2003) ini meliputi bab-bab khusus termasuk bab tentang Tatacara Kewangan, Tatacara Perakaunan, Tatacara Zakat, Tatacara Wakaf dan Persembahan Penyata Kewangan.

Antara peruntukan yang terkandung dalam tatacara kewangan adalah Majlis pada setiap tahun hendaklah menyediakan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan. Anggaran tersebut hendaklah mengambil kira dasar Majlis dan strategi pengurusan bagi tahun belanjawan, langkah-langkah bagi meningkatkan pungutan hasil, tindakan-tindakan meningkatkan kecekapan perbelanjaan, dan arahan mengenai penyediaan anggaran bagi tahun yang berkenaan.

Dalam Tatacara Perakaunan, antara peruntukan yang dinyatakan adalah berkaitan wang yang diterima sebagai amanah atau wakaf khas bagi apa-apa maksud perlu diperakaunkan dalam satu akaun khas dalam Akaun Amanah atau Akaun Wakaf. Begitu juga dengan segala pungutan dan agihan wang zakat hendaklah diakaunkan dalam akaun Kumpulan Wang Zakat. Seterusnya, pada akhir setiap tahun kewangan, satu Penyata Kewangan (kutipan dan agihan) hendaklah disediakan, dan Penyata kewangan ini hendaklah disatukan dengan Penyata Kewangan Majlis. Bagi hal ehwal berkaitan wakaf, Tatacara Wakaf antaranya menetapkan Majlis boleh menerima wakaf bagi harta tak alih dan harta alih yang dibenarkan oleh Majlis di samping wakaf dalam bentuk saham. Untuk menguruskan wakaf, Majlis hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Wakaf. Selain itu, hasil atau keuntungan diperolehi daripada mana-mana harta atau penjualan harta wakaf hendaklah diakaunkan ke dalam Kumpulan Wang Wakaf dan mana-mana perbelanjaan berkaitan harta wakaf boleh dibayar daripada akaun wakaf yang berkaitan dengannya.

Dari segi persembahan penyata kewangan, tujuan garis panduan Amalan Terbaik ini adalah untuk penyeragaman pelaporan berdasarkan kesesuaian aktiviti Majlis, terutamanya urusan

zakat, fitrah dan harta wakaf dan tujuan meningkatkan akauntabiliti awam melalui penyediaan dan persembahan laporan kewangan, selain untuk memberi gambaran yang lebih jelas dan lengkap dalam mempersembahkan maklumat kewangan kepada pengguna penyata kewangan. Tatacara berkaitan penyata kewangan ini menetapkan penyediaan dan persembahan penyata kewangan Majlis hendaklah berdasarkan prinsip perakaunan yang diterima umum yang diguna pakai oleh Badan Berkanun Persekutuan, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Mengikut tatacara ini Majlis hendaklah menyediakan penyata kewangan sebaik tamat tempoh sesuatu tahun kewangan dan disediakan dengan lengkap dan diaudit tidak lewat dari 6 bulan dari tarikh tamat tempoh perakaunan sesuatu tahun.

Tatacara ini juga menyatakan Penyata kewangan hendaklah dibentangkan sekurang-kurangnya mengikut susunan berikut;

- a) Penyata Pengakuan Majlis
- b) Penyata Pengakuan oleh Pegawai Utama
- c) Laporan Juruaudit
- d) Kunci Kira-Kira Majlis
- e) Penyata Pendapatan Majlis
- f) Penyata Aliran tunai Majlis
- g) Nota kepada Penyata kewangan
- h) Nota penjelasan harta
- i) Penyata Kumpulan Wang Zakat dan Fitrah , Wakaf, dan lain-lain kumpulan wang
- j) Penyata lain yang difikirkan perlu

Tatacara ini jelas menetapkan Majlis perlu menyediakan penyata bagi setiap kumpulan wang utama berserta dengan contoh format setiap satunya. Penyata tersebut akan dipindahkan ke kumpulan wang terkumpul masing-masing di bahagian Ekuiti Majlis (Dibiayai Oleh) di dalam Kunci Kira-kira Majlis. Sekiranya Majlis mempunyai anak syarikat, Majlis perlu menyediakan penyata kewangan yang disatukan dengan syarikat subsidiari itu. Penyata kewangan yang disatukan ini dibuat tertakluk kepada piawaian yang ditetapkan oleh badan perakaunan profesional. Jika tidak disatukan, Majlis perlu menyatakan sebabnya dalam Nota Kepada Penyata Kewangan.

Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf

Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf (MPPW) ini adalah manual yang disediakan oleh Jabatan Wakaf, Zakat, dan Haji (JAWHAR) yang berfungsi antaranya untuk merancang dan menyelaraskan keperluan serta keseragaman sistem perundangan bagi pembangunan institusi wakaf. Dalam menjalankan fungsi ini, JAWHAR menyediakan dan menerbitkan manual ini untuk memperkukuh dan memperkemas pengurusan harta wakaf yang dilihat sebagai amalan terbaik (*best practices*) bagi pengurusan wakaf di Malaysia¹³.

Secara khusus, MPPW disediakan bagi membantu Majlis memperakaunkan harta dan pendapatan wakaf dengan lebih berkesan, mencapai keseragaman kaedah perakaunan dan persembahan penyata perakaunan di antara Majlis, sekaligus mempertingkatkan ketelusan pengurusan wakaf, serta menjadi rujukan utama dalam proses pengauditan penyata kewangan berkaitan wakaf. MPPW juga digunakan sebagai penambahbaikan terhadap Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam Negeri (2003) berkaitan wakaf, seperti Bab Tatacara Wakaf dan Bab Persembahan Penyata Kewangan.

Dengan adanya MPPW ini, prosedur perakaunan wakaf dapat diseragamkan dan dapat mencapai matlamat untuk menyediakan prosedur perakaunan wakaf yang menepati hukum syarak, memudahkan pengurusan dan pentadbiran harta wakaf di Majlis, meningkatkan prestasi pengurusan harta wakaf secara sistematik, dan mencerakinkan kekuatan sebenar sumber ekonomi umat Islam dalam bentuk harta wakaf bagi tujuan perancangan dan pembangunan strategik (dengan kata lain memanfaatkan sumber ekonomi umat Islam secara optimum). Jelasnya, Manual ini membantu Majlis sebagai pemegang amanah tunggal yang bertanggungjawab terhadap perakaunan wakaf untuk menyediakan laporan kewangan yang lebih telus.

Antaranya MPPW ini menyatakan prinsip-prinsip perakaunan Islam yang menjadi asas kepada prinsip perakaunan wakaf iaitu;

- a. Mencatat transaksi kewangan dengan adil, tepat dan amanah
- b. Pencatat mesti amanah, adil dan memiliki kemahiran serta mengetahui hukum fiqh

¹³ Sharifah Zubaidah Syed Abdul kader, Kerangka Undang-undang Pengurusan Wakaf di Malaysia : Ke Arah Keseragaman Undang-undang, Hlm 120, Jurnal Kanun 28 (1), Januari 2016.

- c. Mencatat dengan tepat, teratur dan tidak mengurangi hak sesiapa walaupun sedikit
- d. Mengadakan saksi dan keterangan yang menjelaskan transaksi (sesuatu yang menjelaskan kesahihan sesuatu transaksi)
- e. Sesuatu harta dinilai mengikut asas nilai semasa.

Manual ini juga menerangkan dasar-dasar perakaunan yang perlu diamalkan di dalam penyediaan Penyata Wang Wakaf. Umumnya, Penyata Kewangan Wakaf disediakan berpandukan dasar-dasar perakaunan konvensional sedia ada. Dasar Perakaunan Wakaf ini adalah diadaptasikan daripada *Financial Reporting Standard* (FRS) dengan penambahbaikan yang bersesuaian dengan prinsip-prinsip wakaf. Pemakaian dasar-dasar perakaunan wakaf ini adalah tertakluk kepada ketetapan hukum Syarak. Selain itu Manual ini menetapkan prinsip-prinsip perakaunan wakaf yang secara dasarnya menggunakan prinsip-prinsip perakaunan konvensional sedia ada yang disesuaikan dengan prinsip-prinsip wakaf seperti Prinsip Perakaunan Hasil, Prinsip Perakaunan Harta Wakaf, Prinsip Perakaunan Liabiliti, Prinsip Catatan Beregu dan Prinsip Perakaunan Istibdal.

Dari segi perakaunan, MPPW menetapkan kaedah perakaunan wakaf yang diadaptasi dari kaedah-kaedah perakaunan konvensional sedia ada dengan penambahbaikan bagi memenuhi kehendak Syarak. Manual ini menyentuh mengenai penilaian harta wakaf yang perlu diamalkan dalam merekodkan penerimaan, perolehan dan proses Istibdal harta wakaf. Selain itu, Manual ini juga menetapkan tentang Format Penyata Kewangan yang menggunakan format Penyata Kewangan Badan Berkanun dalam persembahan Penyata Kewangan Wakaf yang disediakan seperti yang termaktud dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri masing-masing kerana Majlis merupakan badan berkanun negeri. Seterusnya juga ditetapkan dalam Manual ini, Penyata Kewangan Wakaf yang mengandungi penyata Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perubahan Kumpulan Wang wakaf hendaklah diaudit dan dibentangkan.

Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian (Private Entities Reporting Standards – PERS)

Pada masa kajian ini dijalankan, PERS adalah piawaian perakaunan yang digunapakai oleh Institusi WZB dalam memperakaunkan wakaf, zakat dan sumber baitulmal. Piawaian Perakaunan ini secara umum menetapkan penyata kewangan yang perlu disediakan oleh entiti yang menggunakan piawaian ini serta objektif setiap penyata berkenaan, layanan perakaunan dan pendedahan.

Menurut PERS, objektif Penyata Pendapatan atau Penyata Prestasi Kewangan adalah untuk melapor prestasi ekonomi, samada untung atau rugi. Objektif Penyata Lembaran Imbangan atau Penyata Kedudukan Kewangan adalah untuk melaporkan kedudukan kewangan entiti dari segi aset, liabiliti dan ekuiti. Bagi Penyata Aliran Tunai, ia bertujuan bagi menunjukkan aliran masuk dan keluar tunai mengikut aktiviti entiti. Manakala Penyata Perubahan Ekuiti bertujuan untuk melaporkan pemilikan kekayaan yang diperolehi bagi pemegang saham. Dari segi layanan perakaunan dan pendedahan, jelas menunjukkan tiada peruntukkan dalam PERS yang dikhususkan bagi WZB.

Rumusan Batasan Perundangan Sivil

Boleh dirumuskan bahawa perundangan sivil utama iaitu Perlembagaan Persekutuan dan Akta Tatacara Kewangan 1957 tidak mengikat Institusi WZB dari segi kewangan dan perakaunan berkaitan wakaf, zakat dan sumber baitulmal. Ini adalah kerana mengikut perundangan sivil utama ini penerimaan berkaitan WZB bukan merupakan wang awam.

Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 didapati jelas mengikat badan berkanun persekutuan iaitu MAIWP dalam konteks kajian ini. Walau bagaimanapun terdapat juga Majlis bagi sebahagian negeri, mengikut Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri masing-masing yang menggunakan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 dalam mengakaunkan wakaf, zakat dan sumber baitulmal mereka. Walaupun, Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 ini menetapkan maklumat kewangan (termasuk penyata kewangan lengkap) dan maklumat bukan kewangan yang perlu didedahkan dalam laporan tahunan badan berkanun, tiada sebarang peruntukan khusus berkaitan kandungan dan persembahan pelaporan kewangan bagi WZB.

Oleh kerana terdapat batasan dalam perundangan sivil utama seperti yang dibincangkan di atas dalam memperakaun dan melaporkan WZB, garis panduan Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan dan Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf dijadikan panduan oleh Majlis. Walau bagaimanapun, batasan yang boleh dirumuskan daripadanya ialah piawaian perakaunan yang dirujuk oleh Garispanduan Amalan Terbaik ini adalah piawaian perakaunan konvensional iaitu piawaian perakaunan yang dikeluarkan oleh MASB. Antaranya mengikut Garispanduan ini, penerimaan daripada kutipan zakat diakaun dan didedahkan sebagai hasil dan baki Kumpulan Wang Zakat dan Kumpulan Wang Wakaf didedahkan sebagai Ekuiti dalam Penyata Lembaran Imbangan. Layanan perakaunan sebegini jelas menunjukkan ketidakpatuhan kepada syariah yang menyatakan bahawa penerimaan kutipan zakat adalah satu amanah dan tanggungan kepada institusi mentadbir untuk mengagihkannya kepada kumpulan asnaf dan bukan merupakan pendapatan atau ekuiti institusi mentadbir. Begitu juga dengan wakaf yang menjadi amanah dan tanggungan kepada institusi untuk mengurus dan mengakaun harta wakaf sebaik mungkin untuk manfaat wakif atau pemberi wakaf serta waris mereka. Selain itu jelas menunjukkan bahawa Garispanduan ini memfokuskan hanya kepada pendedahan maklumat kewangan sedangkan bagi tujuan akauntabiliti mengikut Kerangka Kerja Konseptual perakaunan Islam, maklumat yang didedahkan perlu komprehensif termasuk maklumat kewangan dan bukan kewangan.

Sebagai panduan khusus untuk tatacara perakaunan wakaf, Majlis telah disediakan dengan Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf. Antaranya Manual ini memperuntukkan pendedahan bagi Kumpulan Wang Wakaf yang perlu diasingkan kepada Wakaf Am dan Wakaf Khas, prinsip perakaunan wakaf serta kaedah perakaunannya, di samping garis panduan format bagi setiap penyata kewangan. Walaupun agak terperinci, masih terdapat tatacara perakaunan yang tidak menetapi keperluan syariah seperti baki kumpulan wang wakaf yang diakaun dan didedahkan sebagai ekuiti yang tidak menunjukkan amanah dan tanggungan institusi mentadbir kepada pewakaf dan warisnya. Selain itu, sepertimana Garis Panduan Amalan Terbaik, Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf juga hanya memfokuskan kepada pendedahan maklumat kewangan yang tidak mencukupi bagi mencapai tujuan pelaporan dalam perakaunan Islam iaitu tujuan akauntabiliti secara holistik kepada Allah SWT dan kepada masyarakat keseluruhannya.

Selain itu, perlu juga dirumuskan bahawa kedua-dua Garis Panduan Amalan Terbaik dan Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf ini tidak bersifat mengikat Majlis dan entiti di bawahnya memandangkan kedua-duanya tidak digubal oleh Parlimen ataupun Dewan Undangan Negeri. Sebaliknya, Jabatan Audit Negara yang merangka Garis Panduan Amalan Terbaik dan

JAWHAR yang menyediakan Manual berkenaan adalah merupakan institusi kerajaan di bawah cabang eksekutif yang sepatutnya melaksanakan undang-undang yang telah digubal oleh Parlimen atau Dewan Undangan Negeri.

Walaupun bagaimanapun, kedua-dua Garis Panduan dan Manual berkenaan boleh dikatakan bersifat sebagai perundangan subsidiari¹⁴ kerana jika rujukan dibuat kepada Item 7 (f), Senarai Persekutuan, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, Jabatan Audit Negara dan JAWHAR yang merupakan agensi Kerajaan Persekutuan mempunyai bidang kuasa untuk menggubal undang-undang berkaitan tatacara perakaunan seperti Amalan Terbaik dan Manual tersebut. Yang pentingnya sesebuah undang-undang subsidiari perlu selari dengan keperluan Akta Parlimen atau Enakmen Negeri.¹⁵ Oleh yang demikian, dapat difahami bahawa selagi mana kedua-duanya tidak bercanggah dengan peruntukan mana-mana Akta atau Enakmen, garis panduan Amalan Terbaik dan Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf boleh mengikat Majlis. Walau bagaimanapun dari segi amalan perakaunan dan pelaporan Majlis pada masa kini, walaupun terdapat garis panduan Amalan Terbaik, sesetengah negeri mengeluarkan garis panduan pengurusan kewangan Majlis negeri masing-masing seperti Johor dan Negeri Sembilan. Implikasinya, wujud ketidakseragaman dari segi perakaunan dan pendedahan dalam penyata kewangan antara satu Majlis dengan Majlis yang lain. Ini bermaksud, terdapat situasi di mana sesebuah Majlis tidak mengikuti sepenuhnya peruntukan garis panduan Amalan Terbaik dan Manual berkenaan. Situasi sebegini menjadi suatu batasan terhadap perundangan sivil berkaitan pelaporan kewangan Institusi WZB.

Semakan ke atas piawaian perakaunan dari perspektif objektif penyata kewangan, layanan perakaunan dan pendedahan pula boleh dirumuskan bahawa objektif penyata kewangan bagi Penyata Pendapatan, Penyata Lembaran Imbangan, Penyata Aliran Tunai, dan Penyata Perubahan Ekuiti masing-masing tidak selari dengan tujuan pelaporan bagi Wakaf, Zakat dan Baitulmal seperti dikehendaki Syariah. Penyata Lembaran Imbangan misalnya perlu menunjuk kedudukan kumpulan wang amanah dan obligasi kewangan institusi mentadbir WZB. Bagi Penyata Perubahan Ekuiti pula, jika mengikut tuntutan syariah, penyata tersebut hanya terpakai

¹⁴ Menurut seksyen 3 Akta Tafsiran 1948 & 1967 (Akta 388) yang terpakai bagi mentafsirkan Perlembagaan Persekutuan, “perundangan subsidiari” bermaksud apa-apa Perintah dalam Majlis Mesyuarat, proklamasi, kaedah, peraturan, perintah, pemberitahuan, undang-undang kecil (*by-law*) atau surat cara lain yang dibuat di bawah mana-mana Ordinan, Enakmen atau kuasa sah yang lain dan mempunyai kuat kuasa perundangan (*legislative effect*).

¹⁵ Seksyen 23(1) dan Seksyen 87(d) Akta Tafsiran 1948 & 1967 (Akta 388).

kepada sumber baitulmal sahaja dan tidak kepada zakat dan wakaf kerana baki kumpulan wang zakat dan wakaf bukan merupakan ekuiti kepada institusi yang mentadbirnya.

Dari segi batasan peruntukan piawaian perakaunan yang diguna pakai berkaitan layanan perakaunan, terdapat peruntukan yang didapati tidak menepati tuntutan syariah contohnya menurut definisi hasil yang dinyatakan dalam piawaian perakaunan ini, penerimaan kutipan zakat diakaunkan sebagai hasil sedangkan dari segi tuntutan syariah penerimaan kutipan zakat kecuali bahagian asnaf amil adalah amanah dan tanggungan yang perlu diselesaikan oleh institusi yang mentadbir. Selain itu baki kumpulan wang zakat tidak seharusnya direkod sebagai ekuiti kerana institusi zakat mempunyai obligasi kontrak untuk menyalurkan kepada pihak penerima zakat yang layak.

Semakan juga mendapati, terdapat pendedahan maklumat penting yang tidak diperuntukkan dalam piawaian perakaunan yang digunapakai iaitu pendedahan maklumat tentang fatwa yang signifikan yang boleh mempengaruhi perakaunan dan pelaporan Institusi WZB. Selain itu, piawaian perakaunan berkenaan juga tiada sebarang peruntukan khusus tentang penyata berkaitan WZB sedangkan mengikut tuntutan syariah penyata berasingan bagi kumpulan wang wakaf, kumpulan wang zakat dan kumpulan wang baitulmal perlu disediakan dan dilaporkan.

6.3 Ringkasan

Bab ini telah melapor dan membincangkan dapatan kajian bagi menjawab dua persoalan kajian berkaitan item-item pendedahan patuh syariah dalam pelaporan kewangan Institusi WZB serta berkaitan batasan perundangan sivil khususnya yang berkaitan pelaporan kewangan institusi berkenaan.

Hasil daripada lima langkah dalam proses pengenalanpastian item pendedahan yang menepati tuntutan syariah, senarai item pendedahan mengandungi 156 item pendedahan telah dicadangkan, yang meliputi maklumat kewangan dan maklumat bukan kewangan. Seterusnya bab ini melaporkan perundangan sivil utama, perundangan subsidiari (seperti garis panduan dan manual) serta piawaian perakaunan yang digunapakai oleh Institusi WZB pada masa kini mempunyai batasan dalam menepati tuntutan syariah dari segi perakaunan dan pelaporan WZB.

Justeru, adalah menjadi satu keperluan yang mendesak agar piawaian perakaunan khusus untuk Institusi WZB digubal dalam memperakaun dan melaporkan hal ehwal kewangan berkaitan WZB. Senarai item pendedahan patuh syariah yang dicadangkan dalam Bab ini boleh dijadikan garis panduan bagi menggubal piawaian perakaunan khusus bagi digunakan oleh Institusi WZB agar perakaunan dan pelaporan institusi berkenaan menepati tuntutan syariah.

BAB TUJUH

Cadangan Pembangunan Piawaian Perakaunan Patuh Syariah Bagi Wakaf, Zakat dan Baitulmal (WZB)

7.0. Pengenalan

Bab ini akan menjelaskan cadangan-cadangan bagi pembangunan piawaian perakaunan patuh syariah bagi mencapai Objektif Kajian Keempat dan menjawab persoalan kajian yang berkaitan dengan objektif ini. Secara khususnya, Objektif Kajian Keempat ialah “Membangunkan Piawaian Perakaunan Islam bagi WZB untuk digunapakai oleh Majlis Agama Islam Negeri (atau entiti yang diberikan kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri) yang memenuhi keperluan Syariah (Al-Quran, Sunnah, Ijma 'Ulama dan Qiyas) dan Perundangan Sivil berbanding MPSAS (MPSAS 1, 2, 3 dan 6) dan Persoalan Kajian yang berkaitan dengan objektif ini ialah “Apakah kandungan Piawaian Perakaunan Islam bagi WZB?”

Sehubungan dengan itu, Bab ini akan dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian Pertama akan menjelaskan cadangan-cadangan bagi pembangunan piawaian perakaunan patuh syariah secara umum manakala Bahagian Kedua pula akan menjelaskan cadangan-cadangan pembangunan piawaian perakaunan patuh syariah bagi Institusi WZB secara terperinci dengan mengemukakan cadangan-cadangan pindaan kepada MPSAS 1, 2, 3 dan 6 secara spesifik.

7.1 Bahagian Pertama: Cadangan Pembangunan Piawaian Perakaunan Patuh Syariah Secara Umum

7.1.1 Persembahan Penyata Kewangan

Kepenggunaan dan kesesuaian MPSAS 1 "Persembahan" pada WZB menimbulkan beberapa isu. Disebabkan oleh perbezaan sifat antara institusi berasaskan keuntungan dan organisasi yang tidak berasaskan keuntungan seperti WZB, beberapa pertimbangan muncul. Terdapat enam pertimbangan yang akan ditekankan di dalam kajian ini berkaitan MPSAS 1. Ia bermula dengan perbincangan mengenai perlunya Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan WZB, dan diikuti oleh pentingnya mempunyai tatanama (*nomenclatures*) yang sesuai. Kepentingan mempersembahkan maklumat dana dalam laporan berasingan; dan isu penggunaan pelbagai dana

akan dibincangkan seterusnya. Dua isu terakhir ialah tumpuan memperbaiki nota-nota tambahan dan pelbagai isu lain.

Keperluan Untuk Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Yang Sesuai

Isu pertama adalah merujuk kepada kerangka konsep asas. Oleh kerana MPSAS dibangunkan bagi kegunaan institusi-institusi sektor awam, ia menumpukan kepada menyediakan maklumat berguna bagi keputusan pengguna (misalnya, pembayar cukai, penggubal undang-undang, pemiutang, pembekal, media dan kakitangan). Begitu juga, kenyataan amalan yang disyorkan bagi badan amal (SORP 1.1) menyifatkan bahawa tujuan utama Laporan Tahunan Pemegang Amanah adalah untuk memastikan bahawa badan amal secara umumnya bertanggungjawab kepada pihak yang berkepentingan untuk pengawasan dan pengurusan dana yang dipegangnya dan membantu pengguna akaun untuk membuat keputusan ekonomi dan sosial berhubung dengan badan amal. Walau bagaimanapun, maklumat yang diperlukan oleh pengguna penyata kewangan Institusi WZB adalah lebih luas dari segi skop operasinya. Ini dapat dijelaskan melalui dwi-kebertanggungjawaban di mana penyedia penyata kewangan bertanggungjawab terlebih dahulu kepada Allah SWT dan kedua untuk pengguna lain. Di samping itu, pengguna juga berminat dengan maklumat yang disediakan di dalam penyata kewangan bukan sahaja dalam membuat keputusan ekonomi tetapi juga sebagai membuat keputusan yang bersifat keagamaan. Selain itu, ciri pihak berkepentingan dalam institusi sektor awam dan pihak yang berkepentingan dalam badan-badan amal adalah berbeza.

Konsep keuntungan dalam Institusi WZB adalah kurang relevan disebabkan oleh cirinya yang unik dan struktur yang berbeza berbanding dengan institusi-institusi korporat. Di dalam institusi amal, tiada lebihan ke atas jumlah pendapatan (keuntungan) yang boleh diagihkan. Di samping itu, definisi aset yang merupakan sumber-sumber yang dikawal oleh sebuah entiti yang disebabkan oleh peristiwa lepas dan daripada asset tersebut "manfaat ekonomi masa hadapan" dapat dibangunkan atau perkhidmatan berpotensi dijangka akan mengalir kepada entiti tidak boleh diguna pakai dalam operasi institusi-institusi kebajikan.

Kesesuaian Tatanama

Isu Tatanama pada awalnya difikirkan sebagai isu yang kecil. Walau bagaimanapun, berdasarkan pengalaman para penyelidik sendiri dan disokong oleh temubual-temubual menunjukkan bahawa isu ini layak ditonjolkan untuk mengurangkan salah faham dan untuk menghapuskan sebarang keraguan. Ini memenuhi objektif Islam untuk mengelakkan salah

tafsiran yang tidak perlu. Nabi Muhammad SAW berusaha untuk menghilangkan sebarang kemungkinan yang timbul daripada kesilapan interpretasi apabila timbul kesempatan. Dalam satu kejadian, di mana dua orang lelaki Ansari ternampak baginda dengan seorang wanita, Nabi Muhammad SAW dengan cepat memadamkan apa-apa keraguan yang mungkin terlintas di fikiran mereka dengan memaklumkan mereka bahawa wanita itu adalah isterinya; Safiyyah. Beliau berkata,

إن الشيطان يجري من ابن آدم مجري الدم وإنني خشيت أن يقذف في قلوبكما شراً أو قال: شيء

“Sesungguhnya syaitan menyusup kedalam diri manusia melalui aliran darah. Aku bimbang sekiranya syaitan itu menyusupkan kejahatan kedalam hati kamu berdua”¹.

Berdasarkan pada ini, untuk mengelakkan kesamaran yang boleh mengundang salah-tafsiran, terdapat keperluan untuk tatanama mempertimbangkan penggunaan istilah-istilah yang sesuai, tidak terlalu sempit dan tetap mengambilkira keperluan amalan perakaunan kontemporari. Tiga tahap isu tatanama akan ditelusuri di bawah mengikut turutan "umum kepada khusus".

Kejelasan Penggunaan Istilah “Baitul-Mal”

Dapatan kami menunjukkan bahawa istilah baitulmal digunakan sedikit berbeza pada MAIN yang berlainan. Di beberapa negeri, ia digunakan sebagai istilah payung yang merangkumi semua aktiviti yang berkaitan dengan kewangan berlaku di dalam MAIN. Ia biasanya diiktiraf sebagai sebahagian dari Jabatan atau sebahagian daripada MAIN. Di beberapa negeri lain, ia merujuk kepada aktiviti-aktiviti yang sangat spesifik seperti menjaga atau secara khusus bertujuan untuk menjaga wang kutipan zakat. Ini menunjukkan bahawa baitulmal merujuk kepada makna yang sangat spesifik. Al-Mawardi dan Yates (2005, ms.301) pula berpendapat kemungkinan baitulmal wujud semata-mata sebagai satu konsep yang abstrak (cth akaun) untuk menandakan tempat di mana kekayaan disimpan tanpa memerlukan kewujudan tempat yang hakiki sebenar seperti jabatan atau bahagian khas.

Temubual kami dengan pegawai-pegawai daripada beberapa negeri yang berlainan menunjukkan bahawa apabila istilah baitulmal disebut, ia mempunyai makna yang khusus bagi mereka di dalam lingkungan tempat kerja mereka sendiri. Walau bagaimanapun, apabila ia dijelaskan kepada mereka mengenai tujuan penyelidikan ini, maka wacana atau perbincangan menjadi

¹ Bukhari and Muslim

sedikit berbeza. Kebiasaannya, jawapannya adalah seperti "istilah ini hanya (menumpukan) kepada..." atau "apa yang saya maksudkan adalah..." menunjukkan bahawa baitulmal wujud hanya sebagai suatu konsep yang tidak mempunyai definisi khusus (seperti Jabatan atau Bahagian). Menurut Mawardi dan Yate (2005, ms.301), pemahaman seperti ini seolah-olah membawa kita kembali kepada maksud baitulmal zaman awal Islam - yakni merujuk pada "bidang kewangan; dan bukannya tempat yang tertentu". Justeru, terdapat keperluan untuk mendapat konsensus mengenai definisi baitulmal – sama ada definisi secara operasi dan juga bagi tujuan perakaunan/laporan.

Kejelasan Di Peringkat Penyata Kewangan

Pada tahap penyata kewangan, setiap penyata kewangan yang dibentangkan hendaklah menyediakan maklumat berdasarkan permintaan pengguna. Memandangkan jenis Institusi WZB memberi lebih manfaat kepada awam dan bukannya memaksimumkan keuntungan, penyata-penyata kewangan yang bersesuaian harus diutamakan untuk menghapuskan sebarang kesamaran. Penyata kewangan bagi institusi-institusi seperti WZB secara konsepnya haruslah menekankan pada akauntabiliti dan bukannya keuntungan (Osman & Hamdan, 2016; SORP, 2014).

Sebagai contoh, penggunaan Penyata Pendapatan Komprehensif (SOCI) yang diguna pakai oleh konvensional untuk membentangkan prestasi kewangan sesebuah entiti dalam tempoh perakaunan tertentu (MPSAS 1) mungkin tidak selaras dengan sifat WZB. Manakala SORP 2014 mencadangkan istilah "Penyata kewangan aktiviti" (SFA) (per SORP 4.1), oleh itu pihak berkuasa yang berkenaan mungkin mahu mempertimbangkan lain-lain *nomenclatures* yang sesuai dengan operasi dan aktiviti-aktiviti WZB. Bagi SORP, SFA membentangkan aliran bersih masuk dan aliran keluar sumber-sumber institusi. Melalui SFA, pengguna boleh menganalisa semua sumber masuk berdasarkan aktiviti-aktiviti yang menjana pendapatan tertentu. Ia juga menyediakan ukuran prestasi yang berbeza yang boleh didedahkan dalam Nota kepada penyata kewangan yang boleh digunakan oleh pengguna untuk menilai keberkesanan, kecekapan dan institusi ekonomi tersebut.

Kejelasan Di Peringkat Carta Akaun

Disebabkan oleh jenis aktiviti yang berbeza, item-item dalam carta akaun juga akan berbeza. Sebagai contoh, di SOCI konvensional, item-item yang dikemukakan mengikut jenis perbelanjaan, iaitu perbelanjaan jualan, perbelanjaan pemasaran, pendapatan sewa, gaji dan

lain-lain. Walau bagaimanapun, mungkin ada cara lain di mana aliran masuk dan aliran keluar boleh disampaikan. Dalam kes zakat, aliran keluar boleh dikemukakan berdasarkan pemberian kepada asnaf. Ia dapat ditunjukkan mengikut aktiviti yang dijalankan oleh WZB selagi ia menjelaskan sumber dan penggunaan dana WZB yang diterima – walaupun diselaraskan dengan objektif akauntabiliti. Bagi SORP, ia mengesyorkan persembahan berasaskan aktiviti. Sebagai contoh, pendapatan boleh dikategorikan kepada lima kategori berdasarkan Jadual berikut.

Jadual 7.1: Contoh Jenis-Jenis Pendapatan Bagi Organisasi Badan Amal

Klasifikasi mengikut aktiviti	Penerangan ringkas
Pendapatan dari derma, pusaka peninggalan	Merujuk kepada sumbangan sukarela yang diterima.
Pendapatan daripada aktiviti amal	Merujuk kepada pendapatan yang diterima melalui pembekalan barang-barang/perkhidmatan di bawah Perjanjian berkontrak.
Pendapatan daripada aktiviti perdagangan	Merujuk kepada pendapatan yang diperolehi daripada kedua-dua aktiviti perdagangan untuk mengumpul dana untuk kebajikan dan pendapatan dari aktiviti penjaan dana.
Pendapatan pelaburan	Merujuk kepada pendapatan yang diperolehi melalui pelaburan yang pelbagai.
Lain-lain pendapatan	Merujuk kepada semua pendapatan lain yang bukan daripada empat kategori yang dinyatakan di atas

Pembentangan berasaskan aktiviti mampu memberi maklumat berkaitan aktiviti-aktiviti WZB di mana ia menerima “derma” sama ada secara sukarela atau wajib, pendapatan daripada pelaburan dalam aset kewangan dan aset sebenar/fizikal, dan mana-mana aktiviti perdagangan. Dengan mengklasifikasikan pendapatan, pengguna boleh mengukur prestasi institusi tersebut berdasarkan pengkelasan yang disediakan.

Begitu juga, perbelanjaan juga dikategorikan secara aktiviti untuk menunjukkan bagaimana badan amal telah menggunakan sumber untuk mencapai matlamat kebajikan untuk manfaat awam (SORP 4.6). Perbelanjaan yang boleh dikelaskan kepada Perbelanjaan untuk mendapatkan dana (ditanggung untuk mengumpul dana bagi tujuan kebajikan), Perbelanjaan untuk aktiviti amal, Lain-lain perbelanjaan dan Untung/Rugi ke atas aset-aset pelaburan.

Berikutan prinsip “matching” di dalam perakaunan, terdapat beberapa pilihan di dalam memadankan perbelanjaan dan hasil seperti mengelaskan mereka kepada kos penjaan dana, kos aktiviti kebajikan dan kos pentadbiran. Kos penjaan dana merujuk kepada komisyen yang

diberikan kepada ejen tersebut dalam menjana dana. Akaun perbelanjaan ini boleh dipadankan kepada tabung yang dibangunkan oleh Institusi WZB – selagi mana ia boleh diguna pakai dan dibenarkan. Kos aktiviti amal merujuk kepada amaun yang dibelanjakan kepada penerima manfaat. Akhir sekali, kos pentadbiran merujuk kepada kos operasi mengurus WZB. Dengan menganalisis kategori perbelanjaan yang berbeza, pengguna maklumat boleh menyesuaikan perbelanjaan berkaitan hasil atau akaun pendapatan.

Kejelasan juga boleh dipertingkatkan melalui jelas maklumat yang disediakan dalam lembaran imbalan. Mengambil kira objektif yang berbeza di WZB, aset dalam lembaran imbalan boleh juga boleh dikelaskan kepada aset berfungsi dan bukan fungsi. Aset berfungsi adalah aset-aset yang digunakan untuk tujuan amal seperti masjid-masjid yang digunakan untuk aktiviti kemasyarakatan seperti solat berjemaah dan sebagainya. Manakala aset-aset bukan fungsi adalah seperti pelaburan dana Wakaf tersebut. Dalam hubungan ini juga, istilah "Dana" dikira lebih sesuai digunakan berbanding ekuiti. Ini, berdasarkan hujah yang akan dibentangkan di bawah, membawa kita ke tajuk perbincangan mengenai kesesuaian penggunaan perakaunan dana sebagai asas bagi perakaunan dan laporan untuk WZB.

Penzahiran Pengasingan Akaun Dalam Pelaporan

Entiti biasa perniagaan mungkin tidak memerlukan kepelbagaian jenis dana untuk membiayai aktiviti-aktivitinya. Oleh itu kewujudan akaun modal ekuiti sahaja (di bahagian kredit Lembaran Imbalan) sudah mencukupi. Namun bagi entiti bukan berasaskan keuntungan seperti WZB, jenis dana mungkin lebih daripada satu. Ini kerana terdapat dana yang khusus tujuannya, dan terdapat juga yang bertujuan umum. Terdapat juga dana yang mana penggunaannya telah ditentukan secara terhad. Disebabkan perbezaan ini, literatur kadang-kadang membezakan antara organisasi bukan berasaskan keuntungan (NPO) dan bukan untuk keuntungan (NFPO). Operasi dan aktiviti NPO adalah sepenuhnya bukan untuk keuntungan manakala bagi NFPO, ia mungkin terlibat dalam aktiviti-aktiviti komersial yang menjurus keuntungan. Walau bagaimanapun, penubuhan NFPO masih lagi bukan bertujuan untuk membuat keuntungan. Apa jua keuntungan akan disalurkan kembali untuk menanggung kos operasi atau/dan diagihkan semula kembali masyarakat atau golongan pihak yang layak.

Isu kesukaran dalam mengenalpasti apakah item kepunyaan WZB juga mesti ditangani. Dalam perkara ini, disarankan MAIN agar menggunakan beberapa bentuk klasifikasi yang berasingan misalnya, pelaporan kolumnar. Qaradawi, Kahf dan Siddiqui (2011, ms. 507) menyatakan

keperluan pengasingan bagi hal ehwal pengurusan zakat dari aset-aset lain walaupun ianya masih di bawah pengawasan pemerintah. Begitu juga, Aby Ubayd dalam Kitab al-Amwal (dipetik dalam Suharto, 2005, ms. 84 dan 170) menekankan tentang kepentingan memisahkan hasil awam antara hasil fay, khums, kharaj dan zakat. Menggunakan hujah Abu Ubayd, Suharto (2005, ms. 170) mengatakan bahawa dana zakat perlu “disimpan berasingan daripada fay', atau kharaj dan tidak boleh dicampurkan dengannya”. Ini berdasarkan teks,

فان مال الصدقة لا ينبغي ان يدخل في مال الخراج

Walau bagaimanapun, perlu diingat bahawa hujah yang dikemukakan oleh Qaradawi et al. (2011), Abu Ubayd (dalam Suharto, 2005) dan Mawardi & Yate (2005) perlu ditafsir secara teliti. Ini kerana kesimpulan mereka adalah berkaitan (i) zakat sahaja (hasil lain yang sudah tidak ada pada zaman sekarang); dan (ii) mereka tidak secara khusus berhujah tentang keperluan laporan berasingan – walaupun mereka memberikan tentang kepentingan pengurusan berasingan. Walau bagaimanapun, tiada sebab (i) untuk tidak memasukkan sekali hasil wakaf dan baitulmal dalam isu pengasingan; dan (ii) untuk tidak membuat pelaporan berasingan kerana ianya adalah kesinambungan semulajadi bagi pengurusan berasingan. Pengamatan amalan di zaman Abbasiyyah boleh memberikan beberapa petunjuk. Pertama memang terdapat sebuah jabatan yang khusus (atau lebih dikenali sebagai diwan) mengurus hal ehwal wakaf; dan (ii) apa jua jabatan baru boleh diwujudkan jika timbul keperluan (Elitas et al., 2008, p.30). Terdapat juga bukti yang menjurus pada amalan perekodan berasingan walaupun ianya tidak membawa kepada pelaporan.

Ini memerlukan penggunaan perakaunan dana. Secara umum, dana-dana boleh dikategorikan kepada Terhad, Tidak terhad dan Pendapatan Endowmen. Pengkelasan ketiga-tiganya boleh dipecahkan lagi bergantung kepada keperluan yang ditentukan oleh badan urus selia seperti pemegang amanah. Kemungkinan wujudnya pelbagai jenis dana dengan tujuan berbeza membuatkan pelaporan kolumnar sebagai satu mekanisma mudah dan jelas dalam menjelaskan isu-isu pelaporan. Cara pelaporan, bagaimanapun mungkin berbeza. Ianya mungkin boleh dilaporkan dalam penyata kewangan utama. Ataupun pilihan lain, analisis yang lebih terperinci iaitu butiran bagi setiap satu daripada dana tersebut boleh disediakan dalam Nota. Sebagai contoh, SORP perenggan 2.29 mencadangkan bahawa, apabila Lembaran Imbangan disediakan secara kolumnar, Lembaran Imbangan tersebut perlulah mempamerkan butiran dana yang

berasingan secara jelas di mana ia dapat membezakan antara yang ‘Terhad’, ‘Tidak Terhad’ dan ‘*Endowment*’. Mungkin juga perincian yang lebih diperlukan bagi ketiga-tiga dana tersebut. Jika ketiga-tiga dana itu dipamerkan di muka utama penyata kewangan, perinciannya mungkin boleh diletakkan di Nota Akaun. SORP juga memberi pilihan lain dalam mempamerkan pelaporan kolumnar seperti pelaporan berdasarkan servis yang diberi, atau berdasarkan program atau aktiviti; atau berasaskan tujuan dan matlamat.

Begitu juga pengunapakaian dalam penyata pendapatan (atau yang setara dengannya). SORP perenggan 2.14 mensyaratkan tentang keupayaan dalam mengenalpasti rekod-rekod perakaunan secara berasingan bagi setiap dana. Ini termasuklah pendapatan yang diterima dan perbelanjaan yang dibuat daripada setiap dana individu. WZB boleh mengambil iktibar dari amalan-amalan ini dan menerima pakai mana-mana amalan yang bersesuaian.

Mengukuhkan Maklumat Tambahan

Nota-nota akaun dalam MPSAS 1 menyerlahkan antara lain ringkasan dasar-dasar penting dan perkara-perkara lain. Ia juga menyediakan satu huraian naratif dan butiran terperinci bagi item yang tidak dapat ditangani secara berkesan dalam penyata kewangan utama. MPSAS 1 perenggan 25 menggalakkan entiti untuk memberikan maklumat tambahan untuk membantu pengguna dalam menilai prestasi entiti, pengawasan aset, serta membuat dan menilai tentang keberkesanan penggunaan sumber. Ini termasuklah maklumat tentang keluaran dan hasil, petunjuk prestasi, penyata prestasi perkhidmatan, program dan laporan-laporan lain. Entiti juga digalakkan untuk mendedahkan maklumat mengenai pematuhan terhadap undang-undang, atau peraturan-peraturan lain yang berkaitan. Ia juga mengandungi asas di mana akaun-akaun telah disediakan. Perkara ini adalah terpakai bagi institusi separa awam seperti WZB di Malaysia. Pada peringkat awal, walau bagaimanapun, peningkatan secara perlahan boleh diperkenalkan supaya tidak merumitkan pihak penyedia akaun.

Walaupun amalan pendedahan semasa oleh WZB dirasakan bersesuaian, penggunaan secara lebih berkesan pada Nota Akaun perlu diperkukuhkan dengan mengambil kira setiap WZB. Maklumat kewangan semata-mata tidak dapat memenuhi perlaksanaan akauntabiliti bagi pemegang amanah/mutawalli. Laporan tambahan (seperti laporan para pemegang amanah dan laporan mutawalli) sangat diperlukan bagi mendedahkan maklumat seperti struktur, tadbir urus dan cara aturan pengurusan yang digunakan. Laporan ini mengandungi kajian struktur WZB, objektif, aktiviti dan prestasi – secara berasingan ataupun secara kolektif. Ini memberi maklumat

kepada pengguna sama ada institusi telah mencapai objektif-objektif yang dikehendaki. Ia juga mengandungi struktur tadbir urus dan struktur pengurusan.

Pendedahan tambahan juga boleh merangkumi keperluan memenuhi indikator Maqasid al-Syariah. Oleh itu, satu bentuk kenyataan perlulah dibuat yang menyatakan bahawa penyediaan penyata kewangan telah mengambilkira Maqasid al-Syariah berkaitan dengan pelaporan/pendedahan. Di samping itu, bagi wakaf khas dan beberapa sumbangan tertentu, mungkin terdapat pendedahan berkaitan cara bagaimana waqif/penderma mahukan dermaan mereka dilaksanakan. Sebagai contoh, AAOIFI SS 33 menetapkan bahawa hasrat waqif mesti dipenuhi selagi ianya tidak melanggar hukum Syariah. Oleh itu, adalah disyorkan supaya niat waqif didedahkan dalam Nota untuk memaklumkan pengguna bahawa ianya selaras dengan syariah. Alasan mengapa niat penderma tidak/belum tercapai juga boleh didedahkan dalam Nota. Garis panduan AAOIFI juga menggalakkan pendedahan maklumat hartanah wakaf, pelaburan yang mandub (samar-samar/ragu) atau apa-apa transaksi yang tidak patuh syariah. Begitu juga aktiviti, perkhidmatan, dan peratusan keuntungan daripada aktiviti yang berunsur haram termasuk urusan riba dan ragu yang di luar kawalan perlu juga didedahkan. Institusi juga perlu mendedahkan bagaimana urusan ini dikendalikan.

Menangani Penggunaan Pelbagai Dana

Isu berkaitan kerumitan penggunaan dana seperti mendanai sesebuah projek dengan menggunakan dana daripada kategori yang berbeza juga mesti diberi perhatian. Sebagai contoh, satu projek yang dikatakan projek wakaf dilaksanakan melalui pendanaan-silang dari dana zakat atau/dan dana baitulmal lain. Ini memerlukan olahan perakaunan yang secara jelas menunjukkan aliran dana dan sama ada satu-satu dana dibenarkan untuk digunakan untuk tujuan projek lain. Perkara sebaliknya juga boleh berlaku iaitu sama ada projek tersebut dibenarkan untuk menerima bantuan/wang dari dana lain. Jika kita bersetuju bahawa amalan ini dibenarkan, perekodan dan pelaporan perlulah dijalankan dengan jelas bagi menunjukkan pemindahan dana telah berlaku. Satu penyata seiras penyata ekuiti boleh digunakan untuk menangani isu ini. Harus ada penjelasan berkaitan pemindahan antara satu dana ke dana yang lain. Kenyataan tambahan - seperti sebab terjadinya pemindahan dan had masa yang diberikan untuk membayar balik (jika berkenaan) - boleh dicadangkan. Perkara ini hampir serupa dengan SORP para 2.6 di mana dana tidak terhad boleh digunakan oleh pemegang amanah bagi tujuan aktiviti atau projek tertentu. Sementara itu, SORP para 2.7 juga menunjukkan bahawa pemegang amanah boleh memperuntukkan sebahagian dana tidak terhad untuk komitmen projek masa depan. Begitu juga,

dalam SORP para 2.9, jika penderma menyatakan hasrat *non-binding* tentang penggunaan dana, dana itu boleh diklasifikasikan sebagai dana tidak terhad. Bagaimanapun, ini terpulang kepada budi bicara pemegang amanah dalam menetapkan kesesuaian penubuhan dana tidak terhad supaya ia dapat mencerminkan niat asal penderma. Dalam konteks WZB, terutamanya di Malaysia, ini bergantung sebahagian besarnya kepada ulama syariah. Namun, kajian susulan khusus mengenai perkara ini perlu dijalankan. Isu-isu seperti keharusan menggunakan wang zakat untuk membiayai aktiviti berkaitan wakaf; keupayaan dan kuasa pemegang amanah dalam memperuntukkan sebahagian daripada dana zakat untuk komitmen projek masa depan; dan asas sekatan; adalah antara isu berkaitan yang memerlukan penjelasan lanjut. Kita boleh mempelajari daripada AAIOFI terutama didalam SS 33 yang menyatakan secara terperinci situasi yang membenarkan penggunaan. Syarat-syarat juga boleh ditetapkan secara lisan atau bertulis. Walau bagaimanapun, dalam hal keadaan di mana syarat-syarat tidak dapat dipenuhi, pemegang amanah tidak boleh membuat tentuan pada dana tidak terhad kerana ia tidak mencerminkan niat penderma.

Isu-Isu lain

Keterlibatan MAIN Dalam Aktiviti Perdagangan/Pembelian Instrumen Kewangan

Sebagai entiti yang bertanggungjawab dalam hal ehwal WZB, aktiviti-aktiviti mereka juga sering mengundang kritikan. Ini kerana ianya diuruskan dengan menggunakan dana awam. Oleh itu, apa juga aktiviti sensitif boleh ditafsirkan sebagai membazir walaupun hakikatnya tidak, boleh memberi ruang kepada mereka yang suka mengkritik. Oleh itu, keterlibatan dalam perkara seperti perdagangan sekuriti perlu dijelaskan secara tuntas menelusuri konsep keutamaan dalam Islam (sebagai contoh perkara Fiqh Awlawiyyat). Oleh kerana sebahagian dana ini adalah bertujuan untuk memberikan manfaat kepada mereka yang memerlukan; pihak berkuasa berkaitan perlu mempertimbangkan kesesuaian aktiviti seperti pembelian sekuriti instrumen kewangan – dari segi bila ia perlu dibuat, di mana perlu dilaburkan dan apakah situasi yang membolehkan keadaan ini dibenarkan. Inilah kepentingannya mengapa pendedahan diperlukan; lebih-lebih lagi bagi aktiviti yang cenderung untuk dikritik. Laporan dan pendedahan ini akan menunjukkan akauntabiliti WZB sekaligus mengurangkan kebimbangan yang mengatakan bahawa aktiviti-aktiviti ini dijalankan mengikut prinsip-prinsip Islam dan dana ini tidak disalahgunakan. Cara bagaimana aktiviti-aktiviti dapat memberi manfaat kepada masyarakat perlulah juga dipaparkan dan dinyatakan dengan jelas.

Sebagai maklumat sampingan, pihak berkuasa dan orang ramai juga mungkin ingin mengetahui tentang apakah bank yang berurusan dengan WZB. Ini bagi tujuan menenangkan orang ramai bahawa aktivitinya termasuk deposit/pelaburan tunai adalah bebas daripada riba (faedah) dan gharar (tidak jelas).

Tumpuan Yang Lebih Dalam Melaporkan Kos Pentadbiran

Isu kos pentadbiran juga mesti diberi tumpuan. Berdasarkan analisis kandungan penyata kewangan utama MAIN, terdapat situasi di mana sebahagian kos pentadbiran ditanggung oleh kerajaan dalam bentuk subsidi. Ini dibuktikan dengan kewujudan Kumpulan Wang khusus bagi perkara pentadbiran. Biasanya, pendedahan kos pentadbiran adalah sangat terhad dan terkadang juga ianya hanya dibentangkan sebagai satu *line item* yang umum. Mengambil zakat sebagai contoh, ketepatan dan kejelasan adalah amat penting bagi sarjana Islam seperti al-Mawardi dan Abu Ubayd (Mawardi & Yate, 2005; Suharto, 2005) agar dapat mengelakkan penyalagunaan dana. Dicadangkan supaya kos tersebut didedahkan dengan sempurna. Walaupun tahap pendedahan mungkin berbeza bagi setiap jenis sumber (WZB); dan tidak terdapat dalil yang tuntas berkaitan kewajipan pendedahan, konsep akauntabiliti sebagai asas kepada laporan dalam Institusi WZB boleh digunakan sebagai hujah tentang pentingnya pendedahan yang mencukupi. Pendedahan ini akan membolehkan pengguna mengukur prestasi sebenar sesebuah institusi.

7.1.2 Penyata Aliran Tunai

Tujuan utama Penyata Aliran Tunai adalah untuk menyediakan maklumat mengenai bagaimana sebuah entiti menggunakan tunai yang diamanahkan atau dihasilkan dari aktiviti-aktivitinya. MPSAS 2 (Seksyen 27) membenarkan penggunaan sama ada kaedah langsung atau tidak langsung dalam laporan kedudukan aliran tunai. Walau bagaimanapun, ia mengesyorkan kaedah langsung kerana ia menyediakan maklumat tambahan bagi menganggar aliran tunai masa hadapan. Antara maklumat penting yang dilaporkan di bawah kaedah langsung yang berkaitan dengan kajian ini ialah wang tunai terkumpul daripada penderma/penyumbang, tunai yang dibayar kepada pembekal-pembekal dan tunai yang dibayar kepada pekerja. Maklumat ini, bagaimanapun, mungkin agak sukar untuk didapati bagi syarikat-syarikat kecil atau sederhana atau badan-badan. Ini adalah antara punca kenapa penyata aliran tunai bagi entiti sebegini menggunakan kaedah tidak langsung. MPERS dan SORP tidak menyatakan sebarang pendirian berkaitan pendekatan dalam pelaporan kedudukan aliran tunai. Ini mungkin berpunca dari sebab-sebab praktikal.

Berhubung dengan laporan aliran tunai pelaburan dan pembiayaan aktiviti (Seksyen 31, 32 & 35), rangka laporan seperti yang dicadangkan oleh SORP (Modul 2) mengenai perakaunan dana mungkin boleh diambilkira dalam menangani aspek akauntabiliti dan ketelusan. Perakaunan dana membezakan dana berdasarkan objektif dan jenis dana. Sebagai contoh, ia membezakan antara dana yang terhad dan tidak terhad. Dana terhad hanya boleh digunakan bagi maksud kebajikan khusus manakala dana tidak terhad boleh digunakan untuk sebarang tujuan amal kebajikan. Rangka kerja laporan ini didapati amat relevan dalam konteks pelaporan WZB kerana setiap satu dana ini berbeza dari segi objektif, sifat dan penerima manfaat. Berdasarkan temu bual dengan pegawai-pegawai kewangan/akauntan MAIN, perakaunan dana sebenarnya telah pun wujud di dalam entiti-entiti tersebut. Walau bagaimanapun, amalan pelaporan semasa mentakrifkan MAIN sebagai entiti pelaporan yang mana semua jenis dana dilaporkan sebagai satu entiti di bawah bidang kuasanya. Oleh itu penyata aliran tunai yang dilaporkan mewakili MAIN sebagai satu entiti.

Pendedahan berasingan bagi aliran tunai daripada faedah dan dividen atau sebarang pengagihan yang serupa yang diterima dan dibayar (Seksyen 40) juga perlu mengambil kira pendapatan berasaskan Syariah seperti hibah dan keuntungan yang diterima daripada deposit dan pelaburan yang berlandaskan Syariah. Sementara itu, bagi aliran tunai yang terhasil daripada cukai lebihan bersih (Seksyen 44), MAIWP dan MUIP melaporkan perkara ini kerana mereka mempunyai anak-anak syarikat yang beroperasi di bawah Akta Syarikat 1965 dan oleh itu dikenakan cukai. Bagi tahun kewangan berakhir 2014, penelitian kami terhadap penyata kewangan dan juga temu bual dengan pegawai-pegawai, MAIDAM dan MAIK mendapati bahawa mereka tidak mempunyai sebarang anak syarikat atau lain-lain entiti korporat yang tertakluk kepada cukai. Kedua-dua entiti ini juga tidak terlibat dalam apa-apa perolehan atau pelupusan entiti-entiti kawalan.

Cadangan-Cadangan.

- Cadangan yang terlihat lebih radikal adalah untuk mempertimbangkan dana wakaf, zakat dan baitulmal sebagai satu entiti pelaporan yang berasingan. Oleh itu, setiap dana akan melaporkan penyata aliran tunai masing-masing. Cadangan ini adalah berdasarkan SORP FRS 102, yang menyarankan penggunaan perakaunan dana untuk dana yang ditubuhkan dibawah objektif dan penerima manfaat yang berbeza (Modul 2).
- Istilah faedah/interest hendaklah dihapuskan dari piawaian selaras dengan semangat syariah.

- Secara amnya, lebih banyak pendedahan dalam Nota Akaun diperlukan untuk meningkatkan ketelusan dan dengan itu meningkatkan akauntabiliti. Sebagai contoh urusan pembiayaan untuk penyelenggaraan atau penukaran aset wakaf (diadaptasi daripada SORP FRS 102).

7.1.3 Polisi Perakaunan, Perubahan Pada Anggaran dan Kesilapan.

Berdasarkan Bab 4, kita dapati bahawa MAIN tidak mematuhi MPSAS 3. Ini akan melemahkan kualiti laporan seperti amalan perakaunan dan pendedahan bagi pelarasan tempoh sebelumnya. Perkara ini hendaklah dibuat dengan tepat kerana ia melibatkan jumlah wang yang besar seperti yang tertera di dalam penyata kewangan MAIN dimana angka tertinggi bagi pelarasan adalah sebanyak RM54 berjuta bagi tahun berakhir 2014. Ini bersamaan dengan 13% dari aset bersih MAIN tersebut. Pelarasan hendaklah dinyatakan dengan jelas sama ada ia berkaitan dengan perubahan dalam anggaran perakaunan, perubahan dalam dasar perakaunan atau pembetulan kesilapan bagi tempoh terlebih dahulu. Semua ini memerlukan pendedahan yang mencukupi sebagaimana yang disarankan di dalam MPSAS 3. Ini termasuklah kesan pelarasan terhadap aset, liabiliti dan ekuiti MAIN.

Dengan analisis di atas, MPSAS 3 harus digunapakai buat Institusi WZB. Ketidakteraturan layanan perakaunan dan amalan pendedahan oleh MAIN adalah disebabkan tidak menggunakan piawaian perakaunan yang relevan seperti MPSAS 3. MPSAS 3 boleh bertindak sebagai panduan bagi amalan pendedahan berkaitan pelarasan. Ketiadaan piawaian serta ketidakpatuhan pada piawaian seperti MPSAS 3 akan mendedahkan institusi kepada kemungkinan pelaporan kewangan yang berkualiti rendah.

7.1.4 Penyata Kewangan Disatukan dan Penyata Kewangan Berasingan

Merujuk kepada kesesuaian MPSAS 6 di dalam menangani isu perakaunan berkaitan WZB, perkara-perkara berikut perlu diambilkira di dalam membangunkan piawaian perakaunan untuk WZB.

Definisi Entiti Perakaunan

Dari segi definisi entiti perakaunan, kami merasakan definisi entiti perakaunan di dalam MPSAS 6 boleh digunakan memandangkan kedua-dua entiti berorientasikan komersial dan entiti berorientasikan sosial boleh dimasukkan di dalam aktiviti kumpulan. Di dalam operasi semasa MAIN, kedua-dua anak syarikat berorientasi komersil dan entiti berorientasikan sosial wujud.

Kami mendapati melalui analisis kajian dan temubual, bahawa kewujudan kedua-dua jenis entiti telah menjadi kebiasaan di dalam operasi MAIN.

Klasifikasi Dana

Dari segi klasifikasi operasi entiti berorientasikan sosial, kami mengesyorkan penggunaan perakaunan dana seperti yang dicadangkan oleh SORP untuk mengelaskan dana yang berbeza dalam operasi MAIN. Pada masa ini, cadangan kami adalah meliputi ketiga-tiga dana utama di dalam operasi MAIN, iaitu WZB sebagai klasifikasi mandatori. Justeru itu, MAIN apabila menyediakan penyata-penyata kewangan yang disatukan, mereka perlu mempunyai tiga klasifikasi dana ini. Kategori lain-lain dana seperti Rahn, Takmir Masjid, dan sebagainya boleh diklasifikasikan sebagai klasifikasi secara sukarela.

Pemansuhan Transaksi Antara Entiti

MPSAS 6 mengkehendaki penghapusan penuh untuk urusan antara entiti dalam penyediaan penyata kewangan disatukan. Kami percaya ada dua pilihan di sini. Jika satu set lengkap penyata kewangan disediakan bagi tabung berasingan dan dinyatakan sebagai nota-nota kepada penyata kewangan yang disatukan, maka keperluan penghapusan penuh transaksi antara entiti adalah munasabah. Walau bagaimanapun, jika satu set lengkap penyata kewangan bagi dana yang berasingan tidak disediakan, kami percaya penghapusan penuh akan menyembunyikan maklumat penting bagi dana yang berasingan di dalam penyata kewangan yang disatukan.

SORP 24.25 juga menghendaki proses pemansuhan di dalam penyediaan penyata kewangan disatukan oleh organisasi amal. Ia juga menghendaki proses penyatuan dijalankan secara “baris demi baris”. Walaubagaimanapun, Seksyen 24.26 memberikan pengecualian terhadap Seksyen 24.25. Seksyen 24.26 menyatakan bahawa dana amal di dalam entiti pengawal bercirikan kebajikan dan subsidiari amal tidak boleh disatukan di atas dasar “baris demi baris”, mengambilkira kemungkinan terdapat perbezaan di dalam objektif dana amal tersebut. Kami beranggapan kenyataan ini adalah sangat bertepatan dengan aktiviti di MAIN memandangkan dana wakaf dan zakat mempunyai objektifnya yang tersendiri. Oleh itu, baki dana amal Wakaf dan Zakat tidak sepatutnya disatukan di atas dasar “baris demi baris” di dalam penyata kewangan disatukan.

Secara idealnya, penyediaan penyata kewangan disatukan sepatutnya dilakukan di atas dasar kolumnar supaya ia dapat membezakan objektif dana-dana amal yang berbeza, seperti dana

WZB yang ditadbir oleh MAIN. Proses pemansuhan di dalam penyediaan penyata kewangan disatukan adalah terpakai hanya untuk baki dan transaksi di antara entiti pengawal bercirikan kebajikan dan subsidiari bukan amal. Walaubagaimanapun, untuk baki dan transaksi di antara entiti pengawal bercirikan kebajikan dan subsidiari amal, proses pemansuhan adalah tidak terpakai. Cadangan ini adalah berdasarkan cadangan yang diberikan oleh Seksyen 2, SORP.

Keperluan Pendedahan

Dari segi keperluan pendedahan, keperluan semasa di dalam MPSAS 6 adalah berkaitan dan boleh digunapakai.

Maklumat yang didedahkan dalam penyata kewangan disatukan:

- (a) Senarai entiti yang dikawal yang signifikan;
- (b) Fakta bahawa entiti yang dikawal tidak disatukan kerana kawalan adalah sementara;
- (c) Ringkasan maklumat kewangan entiti yang dikawal yang tidak disatukan, samada secara bersendirian atau secara berkumpulan, termasuk jumlah aset, jumlah liabiliti, hasil dan lebihan atau kurangan;
- (d) Nama entiti yang dikawal di mana kepentingan pemilikan/atau hak mengundi adalah 50% atau kurang, dengan menyertakan penerangan bagaimana kawalan wujud;
- (e) Sebab mengapa kepentingan pemilikan/atau hak mengundi yang melebihi 50% dalam syarikat dilabur tidak menyebabkan wujud kawalan;
- (f) Tarikh pelaporan entiti dikawal apabila penyata kewangan yang digunakan untuk menyediakan penyata kewangan disatukan mempunyai tarikh pelaporan atau tempoh yang berbeza dari tarikh pelaporan entiti pengawal, dan sebab mengapa tarikh pelaporan atau tempoh berbeza digunakan;
- (g) Sifat dan tahap sekatan yang signifikan (contohnya disebabkan pinjaman atau keperluan perundangan) ke atas kebolehan entiti yang dikawal untuk memindahkan dana kepada entiti pengawal dalam bentuk dividen tunai, atau agihan yang seumpamanya, atau untuk membayar balik pinjaman atau pendahuluan.

Tambahan kepada keperluan pendedahan yang dicadangkan oleh MPSAS 6, kami merasakan bahawa keperluan maklumat tambahan akan meningkatkan kualiti pelaporan oleh MAIN. Keperluan maklumat tambahan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- (a) Senarai syarikat-syarikat subsidiari perlu membezakan antara subsidiari-subsidiari yang berorientasikan komersial dan entiti-entiti yang berorientasikan sosial.
- (b) Penerangan ringkas tentang ciri-ciri, latar belakang dan tujuan syarikat-syarikat subsidiari.
- (c) Peratusan kawalan setiap subsidiari.
- (d) Nilai kepentingan bukan kawalan sebagai item yang berasingan, selepas tajuk “Dana badan amal” di dalam penyata kedudukan kewangan.
- (e) Penyata kewangan disatukan perlu mendedahkan, berkaitan setiap subsidiary yang signifikan:
 - Nama syarikat, nombor pendaftaran syarikat dan, jika berkenaan, nombor pendaftaran amal;
 - butir-butir yang termasuk peratusan pegangan ekuiti oleh entiti pengawal bercirikan kebajikan atau cara lain untuk kawalan;
 - amaun agregat bagi aset, liabiliti dan dana pada akhir tahun pelaporan; dan
 - ringkasan mengenai pendapatan (atau pendapatan kasar) and perbelanjaan dan keuntungan atau kerugian (lebih atau kurang) bagi tahun pelaporan
- (f) Sekiranya badan amal yang membuat pelaporan mengambilalih subsidiari yang signifikan di dalam tahun pelaporan, ia mesti mendedahkan:
 - Tarikh pengambilalihan;
 - Kos pengambilalihan dan bagaimana ia telah diselesaikan, sebagai contoh menggunakan wang tunai atau instrument pinjaman; dan
 - Jumlah yang telah dinyatakan untuk setiap kategori aset, liabiliti and liabiliti luar jangka pada tarikh pengambilalihan.

7.1.5 Rumusan

Secara keseluruhannya, penggunaan MPSAS untuk keperluan pendedahan dan pelaporan maklumat kewangan bagi Institusi WZB boleh digunapakai sebagai garis panduan umum. Walaubagaimanapun, penggunaan MPSAS sahaja adalah tidak mencukupi untuk menjelaskan aktiviti-aktiviti WZB secara khusus. Tambahan pula, terdapat keperluan untuk meminda peruntukan di dalam MPSAS kerana ianya dirasakan tidak bersesuaian dengan keperluan aktiviti-aktiviti WZB dan tuntutan keperluan Syariah. Justeru itu, kami mencadangkan pindaan-pindaan tertentu dan tambahan-tambahan yang dirasakan perlu untuk meningkatkan kualiti pelaporan dan pendedahan maklumat mengenai aktiviti-aktiviti berkaitan WZB.

Bahagian berikutnya akan menjelaskan secara lebih terperinci, apakah pindaan-pindaan yang perlu dibuat ke atas MPSAS 1, 2, 3 dan 6 bagi menjadikannya piawaian perakaunan patuh syariah untuk digunakan oleh Institusi WZB.

7.2 Bahagian Kedua: Cadangan Pembangunan Piawaian Perakaunan Patuh Syariah Bagi WZB Secara Terperinci Dengan Mengemukakan Cadangan-Cadangan Pindaan Kepada MPSAS 1, 2, 3 dan 6 Secara Spesifik.

Bahagian kedua ini akan menjelaskan cadangan tentang bentuk piawaian serta kandungan piawaian. Cadangan kandungan piawaian mengambil kira dapatan Objektif Kajian Pertama (jurang antara amalan pendedahan & MPSAS), Objektif Kajian Kedua (Kerangka Kerja Konseptual yang telah dibangunkan setakat ini), Objektif Kajian Ketiga (keperluan syariah dan batasan perundangan sivil) serta berpandukan Senarai Item Pendedahan Patuh Syariah yang telah dibangunkan.

7.2.1 Bentuk Piawaian Perakaunan

Dalam usaha untuk membangunkan piawaian perakaunan bagi institusi yang mentadbir WZB, terdapat dua alternatif yang boleh dipertimbangkan iaitu:

Alternatif Pertama

Menjadikan MPSAS sedia ada, MPSAS yang memenuhi tuntutan syariah. Ini bermakna akan wujud MPSAS_{1i}, MPSAS_{2i}, MPSAS_{3i} dan MPSAS_{6i}; atau

Alternatif Kedua

Membangunkan satu set piawaian perakaunan khusus bagi institusi yang mentadbir Wakaf, Zakat dan Baitulmal.

Alternatif pertama sesuai digunakan dalam keadaan di mana piawaian yang dibangunkan adalah untuk semua entiti yang perlu membuat pelaporan yang memenuhi keperluan syariah manakala alternatif kedua pula sesuai digunakan dalam keadaan di mana piawaian yang dibangunkan adalah untuk memenuhi keperluan pelaporan entiti khusus. Oleh sebab piawaian perakaunan yang dibangunkan adalah khusus untuk institusi yang mentadbir WZB dan mengambil kira keperluan khusus serta keunikan aktiviti institusi berkenaan, maka alternatif kedua adalah lebih bersesuaian. Oleh yang demikian dicadangkan agar satu set piawaian khusus dibangunkan untuk memenuhi keperluan institusi yang mentadbir WZB. Pendekatan ini telah digunakan oleh

International Accounting Standards Board (IASB) dalam membangunkan *IFRS for SMEs* iaitu piawaian perakaunan bagi tujuan pelaporan oleh entiti bersaiz kecil dan sederhana. Di Malaysia *IFRS for SMEs* diadaptasi sebagai MPERS yang dikhususkan untuk tujuan pelaporan oleh entiti persendirian mulai 1 Januari 2016.

Selari dengan bentuk MPERS maka kandungan yang diliputi dalam MPSAS 1, MPSAS 2, MPSAS 3 dan MPSAS 6 serta lain-lain MPSAS (yang belum dikaji) akan menjadi seksyen-seksyen tertentu dalam set piawaian khusus tersebut. Jadual 7.2 memaparkan cadangan kandungan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Bagi Institusi WZB. Seperti yang dapat dilihat di dalam Jadual 7.2, liputan dalam MPSAS 1 akan terkandung dalam Seksyen 1-9 dan 11, liputan dalam MPSAS 2 akan terkandung dalam Seksyen 10, liputan dalam MPSAS 3 akan terkandung dalam Seksyen 13 manakala liputan dalam MPSAS 6 akan terkandung dalam Seksyen 12.

Jadual 7.2 Cadangan Kandungan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Bagi Institusi WZB

Seksyen	Butiran	Asas Rujukan	Tindakan
1	Entiti pelapor	• MPSAS 1 • Tuntutan syariah • Perundangan Negeri	Fasa 1
2	Objektif Pelaporan		
3	Konsep dan Prinsip yang Mendasari Pelaporan		
4	Komponen Pelaporan • Persembahan Maklumat bukan Kewangan • Persembahan Maklumat Kewangan		
5	Persembahan Maklumat Bukan Kewangan		
6	Penyata Maklumat Kewangan • Set Penyata Kewangan Lengkap • Penyata Kewangan Berasingan bagi setiap kumpulan wang		
7	Penyata Kedudukan Kewangan		
8	Penyata Prestasi Kewangan		
9	Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti		
10	Penyata Aliran Tunai	• MPSAS 2 • Tuntutan syariah • Perundangan Negeri	
11	Nota Kepada Akaun	• MPSAS 1 • Tuntutan syariah • Perundangan Negeri	

12	Penyata Kewangan Disatukan dan Penyata Kewangan Berasingan	• MPSAS 6 • Tuntutan syariah • Perundangan Negeri	
13	Polisi Perakaunan, Anggaran Perakaunan dan Kesilapan	• MPSAS 3 • Tuntutan syariah • Perundangan Negeri	
14 dan seterusnya			Fasa 2 dan seterusnya

7.2.2 Cadangan Kandungan Piawaian

Kajian dalam Fasa 1 memberi tumpuan kepada isu pendedahan. Oleh yang demikian cadangan yang dikemukakan juga memberi tumpuan kepada isu pendedahan. Cadangan yang dikemukakan untuk liputan piawaian adalah berpandukan Senarai Item Pendedahan Patuh Syariah yang telah dibangunkan (rujuk Bab 6). Walau bagaimanapun, ada kemungkinan beberapa cadangan yang dikemukakan dalam fasa ini akan memerlukan penambahbaikan apabila Kerangka Kerja Konseptual selesai dibangunkan dan isu pengiktirafan dan pengukuran dikaji dalam fasa akan datang. Mana-mana cadangan yang merupakan cadangan awal yang memerlukan kajian lanjut atau yang tertakluk kepada ketetapan Kerangka Kerja Konseptual telah dikenal pasti dengan jelas di dalam Jadual 7.3 yang memaparkan cadangan terperinci ke atas kandungan piawaian.

Ketetapan berikut telah digunakan dalam mencadangkan kandungan piawaian:

- Keperluan MPSAS (MPSAS 1,2,3 & 6) yang tidak bercanggah dengan keperluan syariah akan **dikekalkan** dan dibuat pindaan di mana perlu.
- Keperluan syariah yang tidak terdapat dalam MPSAS (MPSAS 1,2,3 & 6) akan **ditambah**.
- Keperluan MPSAS yang bercanggah/tidak selari dengan keperluan syariah akan **dipinda** atau **dikeluarkan**.
- Keperluan MPSAS yang tidak relevan dengan aktiviti Institusi WZB akan **dikeluarkan**.

Cadangan yang dipaparkan dalam Jadual 7.3 dibuat dengan menggunakan perenggan MPSAS (MPSAS 1,2,3 & 6) yang sedia ada sebagai asas. Merujuk kepada Jadual 7.3, lajur pertama (Perenggan MPSAS) menyenaraikan perenggan MPSAS berkenaan (contohnya perenggan 1 dan

perenggan 2-6 dari MPSAS 1), lajur kedua (Kandungan) memberikan liputan ringkas bagi perenggan berkenaan (contohnya perenggan 1 MPSAS 1 menyentuh tentang objektif MPSAS 1 dan perenggan 2-6 menyentuh tentang Skop MPSAS 1), lajur ketiga (Kesesuaian MPSAS) mencadangkan kesesuaian perenggan berkenaan iaitu sama ada perlu dikekalkan, dipinda, ditambah atau dikeluarkan dengan mengambil kira keunikan Institusi WZB serta keperluan syariah (contohnya bagi MPSAS 1 Perenggan 1 perlu dipinda, Perenggan 2 boleh dikekalkan dan Perenggan 27 perlu dibuat penambahan) manakala lajur terakhir (Huraian) memberikan huraian tentang pengubahsuaian (pinda, tambah atau keluar) serta contoh di mana perlu (Contohnya Perenggan 3 MPSAS 1 yang menyentuh tentang pengguna penyata kewangan perlu dipinda agar selaras dengan pengguna seperti yang dikenalpasti di dalam Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan oleh institusi yang mentadbir WZB).

Cadangan terperinci ke atas kandungan piawaian boleh dilihat dalam Jadual 7.3. Secara umumnya, cadangan pengubahsuaian yang paling signifikan ialah kepada kandungan dalam MPSAS 1 manakala yang paling minimum ialah kepada kandungan MPSAS 6. Cadangan yang dikemukakan boleh disimpulkan seperti berikut:

1. **Tiada pindaan** dicadangkan bagi perenggan MPSAS yang bersesuaian dan tidak bercanggah dengan tuntutan syariah. Contohnya perenggan 42 dalam MPSAS 1 yang menyentuh tentang **ketekalan dalam pembentangan dan pengkelasan**, dicadangkan supaya dikekalkan tanpa pindaan. Begitu juga perenggan 22 dalam MPSAS 2 yang menyentuh tentang **Aplikasi awal polisi untuk menilai semula aset selaras dengan MPSAS 17 dan MPSAS 31 adalah perubahan polisi di bawah MPSAS 17 dan MPSAS 31**, dicadangkan supaya dikekalkan tanpa pindaan.

2. **Pindaan** dicadangkan ke atas perenggan MPSAS tertentu bagi memastikan pematuhan syariah dan melibatkan perkara berikut:

- a) **Definisi**

Pindaan ini dicadangkan bagi memastikan definisi yang digunakan di dalam piawaian selari dengan definisi di dalam Kerangka Kerja Konseptual, contohnya perenggan 7 dan 7A MPSAS 1 dan perenggan 8 MPSAS 2. Walau bagaimanapun, cadangan yang dikemukakan untuk definisi merupakan cadangan awal. Ini kerana definisi bagi elemen penyata kewangan iaitu aset, liabiliti, ekuiti, hasil dan belanja di dalam Kerangka Kerja Konseptual masih belum dimuktamadkan.

Oleh yang demikian cadangan ini hanya boleh dimuktamadkan apabila Kerangka Kerja Konseptual selesai dibangunkan dan isu berhubung pengiktirafan telah diputuskan.

b) **Pendedahan Tambahan**

Pindaan ini dicadangkan bagi memastikan pematuhan syariah. Pendedahan tambahan yang dicadangkan boleh jadi dalam bentuk penyata atau item/butiran atau perincian maklumat. Contohnya bagi perenggan 21 MPSAS 1 yang menyentuh tentang **Set Penyata Kewangan Lengkap**, dicadangkan agar penyata berasingan disediakan untuk setiap kumpulan wang iaitu Kumpulan Wang Wakaf, Kumpulan Wang Zakat dan Kumpulan Wang Baitulmal.

Satu lagi contoh pindaan yang dicadangkan ialah kepada perenggan 88 MPSAS 1 yang menyentuh tentang **maklumat minimum yang perlu didedahkan di muka Penyata Kedudukan Kewangan**. Untuk perenggan 88 dicadangkan agar item tambahan yang bersesuaian untuk WZB turut didedahkan di muka Penyata Kedudukan Kewangan. Contohnya Kumpulan Wang Wakaf Am (dikelaskan sebagai Liabiliti), Kumpulan Wang Wakaf Khas (dikelaskan sebagai Liabiliti), Kumpulan Wang Zakat (dikelaskan sebagai Liabiliti) dan Kumpulan Wang Baitulmal (dikelaskan sebagai Ekuiti). Cadangan pengkelasan bagi Kumpulan Wang Wakaf Am, Kumpulan Wang Wakaf Khas dan Kumpulan Wang Zakat sebagai liabiliti adalah merupakan cadangan awal kerana isu ini memerlukan kajian lanjut. Persetujuan yang telah dicapai setakat ini ialah kumpulan tersebut (Kumpulan Wang Wakaf dan Kumpulan Wang Zakat) tidak boleh diakaunkan sebagai ekuiti seperti yang menjadi amalan sekarang.

3. **Tambahan perenggan** dicadangkan bagi mengambil kira item pendedahan atau maklumat yang tidak diperuntukkan dalam MPSAS tetapi diperlukan bagi mematuhi keperluan syariah. Contoh maklumat tentang **Pematuhan Syariah, Kenyataan Tentang Pematuhan Syariah** serta **Pendedahan Fatwa** yang memberikan kesan kepada pengolahan perakaunan sesuatu urusan/peristiwa yang dicadangkan sebagai tambahan kepada MPSAS 1 dan MPSAS 3.

Jadual 7.3 Cadangan Berdasarkan MPSAS 1: Pembentangan Penyata Kewangan Oleh Entiti Yang Mentadbir WZB (Seksyen 1-9 dan 11)

Perenggan MPSAS 1	Kandungan	Cadangan Berdasarkan MPSAS 1 Dan Senarai Item Pendedahan (Memenuhi Tuntutan Syariah Dan Perundangan Negeri)	
		Kesesuaian MPSAS 1	Huraian
1	Objektif	Pinda	Pembentangan penyata kewangan untuk pelaporan oleh entiti yang mentadbir WZB. Mematuhi tuntutan syariah
2-6	Skop		
2	Penyediaan penyata kewangan selaras dengan MPSAS	Kekalkan	-
3	Pengguna	Pinda	Pengguna – perlu diselaraskan dengan pengguna yang dikenalpasti dalam Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan oleh Entiti yang mentadbir WZB. Nota: Cadangan berhubung pengguna hanya boleh dimuktamadkan apabila pengguna diputuskan di dalam Kerangka Kerja Konseptual.
4	Pemakaian piawaian dan penyediaan penyata kewangan disatukan	Pinda	Piawaian ini perlu digunapakai oleh entiti yang mentadbir WZB sama ada perlu menyediakan penyata kewangan disatukan atau tidak.
5	Pemakaian piawaian	Pinda	Piawaian ini perlu digunapakai oleh entiti yang mentadbir WZB.
6	Pemakaian piawaian MASB oleh Perusahaan Perniagaan Kerajaan (<i>Government Business Enterprise</i> -GBE)	Kekalkan	-
7-14	Definisi		
7 & 7A	Definisi	Pinda	Selaraskan dengan definisi dalam Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan oleh Entiti yang mentadbir WZB. Contoh: Aset Amanah, Istibdal Wakaf, Wakaf Am dan Wakaf Khas. Nota: Cadangan berhubung definisi hanya boleh dimuktamadkan apabila definisi elemen

			(aset, liabiliti, ekuiti, hasil dan belanja) diputuskan dalam Kerangka Kerja Konseptual.
8-10	Entiti Ekonomi	Pinda	Contoh yang bersesuaian dengan entiti yang mentadbir WZB.
11	Manfaat ekonomi masa depan & potensi perkhidmatan	Kekalkan	-
12	Perusahaan Perniagaan Kerajaan (<i>Government Business Enterprise -GBE</i>)	Kekalkan	-
13	Kematerialan	Kekalkan	-
14	Aset bersih/Ekuiti	Kekalkan	-
	Pendedahan maklumat bukan kewangan	Tambah	Maklumat Asas Institusi Lembaga Pemegang Amanah Jawatankuasa Penasihat Syariah Jawatankuasa Fatwa Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kawalan Dalaman Tadbir Urus Pekerja & Pekerjaan Persekitaran/Alam Sekitar
	Pendedahan maklumat kewangan	Tambah	Penyediaan penyata kewangan MAIN dan penyata kewangan berasingan bagi setiap kumpulan wang.
15-18	Tujuan Penyata Kewangan	Pinda	Perlaksanaan tanggungjawab oleh entiti yang mentadbir WZB selaras dengan tuntutan syariah
19-20	Tanggungjawab ke atas Penyata Kewangan	Kekalkan	-
21-26	Komponen Penyata Kewangan		
21	Set Penyata Kewangan Lengkap	Pinda	Penyata tambahan: Penyata berasingan untuk Kumpulan Wang Zakat, Kumpulan Wang Wakaf & Kumpulan Wang Baitulmal
22-25	Penerangan dan perincian kepada perenggan 21	Pinda	Pinda agar selari dengan peruntukan perenggan 21
26	Penerangan tentang pematuhan kepada akta & peraturan berkaitan	Pinda	Penerangan tentang pematuhan tuntutan syariah
27-58	Pertimbangan menyeluruh		
	Pematuhan syariah	Tambah	Semua urusan niaga yang melibatkan harus mematuhi tuntutan syariah. Sebarang urusan niaga yang tidak mematuhi tuntutan syariah perlu didedahkan.

	Kenyataan tentang pematuhan Syariah	Tambah	Entiti perlu membuat pernyataan yang jelas tentang pematuhan syariah.
27-37	Pembentangan yang saksama dan pematuhan kepada MPSAS	Kekalkan	
28	Kenyataan tentang pematuhan kepada MPSAS	Kekalkan	
29	Pematuhan terhadap MPSAS yang terpakai/relevan (mengikut aktiviti entiti)	Kekalkan	
30	Penggunaan polisi yang tidak bersesuaian	Kekalkan	
31	Penyimpangan daripada keperluan piawaian	Kekalkan	
32	Pendedahan yang dilakukan apabila berlaku penyimpangan daripada keperluan piawaian (yang dibenarkan)	Kekalkan	
33	Pendedahan yang dilakukan apabila penyimpangan daripada keperluan piawaian yang berlaku pada tempoh lepas memberi kesan kepada tempoh semasa	Kekalkan	
34	Perincian kepada perenggan 33	Kekalkan	
35	Pendedahan yang dilakukan apabila berlaku penyimpangan daripada keperluan piawaian (yang dilarang)	Kekalkan	
36-17	Perincian kepada perenggan 31-35	Kekalkan	
38	Usaha berterusan	Kekalkan	
39-41	Perincian kepada perenggan 38	Kekalkan	
42	Ketekalan dalam pembentangan dan pengkelasan	Kekalkan	
43	Perolehan dan perlupusan yang boleh menyebabkan perubahan dalam persembahan penyata kewangan	Keluarkan	Tidak terpakai kepada entiti yang mentadbir WZB.
44	Perincian kepada perenggan 42	Kekalkan	
45	Kematerialan & Agregasi	Pinda	Pendedahan diperlukan untuk memenuhi tuntutan syariah sungguhpun maklumat tersebut tidak material
46-47	Perincian kepada perenggan 45	Kekalkan	

48	Offset	Kekalkan	
49-52	Perincian kepada perenggan 48	Kekalkan	
53	Maklumat bandingan	Kekalkan	
54	Perincian kepada perenggan 53	Kekalkan	
55	Pindaan pengkelasan dan penyediaan maklumat bandingan	Kekalkan	
56	Kesukaran menyediakan maklumat bandingan bagi pindaan pengkelasan	Kekalkan	
57-58	Perincian kepada perenggan 53	Kekalkan	
59-150	Struktur & Kandungan		
59-60	Pengenalan	Kekalkan	
61	Pengenalpastian Penyata Kewangan	Kekalkan	
62	Perincian kepada perenggan 61	Kekalkan	
63	Maklumat yang perlu dinyatakan dengan jelas	Kekalkan	
64	Perincian kepada perenggan 63	Kekalkan	
65	Matawang persembahan dan tahap perbundaran angka	Kekalkan	
66	Tempoh Pelaporan	Kekalkan	
67-68	Perincian kepada perenggan 66	Kekalkan	
69	Pemasaan	Kekalkan	
70-98	Penyata Kedudukan Kewangan	Kekalkan	
70-71	Pengkelasan semasa bukan semasa	Kekalkan	
72, 74 & 75	Perincian kepada perenggan 70 & 71	Kekalkan	
73	Pengkelasan mengikut kecairan bagi institusi kewangan	Keluarkan	Merujuk kepada institusi kewangan tidak terpakai kepada entiti yang mentadbir WZB.
76	Aset Semasa	Kekalkan	
77-79	Perincian kepada perenggan 76	Kekalkan	
80	Liabiliti Semasa	Kekalkan	
81-87	Perincian kepada perenggan 80	Kekalkan	
88	Maklumat minimum yang perlu didedahkan di muka Penyata Kedudukan Kewangan	Pinda	Item tambahan yang bersesuaian untuk Wakaf, Zakat dan Baitulmal Contoh: Kumpulan Wang Wakaf Am (Liabiliti), Kumpulan Wang Wakaf Khas (Liabiliti), Kumpulan Wang Zakat (Liabiliti), Kumpulan Wang Baitulmal (Ekuiti), Aset Amanah & Istibdal Wakaf

			Nota: Isu berhubung pengkelasan yang bersesuaian untuk setiap kumpulan wang hanya boleh dimuktamadkan apabila definisi elemen (aset, liabiliti, ekuiti, hasil dan belanja) diputuskan dalam Kerangka Kerja Konseptual .
89	Maklumat tambahan yang bersesuaian yang perlu didedahkan di muka Penyata Kedudukan Kewangan	Kekalkan	
90-92	Perincian kepada perenggan 88 & 89	Kekalkan	
93	Maklumat yang perlu didedahkan di muka Penyata Kedudukan Kewangan atau dalam Nota	Kekalkan	
94	Perincian kepada perenggan 93	Pinda	Item tambahan yang bersesuaian untuk Wakaf , Zakat dan Baitulmal
95	Pendedahan bagi entiti yang tidak mempunyai saham modal	Pinda	Item tambahan yang bersesuaian untuk Wakaf , Zakat dan Baitulmal Contoh: Kumpulan Wang Baitulmal
95A	Pengkelasan semula instrument kewangan (<i>puttable financial instrument</i>)	Keluarkan	Tidak terpakai kepada entiti yang mentadbir WZB.
96-97	Perincian kepada perenggan 95	Kekalkan	
98	Pendedahan bagi entiti yang mempunyai saham modal	Kekalkan	
99-117	Penyata Prestasi Kewangan		
99	Lebihan atau Kurangan bagi tempoh	Kekalkan	
100-101	Perincian kepada perenggan 99	Kekalkan	
102	Maklumat yang perlu didedahkan di muka Penyata Prestasi Kewangan	Pinda	Item tambahan yang bersesuaian untuk Wakaf , Zakat dan Baitulmal Contoh: Hasil pelaburan harta Wakaf, Belanja pengurusan harta Wakaf, Belanja penyelenggaraan harta wakaf
103	Pendedahan bahagian kepentingan minoriti dan kepentingan kawalan	Kekalkan	
104	Maklumat tambahan yang bersesuaian yang perlu didedahkan di muka Penyata Prestasi Kewangan	Kekalkan	
105	Perincian kepada perenggan 104		

106	Maklumat yang perlu didedahkan di muka Penyata Prestasi Kewangan atau dalam Nota	Kekalkan	
107	Perincian kepada perenggan 106	Pinda	Item tambahan yang bersesuaian untuk Wakaf , Zakat dan Baitulmal
108	Pembentangan sub-pengkelasan bersesuaian bagi hasil	Kekalkan	
109	Pembentangan analisis perbelanjaan berdasarkan sifat atau fungsi	Kekalkan	
110-112	Perincian kepada perenggan 109	Kekalkan	
113-114	Contoh pengkelasan berdasarkan fungsi belanja	Pinda	Contoh yang bersesuaian untuk entiti yang mentadbir WZB.
115	Maklumat tambahan yang diperlukan bagi pengkelasan berdasarkan fungsi	Kekalkan	
116	Perincian kepada perenggan 115	Kekalkan	
117	Pendedahan tentang agihan dividen atau agihan yang sama	Kekalkan	
118-125	Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti		
118	Maklumat yang perlu didedahkan di muka Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti	Pinda	Item tambahan yang bersesuaian untuk Wakaf , Zakat dan Baitulmal.
119	Maklumat yang perlu didedahkan di muka Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti atau dalam Nota	Pinda	Item tambahan yang bersesuaian untuk Wakaf , Zakat dan Baitulmal
120-125	Perincian kepada perenggan 118 & 119	Kekalkan	
126	Penyata Alir Tunai	Kekalkan	
127-150	Nota kepada akaun	Kekalkan	
127	Struktur nota kepada akaun	Pinda	Pematuhan tuntutan syariah
128	Pembentangan secara sistematik	Kekalkan	
129-131	Perincian kepada perenggan 127 & 128	Pinda	Pematuhan tuntutan syariah
	Pendedahan Fatwa	Tambah	Fatwa yang memberi kesan yang signifikan kepada pengolahan perakaunan bagi sesuatu urusan niaga atau peristiwa perlu didedahkan
	Perincian kepada perenggan Pendedahan Fatwa	Tambah	
132	Pendedahan Polisi Perakaunan	Pinda	Pematuhan tuntutan syariah
133-136	Perincian kepada	Kekalkan	

	perenggan 132		
137	Pertimbangan pengurusan dalam pemilihan polisi	Kekalkan	
138-139	Perincian kepada perenggan 137	Kekalkan	
140	Sumber utama ketidakpastian	Kekalkan	
141-148	Perincian kepada perenggan 140	Kekalkan	
148A	Modal	Kekalkan	
148B-148C	Perincian kepada perenggan 148A	Pinda	Mengikut kesesuaian entiti yang mentadbir WZB.
148D	Puttable Instruments dikelaskan sebagai Aset Bersih/Ekuiti	Keluarkan	Tidak terpakai kepada entiti yang mentadbir WZB.
149-150	Pendedahan lain	Kekalkan	
151	Peruntukan Transisi	Kekalkan	Jika perlu
152	Perincian kepada perenggan 151	Kekalkan	
153-154	Tarikh kuatkuasa	Kekalkan	
155	Penarikan IPSAS 1	Keluarkan	Tidak terpakai

Jadual 7.4 Cadangan Berdasarkan MPSAS 2: Penyata Alir Tunai (Seksyen 10)

Perenggan MPSAS 2	Kandungan	Cadangan Berdasarkan MPSAS 2 Dan Senarai Item Pendedahan (Memenuhi Tuntutan Syariah dan Perundangan Negeri)	
		Kesesuaian MPSAS 2	Huraian
	Objektif	Pinda	Aliran tunai entiti yang mentadbir WZB. Tunai yang diterima dan diagih mengikut tuntutan syariah
1-4	Skop		
1	Penyediaan penyata alir tunai selaras dengan piawaian ini	Kekalkan	
2	Kegunaan maklumat alir tunai	Pinda	Mematuhi tuntutan syariah
3	Pemakaian piawaian	Pinda	Piawaian ini perlu digunapakai oleh entiti yang mentadbir WZB.
4	Pemakaian piawaian MASB oleh Perusahaan Perniagaan Kerajaan (<i>Government Business Enterprise</i> -GBE)	Kekalkan	
5-7	Manfaat Penyata Alir Tunai		
5	Manfaat maklumat alir tunai	Pinda	Memberi maklumat tentang aliran masuk dan keluar tunai selaras dengan tuntutan syariah Contoh: Kutipan dan agihan zakat; penerimaan & pelaburan dana wakaf
6	Pengunaan Penyata Alir Tunai bersama-sama penyata lain	Kekalkan	
7	Penggunaan asas kos sejarah	Kekalkan	
8	Definisi	Pinda	Selaraskan dengan definisi dalam Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan oleh entiti yang mentadbir WZB. Contoh: Aset Amanah, Istibdal Wakaf dan Wakaf Khas. Nota: Cadangan berhubung definisi hanya boleh dimuktamadkan apabila definisi elemen (aset, liabiliti, ekuiti, hasil dan belanja) diputuskan dalam Kerangka Kerja Konseptual.
9-11	Tunai dan kesetaraan tunai	Kekalkan	
9	Kesetaraan tunai	Kekalkan	
10	Overdraf bank	Pinda	Bank patuh syariah
11	Pergerakan antara tunai dan kesetaraan tunai	Kekalkan	
12-14	Entiti Ekonomi	Kekalkan	
12	Entiti mengawal dan entiti dikawal	Kekalkan	

13	Terma lain bagi entiti ekonomi	Kekalkan	
14	Contoh entiti ekonomi	Pinda	Contoh bersesuaian melibatkan entiti yang mentadbir Wakaf, Zakat dan Baitulmal.
15	Manfaat Ekonomi Masa Hadapan dan Potensi Perkhidmatan	Kekalkan	
16	Perusahaan Perniagaan Kerajaan (<i>Government Business Enterprise</i> -GBE)	Kekalkan	
17	Aset Bersih/Ekuiti	Kekalkan	
18-20	Persembahan Penyata Kewangan	Kekalkan	
18	Pelaporan alir tunai bagi tempoh dan diklasifikasi mengikut aktiviti operasi, pelaburan dan pembiayaan	Pinda	Tuntutan Syariah dan Perundangan Negeri. Penyediaan penyata berasingan bagi dana Wakaf, Zakat dan Baitulmal
19-20	Entiti membentangkan alir tunai dari aktiviti operasi, pelaburan dan pembiayaan dengan cara yang bersesuaian dengan aktiviti.	Kekalkan	
20	Perincian kepada perenggan 18 & 19	Pinda	Tuntutan Syariah: Pengasingan aliran tunai daripada urusanniaga yang meragukan
21-24	Aktiviti Operasi	Pinda	Alir tunai operasi selaras dengan aktiviti entiti yang mentadbir WZB.
21	Alir tunai bersih dari operasi	Pinda	Alir tunai operasi selaras dengan aktiviti entiti yang mentadbir WZB.
22	Contoh alir tunai dari aktiviti operasi	Pinda	Alir tunai operasi selaras dengan aktiviti entiti yang mentadbir WZB. Contoh: Kutipan zakat; agihan zakat; penerimaan wakaf tunai; pembayaran tunai untuk penyelenggaraan harta wakaf; pembayaran tunai untuk urusan berkaitan baitulmal
23	Alir tunai dari belian dan jualan sekuriti dagangan	Pinda	Sekuriti patuh syariah
24	Dana yang diterima dari kerajaan/entiti awam lain untuk operasi	Pinda	Dari entiti patuh syariah
25	Aktiviti Pelaburan	Pinda	Alir tunai pelaburan selaras dengan aktiviti entiti yang mentadbir WZB. Contoh: pelaburan dana wakaf Pelaburan patuh syariah
26	Aktiviti Pembiayaan	Pinda	Alir tunai pembiayaan selaras dengan aktiviti entiti yang mentadbir WZB. Contoh: Pinjaman dari kerajaan negeri; Geran pengurusan Pembiayaan dari Institusi Kewangan Patuh Syariah
27-30	Pelaporan Alir Tunai dari		

	Aktiviti Operasi		
27	Pelaporan alir tunai dari aktiviti operasi berdasarkan kaedah langsung atau kaedah tak langsung	Kekalkan	
28	Entiti digalakkan melaporkan aktiviti operasi berdasarkan kaedah langsung	Kekalkan	
29	Entiti melaporkan aktiviti operasi berdasarkan kaedah langsung digalakkan menyediakan penyesuaian lebihan/kurangan dari aktiviti biasa dengan alir tunai bersih dari operasi	Kekalkan	
30	Pelarasan yang diperlukan di bawah kaedah taklangsung	Kekalkan	
31	Pelaporan Alir Tunai dari Aktiviti Pelaburan dan Pembiayaan	Kekalkan	
32-35	Pelaporan Alir Tunai Mengikut Asas Bersih	Kekalkan	
32	Alir tunai yang boleh dilaporkan pada asas bersih	Pinda	Mengikut aktiviti entiti yang mentadbir WZB.
33	Contoh penerimaan dan pembayaran tunai di bawah perenggan 32(a)	Pinda	Mengikut aktiviti entiti yang mentadbir WZB.
34	Contoh penerimaan dan pembayaran tunai di bawah perenggan 32(b)	Pinda	Mengikut aktiviti entiti yang mentadbir WZB.
35	Alir tunai yang boleh dilaporkan pada asas bersih bagi institusi kewangan awam	Keluarkan	Tidak terpakai kepada entiti yang mentadbir WZB.
36-39	Alir Tunai Matawang Asing	Pinda	Mengikut kesesuaian urusan patuh syariah entiti yang mentadbir WZB.
36	Pelaporan alir tunai dari urusan matawang asing	Pinda	Mengikut kesesuaian urusan patuh syariah entiti yang mentadbir WZB.
37	Alir tunai entiti asing yang dikawal	Pinda	Mengikut kesesuaian urusan patuh syariah entiti yang mentadbir WZB.
38	Alir tunai matawang asing	Pinda	Mengikut kesesuaian urusan patuh syariah entiti yang mentadbir WZB.
39	Laba atau kerugian belum realis	Pinda	Mengikut kesesuaian urusan patuh syariah entiti yang mentadbir WZB.
40-43	Faedah dan dividen atau agihan yang seumpamanya	Pinda	Mengikut kesesuaian urusan patuh syariah entiti yang mentadbir WZB. Contoh: Hibah & kos kewangan
40	Pendedahan berasingan faedah dan dividen atau agihan yang seumpamanya	Pinda	Mengikut kesesuaian urusan patuh syariah entiti yang mentadbir WZB. Contoh: Hibah & kos kewangan
41	Pelaporan faedah dibayar	Pinda	Mengikut kesesuaian urusan patuh

			syariah entiti yang mentadbir WZB. Contoh: kos kewangan
42	Pengkelasan faedah dibayar, faedah diterima dan dividen serta agihan yang seumpamanya yang diterima	Pinda	Mengikut kesesuaian urusan niaga patuh syariah entiti yang mentadbir WZB. Contoh: Hibah
43	Dividen serta agihan yang seumpamanya yang dibayar	Kekalkan	
44-46	Cukai atas Lebihan Bersih	Keluarkan	Tidak terpakai kepada entiti yang mentadbir WZB.
44	Pendedahan berasingan bagi alir tunai yang berpunca dari cukai atas lebihan bersih	Keluarkan	Tidak terpakai kepada entiti yang mentadbir WZB.
45	Pengecualian cukai bagi entiti sektor awam	Keluarkan	Tidak terpakai kepada entiti yang mentadbir WZB.
46	Cukai atas lebihan bersih dari urusan niaga yang menjana tunai dari aktiviti yang diklasifikasi sebagai operasi, pelaburan atau pembiayaan	Keluarkan	Tidak terpakai kepada entiti yang mentadbir WZB.
47-48	Pelaburan dalam Entiti Dikawal, Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama	Pinda	Dalam Entiti dikawal, syarikat bersekutu dan usaha sama yang patuh syariah
47	Alir tunai antara entiti pelapor dan syarikat bersekutu serta entiti dikawal	Pinda	Syarikat bersekutu yang patuh syariah
48	Alir tunai antara entiti pelapor dan entiti dikawal bersama	Pinda	Entiti dikawal yang patuh syariah
49-53	Perolehan dan Perlupusan Entiti Dikawal dan Lain-lain Unit Operasi	Pinda	Perolehan dan Perlupusan Entiti Dikawal yang patuh syariah
49	Pendedahan berasingan alir tunai agregat dari pemerolehan dan perlupusan entiti dikawal dan lain-lain unit operasi	Pinda	Perolehan dan Perlupusan Entiti Dikawal yang patuh syariah
50	Maklumat yang perlu didedahkan berhubung pemerolehan dan perlupusan entiti dikawal dan lain-lain unit operasi	Pinda	Perolehan dan Perlupusan Entiti Dikawal yang patuh syariah
51	Pendedahan sebagai butiran berasingan kesan alir tunai pemerolehan dan perlupusan entiti dikawal dan lain-lain unit operasi serta pendedahan maklumat tentang aset dan liabiliti yang diperoleh atau dilupuskan	Pinda	Perolehan dan Perlupusan Entiti Dikawal yang patuh syariah
52	Pelaporan amaun agregat tunai dibayar untuk pembelian atau diterima	Kekalkan	

	sebagai balasan jualan, bersih selepas mengambilkira tunai dan kesetaraan tunai yang diperoleh atau dilupus.		
53	Syarat bagi pendedahan aset dan liabiliti yang diperoleh atau dilupuskan selain tunai dan kesetaraan tunai	Kekalkan	
54-55	Urusniaga Bukan Tunai		
54	Urusniaga bukan tunai tidak perlu didedahkan	Kekalkan	
55	Contoh urusanniaga bukan tunai	Kekalkan	
56-58	Komponen Tunai dan Kesetaraan Tunai		
56	Komponen tunai dan kesetaraan tunai didedahkan dan penyesuaian ditunjukkan di antara amaun dalam penyata aliran tunai dengan item yang setara yang dilaporkan dalam penyata kedudukan kewangan	Kekalkan	
57	Pendedahan polisi penentuan komponen tunai dan kesetaraan tunai	Kekalkan	
58	Kesan perubahan polisi dilaporkan selaras dengan MPSAS 3	Kekalkan	
59-62	Pendedahan Lain		
59	Amaun baki tunai dan kesetaraan tunai yang signifikan dipegang oleh entiti dan tidak dapat digunakan oleh didedahkan dalam nota kepada penyata kewangan, beserta ulasan oleh pengurusan	Kekalkan	
60	Contoh baki tunai dan kesetaraan tunai yang dipegang oleh entiti dan tidak dapat digunakan	Pinda	Mengikut aktiviti entiti yang mentadbir WZB.
61	Pendedahan maklumat tambahan yang digalakan	Kekalkan	
62	Penyata alir tunai dan belanjawan	Kekalkan	
63-64	Tarikh kuat kuasa	Kekalkan	

Jadual 7.5 Cadangan Berdasarkan MPSAS 3: Polisi Perakaunan, Perubahan Anggaran Perakaunan dan Kesilapan (Seksyen 13)

Perenggan MPSAS 3	Kandungan	Cadangan Berdasarkan MPSAS 3 dan Senarai Item Pendedahan (Memenuhi Tuntutan Syariah dan Perundangan Negeri)	
		Kesesuaian MPSAS 3	Huraian
1-2	Objektif	Pinda	Maklumat tentang Fatwa untuk Wakaf, Zakat dan Baitulmal
3-6	Skop		
3	Pemakaian piawaian ini dalam memilih dan mengaplikasi polisi perakaunan, mengakaun perubahan polisi, anggaran dan pembetulan kesilapan tempoh lepas	Pinda	Pendedahan maklumat tentang Fatwa
4	Kesan cukai	Kekalkan	
5	Pemakaian piawaian	Pinda	Piawaian ini perlu digunapakai oleh entiti yang mentadbir WZB.
6	Pemakaian piawaian MASB oleh Perusahaan Perniagaan Kerajaan (<i>Government Business Enterprise -GBE</i>)	Kekalkan	
7-8	Definisi		
7	Definisi	Pinda	Selaraskan dengan definisi dalam Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan oleh Entiti yang mentadbir WZB. Contoh: Fatwa Nota: Definisi hanya boleh dimuktamadkan apabila pembangunan Kerangka Kerja Konseptual selesai
8	Kematerialan	Kekalkan	
	Fatwa		Fatwa penting yang memberi kesan kepada pengolahan perakaunan urusan niaga atau peristiwa tertentu Contoh: Fatwa tentang Wakaf, Zakat dan Baitulmal
9-36	Polisi Perakaunan		
9	Pemilihan polisi berdasarkan piawaian ini	Kekalkan	
10	Polisi tidak perlu digunapakai apabila kesan pemakaian adalah tidak material	Kekalkan	
11	Panduan kepada MPSAS	Kekalkan	
12	Pihak pengurusan membuat pertimbangan dalam membangun dan	Pinda	Mematuhi tuntutan syariah

	mengaplikasi polisi perakaunan bagi menghasilkan maklumat yang relevan dan boleh dipercayai		
13	Polisi yang dibentuk perlu menghasilkan maklumat yang memenuhi ciri kualitatif maklumat berguna	Kekalkan	
14	Sumber rujukan dalam membentuk polisi perakaunan	Pinda	Fatwa yang berkaitan
15	Sumber rujukan lain	Kekalkan	
16	Pengaplikasian polisi perakaunan secara tekal	Kekalkan	
17	Syarat perubahan polisi perakaunan	Pinda	Menghasilkan maklumat mematuhi tuntutan syariah
18	Pengaplikasian polisi perakaunan secara tekal untuk memudahkan perbandingan	Kekalkan	
19	Perubahan asas perakaunan adalah perubahan polisi perakaunan	Kekalkan	
20	Perubahan pengolahan perakaunan, pengiktirafan atau pengukuran urusaniaga, peristiwa atau keadaan dalam asas tertentu adalah perubahan polisi perakaunan	Kekalkan	
21	Contoh yang bukan merupakan perubahan polisi perakaunan	Kekalkan	
22	Aplikasi awal polisi untuk menilai semula aset selaras dengan MPSAS 17 & MPSAS 31 adalah perubahan polisi di bawah MPSAS 17 & MPSAS 31	Kekalkan	
23	Perincian bagi perenggan 22	Kekalkan	
24	Mengaplikasi peruntukan transisi atau mengaplikasi polisi secara retrospektif	Kekalkan	
25	Aplikasi awal piawaian perakaunan bukan merupakan perubahan polisi perakaunan	Kekalkan	
26	Rujukan apabila tiada MPSAS khusus	Kekalkan	
27	Pengaplikasian polisi secara retrospektif	Kekalkan	
28-30	Limitasi pengaplikasian polisi secara retrospektif	Kekalkan	
31	Pengaplikasian polisi baharu	Kekalkan	

	secara retrospektif		
32	Perincian kepada perenggan 32	Kekalkan	
33-35	Pendedahan berkaitan perubahan polisi perakaunan	Pinda	Perubahan polisi bagi mematuhi tuntutan syariah
36	Perincian bagi perenggan 35	Kekalkan	
37-45	Perubahan anggaran perakaunan	Kekalkan	
37	Contoh anggaran perakaunan	Kekalkan	
38	Penggunaan anggaran tidak menjejaskan kebolehpercayaan penyata kewangan	Kekalkan	
39	Keperluan menyemak semula anggaran yang dibuat berdasarkan maklumat terkini	Kekalkan	
40	Perubahan perubahan polisi perakaunan atau perubahan anggaran perakaunan	Kekalkan	
41-42	Mengakaukan kesan perubahan anggaran perakaunan	Kekalkan	
43	Perincian kepada perenggan 41 & 42	Kekalkan	
44 -45	Pendedahan berkaitan perubahan anggaran	Kekalkan	
46-54	Kesilapan	Kekalkan	
46	Kesilapan	Kekalkan	
47	Mengakaukan pembetulan kesilapan	Kekalkan	
48-50	Limitasi pernyataan semula secara retrospektif	Kekalkan	
51-53	Perincian kepada perenggan 48-50	Kekalkan	
54	Pendedahan berkaitan kesilapan tempoh lepas	Kekalkan	
55-58	Kesukaran melakukan pengaplikasian polisi secara retrospektif dan pernyataan semula secara retrospektif	Kekalkan	
59-60	Tarikh kuatkuasa	Kekalkan	
61	Penarikan balik IPSAS 3 (2000)	Keluarkan	Tidak terpakai

Jadual 7.6 Cadangan Berdasarkan MPSAS 6: Penyata Kewangan Disatukan Dan Penyata Kewangan Berasingan (Seksyen 12)

Perenggan MPSAS 6	Kandungan	Cadangan Berdasarkan MPSAS 6 dan Senarai Item Pendedahan (Memenuhi Tuntutan Syariah dan Perundangan Negeri)	
		Kesesuaian MPSAS 6	Huraian
1-6	Skop	Kekalkan	
1	Pengaplikasian piawaian dalam penyediaan penyata kewangan disatukan	Kekalkan	
2	Perkara yang tidak disentuh oleh piawaian ini	Kekalkan	
3	Pengaplikasian piawaian bagi mengakaun entiti dikawal, dikawal bersama & bersekutu	Kekalkan	
4	Pengaplikasian piawaian oleh entiti pelapor	Kekalkan	
5	Pemakaian piawaian MASB oleh Perusahaan Perniagaan Kerajaan (<i>Government Business Enterprise -GBE</i>)	Kekalkan	
6	Perincian kepada perenggan 1-5	Kekalkan	
7	Definisi	Kekalkan	
8-11	Penyata Kewangan Disatukan dan Penyata Kewangan Berasingan	Kekalkan	
12-14	Entiti Ekonomi		
15-19	Persembahan Penyata Kewangan Disatukan	Kekalkan	
15	Entiti mengawal menyediakan Penyata Kewangan Disatukan yang menyatukan entiti dikawal selaras dengan piawaian ini	Kekalkan	
16	Syarat untuk tidak menyediakan Penyata Kewangan Disatukan	Kekalkan	
17	Entiti mengawal bagi sektor awam	Kekalkan	
18	Entiti mengawal pertengahan	Pinda	Contoh yang bersesuaian dengan entiti yang mentadbir WZB.
19	Perincian bagi para 16	Kekalkan	
20-27	Skop Penyata Kewangan Disatukan	Kekalkan	
20	Penyata Kewangan Disatukan perlu mengambil kira semua entiti dikawal kecuali seperti yang dinyatakan dalam perenggan 21	Kekalkan	
21	Syarat untuk tidak menyatukan entiti dikawal	Kekalkan	
22-27	Perincian kepada perenggan 20 & 21	Kekalkan	
28-29	Penetapan kewujudan kawalan ke atas entiti lain untuk tujuan pelaporan kewangan	Kekalkan	

28	Penetapan kewujudan kawalan melibatkan pertimbangan	Kekalkan	
29	Perincian bagi perenggan 28	Kekalkan	
30-36	Kawalan untuk tujuan pelaporan kewangan	Kekalkan	
30	Punca kawalan	Kekalkan	
31-36	Perincian bagi perenggan 30	Kekalkan	
37	Kuasa perundangan dan kuasa belian	Kekalkan	
38-42	Penentuan sama ada wujud kawalan bagi tujuan pelaporan kewangan	Kekalkan	
38	Penentuan wujudnya kawalan bagi entiti sektor awam	Kekalkan	
39	Kawalan wujud jika ada terdapat salah satu dari syarat kuasa dan syarat manfaat	Kekalkan	
40	Faktor lain yang boleh menentukan wujud kawalan	Kekalkan	
41-42	Perincian bagi perenggan 38	Kekalkan	
43-57	Prosedur Penyatuan	Kekalkan	
43	Penyatuan penyata kewangan entiti dikawal dan entiti mengawal bagi penyediaan penyata kewangan disatukan	Kekalkan	
44	Hak mengundi	Kekalkan	
45	Penghapusan penuh baki, urusaniaga, hasil dan belanja antara entiti ekonomi	Kekalkan	
46	Perincian kepada perenggan 45	Kekalkan	
47	Penggunaan tarikh pelaporan yang sama	Kekalkan	
48	Apabila tarikh pelaporan berbeza	Kekalkan	
49	Penggunaan polisi perakaunan yang sama	Kekalkan	
50-53	Perincian bagi perenggan 47-49	Kekalkan	
54	Kepentingan minoriti	Kekalkan	
54-57	Perincian kepada perenggan 54	Kekalkan	
58-61	Perakaunan bagi Entiti Dikawal, Entiti Dikawal Bersama dan Bersekutu dalam Penyata Kewangan Berasingan	Kekalkan	
62-64	Pendedahan	Pinda	Pendedahan yang perlu mengikut tuntutan syariah
65-68	Peruntukan transisi	Kekalkan	
69-70	Tarikh kuatkuasa	Kekalkan	

7.3 Rumusan

Perbincangan dalam bab ini meliputi cadangan pembangunan piawaian perakaunan patuh syariah bagi Institusi WZB yang dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian Pertama menjelaskan cadangan-cadangan pembangunan piawaian patuh syariah secara umum manakala Bahagian Kedua pula menjelaskan cadangan-cadangan pembangunan piawaian perakaunan patuh syariah secara terperinci dengan mengemukakan cadangan-cadangan pindaan kepada MPSAS 1, 2, 3 dan 6 secara spesifik.

Selain daripada itu, bab ini juga mencadangkan agar satu set piawaian khusus bagi entiti yang mentadbir WZB dibangunkan. Cadangan kandungan piawaian mengambil kira dapatan objektif pertama (jurang antara amalan pendedahan & MPSAS), objektif kedua (keperluan syariah dan batasan perundangan sivil), Kerangka Kerja Konseptual yang telah dibangunkan (setakat ini) dan dengan berpandukan Senarai Item Pendedahan Patuh Syariah yang telah dibangunkan. Perenggan MPSAS sedia ada dijadikan asas untuk mencadangkan sama ada perenggan berkenaan bersesuaian dan boleh dikekalkan atau perlu dipinda atau perlu dikeluarkan atau perlu ditambah perenggan baru.

BAB LAPAN

Rumusan, Limitasi dan Hala Tuju Kajian

8.0 Pengenalan

Bab Tujuh sebelum ini telah menjelaskan cadangan - cadangan pembangunan piawaian perakaunan patuh syariah bagi Institusi WZB secara umum dan spesifik, dengan merujuk kepada MPSAS 1, 2, 3 dan 6. Bab terakhir ini akan memberikan rumusan, limitasi dan halatuju kajian bagi pembangunan Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan dan piawaian perakaunan patuh syariah bagi Institusi WZB di Malaysia.

8.1 Rumusan

Secara amnya, beberapa rumusan boleh dibuat hasil daripada penyelidikan ini seperti berikut:

Pertama, penggunaan MPSAS untuk keperluan pendedahan dan pelaporan maklumat kewangan bagi Institusi WZB boleh digunapakai sebagai garis panduan umum dalam pembangunan piawaian perakaunan patuh syariah bagi Institusi WZB di Malaysia. Walaubagaimanapun, penggunaan MPSAS sahaja adalah tidak mencukupi untuk melaporkan secara komprehensif aktiviti-aktiviti Institusi WZB yang unik berbanding dengan entiti sektor awam yang dirujuk di dalam MPSAS. Sehubungan dengan itu, terdapat keperluan untuk meminda peruntukan-peruntukan di dalam MPSAS yang tidak bersesuaian dengan keperluan aktiviti-aktiviti Institusi WZB dan tuntutan keperluan Syariah. Pindaan atau peruntukan yang dicadangkan ke atas MPSAS berkaitan (MPSAS 1, 2, 3 dan 6) yang selaras dengan keperluan WZB dan Syariah telah di gariskan di dalam Bab Tujuh sebelum ini. Dalam kajian ini kehendak syariah diambilkira dengan memetakannya dengan prinsip yang termaktub di dalam Maqasid al Syariah.

Kedua, secara spesifiknya, cadangan berhubung pembangunan piawaian perakaunan patuh syariah bagi Institusi WZB melibatkan bentuk dan kandungan. Dari aspek bentuk piawaian, keperluan khusus serta keunikan aktiviti Institusi WZB, maka kajian ini mencadangkan agar satu set piawaian perakaunan khusus dibangunkan untuk memenuhi keperluan institusi yang mentadbir WZB. Dari aspek kandungan, perenggan MPSAS sedia ada dijadikan asas untuk mencadangkan sama ada perenggan berkenaan bersesuaian dan boleh dikekalkan atau

5. Kenyataan yang jelas tentang pematuhan MPSAS dibuat dalam nota. (MPSAS 1.28)	NA	NA	NA	NA	NA
6. Polisi perakaunan yang tidak bersesuaian tidak diperbetulkan samada melalui pendedahan tentang polisi perakaunan yang digunakan atau melalui nota atau bahan penjelasan. (MPSAS 1.30)	NA	NA	NA	NA	NA
7. Sebarang penyimpangan daripada keperluan piawaian (yang dibenarkan) dilakukan selaras dengan keperluan perenggan 32 (rujuk perkara #8 di bawah). (MPSAS 1.31) <i>Nota- Penyimpangan daripada keperluan piawaian yang dibenarkan ialah penyimpangan yang dikehendaki atau yang tidak dihalang oleh kerangka kawal selia dan yang amat jarang berlaku.</i>	NA	NA	NA	NA	NA

8. Pendedahan yang dibuat apabila berlaku penyimpangan daripada keperluan Piawaian (yang dibenarkan): (a) kenyataan bahawa penyata kewangan membentangkan secara saksama kedudukan kewangan, prestasi kewangan dan aliran tunai entiti. (b) kenyataan bahawa MPSAS yang terpakai dipatuhi kecuali penyimpangan daripada keperluan tertentu untuk mencapai pembentangan saksama. (c) tajuk piawaian berkaitan, jenis penyimpangan, termasuk kaedah yang dikehendaki oleh piawaian, alasan penyimpangan dan kaedah yang diguna pakai; dan (d) bagi setiap tempoh yang dibentangkan, kesan daripada penyimpangan tersebut ke atas setiap item yang akan dilaporkan dalam penyata kewangan sekiranya keperluan tersebut dipatuhi. (MPSAS 1.32)	NA	NA	NA	NA	NA
9. Apabila berlaku penyimpangan daripada keperluan Piawaian (yang dibenarkan) dalam tempoh sebelumnya, dan penyimpangan tersebut memberikan kesan terhadap jumlah yang diiktiraf dalam penyata kewangan bagi tempoh semasa, pendedahan dibuat selaras dengan perenggan 32 (c) dan (d) (rujuk perkara #8 di atas). (MPSAS 1.33)	NA	NA	NA	NA	NA

10. Apabila berlaku penyimpangan daripada keperluan Piawaian (yang tidak dibenarkan) pendedahan dibuat (a) tentang tajuk Piawaian berkaitan, jenis penyimpangan, termasuk kaedah yang dikehendaki oleh Piawaian, alasan penyimpangan dan dan kaedah yang diguna pakai. (b) bagi setiap tempoh yang dibentangkan, pelarasan ke atas setiap item dalam penyata kewangan yang telah diputuskan oleh pihak pengurusan yang diperlukan untuk mencapai pembentangan saksama. (MPSAS 1.35) <i>Nota - Penyimpangan daripada keperluan piawaian yang tidak dibenarkan ialah penyimpangan yang tidak dibenarkan oleh kerangka kawal selia dan amat jarang berlaku.</i>	NA	NA	NA	NA	NA
11. Penyata kewangan disediakan berasaskan andaian usaha berterusan. Apabila terdapat ketidakpastian tentang keupayaan untuk terus beroperasi sebagai usaha berterusan, ketidakpastian tersebut didedahkan. Apabila penyata kewangan tidak disediakan atas andaian usaha berterusan, fakta tersebut didedahkan, bersama dengan asas penyediaan penyata kewangan dan alasan mengapa entiti tidak dianggap sebagai usaha berterusan. (MPSAS 1.38)	1	1	1	1	1

12. Pembentangan dan klasifikasi item dalam penyata kewangan dikekalkan dari satu tempoh ke tempoh berikutnya melainkan: (a) terdapat perubahan signifikan dalam jenis operasi entiti atau pembentangan atau klasifikasi lain lebih wajar; atau (b) MPSAS menghendaki perubahan dalam pembentangan. (MPSAS 1.42)	1	1	1	1	1
13. Pembentangan secara berasingan setiap kelas yang material bagi item yang sama. Pembentangan secara berasingan item dengan sifat atau fungsi berbeza, melainkan item tersebut tidak material. (MPSAS 1.45)	0	0	0	0	0
14. Aset dan liabiliti, serta hasil dan belanja, tidak diofset melainkan dikehendaki atau dibenarkan oleh MPSAS. (MPSAS 1.48)	NA	NA	NA	NA	NA
15. Pembentangan maklumat bandingan bagi tempoh sebelumnya bagi semua amaun yang dilaporkan dalam penyata kewangan, melainkan apabila MPSAS membenarkan atau menghendaki sebaliknya. Maklumat bandingan merangkumi maklumat naratif dan deskriptif apabila maklumat tersebut adalah relevan untuk pemahaman penyata kewangan tempoh semasa. (MPSAS 1.53)	1	1	1	1	1
16. Apabila pembentangan atau pengkelasan item dalam penyata kewangan dipinda, amaun bandingan dikelaskan semula melainkan pengelasan semula sukar untuk dilakukan. Apabila amaun bandingan dikelaskan semula, pendedahan dibuat	NA	NA	NA	NA	NA

mengenai: (a) jenis pengelasan semula; (b) amaun bagi setiap item atau kelas item yang dikelaskan semula; dan (c) alasan berlakunya pengelasan semula. (MPSAS 1.55)					
17. Apabila pengelasan semula amaun bandingan sukar untuk dilakukan, pendedahan dibuat mengenai: (a) alasan jumlah itu tidak dikelaskan semula; dan (b) jenis pelarasan yang akan dibuat sekiranya amaun tersebut dikelaskan semula. (MPSAS 1.56)	NA	NA	NA	NA	NA
18. Penyata kewangan dikenal pasti dengan jelas, dan dibezakan daripada maklumat lain dalam dokumen sama yang diterbitkan. (MPSAS 1.61)	1	1	1	1	1

19. Setiap komponen penyata kewangan dikenal pasti dengan jelas. Maklumat berikut dinyatakan dengan jelas dan diulang apabila perlu bagi memastikan maklumat difahami: (a) Nama entiti pelapor atau cara pengenalanpastian lain, dan apa-apa perubahan pada maklumat dari tarikh pelaporan sebelumnya; (b) Penyata kewangan merangkumi entiti individu atau entiti ekonomi; (c) Tarikh pelaporan atau tempoh yang diliputi oleh penyata kewangan, mengikut kesesuaian komponen penyata kewangan; (d) Mata wang pembentangan; dan (e) Tahap pembundaran yang digunakan dalam pembentangan angka penyata kewangan. (MPSAS 1.63)	1	1	1	1	1
20. Penyata kewangan dibentangkan sekurang-kurangnya sekali setahun. Apabila tarikh pelaporan entiti berubah dan penyata kewangan tahunan yang dibentangkan untuk satu tempoh yang lebih panjang atau lebih pendek daripada satu tahun, tempoh yang diliputi serta maklumat berikut dinyatakan: (a) alasan mengapa menggunakan tempoh yang lebih panjang atau lebih pendek; dan (b) fakta bahawa jumlah perbandingan untuk penyata tertentu seperti penyata prestasi kewangan, penyata perubahan aset bersih/ekuiti, penyata aliran tunai, dan nota yang berkaitan tidak boleh dibandingkan sepenuhnya. (MPSAS 1.66)	NA	NA	NA	NA	NA

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN					
21. Aset dan liabiliti dibentangkan mengikut pengelasan semasa/bukan semasa secara berasingan pada muka penyata kedudukan kewangan, kecuali apabila pembentangan berdasarkan kecairan memberikan maklumat yang boleh dipercayai dan lebih relevan. Apabila pengecualian tersebut terpakai, semua aset dan liabiliti dibentangkan secara menyeluruh mengikut tahap kecairan. (MPSAS 1.70)	1	1	1	1	1
22. Apa sahaja kaedah pembentangan yang diguna pakai, bagi setiap butiran aset dan liabiliti yang menggabungkan jumlah yang dijangka akan diperolehi atau diselesaikan: (a) tidak lebih daripada dua belas bulan selepas tarikh pelaporan, dan (b) lebih daripada dua belas bulan selepas tarikh pelaporan, amaun yang dijangka diperolehi atau diselesaikan selepas lebih daripada dua belas bulan didedahkan. (MPSAS 1.71)	1	1	1	1	1

23. Aset dikelaskan sebagai semasa apabila menepati mana-mana kriteria berikut: (a) Aset dijangka direalisasi, atau dipegang untuk jualan atau digunakan dalam kitaran operasi biasa entiti; (b) Aset dipegang terutamanya untuk tujuan didagangkan; (c) Aset dijangka direalisasi dalam tempoh dua belas bulan selepas tarikh pelaporan; atau (d) Aset adalah tunai atau kesetaraan tunai, melainkan aset tersebut tidak boleh ditukar atau digunakan untuk menyelesaikan liabiliti sekurang-kurangnya dua belas bulan selepas tarikh pelaporan. Semua aset lain dikelaskan sebagai bukan semasa. (MPSAS 1.76)	1	0	1	1	0
24. Liabiliti dikelaskan sebagai liabiliti semasa apabila menepati mana-mana kriteria berikut: (a) Liabiliti dijangka diselesaikan dalam kitaran operasi biasa entiti; (b) Liabiliti dipegang terutamanya untuk tujuan didagangkan; (c) Liabiliti dijangka diselesaikan dalam tempoh dua belas bulan selepas tarikh pelaporan; atau (d) Entiti tidak mempunyai hak tanpa syarat untuk menangguhkan penyelesaian liabiliti untuk sekurang-kurangnya dua belas bulan selepas tarikh pelaporan. Semua liabiliti lain dikelaskan sebagai bukan semasa. (MPSAS 1.80)	1	1	1	1	1

25. Pada muka penyata kedudukan kewangan sekurang-kurangnya amaun butiran berikut dimasukkan: (a) Hartanah, loji dan peralatan; (b) Hartanah pelaburan; (c) Aset tak ketara; (d) Aset kewangan (tidak termasuk yang ditunjukkan di bawah (e), (g), (h) dan (i)); (e) Pelaburan dilaporkan menggunakan kaedah ekuiti; (f) Inventori; (g) Amaun boleh pulih dari urusan niaga bukan pertukaran (cukai dan pindahan); (h) Belum terima dari urusan niaga pertukaran; (i) Tunai dan kesetaraan tunai; (j) Cukai dan belum bayar boleh pindah; (k) Belum bayar dari urusan niaga pertukaran; (l) Peruntukan; (m) Liabiliti kewangan (tidak termasuk jumlah yang ditunjukkan di bawah (j), (k) dan (l)); (n) Kepentingan minoriti, dibentangkan dalam aset bersih/ekuiti; dan (o) Aset bersih/ekuiti yang merupakan bahagian pemilik entiti mengawal. (MPSAS 1.88)	0	1	0	0	1
26. Pembentangan butiran tambahan, tajuk dan sub-jumlah pada muka penyata kedudukan kewangan apabila pembentangan tersebut adalah relevan untuk memahami kedudukan kewangan entiti. (MPSAS 1.89)	1	1	1	1	1

27. Pendedahan samada pada muka penyata kedudukan kewangan atau dalam nota, sub-pengkelasan bagi butiran yang dibentangkan, yang dikelaskan dengan cara yang bersesuaian dengan operasi entiti. (MPSAS 1.93)	1	1	1	1	1
28. Pendedahan aset bersih/ekuiti apabila tiada modal saham, samada pada muka penyata kedudukan kewangan atau dalam nota, yang menunjukkan secara berasingan: (a) modal dicarum, sebagai jumlah terkumpul pada tarikh pelaporan bagi sumbangan daripada pemilik, ditolak pengagihan kepada pemilik; (b) Lebihan atau kurangan terkumpul; (c) Rizab, termasuk keterangan tentang jenis dan tujuan setiap rizab dalam aset bersih/ekuiti; dan (d) Kepentingan minoriti. (MPSAS 1.95)	1	1	1	1	0
29. Bagi pengkelasan semula antara liabiliti kewangan dan aset bersih/ekuiti bagi item berikut: (a) Instrumen kewangan boleh dijual yang dikelaskan sebagai instrumen ekuiti; atau (b) Instrumen yang mengenakan obligasi ke atas entiti untuk menyerahkan bahagian pro rata aset bersih entiti kepada pihak lain semasa pembubaran dan yang dikelaskan sebagai instrumen ekuiti; amaun yang dikelaskan semula kepada atau daripada setiap kategori (liabiliti kewangan atau aset bersih/ekuiti), dan pemasaan dan alasan bagi pengkelasan semula didedahkan (MPSAS 1.95A)	NA	NA	NA	NA	NA

30. Bagi modal saham, pendedahan berikut dibuat sama ada pada muka penyata kedudukan kewangan atau dalam nota: (a) Bagi setiap kelas modal saham: (i) Bilangan saham yang dibenarkan; (ii) Bilangan saham yang diterbitkan dan membayar penuh, dan bilangan saham yang diterbitkan tetapi tidak membayar penuh; (iii) Nilai par sesaham, atau saham yang tidak mempunyai nilai par; (iv) Penyesuaian bilangan saham <i>outstanding</i> pada awal dan akhir tahun; (v) Hak, keutamaan dan sekatan yang terdapat bagi kelas modal saham berkenaan, termasuk sekatan ke atas pengagihan dividen dan pembayaran balik modal; (vi) Saham entiti yang dipegang oleh entiti atau oleh entiti yang dikawal atau entiti bersekutu; dan (vii) Saham yang dikhaskan untuk terbitan di bawah opsyen dan kontrak untuk penjualan saham, termasuk terma dan amaun; dan (b) Keterangan tentang jenis dan tujuan setiap rizab dalam aset bersih/ekuiti. (MPSAS 1.98)	NA	NA	NA	NA	NA
PENYATA PRESTASI KEWANGAN					
31. Semua item hasil dan belanja yang diiktiraf dalam sesuatu tempoh dimasukkan ke dalam lebihan atau kurangan, melainkan MPSAS menghendaki sebaliknya. (MPSAS 1.99)	1	1	1	1	1

32. Pada muka penyata prestasi kewangan sekurang-kurangnya amaun butiran berikut bagi sesuatu tempoh: (a) Hasil; (b) Kos pembiayaan; (c) Bahagian lebihan atau kurangan daripada syarikat bersekutu dan usaha sama yang diakaunkan menggunakan kaedah ekuiti; (d) Laba atau kerugian sebelum cukai yang diiktiraf bagi pelupusan aset atau penyelesaian liabiliti disebabkan oleh penamatan operasi; dan (e) Lebihan atau kurangan. (MPSAS 1.102)	1	1	0	1	1
33. Item berikut didedahkan pada muka penyata prestasi kewangan sebagai agihan lebihan atau kurangan bagi sesuatu tempoh: (a) Lebihan atau kurangan yang merupakan bahagian kepentingan minoriti; dan (b) Lebihan atau kurangan yang merupakan bahagian pemilik yang mengawal entiti. (MPSAS 1.103)	1	1	1	1	1
34. Pembentangan butiran tambahan, tajuk dan sub-jumlah pada muka penyata prestasi kewangan sekiranya maklumat pembentangan tersebut relevan untuk memahami prestasi kewangan entiti. (MPSAS 1.104)	1	1	1	1	1
35. Pendedahan secara berasingan jenis dan amaun bagi item hasil dan belanja yang material. (MPSAS 1.106)	1	1	1	1	1

36. Pembentangan samada pada muka penyata prestasi kewangan atau dalam nota, sub-pengkelasan bagi jumlah hasil, yang dikelaskan mengikut cara yang bersesuaian dengan operasi entiti. (MPSAS 1.108)	1	1	1	1	1
37. Pembentangan samada pada muka penyata prestasi kewangan atau dalam nota, analisis perbelanjaan dengan menggunakan pengkelasan samada berdasarkan sifat belanja atau fungsi belanja, mengikut pengkelasan yang dapat menyediakan maklumat yang boleh dipercayai dan lebih relevan. (MPSAS 1.109)	1	1	1	1	1
38. Pendedahan tambahan tentang sifat belanja, termasuk belanja susut nilai dan pelunasan dan belanja manfaat pekerja dilakukan apabila belanja dikelas berdasarkan fungsi. (MPSAS 1.115)	1	1	1	1	1
39. Pendedahan sama ada pada muka penyata prestasi kewangan atau penyata perubahan aset bersih/ekuiti, atau dalam nota, amaun dividen atau pengagihan sama yang diiktiraf sebagai pengagihan kepada pemilik dalam tempoh berserta amaun sesahamnya. (MPSAS 1.117)	1	1	1	1	1

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI					
40. Penyata perubahan aset bersih/ekuiti (juga dikenali sebagai Kumpulan Wang Disatukan) menunjukkan maklumat berikut pada muka penyata: (a) Lebihan atau kurangan bagi tempoh; (b) Ringkasan baki Akaun Amanah Kerajaan; (c) Setiap item hasil dan belanja bagi tempoh seperti dikehendaki dalam piawaian lain, diiktiraf secara langsung di dalam aset bersih/ekuiti, dan jumlah item tersebut; (d) Jumlah hasil dan belanja bagi tempoh (dikira sebagai jumlah (a) dan (c), dengan menunjukkan secara berasingan amaun yang merupakan bahagian pemilik yang mengawal entiti dan bahagian kepentingan minoriti; dan (e) Bagi setiap komponen aset bersih/ekuiti yang dinyatakan secara berasingan, kesan daripada perubahan polisi perakaunan dan pembetulan kesilapan yang diiktiraf selaras dengan MPSAS 3 – Polisi perakaunan, perubahan anggaran perakaunan dan kesilapan (atau piawaian perakaunan yang diaplikasi di institusi anda). (MPSAS 1.118)	1	1	1	1	1

41. Pembentangan sama ada pada muka penyata perubahan aset bersih/ekuiti atau dalam nota: a. Amaun urus niaga dengan pemilik yang bertindak mengikut kapasiti mereka sebagai pemilik, dengan menunjukkan secara berasingan agihan kepada pemilik; b. Baki lebihan atau kekurangan terkumpul pada awal tempoh dan pada tarikh pelaporan, dan perubahan sepanjang tempoh; dan c. Bagi komponen aset bersih/ekuiti yang didedahkan secara berasingan, penyesuaian amaun bawaan bagi setiap komponen aset bersih/ekuiti pada awal dan akhir tempoh, dengan mendedahkan secara berasingan setiap perubahan. (MPSAS 1.119)	1	1	1	1	1
NOTA KEPADA AKAUN					
42. Nota: a. Membentangkan maklumat tentang asas penyediaan penyata kewangan dan polisi perakaunan khusus yang digunakan; b. Mendedahkan maklumat yang dikehendaki oleh MPSAS yang tidak dibentangkan pada muka penyata kewangan ; dan c. Memberikan maklumat tambahan yang tidak dibentangkan pada muka penyata kewangan, tetapi maklumat tersebut adalah relevan untuk memahami mana-mana penyata berkenaan. (MPSAS 1.127)	1	1	1	1	1
43. Nota dibentangkan dengan cara yang sistematik. Setiap item pada muka penyata kewangan dirujuk silang kepada maklumat yang berkaitan dalam nota. (MPSAS 1.128)	1	1	1	1	1

44. Pendedahan ringkasan polisi perakaunan yang signifikan: a. Asas pengukuran yang digunakan; b. Setakat mana peruntukan peralihan dalam mana-mana MPSAS digunakan; dan c. Polisi perakaunan lain yang digunakan yang relevan bagi memahami penyatakewangan. (MPSAS 1.132)	1	1	1	0	1
45. Pertimbangan, selain yang melibatkan anggaran, yang telah dibuat oleh pihak pengurusan didedahkan dalam ringkasan polisi perakaunan yang signifikan atau nota lain. (MPSAS 1.137)	1	0	0	0	0
46. Pendedahkan dalam nota, maklumat tentang: a. andaian utama tentang masa depan, dan b. sumber lain berhubung ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan yang mempunyai risiko signifikan dan menyebabkan pelarasan material terhadap amaun bawaan bagi aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang. Bagi aset dan liabiliti tersebut, nota memberi perincian tentang: (i) sifat; dan (ii) amaun bawaan pada tarikh pelaporan. (MPSAS 1.140)	0	0	0	0	0
47. Maklumat yang membolehkan pengguna penyata kewangan menilai objektif, dasar, dan proses pengurusan modal entiti didedahkan. (MPSAS 1.148A)	NA	NA	NA	NA	NA

48. Pendedahan bagi instrumen kewangan boleh dijual yang dikelaskan sebagai instrumen ekuiti, (sekiranya tidak didedahkan di tempat lain): a. Ringkasan data kuantitatif tentang amaun yang diklasifikasikan sebagai aset bersih/ekuiti; b. Objektif, dasar dan proses untuk menguruskan obligasinya bagi membeli balik atau menebus instrumen apabila dikehendaki berbuat demikian oleh pemegang instrumen, termasuk apa-apa perubahan daripada tempoh sebelumnya; c. Aliran keluar tunai yang dijangka ke atas penebusan atau pembelian semula kelas instrumen kewangan tersebut; dan d. Maklumat tentang bagaimana menentukan jangkaan aliran keluar tunai ke atas penebusan atau pembelian semula. (MPSAS 1.148D)	NA	NA	NA	NA	NA
49. Pendedahan dalam nota: a. Amaun dividen, atau pengagihan yang seumpamanya, yang dicadang atau diisytihar sebelum penyata kewangan diluluskan untuk diterbitkan, tetapi tidak diiktiraf sebagai pengagihan kepada pemilik dalam tempoh tersebut, dan amaun sesahamnya; dan b. Amaun bagi apa-apa dividen keutamaan tertunggak, atau pengagihan yang seumpamanya, yang tidak diiktiraf. (MPSAS 1.149)	NA	NA	NA	NA	NA

50. Pendedahan perkara berikut dalam nota, sekiranya tidak didedahkan di tempat lain: a. Domisil dan bentuk sah entiti, dan bidang kuasa di mana entiti beroperasi; b. Keterangan tentang sifat operasi dan aktiviti utama entiti; c. Rujukan kepada undang-undang relevan yang mengawal operasi entiti; d. Nama entiti yang mengawal dan entiti induk yang mengawal entiti ekonomi (jika berkenaan); dan e. Jangka hayat entiti sekiranya entiti mempunyai jangka hayat terhad. (MPSAS 1.150)	1	0	0	0	0
Jumlah skor	31/35	29/35	28/35	27/35	29/35
Peratus skor	91	83	80	77	83

MPSAS 2 Penyata Aliran Tunai

MPSAS 2	Adakah amalan semasa pelaporan institusi anda selari dengan keperluan MPSAS ini? (Sila tanda v jika Ya, X jika Tidak dan N/A jika Tidak Berkenaan)				
	SELANGOR	NEGERI SEMBILAN	MELAKA	JOHOR	SABAH
1. Penyata aliran tunai melaporkan aliran tunai sepanjang tempoh yang dikelaskan kepada aktiviti operasi, pelaburan dan pembiayaan (MPSAS 2.18)	1	1	1	1	1
2. Aliran tunai daripada aktiviti operasi dilaporkan menggunakan samada a) kaedah langsung di mana penerimaan tunai dan pembayaran tunai kasar didedahkan; atau b) kaedah tak langsung di mana lebihan atau kekurangan diselaraskan bagi mengambilkira urusan niaga bukan tunai, akruan/tundaan aliran tunai operasi tempoh lepas/hadapan dan urusan niaga pelaburan atau pembiayaan (MPSAS 2.27)	1	1	1	1	1
3. Kelas utama terimaan dan bayaran tunai kasar yang terhasil daripada aktiviti pelaburan dan pembiayaan dilaporkan secara berasingan kecuali aliran tunai yang dilaporkan mengikut asas bersih. (MPSAS 2.31)	1	1	1	1	1

4. Aliran tunai yang terhasil daripada aktiviti operasi, pelaburan atau pembiayaan seperti berikut boleh dilaporkan pada asas bersih: a) terimaan dan bayaran tunai yang dibuat bagi pihak lain seperti pelanggan, pembayar cukai atau benefisiari yang menggambarkan aliran tunai aktiviti pihak tersebut; dan b) terimaan dan bayaran tunai bagi item yang mempunyai pusing ganti yang cepat, amaun besar dan tempoh matang yang pendek (MPSAS 2.32)	NA	NA	NA	NA	NA
5. Aliran tunai dari aktiviti berikut bagi institusi kewangan awamboleh dilaporkan pada asas bersih: a) terimaan dan bayaran tunai bagi penerimaan dan bayaran balik deposit pada tarikh matang yang ditentukan; b) perletakan deposit dengan, dan pengeluaran deposit daripada, institusi kewangan lain; dan c) pendahuluan tunai dan pinjaman yang dibuat kepada pelanggan dan bayaran balik pendahuluan dan pinjaman tersebut (MPSAS 2.35)	NA	NA	NA	NA	NA
6. Aliran tunai yang terhasil daripada urus niaga dalam mata wang asing direkodkan dalam mata wang fungsian dengan menukarkan amaun mata wang asing tersebut mengikut kadar tukaran antara mata wang fungsian dengan mata wang asing pada tarikh aliran tunai berlaku (MPSAS 2.36)	NA	NA	NA	NA	NA

7. Aliran tunai entiti asing yang dikawal ditukar mengikut kadar tukaran antara mata wang fungsian dengan mata wang asing pada tarikh aliran tunai berlaku. (MPSAS 2.37)	NA	NA	NA	NA	NA
8. Aliran tunai dari faedah dan dividen atau agihan yang seumpamanya yang diterima atau dibayar didedahkan secara berasingan dengan pengkelasan yang konsisten dari tempoh ke tempoh, samada sebagai aktiviti operasi, pelaburan atau pembiayaan. (MPSAS 2.40)	1	0	0	0	1
9. Aliran tunai yang terhasil daripada cukai ke atas lebihan bersih dinyatakan secara berasingan dan dikelaskan sebagai aliran tunai daripada aktiviti operasi, melainkan boleh dikenal pasti secara khusus sebagai aktiviti pembiayaan dan pelaburan. (MPSAS 2.44)	NA	NA	NA	NA	NA
10. Aliran tunai agregat yang terhasil daripada perolehan dan pelupusan bagi entiti yang dikawal atau unit operasi lain perlu dibentangkan secara berasingan sebagai aktiviti pelaburan. (MPSAS 2.49)	NA	NA	NA	NA	NA

11. Maklumat berikut yang melibatkan perolehan dan pelupusan entiti yang dikawal atau unit operasi lain dalam tempoh semasa dinyatakan secara agregat: a) Balasan bagi pembelian atau pelupusan; b) Bahagian balasan bagi pembelian atau pelupusan yang dijelaskan secara tunai dan kesetaraan tunai; c) amaun tunai dan kesetaraan tunai dalam entiti yang dikawal atau unit operasi yang diperoleh atau dilupuskan; dan d) amaun aset dan liabiliti, selain tunai atau kesetaraan tunai, diiktiraf oleh entiti yang dikawal atau unit operasi yang diperoleh atau dilupuskan, diringkaskan mengikut setiap kategori utama. (MPSAS 2.50)	NA	NA	NA	NA	NA
12. Urus niaga pelaburan dan pembiayaan yang tidak melibatkan penggunaan tunai atau kesetaraan tunai tidak dimasukkan dalam penyata aliran tunai. Urus niaga tersebut dinyatakan di bahagian lain dalam penyata kewangan dalam cara yang dapat memberikan semua maklumat yang berkaitan tentang aktiviti pelaburan dan pembiayaan ini. (MPSAS 2.50)	NA	NA	NA	NA	NA
13. Komponen tunai dan kesetaraan tunai didedahkan dan penyesuaian ditunjukkan di antara amaun dalam penyata aliran tunai dengan item yang setara yang dilaporkan dalam penyata kedudukan kewangan. (MPSAS 2.56)	1	1	1	1	1

14. Amaun baki tunai dan kesetaraan tunai yang signifikan dipegang oleh entiti dan tidak boleh digunakan oleh entiti ekonomi (kumpulan) didedahkan dalam nota kepada penyata kewangan, beserta ulasan oleh pengurusan. (MPSAS 2.59)	NA	NA	NA	NA	NA
Jumlah skor	5/5	4/5	4/5	4/5	5/5
Peratus skor	100%	80%	80%	80%	100%

MPSAS 3 Polisi Perakaunan, Perubahan Anggaran Perakaunan Dan Kesilapan

MPSAS 3	Adakah amalan semasa pelaporan institusi anda selari dengan keperluan MPSAS ini? (Sila tanda v jika Ya, X jika Tidak dan N/A jika Tidak Berkenaan)				
	SELANGOR	NEGERI SEMBILAN	MELAKA	JOHOR	SABAH
Polisi perakaunan					
1. Apabila sesuatu MPSAS diaplikasi secara spesifik ke atas sesuatu urusaniaga, peristiwa atau keadaan, polisi perakaunan yang diaplikasi ditentukan dengan menggunakan piawaian ini (MPSAS 3). (MPSAS 3.9)	NA	NA	NA	NA	NA
2. Dalam keadaan di mana tiada MPSAS khusus untuk diaplikasikan ke atas sesuatu urusaniaga, lain-lain peristiwa atau keadaan, pertimbangan digunakan bagi membangun dan mengaplikasi polisi perakaunan yang menghasilkan maklumat dengan ciri berikut: a) Relevan kepada keperluan pembuatan keputusan pengguna; dan b) Boleh dipercayai, di mana penyata kewangan: (i) Memberi perwakilan benar kedudukan kewangan, prestasi kewangan dan aliran tunai entiti; (ii) Mencerminkan intipati ekonomi (<i>economic substance</i>) urusaniaga, lain-lain peristiwa dan keadaan, bukan hanya bentuk perundangan; (iii) adalah neutral, iaitu bebas daripada bias; (iv) adalah pruden; dan (v) adalah lengkap dalam segala aspek yang material. (MPSAS 3.12)	1	1	1	1	1

3. Dalam membuat pertimbangan bagi membangunkan polisi (di mana tiada MPSAS khusus), sumber berikut dirujuk dan keaplikasiannya dipertimbangkan mengikut urutan menurun: a) Keperluan dalam MPSAS berhubung isu yang sama dan berkaitan; dan b) Definisi, kriteria pengiktirafan dan pengukuran bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja seperti yang dinyatakan dalam MPSAS lain. (MPSAS 3.14)	NA	NA	NA	NA	NA
4. Dalam membuat pertimbangan bagi membangunkan polisi (di mana tiada MPSAS khusus), perkara berikut turut dipertimbangkan: a) Terbitan terkini badan penetapan piawaian lain dan; b) Amalan sektor awam atau swasta yang diterima umum; setakat mana ianya tidak bercanggah dengan sumber-sumber dalam perenggan 14 (no. 3 di atas). Contoh terbitan yang dimaksudkan termasuk terbitan oleh <i>MASB</i>, yang merangkumi Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan, <i>MFRS</i> dan <i>IC Interpretations</i>. (MPSAS 3.15)	1	1	1	1	1
5. Polisi perakaunan dipilih dan diaplikasi secara tekal bagi urusaniaga, lain-lain peristiwa dan keadaan yang sama; kecuali sekiranya terdapat MPSAS khusus yang menghendaki atau membenarkan aplikasi polisi yang berlainan yang lebih bersesuaian. (MPSAS 3.16)	1	1	1	1	1

PERUBAHAN POLISI PERAKAUNAN					
6. Sesebuah entiti dibenarkan menukar polisi perakaunan sekiranya perubahan tersebut: a) Dikehendaki oleh MPSAS; atau b) Menghasilkan maklumat penyata kewangan yang boleh dipercayai dan lebih relevan tentang kesan urusaniaga, lain-lain peristiwa dan keadaan ke atas kedudukan kewangan, prestasi kewangan, atau aliran tunai entiti. (MPSAS 3.17)	NA	NA	NA	NA	NA
7. Perubahan daripada satu asas perakaunan kepada asas perakaunan yang lain merupakan perubahan polisi perakaunan. (MPSAS 3.19)	NA	NA	NA	NA	NA
8. Perubahan layanan perakaunan, pengiktirafan atau pengukuran sesuatu urusaniaga, peristiwa atau keadaan dalam sesuatu asas perakaunan dianggap sebagai perubahan polisi perakaunan. (MPSAS 3.20)	NA	NA	NA	NA	NA
9. Berikut bukan merupakan perubahan polisi perakaunan: a) Pengaplikasian sesuatu polisi perakaunan bagi urusaniaga, lain-lain peristiwa atau keadaan yang berbeza dari segi intipati (<i>substance</i>) daripada apa yang telah berlaku sebelumnya; dan b) Pengaplikasian polisi perakaunan baru ke atas urusaniaga, lain-lain peristiwa atau keadaan yang tidak berlaku sebelumnya atau yang tidak material. (MPSAS 3.21)	NA	NA	NA	NA	NA

10. Aplikasi awal bagi polisi untuk menilai semula aset selaras dengan MPSAS 17 Hartanah, Logi dan Peralatan, atau MPSAS 31 Aset Tak Zahir, adalah merupakan perubahan polisi perakaunan yang diambilkira sebagai penilaian semula selaras dengan MPSAS 17 atau MPSAS 31, dan bukan piawaian ini. (MPSAS 3.22)	NA	NA	NA	NA	NA
11. Tertakluk kepada perenggan 28 (rujuk no. 13 di bawah): a) Aplikasi awal sesuatu MPSAS selaras dengan peruntukan transisi khusus diakaunkan sebagai perubahan polisi perakaunan; dan b) Perubahan polisi perakaunan diaplikasi secara retrospektif apabila entiti melakukan perubahan polisi perakaunan kerana melakukan aplikasi awal sesuatu MPSAS yang tidak mempunyai peruntukan transisi khusus atau apabila melakukan perubahan polisi perakaunan secara sukarela. (MPSAS 3.24)	NA	NA	NA	NA	NA
Aplikasi retrospektif					
12. Tertakluk kepada perenggan 28 (rujuk no 13 di bawah), apabila perubahan polisi perakaunan diaplikasi secara retrospektif, entiti membuat pelarasan ke atas baki awal setiap komponen aset bersih/ekuiti yang berkenaan bagi tempoh bandingan terawal, seolah-olah polisi perakaunan tersebut telah diaplikasikan selama ini. (MPSAS 3.27)	NA	NA	NA	NA	NA

Limitasi aplikasi retrospektif					
13. Apabila aplikasi retrospektif diperlukan selaras dengan perenggan 24(a) atau (b), perubahan polisi perakaunan perlu diaplikasi secara retrospektif, kecuali apabila terdapat kesukaran untuk menentukan kesan tempoh khusus atau kesan terkumpul. (MPSAS 3.28)	NA	NA	NA	NA	NA
14. Apabila terdapat kesukaran untuk menentukan kesan tempoh khusus perubahan polisi perakaunan ke atas maklumat bandingan satu atau lebih tempoh yang dibentangkan, entiti mengaplikasi polisi perakaunan yang baru ke atas amaun bawaan aset dan liabiliti pada awal tempoh bandingan terawal di mana aplikasi retrospektif boleh dilaksanakan, yang mungkin merupakan tempoh semasa dan melakukan pelarasan yang bersesuaian ke atas baki awal setiap komponen aset bersih/ekuiti yang berkaitan bagi tempoh berkenaan. (MPSAS 3.29)	NA	NA	NA	NA	NA
15. Apabila terdapat kesukaran untuk menentukan kesan terkumpul pada awal tempoh semasa ketika mengaplikasi polisi perakaunan baru ke atas tempoh-tempoh sebelumnya, entiti membuat pelarasan ke atas maklumat bandingan bagi mengaplikasi polisi tersebut secara prospektif daripada tarikh terawal yang boleh dilaksanakan. (MPSAS 3.30)	NA	NA	NA	NA	NA

PENDEDAHAN POLISI PERAKAUNAN					
16. Apabila aplikasi awal sesuatu MPSAS (a) memberi kesan ke atas tempoh semasa atau mana-mana tempoh sebelumnya, (b) mempunyai kesan seumpamanya tetapi sukar untuk menentukan amaun pelarasan atau (c) mempunyai kesan ke atas tempoh hadapan, entiti mendedahkan: (a) Tajuk piawaian berkenaan; (b) perubahan dalam polisi perakaunan dilakukan selaras dengan peruntukan transisi; (c) sifat perubahan polisi perakaunan; (d) keterangan mengenai peruntukan transisi; (e) peruntukan transisi yang mungkin mempunyai kesan ke atas tempoh hadapan; (f) Bagi tempoh semasa dan setiap tempoh sebelumnya yang dibentangkan, sekadar yang boleh dilakukan, amaun pelarasan dalam penyata kewangan bagi setiap butiran (<i>line item</i>) yang terlibat; (g) Amaun pelarasan bagi tempoh-tempoh sebelum tempoh yang dibentangkan, sekadar yang boleh dilaksanakan; dan (h) aplikasi retrospektif selaras dengan perenggan 24(a) atau (b) adalah sukar untuk dilakukan bagi tempoh lepas tertentu atau tempoh-tempoh sebelum tempoh yang dibentangkan, keadaan yang menyebabkan perkara tersebut dan penerangan mengenai bagaimana dan bila perubahan polisi perakaunan telah diaplikasikan. Penyata kewangan tempoh seterusnya tidak perlu mengulangi pendedahan berkenaan. (MPSAS 3.33)	NA	NA	NA	NA	NA

17. Apabila perubahan dalam polisi perakaunan yang dibuat secara sukarela (a) memberi kesan ke atas tempoh semasa atau mana-mana tempoh sebelumnya, (b) memberi kesan ke atas tempoh seumpamanya tetapi sukar untuk menentukan amaun pelarasan, atau (c) mungkin memberi kesan ke atas tempoh hadapan, entiti mendedahkan: a) Sifat perubahan polisi perakaunan; b) Sebab mengapa pengaplikasian polisi perakaunan baru menghasilkan maklumat yang boleh dipercayai dan lebih relevan; c) Bagi tempoh semasa dan setiap tempoh lepas yang dipersembahkan, sekadar yang dapat dilaksanakan, amaun pelarasan bagi setiap butiran (<i>line item</i>) dalam penyata kewangan yang terkesan; d) Amaun pelarasan berhubung tempoh-tempoh lepas sebelum tempoh yang dipersembahkan, sekadar yang boleh dilaksanakan; dan e) Sekiranya aplikasi retrospektif sukar untuk dilakukan bagi tempoh lepas tertentu atau bagi tempoh lepas sebelum tempoh yang dipersembahkan, keadaan yang menyebabkan perkara tersebut dan penerangan mengenai bagaimana dan bila perubahan polisi perakaunan telah diaplikasikan. Penyata kewangan tempoh seterusnya tidak perlu mengulangi pendedahan berkenaan. (MPSAS 3.34)	NA	NA	NA	NA	NA
---	----	----	----	----	----

18. Apabila entiti belum mengaplikasi MPSAS baru yang telah diterbitkan tetapi belum dikuatkuasakan, maklumat berikut didedahkan: a) Fakta ini; dan b) Maklumat yang diketahui atau maklumat jangkaan yang relevan untuk menilai kesan aplikasi piawaian baru ke atas penyata kewangan entiti dalam tempoh aplikasi awal piawaian. (MPSAS 3.35)	NA	NA	NA	NA	NA
PERUBAHAN ANGGARAN PERAKAUNAN					
19. Kesan perubahan anggaran perakaunan selain daripada perubahan yang selaras dengan perenggan 42 (rujuk no. 20 di bawah), hendaklah diiktiraf secara prospektif dengan mengambilkira kesan perubahan tersebut dalam lebihan atau kurangan dalam: a) Tempoh perubahan itu berlaku, sekiranya perubahan tersebut hanya memberi kesan ke atas tempoh berkenaan sahaja; atau b) Tempoh perubahan berlaku dan tempoh-tempoh seterusnya, sekiranya perubahan tersebut memberi kesan kepada kedua-dua tempoh berkenaan. (MPSAS 3.41)	NA	NA	NA	NA	NA
20. Setakat mana perubahan anggaran perakaunan menyebabkan perubahan ke atas aset dan liabiliti, atau berkait dengan item aset bersih/ekuiti, ianya diiktiraf dengan membuat pelarasan ke atas amaun bawaan aset atau liabiliti yang berkenaan, atau item aset bersih/ekuiti dalam tempoh perubahan berlaku. (MPSAS 3.42)	NA	NA	NA	NA	NA

PENDEDAHAN PERUBAHAN ANGGARAN PERAKAUNAN					
21. Entiti mendedahkan sifat dan amaun berhubung perubahan anggaran perakaunan yang memberi kesan kepada tempoh semasa atau dijangka memberi kesan kepada tempoh hadapan, kecuali apabila kesan ke atas tempoh hadapan sukar untuk anggarkan. (MPSAS 3.44)	NA	NA	NA	NA	NA
22. Sekiranya amaun kesan ke atas tempoh hadapan tidak didedahkan disebabkan sukar untuk dianggarkan, fakta tersebut didedahkan. (MPSAS 3.45)	NA	NA	NA	NA	NA
KESILAPAN					
23. Tertakluk kepada perenggan 48 (rujuk no. 24 di bawah), entiti memperbetulkan kesilapan tempoh lepas secara retrospektif dalam set pertama penyata kewangan yang diterbitkan selepas kesilapan ditemui dengan: a) Membuat pernyataan semula amaun bandingan bagi tempoh yang dipersembahkan di mana kesilapan berlaku; atau b) Membuat pernyataan semula ke atas baki awal aset, liabiliti, dan aset bersih/ekuiti bagi tempoh lepas terawal yang dibentangkan sekiranya kesilapan berlaku pada tempoh sebelum tempoh lepas terawal yang dibentangkan. (MPSAS 3.47)	1	1	1	1	1

LIMITASI PENYATAAN SEMULA RETROSPEKTIF					
24. Kesilapan tempoh lepas boleh diperbetulkan dengan penyataan semula retrospektif, kecuali pada tahap di mana sukar untuk menentukan kesan kesilapan tempoh khusus atau kesan terkumpul kesilapan tersebut. (MPSAS 3.48)	NA	NA	NA	NA	NA
25. Apabila sukar untuk menentukan kesan kesilapan tempoh khusus ke atas maklumat perbandingan bagi satu atau lebih tempoh lepas yang dibentangkan, entiti membuat penyataan semula ke atas baki awal aset, liabiliti dan aset bersih/ekuiti bagi tempoh terawal penyataan semula retrospektif boleh dilakukan (yang mungkin merupakan tempoh semasa). (MPSAS 3.49)	NA	NA	NA	NA	NA
26. Apabila sukar untuk menentukan kesan terkumpul kesilapan tempoh lepas pada awal tempoh semasa, entiti membuat penyataan semula maklumat bandingan bagi memperbetulkan kesilapan tersebut secara prospektif bermula daripada tarikh terawal yang dapat dilakukan. (MPSAS 3.50)	NA	NA	NA	NA	NA

PENDEDAHAN KESILAPAN TEMPOH LEPAS					
27. Dalam mengaplikasi perenggan 47, entiti mendedahkan: a) Sifat kesilapan tempoh lepas; b) Amaun pembetulan bagi setiap butiran penyata kewangan yang terkesan bagi setiap tempoh lepas yang dipersembahkan, sekadar yang boleh dilakukan; c) Amaun pembetulan pada awal tempoh lepas terawal yang dipersembahkan; dan d) Sekiranya penyataan semula retrospektif sukar untuk dilakukan pada mana-mana tempoh lepas, situasi yang menyebabkan keadaan ini berlaku dan keterangan mengenai bagaimana dan bila kesilapan diperbetulkan. Penyata kewangan tempoh seterusnya tidak perlu mengulangi pendedahan berkenaan. (MPSAS 3.54)	0	0	0	0	0
Jumlah skor	4/5	4/5	4/5	4/5	4/5
Peratus skor	80%	80%	80%	80%	80%

MPSAS 6 Penyata Kewangan Disatukan Dan Penyata Kewangan Berasingan

MPSAS 6	Adakah amalan semasa pelaporan institusi anda selari dengan keperluan MPSAS ini? (Sila tanda v jika Ya, X jika Tidak dan N/A jika Tidak Berkenaan)				
	SELANGOR	NEGERI SEMBILAN	MELAKA	JOHOR	SABAH
PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN DISATUKAN					
1. Entiti ekonomi terdiri daripada entiti pengawal dan entiti-entiti yang dikawal. (MPSAS 6.12)	1	1	1	1	1
2. Entiti ekonomi boleh merangkumi kedua-dua entiti yang mempunyai polisi sosial dan entiti yang mempunyai objektif komersial. (MPSAS 6.14)	1	1	1	1	1
3. Apabila entiti mempunyai kepentingan kawalan ke atas entiti lain, penyata kewangan disatukan disediakan yang menyatukan semua entiti yang dikawal selaras dengan keperluan piawaian ini (MPSAS 6). (MPSAS 6.15)	1	1	1	1	0

4. Penyata kewangan disatukan tidak disediakan jika & hanya jika a) Entiti pengawal ialah (i) Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri; atau (ii) entiti yang dikawal milik penuh, dan pengguna penyata kewangan disatukan berkemungkinan tidak wujud atau keperluan maklumat pengguna telah dipenuhi oleh penyata kewangan disatukan yang disediakan oleh entiti pengawalnya; atau (iii) entiti yang dikawal bukan milik penuh, dan semua pemilik telah dimaklumkan dan tidak membantah tindakan tidak menyediakan penyata kewangan disatukan; b) instrument hutang atau ekuiti entiti pengawal tidak diperdagangkan di pasaran awam; c) entiti pengawal tidak menfail atau sedang dalam proses menfail penyata kewangannya dengan suruhanjaya sekuriti atau badan pengawalselia lain untuk tujuan melakukan terbitan sebarang kelas instrument ke pasaran awam; dan d) entiti pengawal muktamad atau entiti pengawal pertengahan menyediakan penyata kewangan disatukan yang boleh digunakan oleh orang awam yang mematuhi keperluan MPSAS. (MPSAS 6.16)	NA	NA	NA	NA	NA
--	----	----	----	----	----

5. Penyata kewangan disatukan mengambilkira semua entiti yang dikawal kecuali apabila kawalan adalah sementara seperti yang dinyatakan dalam perenggan 21. (MPSAS 6.20)	1	1	1	1	1
6. Entiti yang dikawal tidak disatukan jika terdapat bukti bahawa; a) kawalan adalah sementara dan entiti yang dikawal diperolehi dan dipegang semata-mata dengan tujuan untuk dijual dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh perolehan; dan b) pihak pengurusan sedang aktif mencari pembeli (MPSAS 6.21)	NA	NA	NA	NA	NA
7. Dalam menyediakan penyata kewangan disatukan semua baki, urusniaga, hasil dan belanja antara entiti dalam entiti ekonomi (kumpulan) telah dihapuskan sepenuhnya. (MPSAS 6.45)	1	1	1	1	1
8. Penyata kewangan entiti pengawal dan entiti yang dikawal yang digunakan untuk menyediakan penyata kewangan disatukan disediakan berdasarkan tarikh pelaporan yang sama. Sekiranya terdapat perbezaan dalam tarikh pelaporan, untuk tujuan penyatuan, entiti yang dikawal menyediakan penyata kewangan tambahan dengan tarikh pelaporan yang bersamaan dengan tarikh pelaporan entiti pengawal kecuali perkara tersebut sukar untuk dilaksanakan. (MPSAS 6.47)	1	1	1	1	1

9. Dalam keadaan di mana penyata kewangan entiti yang dikawal mempunyai tarikh pelaporan yang berbeza dari entiti pengawal (selaras dengan perenggan 47), pelarasan perlu dilakukan bagi mengambilkira kesan urusanniaga atau peristiwa penting yang berlaku di antara tarikh tersebut. Walau bagaimanapun perbezaan antara tarikh tidak boleh melebihi tiga bulan. Tempoh masa pelaporan dan perbezaan dalam tarikh pelaporan perlu sama dari satu tempoh ke satu tempoh yang lain. (MPSAS 6.48)	NA	NA	NA	NA	NA
10. Penyata kewangan disatukan disediakan menggunakan polisi yang seragam bagi urusanniaga dan peristiwa lain yang sama. (MPSAS 6.49)	1	1	1	1	1
11. Kepentingan minoriti dibentangkan dalam penyata kedudukan kewangan disatukan dalam aset bersih/ekuiti, berasingan dari aset bersih/ekuiti entiti pengawal. Kepentingan minoriti dalam lebihan atau kekurangan entiti ekonomi juga didedahkan secara berasingan. (MPSAS 6.54)	NA	NA	NA	NA	NA

12. Di dalam penyata kewangan berasingan, pelaburan dalam entiti dikawal, entiti dikawal bersama dan syarikat bersekutu diakaunkan: (a) berdasarkan kaedah ekuiti selaras dengan MPSAS 7; (b) pada kos; atau (c) sebagai instrumen kewangan selaras dengan MPSAS 29. Kaedah perakaunan yang sama digunapakai bagi setiap kategori pelaburan. (MPSAS 6.58)	NA	NA	NA	NA	NA
13. Entiti dikawal, entiti dikawal bersama, dan syarikat bersekutu yang diakaunkan sebagai instrument kewangan di dalam penyata kewangan disatukan diakaunkan dengan cara yang sama dalam penyata kewangan berasingan pelabur. (MPSAS 6.60)	NA	NA	NA	NA	NA

PENDEDAHAN					
14. Maklumat yang didedahkan dalam penyata kewangan disatukan: (a) Senarai entiti yang dikawal yang signifikan; (b) Fakta bahawa entiti yang dikawal tidak disatukan kerana kawalan adalah sementara; (c) Ringkasan maklumat kewangan entiti yang dikawal yang tidak disatukan, samada secara bersendirian atau secara berkumpulan, termasuk jumlah aset, jumlah liabiliti, hasil dan lebihan atau kurangan; (d) Nama entiti yang dikawal di mana kepentingan pemilikan/atau hak mengundi adalah 50% atau kurang, dengan menyertakan penerangan bagaimana kawalan wujud; (e) Sebab mengapa kepentingan pemilikan/atau hak mengundi yang melebihi 50% dalam syarikat dilabur tidak menyebabkan wujud kawalan; (f) Tarikh pelaporan entiti dikawal apabila penyata kewangan yang digunakan untuk menyediakan penyata kewangan disatukan mempunyai tarikh pelaporan atau tempoh yang berbeza dari tarikh pelaporan entiti pengawal, dan sebab mengapa tarikh pelaporan atau tempoh berbeza digunakan; (g) Sifat dan tahap sekatan yang signifikan (contohnya disebabkan pinjaman atau keperluan perundangan) ke atas kebolehan entiti yang dikawal untuk memindahkan dana kepada entiti pengawal dalam bentuk dividen tunai, atau agihan yang seumpamanya, atau untuk membayar balik pinjaman atau pendahuluan. (MPSAS 6.62)	0	0	0	0	0

15. Apabila penyata kewangan berasingan disediakan oleh entiti pengawal, yang memilih untuk tidak menyediakan penyata kewangan disatukan, maklumat berikut didedahkan dalam penyata kewangan berasingan: (a) fakta bahawa penyata kewangan merupakan penyata kewangan berasingan; dan pengecualian dari penyatuan telah digunakan; nama entiti yang telah menyediakan penyata kewangan disatukan yang mematuhi MPSAS untuk kegunaan awam dan bidang kuasa di mana entiti beroperasi (sekiranya berbeza dari entiti pengawal) dan alamat di mana penyata kewangan disatukan boleh diperolehi; (b) Senarai entiti yang dikawal, entiti yang dikawal bersama, dan syarikat bersekutu yang signifikan; termasuk nama, bidang kuasa di mana entiti beroperasi (sekiranya berbeza dari entiti pengawal); bahagian kepentingan pemilikan yang dipegang; dan sekiranya kepentingan adalah dalam bentuk saham, bahagian kuasa mengundi yang dipegang (sekiranya berbeza dari kepentingan pemilikan); dan (c) Penerangan tentang kaedah yang digunakan bagi mengakaun semua entiti yang disenaraikan dalam (b) di atas. (MPSAS 6.63)	NA	NA	NA	NA	NA
---	----	----	----	----	----

16. Apabila entiti pengawal (selain dari entiti pengawal yang memilih untuk tidak menyediakan penyata kewangan disatukan), pengusaha niaga dengan kepentingan dalam entiti yang dikawal bersama, atau pelabur dalam syarikat bersekutu menyediakan penyata kewangan berasingan, maklumat berikut didedahkan: (a) fakta bahawa penyata kewangan tersebut ialah penyata kewangan berasingan dan sebab mengapa penyata kewangan tersebut disediakan jika ianya tidak diperlukan oleh undang-undang atau lain-lain pihak berkuasa; (b) Senarai entiti yang dikawal, entiti yang dikawal bersama, dan syarikat bersekutu yang signifikan; termasuk nama, bidang kuasa di mana entiti beroperasi (sekiranya berbeza dari entiti pengawal); bahagian kepentingan pemilikan yang dipegang; dan sekiranya kepentingan adalah dalam bentuk saham, bahagian kuasa mengundi yang dipegang (sekiranya berbeza dari bahagian kepentingan pemilikan); dan (c) Penerangan tentang kaedah yang digunakan bagi mengakaun semua entiti yang disenaraikan dalam (b) di atas, dan mengenalpasti penyata kewangan yang disediakan selaras dengan perenggan 15 piawaian ini, MPSAS 7 dan MPSAS 8, mana yang berkaitan. (MPSAS 6.64)	NA	NA	NA	NA	NA
Jumlah skor	7/8	7/8	7/8	7/8	6/8
Peratus skor	88%	88%	88%	88%	75%

Lampiran 5

Alat Diagnosis Yang Digunakan Untuk Analisis Kandungan Bagi Zon B

MPSAS 1 Pembentangan Penyata Kewangan

MPSAS 1	Adakah amalan semasa pelaporan institusi anda selari dengan keperluan MPSAS ini? (Sila tanda V jika Ya, X jika Tidak dan N/A jika Tidak Berkenaan)				
	Sarawak	Perlis	Perak	Kedah	Penang
TUJUAN PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN					
1. Penyata kewangan memberi maklumat tentang kedudukan kewangan, prestasi dan aliran tunai entiti. (MPSAS 1.15)	1	1	1	1	1
TANGGUNGJAWAB MENYEDIAKAN PENYATA KEWANGAN					
2. Tanggungjawab penyediaan dan pembentangan penyata kewangan ditakrifkan. (MPSAS 1.19 & 1.20)	1	1	1	1	1
KOMPONEN PENYATA KEWANGAN & PERTIMBANGAN MENYELURUH					
3. Penyata kewangan yang lengkap terdiri daripada:					
(a) Penyata kedudukan kewangan;	1	1	1	1	1
(b) Penyata prestasi kewangan;					
(c) Penyata perubahan aset bersih/ekuiti;	3	1	1	1	1
(d) Penyata aliran tunai;					
(e) perbandingan jumlah bajet dengan jumlah sebenar samada sebagai satu penyata tambahan berasingan atau sebagai satu lajur bajet dalam penyata kewangan (sekiranya bajet yang diluluskan didedahkan kepada awam); dan	3	1	0	1	1
(f) Nota, yang mengandungi ringkasan polisi	1	1	0	1	1
	3	0	0	3	0

perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain. (MPSAS 1.21)	1	1	1	1	1
4. Penyata kewangan membentangkan secara saksama kedudukan kewangan, prestasi kewangan dan aliran tunai entiti. (MPSAS 1.27)	3	1	1	1	1
5. Kenyataan yang jelas tentang pematuhan MPSAS dibuat dalam nota. (MPSAS 1.28)	3	1	1	1	1
6. Polisi perakaunan yang tidak bersesuaian tidak diperbetulkan samada melalui pendedahan tentang polisi perakaunan yang digunakan atau melalui nota atau bahan penjelasan. (MPSAS 1.30)	3	0	0	3	3
7. Sebarang penyimpangan daripada keperluan piawaian (yang dibenarkan) dilakukan selaras dengan keperluan perenggan 32 (rujuk perkara #8 di bawah). (MPSAS 1.31) <i>Nota- Penyimpangan daripada keperluan piawaian yang dibenarkan ialah penyimpangan yang dikehendaki atau yang tidak dihalang oleh kerangka kawal selia dan yang amat jarang berlaku.</i>	3	0	0	1	3
8. Pendedahan yang dibuat apabila berlaku penyimpangan daripada keperluan Piawaian (yang dibenarkan): (a) kenyataan bahawa penyata kewangan membentangkan secara saksama kedudukan	1	1	1	1	1

kewangan, prestasi kewangan dan aliran tunai entiti. (b) kenyataan bahawa MPSAS yang terpakai dipatuhi kecuali penyimpangan daripada keperluan tertentu untuk mencapai pembentangan saksama. (c) tajuk piawaian berkaitan, jenis penyimpangan, termasuk kaedah yang dikehendaki oleh piawaian, alasan penyimpangan dan kaedah yang diguna pakai; dan (d) bagi setiap tempoh yang dibentangkan, kesan daripada penyimpangan tersebut ke atas setiap item yang akan dilaporkan dalam penyata kewangan sekiranya keperluan tersebut dipatuhi. (MPSAS 1.32)	3	0	1	1	3
	3	1	0	3	3
	3	0	0	3	3
9. Apabila berlaku penyimpangan daripada keperluan Piawaian (yang dibenarkan) dalam tempoh sebelumnya, dan penyimpangan tersebut memberikan kesan terhadap jumlah yang diiktiraf dalam penyata kewangan bagi tempoh semasa, pendedahan dibuat selaras dengan perenggan 32 (c) dan (d) (rujuk perkara #8 di atas). (MPSAS 1.33)	3	3	0	1	3
10. Apabila berlaku penyimpangan daripada keperluan Piawaian (yang tidak dibenarkan) pendedahan dibuat (a) tentang tajuk Piawaian berkaitan, jenis penyimpangan, termasuk kaedah yang dikehendaki oleh Piawaian, alasan penyimpangan dan kaedah yang diguna pakai. (b) bagi setiap tempoh yang dibentangkan, pelarasan ke atas setiap item dalam penyata kewangan yang	3	1	0	1	3

telah diputuskan oleh pihak pengurusan yang diperlukan untuk mencapai pembentangan saksama. (MPSAS 1.35) <i>Nota - Penyimpangan daripada keperluan piawaian yang tidak dibenarkan ialah penyimpangan yang tidak dibenarkan oleh kerangka kawal selia dan amat jarang berlaku.</i>	3	1	1	1	3
